

**MASALAH PEMBELAJARAN DAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU
SEBAGAI BAHASA KEDUA DALAM KALANGAN MURID-MURID
KENSU: SATU KAJIAN KES**

JUMIYA BINTI AHMAD

**IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2014**

Kebenaran Mengguna

Dengan penyerahan tesis ini bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk ijazah lanjutan Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa perpustakaan universiti boleh secara bebas membenarkan sesiapa saja untuk memeriksanya. Saya juga bersetuju bahawa penyelia saya atau jika ketiadaannya, Dekan of Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences diberi kebenaran untuk membuat salinan tesis ini dalam sebarang bentuk, sama ada keseluruhannya satu sebahagiannya, bagi tujuan kesarjanaan. Adalah tidak dibenarkan sebarang penyalinan atau penerbitan atau kegunaan tesis ini sama ada sepenuhnya atau sebahagian daripadanya bagi tujuan keuntungan kewangan/komersial, kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis. Juga dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberi kepada saya dan Universiti Utara Malaysia dalam sebarang kegunaan kesarjanaan terhadap sebarang petikan daripada tesis saya.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau mengguna mana-mana bahan dalam tesis ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya hendaklah dialamatkan kepada:

Dekan of Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences
UUM College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok

Abstrak

Masyarakat Kensiu merupakan kumpulan minoriti Orang Asli yang menetap di Baling, Kedah. Anak-anak Kensiu yang belajar di sebuah sekolah rendah di Baling, untuk terus mengikuti pembelajaran dan pengajaran, perlu mempelajari dan menguasai bahasa Melayu. Keputusan ujian dan peperiksaan UPSR, walau bagaimanapun, memperlihatkan murid Kensiu berada pada tahap yang rendah. Pencapaian mereka yang lemah dan kurangnya kajian terhadap murid Kensiu mendorong kajian ini dijalankan. Daripada jumlah keseluruhan 809 murid hanya terdapat seramai 36 murid Kensiu dan ini menjadikan mereka satu kumpulan minoriti di sekolah tersebut. Kajian ini berhasrat untuk melihat tahap penguasaan bahasa Melayu murid Kensiu dan faktor-faktor yang menyumbang kepada tahap pencapaian mereka. Dalam kajian kualitatif ini data dikutip melalui temu bual, pemerhatian dan ujian yang dijalankan ke atas 10 orang murid Kensiu sebagai sampel. Temu bual juga melibatkan beberapa pihak lain seperti guru sekolah, guru tadika, pegawai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan ibu bapa murid. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan bahasa Melayu murid Kensiu sangat lemah dan murid didapati sukar memahami sebutan guru dan masih tidak mengenal huruf. Antara faktor yang dikenal pasti mempengaruhi pencapaian mereka ini ialah pengaruh bahasa ibunda, sikap murid dan ibu bapa, identiti diri, perbezaan budaya, ekonomi, gaya pembelajaran dan pengajaran, dan hubungan guru-murid. Kajian ini memberi sumbangan secara praktis dari segi memperluaskan kosa ilmu tentang pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid Kensiu.

Kata kunci: Murid Kensiu, Bahasa ibunda, Penguasaan bahasa Melayu, Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Abstract

The Kensiu is a minority group of aboriginal inhabitants in Baling, Kedah. Kensiu's children who study in a primary school in Baling are required to learn and become proficient in the Malay language. However, the results of tests and UPSR examination show that Kensiu pupils' achievement is at a low level. Kensiu pupils low performance and the limited number of studies on them prompted a need to conduct this study. Out of the 809 pupils in the school, only 36 of them are Kensiu, which makes them a minority group. The aimed of this study was to examine the proficiency level in Malay language among the Kensiu pupils and to identify the factors which contributed to their achievement level. In this qualitative study, data we collected through interviews, observations and tests on 10 Kensiu pupils as participants of this study. The interviews also involved other parties such as school teachers, kindergarten teachers, officers at the Department of the Aborigines Affairs and the pupils' parents. The finding of this study shows that the proficiency level in Malay language among the Kensiu pupils was very low, the pupils faced difficulties in understanding their teachers' pronunciation and they were still illiterate. Among the factors which influenced the Kensiu pupils' achievement were the influence of their mother tongue, the attitudes of the pupils and their parents, self-identity, cultural differences, economy, teaching and learning styles and teacher-pupil relationship. In terms of practicality, this study contributes to the body of knowledge on teaching and learning in Malay as a second language among the Kensiu pupils.

Keywords: Kensiu pupils, Mother tongue, Malay language proficiency, Malay as a second language.

Penghargaan

Dengan lafaz Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah kerana dengan izinNya disertasi ini dapat saya selesaikan. Sesungguhnya dalam menyempurnakan kajian ini saya terhutang budi kepada banyak pihak yang telah membantu saya sama ada secara langsung ataupun secara tidak langsung. Pada kesempatan ini, ingin saya disampaikan ucapan terima kasih kepada beberapa pihak yang banyak membantu dan menyokong saya melengkapkan kajian ini hingga selesai.

Pertamanya, setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Nuraini Yusoff yang sangat prihatin dalam memberi bimbingan yang berterusan kepada saya untuk memastikan kajian yang saya jalankan tidak terkeluar daripada landasannya. Pandangan, keprihatinan dan bimbingan beliau amat saya hargai kerana tanpa beliau disertasi ini tidak mungkin dapat dilaksana dan disiapkan.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Dr. Hisham Dzakiria yang telah memberikan panduan serta tunjuk ajar pada peringkat awal proses pelaksanaan kajian ini. Seterusnya, ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan khusus kepada suami, Hisham Hashim yang menjadi sumber inspirasi saya selama ini. Terima kasih yang tidak terhingga kerana sentiasa sanggup meluangkan masa dan menjadi teman setia ke mana sahaja saya pergi dalam melaksanakan kajian ini. Terima kasih kerana tidak pernah putus-putus memberikan nasihat, sokongan dan dorongan, lebih-lebih lagi semasa saya menghadapi masalah dan dalam kebuntuan. Kepada anak-anak, Hazwan, Syamim dan Auji, mama mohon maaf kerana terpaksa mencuri banyak masa kalian yang sepatutnya diuntukkan untuk anak-anak mama semua disebabkan oleh kelalutan juga pelbagai kekangan dan masalah yang mama dialami. Terima kasih kerana memamahi mama dan sentiasa memberi semangat agar mama terus tabah.

Ucapan ribuan terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan di Universiti Utara Malaysia yang sentiasa memberi dorongan dan sokongan agar saya tetap sabar dan tabah dalam menghadapi dugaan dan rintangan sepanjang

melaksanakan disertasi ini, Terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan di Universiti Sains Malaysia atas dorongan dan sokongan yang diberikan.

Akhir sekali, kepada pihak-pihak yang tertinggal nama dan tidak dinyatakan di sini yang memberikan semangat dan sokongan secara langsung atau tidak langsung diucapkan sebanyak-banyak terima kasih. Dorongan dan sokongan kalian telah memberi semangat dan kekuatan kepada saya supaya terus sabar dan tabah menghadapi segala cabaran dan rintangan dalam melaksanakan kajian ini. Amin.

Kandungan

Kebenaran mengguna.....	ii
Abstrak.....	iii
Abstract.....	iv
Penghargaan.....	v
Kandungan.....	vii
Senarai Lampiran.....	xii
Senarai Jadual.....	xiii
Senarai Rajah.....	xiv
Senarai Singkatan.....	xv
 BAB SATU PENGENALAN.....	 1
Pendahuluan.....	1
Keperluan Bahasa Melayu dan Pendidikan.....	1
Dasar Pendidikan Kebangsaan.....	3
Permasalahan Kajian.....	13
Objektif Kajian.....	15
Persoalan Kajian.....	16
Latar Belakang Kajian.....	16
Informan.....	17
Sekolah.....	17
Batasan Kajian.....	18
Signifikan Kajian.....	18
Definisi Operasional.....	20
Organisasi Kajian.....	22
 BAB DUA KONTEKS KAJIAN.....	 24
Pendahuluan.....	24
Orang Asli Kensiu.....	24
Petempatan.....	24
Fizikal.....	27
Agama.....	28
Kepercayaan Tradisional (Penganut Animisme).....	29

Budaya dan Adat Resam.....	31
Adat Perkahwinan/Hubungan Kekeluargaan.....	31
Ekonomi.....	33
Organisasi Sosial.....	34
Pendidikan.....	35
Bahasa.....	38
Rumusan.....	39
 BAB TIGA SOROTAN KARYA.....	 41
Pendahuluan.....	41
Bahasa Kedua.....	41
Kerangka Teori.....	42
Kajian Dalam Negara.....	45
Kajian Dalam Negara Yang Menerapkan Teori Krashen.....	54
Kajian Luar Negara.....	58
Kajian Luar Negara yang Menerapkan Teori Krashen.....	68
Fokus Kajian.....	71
Rumusan.....	72
 BAB EMPAT METODOLOGI.....	 73
Asas Kegunaan Metodologi Kualitatif.....	73
Kebolehpercayaan dan Kesahan.....	75
Pertimbangan Etika.....	78
Kajian Lapangan.....	81
Lawatan.....	82
Pensampelan.....	83
Instrumen.....	86
Persediaan.....	87
Teknik Pengumpulan Data.....	89
Dokumentasi Temu Bual.....	90
Teknik Temu Bual.....	91
Teknik Pemerhatian.....	92
Peranan Penyelidik sebagai Pemerhati.....	93
Analisis Data.....	96

Rumusan	97
BAB LIMA ANALISIS KAJIAN.....	99
Pendahuluan.....	99
Lawatan ke Sekolah.....	99
Mengenal Informan.....	103
Maklumat Murid.....	106
Maklumat Guru.....	106
Pencapaian dan Penguasaan Bahasa Melayu Murid Kensiu.....	107
Hasil Ujian Murid Kensiu.....	108
Hasil Temu Bual.....	121
Anjak.....	121
Sutak.....	129
Fatan.....	139
Padal.....	145
Abong.....	149
Enda.....	154
Intak.....	159
Syamoi.....	163
Jaguk.....	167
Johat.....	172
Pemerhatian.....	173
Respon Murid.....	175
Tema.....	179
Rumusan.....	179
BAB ENAM DAPATAN KAJIAN.....	180
Pendahuluan.....	180
Bagaimanakah tahap penguasaan bahasa Melayu dalam	
Kalangan Murid-muid Kensiu?.....	180
Apakah masalah-masalah pembelajaran bahasa Melayu dalam	
Kalangan Murid-murid Kensiu?.....	181
Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran dan	

penguasaan bahasa Melayu Murid-murid Kensi?	183
Faktor Pengaruh Ibunda.....	184
Faktor Sikap Murid.....	185
Faktor Identiti Diri.....	187
Faktor Sikap Ibu Bapa.....	190
Faktor Perbezaan Budaya.....	194
Faktor Ekonomi.....	195
Faktor Gaya Pembelajaran.....	197
Faktor GayaPengajaran.....	199
Faktor Hubungan Guru-Murid.....	200
Rumusan.....	201
 BAB TUJUH PERBINCANGAN.....	202
Pendahuluan.....	202
Cadangan.....	202
Menangani Faktor Pengaruh Bahasa Ibunda.....	203
Pembelajaran Secara Berterusan.....	204
Perbezaan Cara Pembelajaran.....	206
Menangani Faktor Sikap Murid.....	207
Sukakan Bilik Darjah dan Guru.....	208
Minat Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu.....	209
Memotivasi Murid.....	210
Menangani Faktor Identiti	212
Pembangunan Integriti Murid.....	215
Menangani Faktor Sikap Ibu Bapa.....	216
Peka Terhadap Pembelajaran Anak.....	217
Menangani Faktor Perbezaan Budaya.....	218
Fahami Dan Hargai Pengalaman Murid.....	221
Mempertingkat Ekonomi.....	223
Menyesuaikan Gaya Pembelajaran.....	226
Mengajar Bahasa Lisan.....	227
Memahami Bahan Bacaan.....	229

Menyesuaikan Gaya Pengajaran.....	231
Mengesakan Kelemahan Murid.....	235
Menggunakan Alat Bantu Mengajar.....	236
Latih Tubi Dan Penglibatan Murid.....	236
Kepimpinan Dan Pengajaran Berkualiti.....	241
Merapatkan Hubungan Guru-Murid.....	243
Implikasi Kajian.....	246
Sumbangan Kajian.....	248
Cadangan Kajian Akan Datang.....	250
Penutup.....	251
RUJUKAN.....	253

Senarai Lampiran

Lampiran A	Murid-murid Kensi (1)
Lampiran B	Murid-murid Kensi (2)
Lampiran C	Perkampungan Kensi
Lampiran D	Temu Bual Bersama Murid dan Guru
Lampiran E	Surat Permohonan kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
Lampiran F	Surat Kebenaran daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
Lampiran G	Surat Kelulusan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia
Lampiran H	Surat Sokongan daripada Pejabat Pelajaran Daerah Baling, Kedah

Senarai Jadual

Jadual 2.1. Jumlah Keseluruhan Murid Pada Tahun 2007.....	36
Jadual 2.2. Jumlah Murid Kensiui Pada Tahun 2007.....	37
Jadual 5.1. Pecahan Murid Kensiui Mengikut Tahun.....	104
Jadual 5.2. Peratus Kehadiran Murid Kensiui Pada Tahun 2007.....	105
Jadual 5.3. Senarai Perkataan Dalam Kad Imbas.....	174

Senarai Rajah

Rajah 2.1. Petempatan Orang Asli Kensiu.....	26
Rajah 5.1. Keputusan ujian murid Kensiu tahun satu.....	108
Rajah 5.2. Keputusan ujian murid Kensiu tahun dua.....	111
Rajah 5.3. Keputusan ujian murid Kensiu tahun dua.....	112
Rajah 5.4. Keputusan ujian murid Kensiu tahun tiga.....	113
Rajah 5.5. Keputusan ujian murid Kensiu tahun empat.....	115
Rajah 5.6. Keputusan ujian murid Kensiu tahun lima.....	117
Rajah 5.7. Keputusan ujian murid Kensiu tahun enam.....	119

Senarai Singkatan

BMBK	Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua
CARE	Center for Applied Research in Education
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JHEOA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan Kampung
Kemas	Jabatan Kemajuan Masyarakat
PhD	Doctor of Philosophy (Doktor Falsafah)
PJHEOA	Pegawai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
PKHEM	Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
PPIP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
RISDA	Rubber Industry Smallholders Development Authority
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
UNICEF	United Nations Children's Fund
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
USM	Universiti Sains Malaysia

BAB SATU

PENGENALAN

Pendahuluan

Bab pengenalan ini mengandungi penerangan secara menyeluruh tentang kajian yang berkaitan dengan masalah pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid-murid Kensiu, di sebuah sekolah rendah yang terletak di daerah Baling, Kedah Darul Aman. Pelaksanaan kajian bermula dengan keperluan bahasa Melayu dan pendidikan, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan kemudiannya diikuti oleh pernyataan masalah yang menerangkan tentang faktor-faktor yang mendorong kajian ini dilaksanakan. Seterusnya diikuti oleh objektif kajian, persoalan kajian, latar belakang kajian yang merangkumi maklumat tentang informan dan sekolah yang terlibat. Seterusnya diikuti pula oleh batasan kajian, signifikan kajian dan diakhiri dengan organisasi kajian.

Keperluan Bahasa Melayu dan Pendidikan

Malaysia mempunyai bahasa kebangsaannya tersendiri, iaitu bahasa Melayu. Negara ini yang rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum mempunyai sebahagian daripada penduduknya yang menggunakan bahasa Melayu bukan sebagai bahasa pertama atau bahasa ibunda, tetapi sebaliknya mempelajari dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Inilah yang terjadi kepada Orang Asli yang juga merupakan penduduk pribumi Malaysia. Pelbagai etnik Orang Asli yang tiba di negara ini setelah sekian lama mempunyai bahasa ibunda mereka sendiri yang jelas berbeza dari bahasa Melayu. Begitu juga bagi murid-murid Orang Asli Kensiu, mereka

memang dari asalnya bertutur menggunakan bahasa ibunda mereka, iaitu bahasa Kensiu.

Anak-anak Kensiu yang telah mencapai umur layak memasuki sekolah diwajibkan mendaftar di mana-mana sekolah dan mempelajari bahasa Melayu yang digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah. Mempelajari dan menguasai bahasa Melayu adalah suatu keperluan untuk murid-murid meneruskan pendidikan pada peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya membolehkan mereka meneroka pelbagai bidang kerjaya yang ditawarkan di masa hadapan.

Pembelajaran dan komunikasi masyarakat adalah berasaskan penggunaan bahasa kebangsaan negara, iaitu bahasa Melayu. Kemahiran komunikasi akan memberikan peluang kepada murid-murid untuk mencapai pelbagai pilihan dalam bidang pembelajaran, kemungkinan untuk menyumbang kepada budaya sekolah, seterusnya mengambil peluang meneruskan pendidikan pada peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya merebut peluang-peluang kerjaya yang perlu bersaing dengan kaum-kum lain. Murid-murid juga perlu melengkapkan diri dengan pendidikan supaya dapat menyumbang kepada masyarakat melalui penglibatan mereka dalam bidang sosial, politik dan bidang-bidang yang lain selagi ia tidak menyalahi undang-undang.

Masyarakat Orang Asli Kensiu juga boleh meningkatkan taraf kehidupan mereka dengan menggalakkan anak-anak mereka mempelajari bahasa kedua, iaitu bahasa Melayu di sekolah yang akan membolehkan mereka membangunkan pemahaman tentang sikap dan kepercayaan masyarakat, kewarganegaraan dan kedudukan mereka sebagai rakyat di negara ini.

Kajian tentang pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid berbangsa lain seperti Cina, India dan Melayu telah banyak dijalankan tetapi tentang murid Orang Asli dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua masih kurang. Murid-murid Kensiu, sebagai rakyat negara ini juga tidak terkecuali daripada mengikuti pelajaran wajib di sekolah rendah yang bahasa pengantarnya adalah bahasa Melayu. Ini adalah selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan negara dan Wawasan 2020 yang menyatakan bahawa kerajaan dalam Wawasan 2020 mengharapkan agar semua warganegara Malaysia berusaha dan berupaya meningkatkan kualiti hidup. Ini mampu dicapai dengan meningkatkan pengetahuan ke arah pembangunan minda peringkat dunia termasuklah Orang Asli di negara ini (Jabatan Pengajian Melayu, 2008). Seperkara lagi, keunikan tentang murid-murid Kensiu ini ialah murid-murid Kensiu yang bersekolah di sekolah tersebut jumlahnya sangat kecil jika dibandingkan dengan populasi sekolah, iaitu berjumlah 36 daripada 809 murid.

Dasar Pendidikan Kebangsaan

Di bawah sistem pendidikan negara, seorang kanak-kanak memulakan pendidikan-nya pada peringkat prasekolah seawal usia empat tahun. Mereka memulakan pendidikan wajib di sekolah rendah pada usia enam tahun untuk mengikut pendidikan formal yang memerlukan masa selama enam tahun. Akta pendidikan 1996 yang menggantikan Akta Pendidikan 1961 telah menetapkan penggunaan bahasa Kebangsaan, iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar persekolahan di Malaysia (Malaysia Kita, 1991).

Kajian yang dijalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEAO) mendapati bahawa kadar keciciran dalam kalangan murid-murid Orang Asli di semua peringkat

adalah tinggi. Setiap 100 orang kanak-kanak Orang Asli yang memasuki sekolah rendah, hanya kira-kira 6 orang dijangkakan sampai ke tingkatan lima. Ini bermakna 94 peratus daripada kanak-kanak Orang Asli tercicir dalam pendidikan (Nicholas & Baer, 2007). Kanak-kanak Orang Asli, termasuk juga kanak-kanak Kensiu yang bertutur bahasa ibunda di rumah setiap hari, berasa ganjil terhadap bahasa Melayu, tetapi mereka perlu menguasainya bermula dari peringkat prasekolah lagi.

Bagi mencapai kemahiran dan pengetahuan yang merupakan asas penting untuk pembangunan modal insan yang sebaik mungkin, negara perlu membangunkan dasar pendidikan supaya kualiti pembelajaran di sekolah dapat dipertingkatkan yang sewajarnya meliputi masyarakat di pedalaman, merangkumi semua masyarakat Orang Asli, termasuk juga masyarakat Orang Asli Kensiu. Akta Pendidikan Malaysia mewajibkan semua kanak-kanak yang mencapai umur enam tahun memulakan pendidikan pada peringkat sekolah rendah dan kanak-kanak Orang Asli juga tidak terkecuali (Malaysia Kita, 1991). Merujuk kepada akta tersebut, kanak-kanak Orang Asli Kensiu juga tidak terkecuali daripada diwajibkan memulakan persekolahan pada umur enam tahun. Ini bermaksud kanak-kanak Orang Asli Kensiu juga wajib mempelajari dan menguasai bahasa Melayu.

Masa depan sistem pendidikan bergerak seiring dengan perkembangan dan pembangunan yang berlaku. Dalam masa penjajahan, pelajaran tidak disalur untuk memenuhi kehendak negara. Corak dan isinya tidak mempunyai apa-apa perkaitan dengan cita-cita politik, sosial atau ekonomi negara (Hamdan Sheikh Tahir, 1975). Ini jelas menunjukkan bahawa sistem pendidikan di zaman penjajahan dibangunkan tanpa mengambil kira keperluan pembangunan dan perkembangan identiti dan

perpaduan rakyat negara ini. Sistem pendidikan pada zaman itu pada dasarnya mahukan rakyat negara ini menumpukan taat setia kepada penjajah dan menahan perkembangan semangat kebangsaan rakyat tempatan yang menurut Hamdan Sheikh Tahir (1975, hlm. 2):

Semua rancangan pelajaran berdasarkan kepada tujuan melengkapkan anak-anak muda supaya boleh membaca dan menulis bagi memenuhi jawatan-jawatan peringkat pertengahan. Sekolah Inggeris yang pertama di negeri ini bertujuan hendak mengajar anak-anak muda membaca dan menulis seperlunya untuk membolehkan mereka menjadi kerani.

Petikan di atas menjelaskan bahawa sistem pendidikan pada masa itu bertujuan memberikan ilmu pengetahuan kepada rakyat Malaysia sekadar tahu membaca dan menulis supaya ada dalam kalangan mereka yang dapat memegang jawatan rendah dalam sektor pekerjaan. Pada hakikatnya, sistem tersebut mungkin sesuai bagi negara ini pada masa sebelum merdeka, tetapi tidak lagi selepas merdeka. Bermula dari masa itu, suatu sistem pendidikan kebangsaan perlu digubal bersesuaian untuk negara yang merdeka dan mempunyai matlamat-matlamatnya sendiri.

Dalam tahun-tahun menuju kemerdekaan, telah timbul kesedaran dalam kalangan pemimpin dan rakyat Malaysia tentang betapa mustahaknya diadakan satu sistem pendidikan kebangsaan untuk menggantikan sistem pendidikan penjajah bagi memenuhi kehendak negara. Atas kesedaran inilah lahir satu Dasar Pelajaran Kebangsaan melalui Penyata Razak 1956 dan dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran, 1957. Dasar pelajaran ini telah disemak semula dalam tahun 1960 yang

menghasilkan Laporan Rahman Talib. Laporan Rahman Talib ini kemudian dimaktubkan dalam Akta Pelajaran, 1961 (Jabatan Penerangan Malaysia, 2008).

Kementerian Pendidikan dengan berpandukan Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960 telah menginterpretasikan objektif Dasar Pelajaran Kebangsaan sebagai untuk menyatupadukan kanak-kanak sekolah berbilang kaum dan menyediakan tenaga kerja bagi keperluan ekonomi. Beberapa strategi telah digubal untuk mencapai matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan yang telah ditetapkan. Antaranya ialah menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang utama dan mewujudkan sistem peperiksaan yang sama bagi semua (Malaysia Kita, 1991).

Setiap rakyat di negara ini berpeluang menjadi individu yang berpendidikan dan berjaya jika berusaha untuk berjaya dalam pendidikan, tanpa sekatan, tanpa halangan dari mana-mana pihak yang selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Falsafah tersebut merupakan usaha berterusan negara ke arah memperkembang lagi potensi seseorang secara menyeluruh dan bersepadu untuk menjadikan seseorang sebagai insan yang seimbang dan harmoni dari aspek kepandaian, rohani, perasaan dan fizikal berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Jabatan Penerangan Malaysia, t.t.).

Keseimbangan dalam pembinaan kecemerlangan berfikir, kecekapan psikomotor dan kemahiran bekerja serta pembinaan akhlak yang mulia akan memenuhi matlamat pendidikan seimbang. Kesemua ini adalah untuk melahirkan manusia yang seimbang, iaitu manusia yang dapat memberikan makna dalam kehidupan untuk

kesejahteraan seluruhnya (Tajul Ariffin, 1990). Yang nyata, usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara.

Dasar pendidikan yang asasi sebagai yang tertera di dalam Penyata Razak 1956 ialah untuk menubuhkan satu sistem pelajaran yang berbentuk dan bertujuan kebangsaan, dan berasaskan terutamanya kepada bahasa kebangsaan, di samping mengekal dan memelihara bahasa-bahasa serta kebudayaan-kebudayaan lain di negara ini. Semenjak itu dasar ini telah dikanunkan di dalam Undang-undang Pelajaran tahun 1957, dan ditegaskan di dalam Penyata Rahman Talib 1960 (Hamdan Sheikh Tahir, 1975).

Dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan juga ada menyatakan tentang pendidikan wajib. Pendidikan wajib telah dimaktubkan dalam undang-undang di Malaysia yang memerlukan setiap ibu bapa warganegara Malaysia (yang menetap di Malaysia) yang mempunyai anak mencapai umur enam tahun mendaftarkannya di sekolah rendah. Tempoh pendidikan wajib adalah selama enam tahun, iaitu tempoh pendidikan pada peringkat sekolah rendah. Akta Pendidikan 1996 telah dipinda dengan memasukkan satu seksyen baru, iaitu Seksyen 29A yang menetapkan kuasa menteri untuk mewajibkan pendidikan rendah di negara ini. Dalam Surat Pekeliling Ikhtisan Bil. 14/2002 Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 27 November, ada menyatakan:

Seksyen 29A (2) juga menjelaskan bahawa setiap ibu bapa yang merupakan warganegara Malaysia hendaklah memastikan bahawa jika anaknya telah mencapai umur enam tahun pada hari pertama bulan Januari dalam tahun persekolahan semasa anak itu didaftarkan sebagai murid di sekolah rendah dalam tahun itu dan terus menjadi murid di sekolah rendah sepanjang tempoh pendidikan wajib.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan untuk melaksanakan pendidikan wajib pada peringkat sekolah rendah berkuat kuasa pada 1 Januari 2003 (Jabatan Penerangan Malaysia, 2008). Pelaksanaan pendidikan wajib bagi kanak-kanak pada peringkat sekolah rendah juga ada terdapat dalam Dasar Sosial Negara yang menyatakan bahawa dasar bertujuan memastikan setiap kanak-kanak menerima pendidikan wajib peringkat sekolah rendah yang mendidik kemahiran sosial dan disiplin diri serta rangsangan minda melalui kurikulum yang meningkatkan kemahiran berfikir (Kementerian Pengajian Tinggi, 2011).

Berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara, matlamat utama pendidikan adalah untuk menghasilkan individu yang seimbang serta harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan fizikal, berasaskan pegangan teguh dan kepercayaan kepada Tuhan. Salah satu aspek yang dapat membantu peningkatan mutu pendidikan ialah dengan memantapkan sistem pengajaran dan pembelajaran sejajar dengan kaedah pelaksanaan revolusi pendidikan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006).

Bagi merealisasikan perkara ini, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang bertujuan menguatkan pendidikan

dalam semua peringkat termasuk peringkat sekolah rendah dalam usaha untuk melahirkan modal insan yang berdaya saing dalam pasaran kerjaya bertaraf dunia. PIPP menerapkan suatu pendekatan utamanya ke arah memastikan rakyat mendapat peluang pendidikan yang adil dan saksama tanpa mengira lokasi, kaum, kelompok orang kurang upaya, Orang Asli dan suku minoriti lain (Jabatan Pengajian Melayu, 2008).

Ini menjelaskan bahawa kerajaan sentiasa menggalakkan Orang Asli merebut peluang pendidikan yang disediakan di samping memberi sokongan dan bantuan dalam menyediakan kemudahan kepada individu dan masyarakat mereka. Sebagai contoh, JHEOA memperuntuk sebanyak RM200,000 untuk membangunkan pendidikan masyarakat Orang Asli sepanjang tahun di jajahan Gua Musang, Kelantan (Berita Harian, 2011). Peruntukan sebanyak itu adalah untuk melaksanakan pelbagai program membantu murid masyarakat Orang Asli dalam aspek pendidikan

Pada tahun sebelumnya, kerajaan telah memperuntuk RM1.2 juta dalam usaha berterusan kerajaan untuk memastikan masyarakat Orang Asli menerima pendidikan yang sama seperti kaum lain. Selain itu, kerajaan juga menyediakan insentif kepada ibu bapa untuk menggalakkan mereka menghantar anak-anak belajar di sekolah dengan memberi RM1,000 selepas enam bulan pertama anak mereka berada di sekolah. Insentif yang lebih besar lagi diberikan hingga setiap ibu bapa Orang Asli yang mempunyai anak cemerlang dalam pelajaran pada mana-mana peringkat akan diberikan sebuah rumah (Berita Harian, 2011).

Pelbagai insentif yang diberikan kepada masyarakat Orang Asli tidak diberikan kepada kaum lain. Selain itu, pelbagai program juga dirancang dan dilaksana oleh JHEOA untuk mempertingkatkan taraf ekonomi dan taraf hidup Orang Asli seperti Program Ekonomi, Program Pengembangan dalam memberikan kursus tanaman ladang kelapa sawit, hidroponik, getah dan juga kursus ternakan, Program Bimbingan Usahawan, Program Pembinaan Ruang Niaga dan lain-lain (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2009).

Namun begitu, walaupun pelbagai sokongan dan bantuan moral dan fizikal disediakan dalam aspek pendidikan, bilangan ibu bapa Orang Asli yang mendaftar anak ke sekolah masih mengecewakan. Menurut kenyataan Nettleton (2008) melalui United Nations Children's Fund (UNICEF), pendaftaran persekolahan untuk anak-anak Orang Asli sememangnya agak ketinggalan berbanding dengan lain-lain bangsa di Malaysia, ini mungkin disebabkan oleh perbezaan budaya dan mungkin disebabkan mereka seringkali menetap di kawasan-kawasan pedalaman negara ini. Pada tahun 1994, 51% daripada anak-anak Orang Asli tercicir sebelum menamatkan sekolah rendah. Menjelang tahun 2004, soal selidik yang dijalankan oleh UNICEF Malaysia telah menunjukkan bahawa 14% daripada anak-anak Orang Asli yang sepatutnya berada di sekolah rendah tidak menghadiri sekolah (Nettleton, 2008).

Nettleton (2008) menyatakan terdapat beberapa faktor yang menyebabkan Orang Asli tidak berminat menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Salah satu sebabnya ialah Orang Asli hidup dalam masyarakat yang terasing dan kurang mendapat perkhidmatan asas seperti sekolah, juga kemudahan penjagaan kesihatan. Kedudukan geografi mereka yang terletak jauh di pedalaman telah mengukuhkan

pemikiran dalam kalangan masyarakat Orang Asli bahawa tiada faedah untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Mengikut perangkaan, terdapat lebih kurang 80% kanak-kanak Orang Asli yang tidak pernah menamatkan persekolahan pada peringkat sekolah menengah. Secara umum, ibu bapa masyarakat Orang Asli masih tidak berminat terhadap pendidikan. Dari peringkat tadika lagi, mereka melihat tadika sebagai tempat untuk menghantar anak-anak mereka bermain dan makan (Nettleton, 2008).

Berbalik kepada penubuhan Dasar Pelajaran Kebangsaan, dasar tersebut jelas difahami bahawa ibu bapa Orang Asli Kensiu juga tidak terkecuali daripada diwajibkan menghantar anak-anak yang berumur 6 hingga 12 tahun untuk mengikuti pendidikan wajib pada peringkat sekolah rendah dan seterusnya menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) pada akhir tahun persekolahan mereka. Tujuan UPSR diadakan ialah bagi membolehkan murid-murid yang memperoleh keputusan cemerlang dalam UPSR memohon ke sekolah menengah berasrama penuh mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006).

Semua murid yang telah tamat pendidikan tahun enam sekolah rendah layak untuk meneruskan pelajaran ke sekolah menengah hingga ke tingkatan tiga, sebelum diwajibkan menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) semasa di tingkatan tiga. Ini adalah selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang salah satu objektifnya ialah untuk mengadakan peluang pendidikan asas selama sembilan tahun (Jabatan Penerangan Malaysia, 2008).

Dengan adanya Dasar Pendidikan Kebangsaan yang dalam strateginya menjadikan bahasa kebangsaan (bahasa Melayu) sebagai bahasa pengantar di sekolah, maka murid-murid Kensiu juga tidak terkecuali dengan syarat yang tersebut di atas, iaitu perlu mempelajari dan menguasai bahasa Melayu untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran wajib di sekolah. Bagi membolehkan mereka terpilih ke sekolah berasrama penuh, mereka perlu lulus bahasa Melayu dan beberapa mata pelajaran yang lain seperti yang disyaratkan.

Walaupun tidak terpilih memasuki sekolah berasrama penuh, murid-murid boleh meneruskan pendidikan mereka ke peringkat sekolah menengah jika mahu. Undang-undang di negara ini hanya mewajibkan pendidikan pada peringkat sekolah rendah sahaja, iaitu dari tahun 1 hingga tahun 6, dan murid-murid tidak diwajibkan untuk mengikuti pendidikan pada peringkat sekolah menengah (Jabatan Penerangan Malaysia, 2008).

Sekiranya peluang untuk meneruskan pembelajaran hingga ke sekolah menengah, dan seterusnya ke peringkat kolej dan universiti tidak dimanfaatkan akan menyebabkan peluang kerjaya bagi sesiapa sahaja adalah terhad dan akhirnya akan terpinggir daripada arus perdana. Orang Asli Kensiu, khususnya generasi muda juga akan mengalami nasib sedemikian sekiranya tidak merebut peluang mempelajari dan menguasai bahasa Melayu kerana bahasa Melayu adalah asas kepada pendidikan negara ini untuk membolehkan mereka meneruskan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi.

Permasalahan Kajian

Resolusi pendidikan adalah selari dengan Wawasan 2020 yang menyatakan bahawa dalam wawasannya kerajaan mengharapkan agar semua warganegara Malaysia boleh meningkatkan kualiti hidup dengan meningkatkan pengetahuan ke arah pembangunan minda peringkat dunia. Peningkatan pengetahuan ke arah pembangunan minda memerlukan kemahiran membaca bermula dari zaman kanak-kanak lagi. Kemahiran membaca dalam kalangan kanak-kanak memainkan peranan penting kerana ini adalah merupakan langkah pertama ke arah membangunkan pengetahuan mereka kerana apabila mereka boleh membaca, mereka boleh memahami dan membaca setiap ayat yang diajukan kepada mereka.

Pemindahan maklumat melalui kemahiran membaca dan kebolehan memahami merupakan wawasan dan misi tahun 2020, iaitu untuk menghasilkan warganegara yang berpengetahuan, mahir berkomunikasi dan berdikari (Jabatan Penerangan Malaysia, t.t.). Komuniti Orang Asli juga tidak terkecuali dalam hal ini. Mereka perlu mengenal huruf dan mahir membaca, terutamanya dalam bahasa Melayu kerana bahasa Melayu ialah bahasa pengantar persekolahan, dan merupakan bahasa kedua bagi mereka. Melalui pendidikan formal akan dapat meningkatkan kemahiran bahasa kedua mereka dalam mengeja, membaca dan menulis.

Banyak kajian tentang bahasa kedua telah dijalankan di dalam dan di luar negara. Kajian tentang bahasa kedua ini melibatkan penduduk yang bahasa pertuturan aslinya bukan bahasa kebangsaan sesebuah negara dan ini juga melibatkan penduduk Orang Asli. Di Malaysia, bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa kedua oleh masyarakat berbilang bangsa di Semenanjung seperti India, Cina, Benggali, Serani,

Siam; di Sararak seperti Iban, Bidayuh, Melanau, Kadazan, Kelabit, Kedayan; dan di Sabah seperti Kadazan, Dusun, Tagahas, Tangara, Rungus, dan sebagainya.

Di Malaysia, kajian tentang pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji seperti kajian oleh Puranee (2012) yang mendasarkan kajiannya bersesuaian dengan Teori Monitor Krashen untuk mengukur keberkesanan melalui pembacaan yang banyak dalam kalangan murid-murid tahun lima di Sekolah Kebangsaan Taman Bukit Tiram; Ab. Razak Ab. Karim dan Muhammad Saiful Haq Hussin (2011) mengesan tahap penguasaan bacaan dalam bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Thiland di Islamic Sant/Tham Foundation School di Nakhon Si Thammarat, Thailand; Abdullah Musa (2004) menjalankan kajian tentang sikap dan motivasi murid Dusun di Sabah terhadap pembelajaran bahasa Melayu; Jerie Anak Peter Langan dan Zamri Mahamod (2011) mengenal pasti sikap dan motivasi murid-murid Iban peringkat sekolah rendah dalam mempelajari bahasa Melayu; Suthanthiradevi (1996) mengkaji tentang pengaruh bahasa ibunda dalam kalangan murid-murid India dalam pembelajaran bahasa Melayu di sebuah sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJK (T)) di Buntung, Perak; Johari dan Nazri (2003) mengkaji tentang kegagalan murid-murid Orang Asli suku Temuan di Daerah Jelevu, Negeri Sembilan; Abdull Sukor Shaari, Nuraini Yusoff, Mohd Izam Ghazali dan Mohd Hasani Dali (2011) mengkaji tentang penggunaan bahasa kedua dalam kalangan murid-murid Semai di Kampung Terisu Cameron Highland, Pahang dan lain-lain (lihat bab 3).

Kajian tentang bahasa kedua di luar negara pula telah dijalankan antaranya ialah kajian oleh Fourcin (1975), Bandura (1997), Seton dan Seton (1977), Rodriguez

(1981), Scarcella dan Higa (1982), Bradley (1984), Cook (1993), Robinson-Zanartu (1996), Newmark (1996), Kirkness (1999), Battiste dan Henderson (2000), Weber-Pillwax (2001), Steinhauer (2002), Kanu (2002), Ramp dan Smith (2004), Oliver (2003), Deer (2006), Perreault (2009), Tsou (2010), dan Oliver (2011), dan lain-lain (lihat bab 3).

Walaupun telah banyak kajian tentang bahasa kedua yang dilakukan di dalam dan di luar negara, namun kajian tentang masalah pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid-murid Kensiu belum pernah dijalankan. Disebabkan hal yang demikian maka penyelidik mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian ini. Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat dan sumber rujukan kepada banyak pihak.

Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian ini ialah untuk:

1. mengenal pasti tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Kensiu.
2. mengenal pasti masalah pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Kensiu.
3. menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Kensiu.

Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, beberapa persoalan kajian telah dikenal pasti.

1. Bagaimanakah tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Kensiu?
2. Apakah masalah-masalah pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Kensiu?
3. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu murid-murid Kensiu?

Secara keseluruhannya, kajian ini akan memfokus kepada masalah pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu murid-murid Kensiu. Data diperoleh daripada temu bual dan pemerhatian yang dijalankan di sebuah sekolah rendah dan juga di perkampungan Orang Asli Kensiu.

Latar Belakang Kajian

Penyelidik memilih untuk menjalankan kajian tentang masyarakat Kensiu yang tinggal di perkampungan Orang Asli Lubok Legong, di daerah Baling, Kedah kerana kedudukan lokasi etnik Orang Asli ini yang paling hampir dengan tempat tinggal penyelidik. Selain itu, penyelidik memilih menjalankan kajian ke atas etnik ini disebabkan keunikannya kerana bilangan ahli masyarakatnya yang kecil. Tumpuan kajian ialah murid-murid sekolah rendah Kensiu yang bersekolah di sebuah sekolah rendah di daerah Baling, Kedah yang berjumlah hanya seramai 36 orang daripada jumlah keseluruhan 809 murid. Kajian juga akan melibatkan guru-guru yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pengajaran dan pembelajaran murid-murid Kensiu, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid sekolah, guru tadika di

perkampungan Kensiu, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, ibu bapa murid, dan penghulu masyarakat Kensiu.

Informan

Informan utama kajian ini terdiri daripada murid-murid Kensiu yang bersekolah di sebuah sekolah rendah yang terletak di daerah Baling, Kedah Darulaman yang berjumlah seramai 36 orang. Hanya 10 orang murid Kensiu dipilih menjadi sampel kajian ini memandangkan hanya 10 orang sahaja yang agak kerap menghadiri sekolah. Kajian ke atas murid-murid sekolah rendah yang belajar dalam tahun 1 hingga tahun 6 ini akan dijalankan selama 6 bulan.

Penyelidik memilih kaedah kajian kualitatif kerana dua sebab, iaitu pertama penyelidik tidak tahu apa yang akan penyelidik peroleh, dan kedua, kerana penyelidik ingin menjana data sebanyak mungkin melalui kaedah yang digunakan. Pemerhatian penyertaan dalam bilik darjah, temu bual dengan murid-murid dan guru-guru adalah merupakan sumber-sumber utama pengumpulan data. Selain itu, kajian ini akan melibatkan pihak pentadbiran sekolah, pihak-pihak penting dalam masyarakat kensiu, Jabatan Orang Asli, dan ahli masyarakat Kensiu.

Sekolah

Sekolah yang menjadi lokasi utama kajian ialah sebuah sekolah rendah kebangsaan yang terletak di Baling, Kedah. Sekolah ini wujud sejak tahun 50an lalu dan mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Sekolah ini kini merupakan sebuah sekolah yang pesat membangun dengan infrastuktur yang baik bagi menjalankan aktiviti-aktiviti pembelajaran dan pengajaran. Sekolah tersebut mempunyai ciri istimewanya

tersendiri kerana terdapat sebilangan kecil daripada murid di sekolah ini terdiri daripada anak-anak Orang Asli Kensiu yang belajar dalam tahun 1 hingga tahun 6.

Batasan Kajian

Kajian ini hanya bertumpu kepada sebuah sekolah rendah kebangsaan di daerah Baling, Kedah sahaja kerana hanya di sekolah ini sahaja terdapat murid-murid Kensiu yang belajar dari peringkat prasekolah hingga tahun enam. Bilangan informan daripada kalangan murid-murid Kensiu juga terhad kepada 10 orang sahaja kerana hanya sepuluh orang sahaja daripada jumlah keseluruhan seramai 36 orang yang agak kerap menghadiri sekolah. Walau bagaimanapun, mendapat 10 orang murid Kensiu sebagai informan telah memberikan maklumat yang begitu bermakna dan membantu bagi penyelidik menjalankan kajian ini.

Signifikan Kajian

Bahasa Melayu dipelajari dan digunakan murid-murid Kensiu sebagai bahasa kedua kerana diwajibkan ke atas mereka. Melalui hasil analisis berdasarkan persoalan kajian yang timbul menjadikan kajian ini banyak maklumat yang boleh dijadikan sebagai panduan kepada pembaca, penyelidik dan pihak berwajib khususnya supaya memikirkan, dan mengusahakan cara atau kaedah yang terbaik dan berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada Orang Asli, golongan muda khususnya.

Kajian ini bertujuan untuk menambah koleksi khazanah penyelidikan dalam bidang pendidikan rakyat, pendidikan Orang Asli khususnya. Kajian ini juga diharapkan dapat menambah koleksi kajian yang menggunakan kaedah kualitatif

memandangkan kebanyakan penyelidikan di negara ini menggunakan kaedah kuantitatif, dan penggunaan kaedah kualitatif masih kurang.

Kajian tentang bahasa Melayu sebagai bahasa kedua adalah penting terutamanya bagi menambah kepada perkembangan teori, menyokong dan menambah kaya penggunaan teori yang sedia ada yang diharapkan dapat diaplikasikan dalam bidang-bidang lain yang berkaitan.

Hasil daripada penyelidikan, temu bual dan pemerhatian yang dijalankan diharapkan dapat menghasilkan suatu analisis yang komprehensif. Cadangan bagi langkah-langkah untuk mempertingkatkan pencapaian murid dalam penggunaan bahasa Melayu diharapkan dapat dirangka dan diusulkan. Kajian ini juga diharapkan dapat memberikan manfaat kepada pihak-pihak tertentu khususnya murid, guru, Jabatan Orang Asli, Kementerian Pelajaran Malaysia, pemerintah dan pembaca yang terdiri daripada orang awam umumnya.

Analisis dan cadangan diharapkan dapat digunakan oleh pihak-pihak yang terlibat dengan Orang Asli khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran murid-murid Orang Asli kerana kajian ini dihasilkan daripada suara informan sebenar. Selain itu, hasil kajian ini juga diharapkan dapat memberi manfaat kepada para penyelidik yang berminat untuk menjalankan penyelidikan dalam aspek yang sama pada masa hadapan.

Definisi Operasional

(i) Murid-murid Kensiu

Murid-murid Kensiu dalam kajian ini ialah kanak-kanak Orang Asli Kensiu yang belajar dari darjah 1-6 di sebuah sekolah rendah di daerah Baling, Kedah. Dalam kajian ini seramai 10 orang murid Kensiu yang belajar di darjah 1 hingga darjah 6 dijadikan informan.

(ii) Masalah

Menurut Kamus Dewan (2002), perkataan ‘masalah’ ialah sesuatu yg memerlukan penyelesaian, perkara atau keadaan yg menimbulkan kesukaran (kesulitan). Masalah merujuk kepada satu perkara yang ingin dicari jalan penyelesaiannya. Masalah wujud apabila sesuatu perkara itu didapati tidak memuaskan, belum sempurna, terdapat kesukaran, sesuatu yang perlu diubah, sesuatu yang berjalan tidak seperti yang diharapkan.

(iii) Pembelajaran

Menurut Kamus Dewan (2002) pembelajaran bermaksud proses (kegiatan) belajar. Pembelajaran biasanya dianggap sebagai perolehan maklumat, pengetahuan, penguasaan kemahiran, tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan. Menurut Hargreaves (1996) pembelajaran ialah perubahan kefahaman individu dan keupayaan melaksanakannya serta mempraktikkan pengetahuan yang telah dipelajari iaitu bukan sekadar meningkatkan jumlah matlamat yang digarap.

(iv) Gaya pembelajaran

Gaya pembelajaran berkait rapat dengan cara minda seseorang berkerja dengan berkesan terhadap pembelajaran suatu maklumat baru. Gaya pembelajaran seseorang itu telah wujud dalam diri seseorang sejak dilahirkan. Dunn dan Dunn (1978) menyatakan bahawa gaya pembelajaran merupakan kaedah seseorang yang menumpu, memproses, menyerap dan mengingat maklumat atau kemahiran yang baru.

(v) Gaya pengajaran

Gaya yang diamalkan oleh seseorang guru akan memberi kesan yang amat besar dan merupakan faktor terpenting dalam menentukan suasana pembelajaran (Gregorc, 1986). Gaya pengajaran guru termasuklah pola kepercayaan, pengetahuan, prestasi dan tingkah laku dalam kelas (Grasha, 1996).

(vi) Penguasaan

Menurut Kamus Dewan (2002) penguasaan bermaksud perihal menguasai atau menguasai yang merangkumi proses, cara, perbuatan menguasai atau menguasai. Penguasaan juga bermaksud pemahaman atau kesanggupan untuk menggunakan (pengetahuan, kepandaian, dsb.). Perkataan 'penguasaan' ialah untuk menunjukkan perihal kemampuan untuk menguasai ilmu yang dipelajari. Awang Sariyan (1985) menegaskan bahawa maksud penguasaan bahasa ialah penguasaan secara sistematik, iaitu bahasa keseluruhan bukannya setakat penguasaan lisan sahaja.

(vii) Bahasa kedua

Bahasa yang (sering) digunakan selain bahasa ibunda, bahasa asing yg diketahui atau dapat digunakan oleh seseorang. Bahasa kedua merupakan bahasa yang kedua dipelajari oleh seseorang itu di samping bahasa ibunda yang dia peroleh. Bahasa kedua ini adalah bahasa asing yang dipelajari untuk tujuan-tujuan tertentu. Pemerolehan bahasa kedua berbeza dengan penguasaan bahasa pertama. Bahasa kedua diperoleh dan dikuasai melalui pembelajaran. Pembelajarannya bersifat formal, menekankan banyak latihan dan pengulangan hingga membentuk satu tabiat (Kamarudin Husin, 1998). Rivers W. M. (1964) menyatakan pembelajaran bahasa kedua pada dasarnya adalah merupakan satu proses mekanikal yang membentuk tabiat.

Organisasi Kajian

Kajian ini mengandungi tujuh bab. Bab satu ialah bab pengenalan yang menerangkan tentang tesis ini secara keseluruhan. Bab ini juga mempunyai beberapa subtopik yang merangkumi, Keperluan Bahasa Melayu, Dasar Pendidikan Kebangsaan, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, latar belakang kajian, batasan kajian, signifikan kajian dan organisasi kajian.

Bab dua ialah konteks kajian tentang Orang Asli Kensiu yang merangkumi penerangan tentang asal usul, petempatan, fizikal, agama dan kepercayaan, budaya dan adat resam, ekonomi, organisasi sosial, bahasa dan pendidikan.

Bab tiga ialah sorotan kajian ini mengemukakan kajian-kajian tentang Orang Asli dan bahasa kedua yang telah dijalankan sebelum ini oleh pengkaji-pengkaji di dalam dan luar negara.

Bab empat ialah tentang metodologi kajian, iaitu metodologi kualitatif yang merangkumi perspektif metodologi, rasional pemilihan kaedah, pertimbangan etika, peranan penyelidik, peranan pembaca, dan lain-lain.

Bab lima ialah analisis kajian yang memuatkan data-data hasil temu bual yang dijalankan bersama informan-informan yang terdiri daripada murid-murid Kensiu, guru-guru sekolah, guru-guru tadika, pegawai JHEOA, penghulu dan bapa murid-murid Kensiu. Melalui temu bual beberapa faktor yang menjadi penyebab kepada masalah pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Kensiu dikenal pasti dan dianalisis.

Bab enam mengandungi dapatan kajian untuk memenuhi beberapa persoalan kajian yang terdapat dalam bab 1.

Bab tujuh mengandungi perbincangan dan cadangan berdasarkan analisis dan dapatan kajian. Bab ini juga mengemukakan implikasi kajian, sumbangan kajian dan penutup.

BAB DUA

KONTEKS KAJIAN

Pendahuluan

Bab ini mengemukakan konteks kajian yang menerangkan latar belakang Orang Asli Kensiu kerana etnik ini adalah merupakan fokus kajian. Penerangan ini adalah untuk memberikan pemahaman yang lebih jelas tentang golongan minoriti ini. Penerangan mencakupi tentang petempatan secara geografi, ekonomi, bahasa, adat, agama, dan lain-lain.

Orang Asli Kensiu

Merujuk hasil penerbitan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) (2004), Kensiu ialah suku kaum Orang Asli dari rumpun bangsa Semang-Negrito. Rumpun bangsa Negrito terbahagi kepada beberapa kaum, iaitu Kensiu, Kintak, Lanoh, Jahai, Mendriq dan Bateq.

Kaum Kensiu yang tinggal di Semenanjung dan dikenali sebagai Negrito sebenarnya telah wujud sejak tahun 8000 sebelum masihi yang dikenali sebagai zaman batu pertengahan. Pada masa itu mereka tinggal di dalam gua dan menjalankan aktiviti memburu binatang untuk mendapatkan sumber makanan.

Petempatan

Puak Kensiu telah mempunyai petempatan sendiri walaupun dari sejarah asal mengatakan bahawa orang asli hidup secara normad, iaitu berpindah-randah dari satu

tempat ke satu tempat. Masyarakat ini dikatakan mempunyai bilangan ahli yang paling sedikit berbanding puak-puak Orang Asli lain di negara ini. Mereka juga dikatakan sebagai puak Orang Asli yang tertua sekali (Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2009).

Petempatan Orang Asli Kensiu ialah di sebuah kawasan di pinggir daerah Baling, yang dikenali sebagai Perkampungan Orang Asli Lubok Legong. Ia terletak di Mukim Siong, 13 km dari Pekan Baling. Manakala dari Bandaraya Alor Setar pula jaraknya ialah 188 km. Berdasarkan maklumat dari Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (2004), kawasan ini merupakan satu-satunya kawasan petempatan orang asli puak Kensiu. Orang Asli Kensiu ini adalah kumpulan Negrito tunggal yang wujud di Negeri Kedah khususnya dan di Semenanjung Malaysia amnya. Oleh kerana rupa mereka yang seiras dengan golongan Negro di Afrika maka mereka dikenali sebagai Negrito (Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2009).

Perkampungan ini terletak di sebelah timur yang bersempadankan Negeri Thailand di timur, Negeri Perak di Selatan, Daerah Kulim dan Kuala Muda di barat dan Daerah Sik di barat dan utara. Daerah Baling terbahagi kepada 8 mukim; iaitu Mukim Siong, Bongor, Baling, Pulau, Kupang, Bakai, Tawar dan Teloi Kanan.



Rajah 2.1. Petempatan Orang Asli Kensiung

Perkampungan Orang Asli Kensiung terletak di Lot No. 3623 Lubok Legong, Baling Kedah sejak tahun 1957 yang telah diwartakan pada tahun 1958 sebagai Rizab Orang Asli seluas 428 ekar. Sebelum itu mereka tinggal berpindah-randah dari Ulu Legong ke Parit Panjang, Kampung Bendang Man Sik, Sungai Celak dan Kampung Tuk Kupang. Kaum Kensiung juga dikenali sebagai Kenseu, Kensiue, Kensiw, Semang, Moniq, Monik, Mendi, Negrito, Ngok Pa, Orang Bukit atau Orang Liar (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, 2004).

Satu ketika dahulu Orang Kensiung suka berpindah-randah mencari tempat yang sesuai untuk mencari bahan-bahan makanan. Semenjak kerajaan memberi penumpuan pembangunan kepada rakyat, kini Orang Kensiung sudah ada kampung halaman mereka untuk mengubah cara kehidupan mereka agar setanding dengan masyarakat umum. Pada masa ini kampung Lubok Legong telah di lengkapi dengan kemudahan bekalan elektrik, air dan lain-lain prasarana seperti balai raya dan tadika. Punca

pendapatan utama masyarakat Kensiu adalah hasil tanaman getah yang dibangunkan oleh RISDA dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2009).

Kesiu merupakan kumpulan kaum Negrito yang terkecil bilangannya dan tertua sekali di Semenanjung Malaysia. Sehingga tahun 2001 penduduk di perkampungan ini berjumlah seramai 212 orang yang terdiri daripada 44 keluarga. Terdapat pertambahan jumlah penghuni Orang Asli Kensiu ini. Menurut maklumat dari Pengetua Sekolah Jenis kebangsaan Siong, Baling, Kedah, kini terdapat seramai 253 orang penduduk yang terdiri daripada 45 buah keluarga yang diketuai oleh penghulu bernama Ramin. Sehingga kini perkampungan kaum Kensiu ini telah dilengkapi dengan sebuah surau, sebuah dewan serbaguna, tadika dan terdapat 46 buah rumah penduduk yang dibina oleh JHEAO dan sebuah rumah milik petugas Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Petempatan mereka juga dilengkapi dengan bekalan elektrik dan air (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, 2008).

Fizikal

Sifat-sifat fizikal Orang Asli Negrito sukar ditentukan kerana dalam kalangan mereka terdapat empat subkumpulan Kensiu yang dikenali sebagai Mos, Nakil (atau Dalem), Hetot dan Tanjen. Secara umumnya boleh dikatakan secara purata Orang Asli Kensiu mempunyai sifat fizikal seperti rambut yang kerinting halus, berkulit gelap dan bertubuh rendah setinggi 5 kaki ke bawah, berhidung lebar, bermata bulat mirip orang Afrika Timur dan kebanyakan mereka adalah seperti orang Asli di Papua New Guinea (Mohd. Syahril Rosdi Ahmad Zahudi, 2010).

Agama

Secara umumnya, masyarakat Orang Asli di seluruh negara sejak dari mula kewujudannya menganut fahaman animisme. Berbagai-bagai pantang larang dalam aspek cara berhubung dengan manusia dan alam sekitar mesti diamati dengan baik demi untuk keselamatan dan kesejahteraan. Satu ciri unik masyarakat Kensiu yang berfahaman animisme, mereka mempercayai bahawa alam semula jadi akan memberi rahmat kepada mereka. Walaupun mereka tidak menganut mana-mana agama, mereka percaya akan kehadiran semangat yang berada di tempat-tempat tertentu seperti di jambatan, perkuburan dan pokok (Kensiu, 2009).

Masyarakat Kensiu mengadakan pelbagai acara penyembahan untuk mendapat restu dari makhluk ghaib untuk mengelakkan penyakit atau bencana. Acara ini diiringi oleh paluan muzik dari buluh dan ukiran patung berimej makhluk ghaib yang bertujuan untuk menghubungkan bomoh dengan kuasa-kuasa halus. Masyarakat Orang Asli sering melakukan Sewang, iaitu satu tarian tradisioanal masyarakat Orang Asli. Terdapat empat jenis sewang iaitu sewang kematian, perubatan, menyambut tetamu dan kesyukuran (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, 2008).

Pergerakan sewang kelihatan sama kecuali dibezakan dengan rentak permainan centung dan tujuan ia diadakan. Bagi upacara sewang yang dijalankan untuk kematian dan perubatan, gerak tari dan alunan muziknya lebih perlahan. Bagi menyambut tetamu dan kesyukuran, gerak tarinya agak rancak dan menyeronokkan. Majlis sewang biasanya dijalankan oleh seorang ketua yang dinamakan Tok Halaq. Beliau membacakan mantera dalam bentuk nyanyian dan diiringi dengan paluan

centung yang dimainkan oleh golongan wanita. Kebanyakan lagu-lagu sewang adalah berbentuk nasihat dan lawak jenaka (Kaum Negrito, 2010).

Setelah kerajaan menjalankan usaha untuk menarik mereka menganut agama Islam dengan menghantar wakil-wakil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ke perkampungan Kensiu, terdapat sebahagian daripada mereka mula menganut agama Islam. Sehingga tahun 2000, jumlah penduduk Kensiu yang menganut agama Islam ialah seramai 118 orang dan selebihnya masih mengekalkan kepercayaan animisme. Sehingga bulan Mac, 2011, 90% daripada penduduk perkampungan Kensiu merupakan penganut agama Islam dan selebihnya masih berpegang dengan agama asal, iaitu animisme (Mohd. Syahril Rosdi Ahmad Zahudi, (2010).

Semasa lawatan ke perkampungan Kensiu, dapat dilihat dari struktur perkampungan Kensiu dari jalan masuk ke perkampungan, rumah-rumah penghuni yang beragama Islam di tempatkan di sebelah kanan jalan dan rumah-rumah penghuni yang tidak menganut mana-mana agama ditempatkan di sebelah kiri jalan. Keadaan ini distrukturkan demikian adalah untuk memudahkan aktiviti-aktiviti keagamaan dijalankan mengikut kumpulan agama penghuni.

Kepercayaan Tradisional (Penganut Animisme)

Sistem kepercayaan masyarakat Kensiu seperti juga masyarakat kaum Negrito yang lain, sebahagian besar kepercayaan adalah berasaskan kepercayaan Kensiu tradisional. Kepercayaan ini menganjurkan lambang seperti Tok Batin, Karei dan Menoi sebagai makhluk berkuasa tinggi. Lambang kuasa ini bersifat kekal dan sering juga dirujuk sebagai kewujudan kuasa yang luar biasa ataupun semangat roh

yang dipanggil 'orang hidup' atau manusia yang hidup untuk selama-lamanya. Mereka mempunyai berbagai-bagai tuhan (Kaum Negrito, 2010).

Lambang kuasa dan kurang kuasa dalam kalangan kaum Kensiu berada di perantaraan manusia dengan orang hidup yang dinamakan Cenoi. Di antara lambang kuasa ini, Cenoi Tapn sering menjadi rujukan masyarakat ini dan disamaertikan sebagai Tuhan atau Sultan. Cenoi Tapn bersifat seperti mawas (tawo). Bahagian atas tubuhnya muda manakala bahagian bawah tubuh tua. Cenoi Tapn dikatakan mengawal kehidupan masyarakat orang Kensiu dan menjelmakan kemarahannya melalui kilat dan petir (Kaei). Sistem ini dipelihara dan dikawal oleh autoriti yang dinamakan Halak yang berperanan sebagai perantara manusia Kensiu dengan lambang kuasa unggul dalam kepercayaan mereka (Adat dan Budaya Orang Asli, 2009).

Di samping itu, Halak juga berperanan sebagai pengamal perubatan tradisional. Kedua-dua sistem keagamaan dan perubatan terdiri daripada upacara yang dinamakan 'panoh' yang melibatkan nyanyian dan tarian. Satu lagi ritual yang diadakan untuk tujuan yang sama dinamakan 'sawan' yang juga menggabungkan nyanyian dan tarian. Pengabdian serta ketaatan kepada kedua-dua sistem turut dicerminkan melalui sikap menghormati, pantang larang, nilai dan norma masyarakat. Masyarakat Kensiu percaya bahawa Halaq atau tok pawang merupakan orang penting yang mampu memasuki dunia semangat roh dengan mengkhayalkan diri, selepas tidak sendarkan diri dalam keadaan khayal. Tok pawang dipercayai dapat berhubung dengan Cenoi Tapn dan adakalanya menjadi pengantara

pertolongan semangat ini dalam pertanian mereka (Adat dan Budaya Orang Asli, 2009)

Budaya dan Adat Resam

Identiti kaum Negrito adalah tersendiri dan boleh dilihat melalui kebudayaan, kebendaan dan cara hidup mereka. Mereka tidak atau amat sedikit melibatkan diri dalam bidang pertanian. Ini disebabkan dari asalnya mereka merupakan kaum yang sering berpindah-randah yang dikenali sebagai kaum nomad. Budaya hidup masyarakat Kensiu dapat dilihat dari segi cara hidup dan benda-benda yang digunakan seperti amalan mencucuk hidung dan pembinaan kediaman sementara untuk berlindung dari angin, hujan dan panas (Portal Permata Orang Asli, 2009).

Adat Perkahwinan dan Hubungan Kekeluargaan

Konsep kehidupan mengutamakan kesamarataan dan kesepadanan dalam masyarakat Kensiu dicerminkan dalam seluruh aspek kehidupan mereka. Kaum ini mempunyai hubungan kekeluargaan yang rapat sesama mereka. Menurut maklumat penghulu masyarakat Kensiu, dari jumlah penduduk Kensiu ini, hanya dua orang sahaja dalam kalangan mereka yang berkahwin dengan wanita Melayu, iaitu seorang dari Kampung Baru, Baling, Kedah dan seorang lagi warga Indonesia. Masyarakat Kensiu yang beragama Islam berkahwin mengikut syariat dan undang-undang agama Islam. Pernikahan mereka dijalankan oleh pegawai di Jabatan Agama Islam Negeri Kedah.

Bagi pengikut fahaman animisme pula perkahwinan mereka mengikut kepercayaan dan amalan mereka. Tiada sebarang upacara atau majlis diadakan dalam

perkahwinan. Pemuda dari kumpulan yang menganut kepercayaan animisme hanya perlu mendapatkan persetujuan gadis yang ingin dikahwininya tanpa perlu mendapat persetujuan dan restu ibu bapa gadis terlebih dahulu. Apabila si gadis bersetuju, pihak lelaki akan menghantar barangan berupa kain, tembakau dan pisau kepada bapa si gadis sebagai tanda perkahwinan antara mereka akan berlangsung. Dalam sistem kekeluargaan masyarakat Kensiu, hubungan kekeluargaan adalah bilateral, iaitu berdasarkan keturunan kedua ibu bapa berdasarkan generasi lelaki (Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2009).

Terdapat pantang larang dalam hubungan kekeluargaan masyarakat Kensiu yang masih diamalkan hingga kini. Salah satu daripadanya ialah menantu perempuan tidak dibenarkan bersua muka dengan bapa mertua. Begitu juga sebaliknya, menantu lelaki tidak dibenarkan berinteraksi dan bersua muka dengan ibu mertua. Selain itu, saudara lelaki dan perempuan yang belum berkahwin tidak dibenarkan berinteraksi dan bersua muka dengan kakak atau abang ipar. Mereka bukan sahaja tidak boleh berinteraksi malahan juga tidak dibenarkan menyebut nama. Mereka menggunakan orang ketiga bagi mewakili diri mereka jika mahu berinteraksi dengan mertua dan ipar-duai. Satu konsep kehidupan yang masih dikekalkan dalam amalan untuk mengelakkan solidariti adalah melalui 'hubungan elakan'. Dalam hubungan ini, seseorang ahli kumpulan cuba mengelak dari bersua muka atau terserempak dengan ipar, mertua atau menantu, terutamanya yang berlainan jantina (Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2009).

Ekonomi

Seperti sebahagian penduduk Orang Asli di bahagian lain negara ini, sumber pendapatan penduduk Kensiu secara umumnya adalah berasaskan sumber di persekitaran kehidupan mereka. Penduduk kampung menjalankan aktiviti pertanian seperti menanam getah, mengusahakan tanaman ubi, padi, pisang dan jagung di tanah sendiri. Terdapat juga segilintir dalam kalangan mereka mencari sumber pendapatan di luar perkampungan. Selain itu, penduduk perkampungan ini lebih gemar mencari hasil hutan seperti rotan, akar kayu, buluh, kayu depu, dan binatang seperti kura-kura, labi-labi, tupai, monyet, kera dan lotong dan hasil pencarian ini dijual kepada masyarakat Cina sebagai pendapatan sampingan (Mohd. Syahril Rosdi Ahmad Zahudi, 2010).

Masyarakat Orang Asli Kensiu juga menjalankan aktiviti berburu dan mencari sumber-sumber pendapatan di hutan selain menjalankan kegiatan bercucuk tanam. Satu ketika dahulu Orang Asli Kensiu suka berpindah-randah mencari tempat yang sesuai untuk mencari bahan-bahan makanan. Selain daripada memburu, hutan juga merupakan tempat mereka memungut hasil hutan seperti rotan, buluh, kayu cendana, damar dan akar kayu untuk menambahkan hasil pendapatan. Mereka juga mencari petai, kerdas atau jering serta madu lebah untuk dijual di pasar. Inilah aktiviti yang dilakukan oleh Orang Asli Kensiu dalam mencari rezeki untuk menampung kehidupan keluarga mereka (Mohd. Syahril Rosdi Ahmad Zahudi, 2010).

Pada masa sekarang, semenjak kerajaan memberi penumpuan pembangunan kepada rakyat, kini masyarakat Kensiu sudah ada kampung halaman sendiri dan mampu mengubah cara kehidupan mereka agar setanding dengan masyarakat umum. Punca

pendapatan utama orang asli Kensiu sekarang adalah hasil tanaman getah yang dibangunkan oleh RISDA dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (Negrito, 2008).

Namun begitu, walaupun kerajaan melalui JHEOA telah membina perkampungan dan petempatan kekal dengan projek ekonomi seperti projek Mini Estet Lubok Legong I dan II pada tahun 1980 dan 1982 yang dianggarkan jumlah pendapatan seorang sebanyak RM400.00 sebulan namun minat masyarakat ini mencari hasil hutan dan memburu binatang amat tebal. Mereka lebih suka mencari rotan, akar kayu, buluh, kayu depu, tumbuh-tumbuhan dan binatang seperti kura-kura, labi-labi, tupai, kera dan lotong di dalam hutan. Hasil pencarian ini dijual kepada peniaga-peniaga berbangsa Cina di pekan berhampiran (Negrito, 2008).

Organisasi Sosial

Pada asalnya masyarakat Kensiu mengamalkan cara kehidupan berpindah-randah dari satu tempat ke satu tempat dalam usaha mencari sumber makanan, air dan tanah untuk bercucuk tanam. Mereka melakukan kerja-kerja perburuan, mengumpul akar kayu, rotan dan buah-buahan. Kumpulan ini turut membawa anak-anak mereka ke mana saja semasa mereka berpindah-randah. Mereka akan mendukung anak kecil ini secara bergilir-gilir (Negrito, 2008).

Pada masa ini, organisasi sosial masyarakat Kensiu telah banyak berubah. Mereka tinggal di kampung Lubok Legong dalam tempoh yang lama dan amalan berpindah-randah sudah kurang diamalkan. Ini kerana telah dibina petempatan yang kekal oleh JHEOA dan dipantau oleh agensi-agensi yang berurusan secara langsung dan tidak

langsung dengan mereka. Organisasi secara berkumpulan telah berubah dan telah diganti dengan perkampungan sebagai unit perempatan di bawah pimpinan ketua yang dipanggil penghulu (Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2009).

Masyarakat Orang Asli Kampung Lubok Legong adalah di bawah pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) Perak dan Kedah yang beribu pejabat di Ipoh, Perak. Manakala pada peringkat daerah pula terletak di bawah pentadbiran Pejabat Hal Ehwal Orang Asli Daerah Hulu Perak dan Baling yang berpejabat di Grik, Perak. Pada peringkat kampung pula seorang penghulu dilantik daripada kalangan mereka dan sebuah Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK) ditubuhkan bagi membantu urusan kerajaan dengan masyarakat Kensiu (Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2009).

Pada masa sekarang, Ramin (bukan nama sebenar) ialah penghulu yang dilantik. Beliau merupakan penghulu yang keempat. Penghulu yang pertama puak Kensiu ialah Pinang dan diikuti oleh Puchok yang dilantik sebagai penghulu yang kedua. Manakala penghulu yang ketiga pula ialah Itam. Perlantikan penghulu di dalam masyarakat ini adalah berdasarkan kepada dua kategori, iaitu sama ada berdasarkan keturunan atau pemilihan. Kemahiran asas yang perlu ada untuk menjadi penghulu ialah seseorang itu perlu pandai membaca dan menulis (Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2009).

Pendidikan

Dengan adanya saranan pendidikan wajib bagi semua kanak-kanak di bawah umur 12 tahun melalui Dasar Pendidikan Negara maka anak-anak Orang Asli Kensiu yang

memegang status bumiputra juga tidak terkecualai daripada ketetapan Kementerian Pelajaran ini. Anak-anak Kensiu pendidikan formal di sebuah sekolah rendah, Baling, Kedah. Sekolah ini telah diwujudkan sejak tahun 50-an lagi (Pusat Kegiatan Guru Baling, 2010).

Pada masa kajian ini dibuat, iaitu pada tahun 2007, sekolah tersebut mempunyai 809 orang murid yang bersekolah dari tadika hingga tahun enam. Sekolah rendah tersebut mempunyai keistimewaannya tersendiri kerana daripada 809 jumlah keseluruhan murid dapat lebih kurang 36 orang murid Orang Asli Kensiu. Statistik 2007 nisbah murid Orang Asli Kensiu berbanding dengan murid-murid dari bangsa Melayu ialah seperti jadual di bawah:

Jadual 2.1. *Jumlah Keseluruhan Murid Pada Tahun 2007*

Tahun	Lelaki	Perempuan	Jumlah
1	41	60	101
2	67	60	127
3	57	58	115
4	79	70	149
5	56	75	131
6	72	59	131
Pendidikan khas	3	6	9
Prasekolah	24	22	46
JUMLAH	399	410	809

Jadual 2.2. *Jumlah Murid Kensiu Pada Tahun 2007*

Tahun	Lelaki	Perempuan	Jumlah
1	1	5	6
2	3	4	7
3	3	1	4
4	5	4	9
5	2	2	4
6	3	3	6
JUMLAH	17	19	36

Pada tahun 2007, sekolah tersebut mempunyai seramai 41 tenaga pengajar dan seramai 10 orang kakitangan bahagian pentadbiran (bukan guru). Seperti sekolah-sekolah lain, terdapat guru-guru yang memegang jawatan-jawatan lain selain daripada menjadi guru kelas iaitu seperti GuruTugas Khas dan Ketua Panitia Mata pelajaran.

Taraf pendidikan dalam kalangan puak Kensiu adalah tersangat rendah jika dibandingkan dengan puak-puak orang asli yang lain. Bilangan ahli yang berpendidikan adalah terlalu sedikit. Menurut penghulu puak tersebut, tahun 2005 merupakan satu sejarah apabila terdapat seorang anak Kensiu berjaya belajar hingga ke tingkatan 1, iaitu tahap yang paling tinggi sehingga sekarang. Sebelum ini anak-anak mereka hanya menghabiskan persekolahan sehingga tahun 6 sahaja (Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2009).

Anak-anak Orang Asli Kensiu tidak cukup bermotivasi untuk menghadiri sekolah. ‘Sekolah’ bagi mereka ialah untuk orang Melayu, bukan untuk orang Kensiu.

Prejudis bangsa dari penduduk yang berjiran dengan mereka menyebabkan mereka menghindar dari berhubung dengan masyarakat luar. Usaha yang dijalankan oleh kerajaan untuk memodenkan masyarakat Kensiu mengakibatkan perubahan secara tiba-tiba terhadap kehidupan tradisional mereka, dengan penyerapan sistem kepercayaan dan nilai yang asing bagi mereka. Kebanyakan ahli masyarakat Kensiu mendapati sukar untuk mengikutinya dan berasa perubahan itu adalah suatu yang menimbulkan rasa trauma (Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2009).

Kurangnya kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan merupakan salah satu sebab yang menjadikan tahap pendidikan masyarakat Kensiu tidak meningkat. Amalan ponteng sekolah adalah perkara biasa bagi masyarakat ini. Kempen-kempen yang diadakan oleh pihak JHEOA dengan bantuan pihak pendidikan membantu menimbulkan sedikit kesedaran tentang pentingnya ilmu pengetahuan. Di samping itu juga, pelbagai program untuk kaum wanita juga disusun dengan bantuan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) seperti kelas memasak, jahitan dan kraftangan. Program ini dapat mengisi masa lapang mereka dengan perkara yang berfaedah (Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2009).

Bahasa

Masyarakat Kensiu mempunyai bahasa tersendiri dalam berkomunikasi. Kini, ramai yang boleh bertutur bahasa Melayu, terutama golongan muda kerana bahasa Melayu telah dijadikan bahasa pengantar di sekolah. Walaupun terdapat warga emas yang tidak fasih bertutur Bahasa Malaysia tetapi mereka dapat memahaminya. Terdapat juga anak-anak kecil yang tidak dapat bercakap menggunakan bahasa asal mereka kerana berlakunya kahwin campur dan pergaulan dengan masyarakat luar.

Sesetengah daripada mereka boleh berbahasa Thai. Bagi yang mempunyai hubungan dengan puak Termiar pula mereka boleh berbahasa puak tersebut (Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2009). Antara perkataan yang terdapat di dalam bahasa yang digunakan oleh puak Kensiu (diperoleh dari murid-murid Kensiu) ialah:

emak	-	nak
bapa	-	ay
makcik	-	mo'
pakcik	-	beh
pohon	-	tom
durian	-	penik
nak makan	-	mak cik

Masyarakat Kensiu menggunakan bahasa ibunda mereka semasa berkomunikasi sesama mereka, selain menggunakan bahasa kebangsaan dalam urusan rasmi. Masyarakat Kensiu menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua selepas bahasa ibunda mereka.

Rumusan

Orang Asli di Malaysia dikeliling oleh pelbagai masyarakat berbilang bangsa dan mereka merupakan golongan minoriti. Walaupun negara mempunyai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar di sekolah, namun Orang Asli masih menggunakan bahasa asli mereka tersendiri yang diwarisi sejak zaman berzaman. Orang Asli Kensiu seperti kaum-kaum Orang Asli yang lain, masih

mengekalkan sebahagian besar nilai-nilai tradisi mereka termasuk bahasa, sosial, dan budaya.

Sedikit perubahan yang berlaku dalam masyarakat Kensiu ialah dari segi keagamaan, iaitu jika dahulu mereka tidak menganut mana-mana agama, kini sebahagian besar daripada mereka telah menganut agama Islam. Begitu juga dengan cara hidup, jika dahulu mereka mengamalkan kehidupan cara nomad, tetapi sekarang tidak lagi. Jika dahulu anak-anak mereka tidak bersekolah, sekarang bilangan mereka yang mengikuti pendidikan formal di sekolah telah bertambah.

BAB TIGA

SOROTAN KARYA

Pendahuluan

Bab ini mengemukakan kajian-kajian tentang bahasa kedua yang telah dijalankan di dalam dan di luar negara secara umum, dan dalam kalangan Orang Asli secara khusus. Selain itu, kajian juga mengemukakan kerangka teori bahasa kedua Krashen (1987), iaitu Teori Monitor yang sesuai digunakan dalam kajian dan mengemukakan kajian-kajian yang menggunakan teori tersebut.

Bahasa Kedua

Belajar membaca adalah satu tugas yang mencabar bagi seseorang yang hanya mempunyai kemahiran dalam satu bahasa sahaja. Setiap murid yang baru mempelajari bahasa kedua akan melalui peringkat yang sama untuk memperoleh suatu bahasa. Walau bagaimanapun, panjang masa yang diambil oleh setiap murid pada satu-satu peringkat adalah berbeza (Snow, Burns, & Griffin, 1998).

Belajar membaca adalah cabaran paling besar bagi murid yang mempelajari bahasa kedua disebabkan oleh hubungan antara bahasa teks dan bahasa lisan dalam hal ini adalah sukar dilakukan. Bagi kanak-kanak ekalinguistik, suatu perkataan yang dikodkan bahasa itu merupakan suatu yang biasa baginya, selari dan yang diketahui olehnya (Snow, Burns, & Griffin, 1998). Tetapi bagi murid sebegini yang mengetahui bahasa ibundanya sahaja, apabila mempelajari bahasa kedua, biasanya perkataan yang dikodkan tidak mempunyai sebarang makna baginya. Dengan itu,

murid yang mempelajari bahasa kedua biasanya menghadapi masalah memahami hubungan antara kandungan teks dan lisan.

Kerangka Teori Bahasa Kedua (Teori Monitor) oleh Krashen

Teori pembelajaran dan pemerolehan bahasa ialah satu rumusan pendapat yang ditemui dan dikemukakan hasil dari penyelidikan yang dijalankan. Penyelidikan biasanya menghasilkan hipotesis tentang cara suatu bahasa itu dipelajari dan dikuasai oleh seseorang. Teori yang dipraktikkan menjadi asas yang akan menentukan sesuatu prinsip akan diikuti dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Dalam kajian ini penyelidik akan mengemukakan perspektif teori pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua Krashen (1987), yang dihasilkan dalam bukunya *Principles and Practice in Second Language Acquisition*.

Teori Monitor Krashen (1987) menyatakan bahawa pemerolehan/pembelajaran bahasa kedua terdiri daripada lima hipotesis utama, iaitu:

1. *Hipotesis pemerolehan-pembelajaran* (acquisition-learning): bahasa diperoleh melalui proses bawah sedar (unconscious mind) dan biasanya berlangsung dalam suasana komunikasi biasa. Komunikasi seperti ini berlaku pada peringkat kanak-kanak. Kesalahan dibetulkan secara alamiah, bersesuaian dengan konteksnya secara tidak sedar. Pembelajaran bahasa pula sebaliknya melalui proses dan suasana formal, seperti pembelajaran dalam bilik darjah di sekolah. Kesalahan bahasa diperbetulkan melalui latihan.

2. *Hipotesis pemantau* (monitor): pemantau muncul dalam fikiran seseorang semasa pembelajaran bahasa kedua dan berfungsi sebagai penyunting dan pemantau bahasa.

3. *Hipotesis susunan semula jadi* (natural order): struktur bahasa diperoleh seiring dengan susunan semula jadi. Struktur tertentu muncul lebih awal daripada struktur lainnya dalam pemerolehan bahasa. Susunan semula jadi terjadi pada peringkat kanak-kanak dan dewasa.

4. *Hipotesis masukan* (input): pembelajaran bahasa kedua dianggap akan terjadi jika murid mendapatkan maklumat setingkat lebih tinggi daripada yang telah dikuasainya. Hipotesis ini dirumuskan dengan $[i + 1]$, iaitu 'i' ialah input pengetahuan yang sudah dimiliki dan '1' ialah kemahiran lebih setingkat dari sebelumnya.

5. *Hipotesis saringan pengaruh* (affective filter): saringan pengaruh akan menghalang murid dalam menerima ataupun melahirkan bahasa. Sebagai contoh, jika murid tidak sukakan bahasa Inggeris, maka saringan pengaruh murid akan semakin ketat penyaringannya. Saringan pengaruh menjadi masalah tersendiri bagi orang dewasa kerana perkembangan psikologinya yang semakin peka dengan persekitaran kehidupannya.

Krashen (1987) menyatakan bahawa pemerolehan bahasa kedua memerlukan interaksi yang bermakna dalam bahasa sasaran melalui komunikasi biasa bukan dengan bentuk ungkapan, sebaliknya dengan mesej yang mereka bawa dan difahami. Dalam dunia sebenar, perbualan dengan penutur asli dengan cara memahami tahap

pemahaman murid adalah sangat membantu. Kaedah yang terbaik dalam pemerolehan bahasa kedua ialah dengan memberikan input komprehensif dalam suasana keraguan yang rendah, dan mengandungi mesej yang benar-benar mahu didengar oleh murid. Kaedah ini tidak memaksa penghasilan awal dalam pembelajaran bahasa kedua, tetapi membenarkan murid melahirkannya apabila mereka bersedia, menyedari bahawa peningkatan datang daripada persediaan input komunikasi, dan tidak terhasil melalui paksaan dan teguran yang berupa pembetulan.

Mengambil kira cara kanak-kanak berkomunikasi dalam budaya rumah adalah penting kepada pembangunan penulisan dan pembacaan mereka. Bahasa rumah murid memberikan asas bagi keperluan cara mereka membaca dan menulis. Jika terdapat ketidakpadanan di antara struktur, nilai, dan jangkaan bahasa rumah dan bahasa kedua, murid-murid mungkin tidak berpeluang untuk berjaya dalam pembacaan pada peringkat awal, dan dengan itu mereka terpaksa memperuntuk masa yang panjang dalam usaha mencuba untuk mendapatkannya (Gay, 1988; Snow, Barnes, Chandler, Goodman, & Hemphill, 1991).

Snow, Burns, dan Griffin (1998) menyatakan bahawa celik huruf didefinisikan dalam istilah fungsinya dalam sesuatu budaya harian berbanding keseluruhannya ke atas bahasa standard yang tidak boleh didefinisikan. Dengan itu, celik huruf adalah lebih daripada kebolehan membaca dan menulis, dan bagi sesetengah individu celik huruf itu merangkumi kegunaan beberapa bahasa dan kaedah untuk menjadi celik huruf. Dengan definisi celik huruf ini, belajar untuk membaca dalam suatu bahasa yang merangkumi perkara-perkara biasa dan bermakna adalah sangat penting kepada kanak-kanak untuk berjaya belajar membaca dalam suatu bahasa kedua.

Kajian Dalam Negara

Abdullah Musa (2004) telah menjalankan kajian tentang sikap dan motivasi murid Dusun di Sabah terhadap pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan di samping menggunakan borang soal selidik untuk mengenal pasti sikap dan motivasi murid Dusun dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa Kedua. Seramai 120 orang murid tingkatan 6 dijadikan sampel kajian.

Dalam kajiannya, penyelidik menyatakan bahawa pada amnya, penduduk Dusun menggunakan dua bahasa sebagai bahasa pertuturan, iaitu bahasa Dusun dan bahasa Melayu. Keadaan ini menyebabkan masyarakat Dusun dianggap sebagai masyarakat dwibahasa. Bahasa Dusun dituturkan sebagai bahasa pertama manakala bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Oleh itu, bahasa Dusun lebih kerap digunakan semasa berinteraksi sesama mereka.

Dalam kalangan masyarakat Dusun, ciri dwibahasa lebih jelas dalam kalangan generasi muda berbanding generasi tua kerana mereka terdedah kepada sistem pendidikan formal. Pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah telah mendedahkan golongan muda kepada bahasa Melayu pada kadar yang lebih kerap berbanding dengan generasi tua. Penulis menyatakan bahawa murid Dusun mempunyai sikap yang positif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Tiga kategori sikap dianalisis dan mendapati semua kategori iaitu sikap murid terhadap penutur bahasa Melayu, minat terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dan sikap integratif menunjukkan tahap yang positif. Tidak terdapat

perbezaan sikap dan motivasi yang signifikan terhadap pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid lelaki dengan perempuan Dusun.

Jerie Anak Peter Langan dan Zamri Mahamod (2011) dalam kajian mereka bertujuan untuk mengenal pasti sikap dan motivasi murid-murid Iban pada peringkat sekolah rendah yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kajian yang menggunakan kaedah soal selidik yang diedarkan kepada 302 murid sekolah rendah di daerah Kanowit itu juga bertujuan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan sikap dan motivasi antara murid Iban berdasarkan jantina dalam mempelajari Bahasa Melayu.

Dapatan kajian menyatakan bahawa murid-murid Iban pada peringkat sekolah rendah mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi ketika mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Walau bagaimanapun, murid-murid Iban pada peringkat sekolah rendah mempelajari Bahasa Melayu dalam tempoh waktu yang lama menunjukkan motivasi yang rendah berbanding mata pelajaran lain. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan motivasi antara murid lelaki dengan murid perempuan yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Kajian tersebut merumuskan bahawa kejayaan seseorang murid mempelajari sesuatu bahasa adalah dipengaruhi oleh pelbagai aspek. Sikap dan motivasi merupakan salah satu daripadanya. Sikap yang dimiliki oleh murid amat mempengaruhi pembelajaran terhadap sesuatu bahasa. Dapatan kajian ini menunjukkan murid Iban mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua sama ada di dalam mahupun di luar bilik darjah.

Suthanthiradevi (1996) pula menjalankan kajian tentang pengaruh bahasa ibunda dalam kalangan murid-murid India dalam proses pembelajaran bahasa Melayu di sebuah sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJK (T)) di Buntong, Perak Darul Ridzuan. Kajian ini memilih 180 murid tahun 6 di sekolah tersebut sebagai sampel kajian. Kajian ini menganalisis karangan murid-murid yang ditulis dalam situasi pembelajaran formal, pertuturan bahasa Melayu di dalam kelas dan jawapan-jawapan kepada soal selidik yang diberi di penghujung sesi kajian.

Dalam kajiannya, Suthanthiradevi menyatakan bahawa memang terdapat berbagai-bagai masalah dalam mempelajari bahasa Melayu oleh murid-murid berketurunan India. Antara masalah yang timbul dan dapat dikesan secara am ialah murid-murid India menghadapi masalah sebutan huruf 'r' semasa pembelajaran bahasa Melayu. Didapati juga tidak semua guru bahasa Melayu berminat untuk mengajar mata pelajaran tersebut di SJKT.

Sehubungan dengan pengaruh bahasa ibunda bagi pembelajaran bahasa Melayu di SJKT itu juga, suatu fenomena dapat dikesan. Fenomena tersebut ialah murid-murid India menghadapi masalah menggunakan vokal atau konsonan bahasa Melayu tertentu yang agak asing kepada mereka. Apabila kata-kata bahasa Melayu atau kata-kata pinjaman dari bahasa lain dituturkan, berlaku perubahan bunyi vokal dan konsonan yang terhampir dengan bahasa Tamil. Bahasa ibunda murid-murid India dikatakan mengganggu sebutan baku bahasa Melayu dalam kalangan mereka.

Suthanthiradevi (1996), dalam kesimpulan kajiannya menyatakan bahawa dalam penulisan bahasa Melayu, aspek yang paling banyak menerima pengaruh bahasa

ibunda ialah leksikal. Pengaruh itu dikesan melalui proses penggantian, proses penambahan dan proses pengguguran fonem. Antara tiga proses tersebut, proses pengguguran fonem vokal merupakan yang paling kerap berlaku. Aspek kedua yang paling kerap dipengaruhi bahasa ibunda ialah aspek imbuhan, dan yang ketiga ialah penggantian.

Selain daripada itu, aspek binaan ayat yang mempengaruhi bahasa ibunda telah dikenal pasti. Binaan-binaan ayat itu mengalami proses pendepanan; iaitu pendepanan kata kerja, pendepanan kata kerja tunggal 'ada' dan kata penekan 'juga', serta pendepanan kata hubung gabungan 'dan'. Pertuturan bahasa Melayu murid-murid India tidak terkecuali daripada pengaruh bahasa ibunda khususnya pengaruh bunyi fonem vokal atau konsonan. Pengaruh itu hadir dalam aspek leksikal dan ayat.

Persekitaran bahasa memainkan peranan penting dalam pemerolehan bahasa kedua seseorang murid. Keadaan sedemikian dialami juga oleh murid-murid India. Persekitaran bahasa murid-murid tersebut masih didominasi oleh bahasa Tamil. Bahasa Tamil digunakan sebagai bahasa harian terutama dalam berkomunikasi dengan individu atau kelompok daripada suku yang sama. Keamatan penggunaan bahasa ibunda ini tidak hanya berlaku di luar sekolah (Suthanthiradevi, 1996).

Terdapat kesalahan kosa kata bahasa Melayu yang dilakukan oleh murid-murid daripada pelbagai bangsa di Malaysia. Beberapa kesalahan daripada contoh tersebut serupa dengan kesalahan yang sering dilakukan oleh murid-murid India. Misalnya, kata /dadah/ menjadi /dada/, kata /besar/ menjadi /busar/ dan /seluar/ menjadi /silvaaru/. Kesalahan-kesalahan terjadi adalah disebabkan murid-murid India selaku

penutur-penutur natif bahasa Tamil tidak mempunyai cukup pengetahuan tentang wacana medan makna bahasa Melayu (Suthanthiradevi, 1996).

Johari dan Nazri (2003) dalam kajiannya menyatakan bahawa di Malaysia, murid-murid Orang Asli juga mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua selepas bahasa ibunda mereka. Kajian yang menggunakan kaedah kualitatif ini memilih seramai 90 murid-murid Temuan daripada 60 keluarga yang belajar di sekolah rendah sebagai sampel. Data dikumpul dengan menjalankan teknik temu bual, lawatan ke rumah dan melalui pemerhatian.

Pengkaji menyatakan bahawa murid-murid Orang Asli di dua buah kampung kediaman Orang Asli suku Temuan iaitu Kampung Pengkalan Kubur dan Kampung Tohor, di Daerah Jelebu, Negeri Sembilan gagal dalam pelajaran. Kegagalan kanak-kanak Orang Asli di sekolah rendah adalah bermula dari lokasi tempat tinggal mereka sendiri. Dalam penyelidikan ini, ada dinyatakan bahawa 62 peratus kanak-kanak tinggal di Kampung Tohor yang jauh di pedalaman. Jarak di antara Kampung Tekil dengan sekolah ialah lapan belas kilometer.

Johari dan Nazri (2003) dalam kajiannya menyatakan bahawa pada tahun 1992 terdapat 3,202 orang kanak-kanak Orang Asli mendaftar di sekolah rendah tetapi daripada jumlah tersebut seramai 2485 (77.6%) tercicir dalam pendidikan. Data menunjukkan lebih ramai kanak-kanak Orang Asli yang tercicir untuk terus bertahan hingga ke sekolah menengah. Isu yang memerlukan jawapan kepada perosalan yang menyebabkan hampir 90 peratus daripada kanak-kanak ini gagal di sekolah atau

dalam erti kata lain gagal menguasai kemahiran 3M walaupun berada dalam tahun enam.

Sekolah tempat mereka belajar ialah sekolah kebangsaan yang mempunyai kemudahan asas yang hampir sama dengan sekolah-sekolah lain di daerah Jelebu. Sekolah tempat mereka belajar sebenarnya sekolah kebangsaan biasa yang sebelum tahun 2000 mempunyai murid-murid keturunan Melayu sebagai kelompok majoriti. Bagaimanapun kesan dari penghijrahan generasi muda ke bandar telah menyebabkan pada masa ini kanak-kanak Temuan merupakan kelompok majoriti di sekolah ini. Daripada jumlah 160 murid yang didaftarkan, 90 orang adalah berketurunan Orang Asli Temuan.

Abdull Sukor Shaari, Nuraini Yusoff, Mohd Izam Ghazali dan Mohd Hasani Dali (2011) menjalankan kajian penggunaan bahasa kedua dalam kalangan murid-murid Orang Asli Semai di Kampung Terisu Cameron Highland, Pahang. Kajian ini memilih 33 orang murid Orang Asli Tahun 5 di Sekolah Kebangsaan Terisu dan dua guru Bahasa Melayu sebagai sampel kajian. Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah kualitatif kajian kes melalui temu bual. Berdasarkan temu bual didapati bahawa antara masalah utama yang dihadapi dalam literasi BM berkait rapat dengan isu budaya.

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi input kepada penggubal kurikulum, pentadbir pendidikan dan guru-guru. Kajian yang dijalankan tertumpu kepada mengenal pasti punca-punca kepada masalah utama yang dihadapi dalam literasi bahasa Melayu murid-murid Semai. Kajian yang menggunakan reka bentuk kaedah

kualitatif kajian kes ini mendapati murid-murid Semai menghadapi masalah pembelajaran penulisan bahasa Melayu disebabkan faktor masalah utama, iaitu masalah membaca.

Kajian ini juga mendapati hanya sebahagian sahaja murid Semai yang boleh menjana ayat dengan menggunakan perbendaharaan kata yang mudah dan ayat yang dibina pula tidak banyak menggunakan imbuhan. Dalam pertuturan, murid-murid Semai lebih banyak menggunakan bahasa ibunda mereka, iaitu bahasa Semai, bukan sahaja di rumah tetapi juga dalam bilik darjah dan di persekitaran sekolah. Faktor-faktor lain yang menyumbang kepada penguasaan bahasa Melayu yang lemah dalam kalangan murid-murid Semai ialah faktor masalah daya ingatan, budaya pembelajaran, pengaruh rakan sebaya yang menyumbang kepada berlakunya budaya ponteng sekolah dalam kalangan murid-murid tersebut.

Ghazali Ismail, Mazlan Zaharuddin Mat Arof dan Mohamad Hanifah Moideen (2012) menjalankan kajian untuk mendapatkan pemahaman tentang minat dan sikap murid-murid Orang Asli di Pahang terhadap pengaplikasian teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Teknik-teknik drama seperti lakonan, pentomim dan beberapa aktiviti lain yang berkaitan dalam amalan pedagogi bahasa Melayu telah terbukti berjaya dalam memberikan inspirasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah kerana kepelbagaian medium dan aktiviti. Oleh yang demikian, kajian tersebut cuba untuk mendedahkan pengaruh teknik drama dalam minat dan sikap murid-murid terhadap subjek bahasa Melayu untuk melahirkan sikap positif terhadap pembelajaran secara umum.

Kajian yang melibatkan seramai 160 orang Murid Orang Asli dalam enam daerah di Pahang ini menganalisis data menggunakan frekuensi statistik. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa murid-murid Orang Asli berminat dalam suasana pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknik drama. Mereka mengambil bahagian secara aktif dalam semua aktiviti yang disediakan oleh guru. Kajian ini juga membuktikan bahawa dengan menggunakan teknik drama dalam kelas bahasa, sekolah tersebut lebih menarik kerana murid-murid Orang Asli sekarang berminat datang ke sekolah.

Zakaria Khalid dan Ariff Fadillah Khalil (2011) mengkaji tentang kesan aktiviti nyanyian lagu-lagu tarian sewang dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Orang Asli kaum Semai. Seramai 28 orang murid keturunan Semai di sebuah sekolah rendah menjadi responden kajian. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif dengan melakukan pemerhatian, mengedarkan kertas lembaran kerja dan soal selidik untuk dijawab oleh murid. Pengkaji menjalankan pemerhatian terhadap tingkah-laku murid di dalam kelas semasa pengkaji sendiri menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Tujuannya ialah untuk mengenal pasti sikap murid dalam pembelajaran dan tindak balas murid terhadap pengajaran.

Hasil kajian tersebut mendapati bahawa murid-murid Semai berminat dan tertarik dengan proses pengajaran bahasa Melayu yang dikendalikan kerana elemen muzik telah diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran tersebut. Murid-murid begitu aktif dan responsif terhadap aktiviti yang dilaksanakan. Dapatan kajian ini menyatakan bahawa murid-murid Orang Asli Semai berminat dengan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kerana aktiviti yang dijalankan oleh

guru cukup menarik. Selain itu, didapati murid-murid mudah untuk mengingat dan menghafal perkataan dan dapat menarik minat mereka untuk belajar subjek bahasa Melayu.

Vijayaletchumy Subramaniam, Che Ibrahim Bin Salleh dan Yong Chyn Chye (2013) telah menjalankan kajian yang bertujuan untuk menganalisis kesilapan ortografi leksikal dan mengklasifikasikan jenis-jenis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar asing (luar negara) dalam mempelajari bahasa Melayu. Seramai 114 pelajar asing daripada 21 negara yang belajar di institusi pengajian tinggi swasta dipilih sebagai sampel kajian. Pelajar-pelajar luar negara ini perlu mengikuti kursus bahasa Melayu selama empat belas minggu di universiti berkenaan. Bahasa Melayu bagi pelajar-pelajar asing ini adalah merupakan bahasa kedua selepas bahasa ibunda mereka, iaitu bahasa Inggeris. Bahasa Pengantar di universiti tersebut ialah bahasa Inggeris.

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah dengan menjalankan ujian bertulis dan pemerhatian dalam mengumpul data. Pengkaji juga menjalankan pemerhatian semasa guru mengajar di dalam kelas. Dalam kajian tersebut, elemen leksikal asas diuji merangkumi 10 aspek bahasa, iaitu warna (5 soalan), ahli keluarga (5 soalan), ungkapan maklumat asas (9 soalan), hari (5 soalan), waktu (5 soalan), nombor asas (6 soalan), ganti nama diri (5 soalan), ucapan (7 soalan), perkatataan pertanyaan (10 soalan) , dan perbendaharaan kata (12 soalan).

Dapatan kajian mendapati pelajar-pelajar asing melakukan banyak kesalahan dalam aspek nombor asas sebanyak 106 kali, diikuti oleh aspek waktu 97 kali dan aspek

kata tanya 96 kali. Dalam aspek warna, mereka melakukan kurang kesilapan, iaitu 48 kali. Masalah pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar asing ialah disebabkan oleh kekurangan aplikasi dan latihan yang mencukupi bahasa Melayu menyebabkan mereka kerap melakukan kesalahan dalam mengeja.

Kajian Dalam Negara Yang Menerapkan Teori Krashen

Terdapat kajian-kajian tentang bahasa kedua yang telah dijalankan di dalam negara yang menerapkan teori bahasa kedua Krashen (1987). Puranee (2012) dalam kajiannya bertajuk *Extensive Reading and its effectiveness on reading comprehension skills of year 5 students of SK Taman Bukit Tiram* memilih 40 orang murid tahun lima sebagai sampel kajian yang menggunakan kaedah reka bentuk separa eksperimen untuk mengukur keberkesanan melalui pembacaan yang banyak untuk meningkatkan pemahaman pembacaan.

Pengkaji menyatakan teori yang menyokong keberkesanan membaca secara membanyakkan membaca dalam meningkatkan pemahaman ialah dengan mengaplikasikan *Hipotesis Input* oleh Stephen Krashen (1987) yang memberikan penekanan bahawa pemerolehan bahasa kedua menjadi mudah jika pemeroleh diberikan input komprehensif secukupnya dan apabila pembelajaran dilakukan dalam suasana bebas tekanan. Hipotesis bahasa kedua tersebut mempercayai bahawa bahasa kedua diperoleh dengan cara memahami mesej yang disampaikan/diterima. Pengkaji menyokong pandangan Krashen yang menyatakan bahawa pemerolehan bahasa berlaku sekiranya pemeroleh mendapat input komprehensif secukupnya.

Puranee (2012) dalam mengaplikasikan *Hipotesis Saringan Pengaruh* Krashen (1987) pula menyatakan bahawa suasana kelahiran keraguan, adalah suatu saringan yang berkesan yang bertindak sebagai blok fikiran yang mencegah pemeroleh daripada penggunaan sepenuhnya input yang mereka terima. Tetapi apabila penyaring rendah, pemeroleh boleh memahami sepenuhnya mesej dan menggunakan input untuk meningkatkan kemahiran bahasanya. Berdasarkan hipotesis ini, dalam suasana keraguan yang rendah, iaitu suatu suasana pemeroleh berasa tenang dan dan selesai, mereka belajar dalam keadaan lebih baik. Suasana ini menghasilkan pencapaian pembacaan yang baik kerana pemeroleh membaca buku mengikut pilihan mereka bersesuaian dengan minat. Dalam suasana sedemikian murid-murid membaca bersesuaian dengan kadar dan tahap mereka. Mereka tidak melakukan usaha secara sedar dalam membaca kerana mereka tidak diperlukan untuk mengambil ujian. Mereka hanya membaca untuk keseronokan dan kepuasan sendiri.

Puranee (2012) mendasarkan kajiannya bersesuaian dengan hujah Krashen (1987) bahawa membaca adalah suatu sumber awal suatu kemahiran dalam penulisan, gaya, nahu, begitu juga perbendaharaan kata dan mengeja. Pemeroleh seharusnya digalakkan berada dalam suasana pembacaan santai, kerana ini merangsang pembangunan bahasa dan memberikan sumbangan yang bermakna kepada perkembangan kognitif. Maksudnya, pembacaan santai ialah membaca menurut minat dan keseronokan yang dilakukan secara sedar.

Ab. Razak Ab. Karim dan Muhammad Saiful Haq Hussin (2011) menjalankan kajian yang bertujuan untuk mengesan tahap penguasaan bacaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Thiland di Islamic Sant/Tham Foundation School di Nakhon

Si Thammarat, Thailand. Seramai 74 orang murid berumur 13 hingga 15 tahun yang dipilih secara rambang oleh guru dan seramai 6 orang guru yang terlibat secara langsung dengan pengajaran bahasa Melayu menjadi sampel kajian.

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan melakukan rakaman temu bual secara tidak berstruktur dan, pemerhatian dan di dalam bilik darjah semasa proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) berjalan. Kajian mendapati murid-murid tidak mampu menguasai tahap bahasa Melayu sejajar dengan usia dan kemahiran yang sepatutnya berasaskan tahap umur dan kandungan sukatan pelajaran yang sepatutnya mereka kuasai.

Dalam kajian tersebut, penyelidik mengaplikasikan teori bahasa kedua oleh Krashen (1987) yang berasaskan lima prinsip/hipotesis (Hipotesis Pemerolehan dan Pembelajaran, Hipotesis Pemantau, Hipotesis Susunan Semulajadi, Hipotesis Masukan, dan Hipotesis Saringan Pengaruh). Berdasarkan teori tersebut, pengkaji bersetuju dengan pernyataan bahawa pembelajaran dan pemerolehan bahasa adalah satu proses memasukkan bahasa ke dalam fikiran melalui pencaindera. Proses pemerolehan dan penguasaan bahasa ini berlaku kepada pemeroleh sejak lahir tanpa diajar oleh sesiapa dan tanpa disedari. Pemeroleh memerlukan pendedahan yang sebanyak mungkin kepada bahasa dalam lingkungan kehidupannya.

Dalam kajiannya juga, penyelidik menyatakan untuk memperoleh kejayaan, tiga perkara perlu diambil kira oleh pemeroleh, iaitu pertama, seseorang itu memerlukan masa yang mencukupi; kedua, perlu memberikan tumpuan dan fokus; dan ketiga, perlu mengetahui hukum dan peraturan suatu bahasa sasaran.

Nazri Abu Bakar, Muhammad Salaebing, Shamsinah Salleh, Norizillah Rodzes dan Fatahiyah Mohd. Ishak (2012) dalam kajian yang bertajuk *Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran Bahasa* menyatakan bahawa penggunaan pembangunan pembelajaran bahasa kedua berbantuan komputer dalam pengajaran bahasa mempunyai asas yang kuat berdasarkan teori pembelajaran dan pemerolehan bahasa kedua dalam Teori Monitor Krashen (1987).

Menurut teori tersebut, setiap murid yang mempelajari bahasa mempunyai mekanisme pemantau yang dipengaruhi oleh perasaan, sikap, dan persepsinya sendiri. Mereka menyatakan bahawa murid yang ragu tidak akan dapat belajar dengan baik dan tidak dapat menghasilkan pertuturan atau penulisan yang baik sekiranya dia mempunyai persepsi bahawa bahasa keduanya lemah, bimbang ditertawakan sekiranya melakukan kesilapan, dan mempunyai perasaan negatif dalam diri. Menurut teori tersebut, pemantau akan menentukan kemampuan seseorang untuk memahami input yang didengar dan kefasihan lidahnya bertutur atau menulis dalam bahasa kedua yang dipelajari.

Kajian tersebut juga menyatakan bahawa kewujudan suatu persekitaran yang kaya dengan input bahasa serta suasana bebas tekanan adalah perlu bagi menjayakan proses pembelajaran dan pemerolehan bahasa sasaran berjalan lancar. Perkara ini dapat dicapai dengan pembelajaran bahasa berbantuan komputer, iaitu suatu peranti yang tidak mempunyai perasaan dan dengan itu murid tidak akan merasa malu atau takut sekiranya membuat kesilapan dalam proses interaksi pembelajaran bahasa. Komputer memberikan ruang yang secukupnya kepada murid untuk membaiki kesilapan dan meningkatkan penguasaan kefahaman dan kemahiran

bahasa mengikut kemampuan sendiri. Hal ini mendorong murid untuk lebih aktif dalam proses pembelajaran bahasa sasaran.

Kajian Di Luar Negara

Robinson-Zanartu (1996) telah membuat kajian tentang pendidikan murid Orang Asli di Alberta, Canada, Amerika Syarikat. Fokus kajian ini ialah terhadap murid-murid Orang Asli peringkat sekolah rendah. Dalam dapatan kajiannya, beliau menyatakan bahawa kegagalan yang dialami oleh kanak-kanak Orang Asli adalah sedikit sebanyak ada hubung kaitnya dengan guru dan kakitangan sekolah. Kakitangan sekolah dikatakan tidak pernah terdedah atau menerima latihan yang sesuai dalam budaya dan sejarah penduduk Orang Asli dan sekolah, termasuk pengetahuan tentang faktor prosedur pendidikan perdana, kurikulum, dan seringkali berlaku penilaian yang tidak memuaskan. Pelbagai bukti berkenaan kegagalan sistem menunjukkan bahawa untuk menyediakan sistem pendidikan yang bersesuaian dengan budaya murid-murid dan masyarakat Orang Asli, guru-guru dan kakitangan sekolah mesti terlebih dahulu memahami secara menyeluruh tentang hubungan antara budaya dan pengalaman pendidikan Orang Asli.

Perreault (2009) menyatakan bahawa di Alberta, keseluruhan kadar pemenjaraan dalam kalangan orang dewasa Orang Asli yang berumur di antara 20 dan 34 tahun 9.3 kali lebih tinggi berbanding golongan muda bukan Orang Asli mempunyai hubung kait dengan taraf pendidikan dan status kerjaya. Royal Commission on Aboriginal Peoples (1996) menyatakan dari 1981 hingga 1991, hanya 37% murid kaum pribumi menamatkan pengajian peringkat sekolah tinggi, berbanding 65% penduduk awam dan hanya 9% daripada jumlah murid itu memasuki universiti

dengan cuma 3% daripadanya menamatkan pengajian. Siggner dan Costa (2005) mendapati bahawa sebab utama murid-murid Orang Asli meninggalkan alam persekolahan awal adalah disebabkan oleh perasaan bosan bagi murid lelaki dan sebaliknya sebab-sebab kehamilan dan menjaga anak oleh murid perempuan.

Dapatan daripada kajian-kajian yang telah dijalankan seringkali menyatakan bahawa kekerapan ketidakhadiran murid Orang Asli dan tiadanya penglibatan ibu bapa mereka merupakan suatu budaya umum akan sikap tidak endah mereka terhadap pendidikan. Walau bagaimanapun, konsep Orang Asli terhadap pendidikan adalah lebih banyak bergantung kepada nilai budaya suatu kumpulan atau puak dan belajar tanpa buku yang dilalui terlalu berbeza daripada konsep matlamat akademik dan kejayaan negara Barat (Robinson-Zanartu, 1996).

Ringkasnya, suatu gambaran menyeluruh pandangan dunia tentang Orang Asli ialah adanya sistem kepercayaan dan dasar yang difahami dan diterima oleh setiap individu dalam kumpulannya (Robinson-Zanartu, 1996) mungkin berguna dalam memahami fenomena berkaitan. Kepercayaan dalam semua aspek kehidupan, fizikal juga jiwa, adalah saling berhubungan. Pandangan dunia tentang persoalan dan pemikiran yang berkaitan dengan manusia dalam semua budaya pada dasarnya boleh didefinisikan sebagai filosofi kehidupan.

Pengajaran Orang Asli yang memiliki nilai diri tersendiri berselari dengan pembelajaran kemahiran tradisional dan sumber-sumber semula jadi adalah sumber utama untuk memperoleh pengetahuan. Robinson-Zanartu (1996) menggunakan contoh nyanyian dan penceritaan yang merupakan suatu tradisi Orang Asli yang

populer untuk menerangkan pandangan budaya terhadap pembelajaran. Pada satu peringkat, mereka mengajar dalam pembelajaran dan pemikiran sedemikian sebagai kesan dan batas waktu orientasi. Pembelajaran sebegini dalam kehidupan mereka dapat membentuk pendidikan asas. Walau bagaimanapun, cara Orang Asli mendefinisikan pendidikan kelihatannya berbeza daripada tanggapan perdana.

Battiste dan Henderson (2000), Weber-Pillwax (2001), dan Steinhauer (2002) dalam kajiannya tentang pendidikan Orang Asli Algonquin di Amerika Utara berhujah bahawa untuk mendefinisikan pendidikan Orang Asli adalah bukan satu tugas yang mudah. Pernyataan Battiste dan Henderson (2000) bahawa suatu tanggapan sama dengan budaya tidak wujud dalam pemikiran Kaum Orang Asli Algonquin mungkin boleh dijadikan sebagai petunjuk bahawa pandangan dunia Orang Asli adalah berbeza daripada pemikiran perdana. Murid-murid Orang Asli Algonquin telah mengalami satu era meminjam perkataan dari bahasa Cree yang begitu banyak.

Ramp dan Smith (2004), dalam mengkaji definisi dan motivasi bagi pendidikan dalam puak Pii'kani di Alberta, Kanada mendapati bahawa pendidikan ideal puak Pii'kani tidak dapat dipisahkan dan terikat dengan ekonomi serta politik masyarakat tempatan. Sikap yang salah, berkongsi sesama ahli, pergi ke sekolah dan mengumpulkan modal bertentangan dengan kepentingan orang lain dan menimbulkan rasa geram, ialah suatu jalan yang dirujuk oleh mereka sebagai cara Orang Putih. Jika cara murid-murid Orang Asli bergaul untuk belajar boleh difahami, penyesuaian dan campur tangan boleh dilaksanakan dengan cara lebih menarik, boleh membuka minda dan minat mereka terhadap kejayaan.

Kajian yang dijalankan oleh Kanu (2002) bertujuan untuk mengenal pasti cara pemahaman yang dipertingkat tentang pengaruh budaya ke atas pembelajaran murid-murid Orang Asli boleh membawa kepada pengajaran yang lebih bermakna. Kajian telah dijalankan dalam kalangan pelajar-pelajar Orang Asli peringkat sekolah menengah di Sekolah Tinggi Winnipeg di Manitoba, Kanada. Kaedah yang diterapkan ialah strategi pencapaian, dan penghasilan bahan arahan berkesan, disesuaikan dengan pendekatan pembelajaran tradisional Orang Asli, pola interaksi lisan, konsep diri, kerelevanan kurikulum dan gaya antara perseorangan pendidik. Maka dengan itu akan menghasilkan pencapaian akademik yang lebih tinggi dan pengekalan kadar celik huruf dalam kalangan murid Orang Asli.

Dalam kajiannya, Kanu (2002) menyatakan bahawa aya pembelajaran yang nampaknya mempunyai asas yang kuat dalam budaya Orang Asli ialah pembelajaran melalui pemerhatian. Beliau juga menyatakan, bertentangan dengan kanak-kanak Euro-Amerika, yang nampaknya didikan dan pemilihan untuk ungkapan linguistik adalah berorientasikan ke arah komunikasi lisan sebagai jentera pembelajaran; kanak-kanak Orang Asli telah membangunkan kaedah pembelajaran bercirikan pemerhatian dan peniruan.

Kanu (2002) menyatakan bahawa dapatan tersebut adalah penting kerana kelainan kaedah pembelajaran sedemikian mempunyai kesan yang meluas dalam pendidikan formal bagi murid-murid Orang Asli, terutamanya dalam melihat fakta bahawa sistem pendidikan formal boleh dikatakan memberikan kebaikan kepada pihak yang tinggi kebolehan lisannya. Dalam dapatan kajiannya, ada murid Orang Asli di Alberta yang mengatakan bahawa selagi perkara yang disoal berkaitan dengan

sekolah, dia tidak berminat untuk memberikan tindak balas. Sikap membisu murid Orang Asli dalam bilik darjah merupakan satu fenomena biasa bagi sekolah yang mempunyai murid Orang Asli.

Menurut Kanu (2002) lagi, usaha guru-guru dan masyarakat Orang Asli buat masa ini menuju ke arah mengekalkan penerusan di antara budaya rumah dan sekolah. Usaha-usaha yang dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Orang Asli ialah mengambil guru-guru berpengalaman dan guru-guru yang berketurunan Orang Asli, sekolah kumpulan terkawal dan kurikulum berasaskan nilai-nilai tradisional. Walau bagaimanapun, Bradley (1984) menghujahkan, dalam usaha ke arah mengajar murid berkait dengan budaya mereka melalui kurikulum, disebabkan terlalu banyak masa diberikan kepada nyanyian dan permainan tradisional, murid gagal memperoleh kemahiran yang diperlukan untuk hidup di dalam dunia sebenar selepas mereka menamatkan persekolahan. Hujah Bradley nampaknya memang berasas dan merupakan masalah pokok yang perlu diatasi.

Dengan pengukuhan yang betul, murid-murid yang terbeban boleh terhindar daripada ketakutan akan kehilangan identiti puak mereka, dan bergerak lebih dekat kepada mengkonsepkan semula kecemerlangan akademik begitu juga hak keistimewaan mereka. Walau bagaimanapun, hubungan mungkin akan menjadi lebih kompleks; murid-murid yang lebih sensitif dengan identiti Orang Asli mungkin akan menolak matlamat akademik Barat kerana ia tidak selaras atau bertentangan dengan cara tradisional mereka Bradley (1984).

Oliver (2003) dalam kajiannya tentang kesedaran dan pemahaman guru tentang bahasa Inggeris Orang Asli di barat Australia menyatakan bahawa penilaian tentang kemahiran mengenal huruf menunjukkan bahawa murid-murid Orang Asli tidak mencapai tahap yang sama seperti rakan sebaya bukan Orang Asli mereka. Banyak murid Orang Asli bercakap Bahasa Inggeris versi Orang Asli, iaitu suatu dialek yang berbeza daripada Bahasa Inggeris Australia standard yang digunakan di sekolah. Kajian menunjukkan bahawa amat penting bagi seseorang guru memiliki dwidialek dalam konteks untuk lebih memahami bahasa rumah murid dan untuk mendapatkan tindak balas pendidikan yang diingini.

Hari ini telah difahami umum bahawa mengekalkan bahasa ibunda murid adalah penting untuk menentukan kejayaan mereka dalam mempelajari bahasa kedua. Pemahaman ini telah diperluaskan untuk menilai kepentingan dialek bahasa ibunda. Kajian membuktikan bahawa ada hubung kait antara lokasi sekolah yang guru mengajar dan sikap mereka terhadap bahasa Inggeris Orang Asli. Kajian mendapati bahawa para guru di kawasan pedalaman lebih biasa dengan bahasa Inggeris. Mereka selesa dan lebih berkeyakinan dengan penggunaan bahasa Inggeris di sekolah berbanding dengan guru di bandar (Oliver, 2011). Bandura (1997) menyatakan bahawa sekolah memainkan peranan penting dalam menggalakkan pendidikan kepada sesebuah kaum kerana di sekolahlah tempatnya terdapat kanak-kanak pelbagai peringkat umur, status sosioekonomi, latar belakang budaya dan etnik.

Kirkness (1999) menyatakan bahawa Orang Asli di Canada ialah masyarakat yang terkenal dengan pegangan kerohaniannya yang begitu kuat. Kejayaan seseorang

diukur secara jumlah khidmat yang telah disumbangkan kepada puaknya. Gaya hidupnya, fikirannya dan segala tindak tanduknya adalah berasaskan kepentingan kerohanian (Seton & Seton, 1977). Secara tradisinya, segala pengajaran dan pembelajaran dalam masyarakat Orang Asli adalah bagi seluruh masyarakat, dalam konteks gaya hidup budaya mereka.

Menurut Kirkness (1999), pada abad ke-17 mubaligh Eropah datang menubuhkan sekolah untuk Orang Asli Kanada yang bertujuan untuk memberi pendidikan kepada mereka. Yang pasti hanya sedikit yang dapat dilakukan ke atas kanak-kanak Orang Asli. Mereka hanya boleh diajar cara-cara berkebun, menternak, dan berpakaian lebih sopan. Kanak-kanak yang pergi ke sekolah hanya mempelajari sedikit ilmu sedangkan cita rasa mereka adalah terbentuk di rumah dan sikap tidak suka berusaha atau bekerja keras yang diwarisi tidak akan dapat diatasi. Perkara sebenar yang terjadi ialah sekolah yang ditubuhkan memberikan tekanan kepada murid-murid Orang Asli. Murid lelaki diarah membersihkan kandang, memberikan makan haiwan peliharaan, membaiki mesin yang rosak dan bekerja di ladang. Murid perempuan pula diarah mengemas sekolah, membasuh dan mengemas pakaian, membuat kerja-kerja di dapur, menyental lantai dan melakukan kerja-kerja rumah.

Mereka cuma menghabiskan masa di sekolah separuh hari sahaja dan diberikan pendidikan asas yang bertujuan untuk menyediakan murid dengan kerja-kerja rumah dan kehidupan Kristian. Tidak banyak faedah yang diperolehi di sekolah. Ramai yang mati disebabkan cacar air, batuk kering dan sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh rasa kesunyian terpisah dari keluarga. Apabila ditinjau kembali, pendidikan Orang Asli di Kanada boleh dikatakan sebagai tidak berkesan dari segi

sejarahnya 300 tahun dahulu. Setelah melalui perubahan dan permodenan, sekarang telah ramai yang menamatkan pengajian pada peringkat universiti dan perhatian masih diberikan kepada kejayaan pendidikan di semua peringkat. Banyak pihak sedar bahawa pendidikan Orang Asli adalah merupakan fenomena jiwa dan budaya (Kirkness, 1999).

Deer (2006) dalam kajiannya menyatakan bahawa dalam awal tahun 70-an Orang Asli di Kanada telah mula merancang sesama mereka dalam usaha untuk menemui dan menghidupkan semula pengetahuan tradisioanal, warisan dan kesedaran masyarakat mereka. Sejak itu, kajian yang sewajarnya bagi Orang Asli dan masyarakatnya menjadi isu penting. Dalam bidang pendidikan, kajian tentang murid-murid Orang Asli menghadapi situasi yang mencabar apabila seseorang mempertimbang bahawa satu sekolah mungkin berada dalam konflik dengan masyarakat sekitarnya dari segi struktur dan nilai. Proses memperoleh suatu pemahaman tentang tingkah laku murid dan suasana sekolah dalam sekolah Orang Asli memerlukan suatu fokus ke atas nilai, kepercayaan, hubungan dan sejarah berkaitan dengan murid-murid Orang Asli, unsur-unsur yang boleh menjadi sukar untuk menilai dalam persekitaran sekolah, terutamanya dalam pebagai etnik atau memiliki nilai-nilai yang berbeza.

Kajian ini pada amnya meneroka tentang pengetahuan Orang Asli yang mungkin boleh digunakan sebagai suatu kanta sekiranya seseorang mencuba untuk memahami tingkah laku murid dan sekolah Orang Asli. Dalam analisisnya, Deer (2006) menyatakan bahawa dalam usaha memahami situasi sekolah Orang Asli, adalah

penting untuk mengetahui unsur-unsur nilai dan warisan yang wujud dalam kalangan murid-murid sebagai subkumpulan di sekolah tersebut.

Dalam mengkaji tingkah laku manusia dan fenomena sosial dalam kalangan Orang Asli, mengetahui tentang wujudnya kepercayaan, tradisi, nilai-nilai dan upacara amal adalah penting. Mempertimbang fenomena persekolahan Orang Asli semasa dengan memfokus ke atas ketelitian budaya suatu kumpulan mungkin melibatkan usaha untuk mengenali isu-isu etika dan sosiosejarah yang wujud dalam kalangan kumpulan manusia itu (Deer, 2006).

Kajian Eckermann (1998) menganalisis corak hal ehwal Orang Asli Australia dan pendidikan mereka semenjak zaman kolonial. Pengaruh corak berkenaan ke atas inisiatif pendidikan hampir 20 tahun lalu diterokai secara mendalam. Dalam perbincangannya, pengkaji menekankan tentang hal berat sebelah sistem dan kekuatan struktur yang berterusan mempengaruhi peluang kehidupan Orang Asli dan, pencapaian pendidikan dalam kalangan Orang Asli Australia walaupun polisi negeri dan persekutuan dibentuk untuk meningkatkan pencapaian dan kesaksamaan pendidikan bagi semua rakyatnya. Yang dibimbangkan ialah bahawa polisi seperti itu tidak bersepadu dengan pembangunan masyarakat dan kelihatannya berterusan menekankan pemahaman berbanding jati diri. Dengan itu, pendidikan Orang Asli kelihatannya memburukkan lagi tahap kekecewaan dalam masyarakat Orang Asli. Isu-isu ini digambarkan dengan suatu analisis pencapaian pendidikan dalam kalangan murid-murid dalam hubungannya dengan lain-lain kaum di Australia dan kewangan kerajaan.

Tsou (2010) menyatakan Orang Asli di Taiwan berpendapat bahawa pendidikan di sekolah hanya memberi faedah kepada murid-murid bukan Orang Asli. Orang Asli percaya bahawa pergi ke sekolah bukan hanya membazirkan waktu tetapi juga memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Pada hakikatnya, kerajaan Taiwan memberi sokongan dan peruntukan yang besar kepada Orang Asli. Mereka boleh memohon untuk kelas tambahan percuma sama ada bagi yang belajar di sekolah kerajaan atau swasta, dan dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi. Tetapi malangnya, sehingga sekarang Orang Asli Taiwan tidak mendapat maklumat yang cukup tentang dasar tersebut. Sehingga sekarang juga pembangunan pendidikan Orang Asli dan membina sistem penasihat pendidikan merupakan isu yang besar bagi meningkatkan pencapaian akademik murid dan standard pendidikan Orang Asli.

Tsou (2010) dalam kajiannya mendedahkan, sejak tahun 1993 apabila kerajaan Taiwan membuka peluang pekerjaan kepada tenaga kerja asing daripada negara-negara Asia Tenggara, pasaran kerjaya telah distrukturkan semula. Merujuk laporan daripada Jawatankuasa Orang Asli, 3.78% daripada Orang Asli memiliki ijazah berbanding dengan 35.72 % bukan Orang Asli, dan 2/3 daripada Orang Asli bekerja dalam jawatan rendah. Banyak kilang, syarikat dan sektor perniagaan pula mengambil pekerja asing berbanding dengan Orang Asli Taiwan kerana ini menjimatkan kos. Persoalan yang ditimbulkan oleh Tsou (2010) dalam hal ini ialah tentang cara kerajaan meminta Orang Asli Taiwan untuk mengekalkan maruah dan hak mereka. Sekiranya mereka tidak berupaya menanggung kos keperluan hidup, bagaimana kerajaan bercakap untuk meningkatkan tahap pendidikan mereka?

Tsou (2010) dalam dapatannya menyatakan bahawa walaupun dasar pendidikan Orang Asli Taiwan telah dilaksanakan lebih daripada 10 tahun, kedua-dua kualiti dan kuantitinya masih tidak meningkat. Golongan atasan masih memiliki sikap tradisional yang tidak terlibat dalam dasar kerajaan, semata-mata mahu menjaga dan mengekalkan kedudukan mereka. Selain itu, hampir kesemua penggubal dasar bukan terdiri daripada Orang Asli; mereka tidak mempunyai perasaan timbang rasa terhadap Orang Asli.

Maka, tugas utama untuk meningkatkan kualiti pendidikan Orang Asli adalah peranan kerajaan dan cerdik pandai yang boleh bercakap atau mengkritik segala macam kecacatan rancangan dan proses tersebut. Untuk menutup jurang pencapaian bukan sekadar kata-kata, tetapi bertindak. Kerajaan Taiwan perlu bangun dan tidak menipu sesiapa. Jika tidak, banyak lagi rancangan setiap lima tahun Pembangunan dan Pembaikan Dasar Pendidikan Orang Asli Taiwan tidak dapat menyelesaikan masalah utama (Tsou, 2010).

Kajian Luar Negara Yang Menerapkan Teori Krashen

Fourcin (1975) dan Rodriguez (1981) menjalankan kajian tentang pemerolehan bahasa kedua dalam kalangan kanak-kanak yang berumur antara 6 tahun hingga 12 tahun. Dapatan kajian menyatakan bahawa murid-murid bahasa kedua selalunya melalui jangka masa senyap pada peringkat permulaan pembelajaran. Pengkaji menyatakan bahawa kanak-kanak memperoleh bahasa kedua kebiasaannya melalui jangka masa senyap pada permulaan mereka tiba di negara baru dan mula bercakap pada peringkat kemudiaannya.

Semasa jangka masa senyap tersebut, kanak-kanak dikatakan membina kemahiran dalam bahasa kedua melalui pendengaran, iaitu dengan memahami bahasa di sekeliling mereka. Ini berkembang daripada hujah Krashen (1987) yang menyatakan bahawa murid-murid bahasa kedua dibenarkan berada dalam jangka masa senyap dalam kelas dan meminta mereka bercakap sebelum mereka bersedia mungkin akan mengganggu pembelajaran mereka.

Newmark (1996) pula dalam kajiannya menyatakan bahawa pemeroleh dewasa dan kanak-kanak dalam kelas bahasa formal, kebiasaannya tidak dibenarkan berada dalam suatu jangka masa senyap. Ini bertentangan dengan teori Krashen (1987) yang menyatakan bahawa kanak-kanak memperoleh bahasa kedua kebiasaannya melalui jangka waktu senyap pada peringkat permulaan. Semasa jangka waktu senyap adalah jangka masa bagi mereka membangunkan kemahiran bahasa kedua. Beliau juga menyatakan bahawa murid yang diminta untuk melahirkan bahasa yang baru dipelajari sebelum mereka bersedia akan berpatah balik kepada peraturan bahasa ibunda, maka mereka akan menggunakan peraturan sintaksis bahasa ibunda mereka semasa bertutur bahasa kedua.

Cook (1993) yang memfokus terhadap linguistik dan pemerolehan bahasa kedua dalam aspek morfologi menggunakan teori Krashen (1987). Kajiannya tentang morfologi pemerolehan bahasa kedua adalah tentang morfologi dan permasalahannya. Cook dalam kajiannya menyatakan bahawa teori Krashen adalah selari dengan kajian linguistiknya, contohnya pengaplikasian Peranti Pemerolehan Bahasa '*Language Acquisition Device*' (LAD). Cook (1993) menyatakan

penggunaan istilah dan konsep linguistik adalah agak berbeza dengan kebanyakan ahli linguistik. Walau bagaimanapun, beliau memberikan pandangan yang bijak tentang hujah-hujah teori Krashen, dan juga berupa kritikan yang membina.

Cook (1993) dalam kajiannya juga menyatakan bahawa konsep yang Krashen cadangkan ialah masalah dalam pemerolehan bahasa kedua bukannya disebabkan oleh gangguan bahasa pertama, tetapi lebih kepada pelajar mengambil jalan keluar untuk merujuk kepada bahasa pertama apabila mereka mencuba untuk menuturkan suatu perkataan dalam bahasa kedua yang tidak benar-benar diketahui dalam bahasa kedua tersebut. Maka, masalah ini bukan suatu gangguan tetapi merupakan suatu pengabaian yang disebabkan oleh kurangnya pemerolehan peraturan bahasa sasaran yang diperlukan dalam penggunaannya. Beliau menyatakan bahawa memindahkan daripada bahasa ibunda kepada bahasa kedua lebih merupakan pengabaian berbanding dengan pemindahan tabiat yang tidak dapat dielakkan.

Scarcella dan Higa (1982) dalam kajiannya menyatakan perbandingan kejayaan pelajar muda dan pelajar dewasa menggambarkan persediaan Input Komprehensif. Pendapat mereka adalah berdasarkan kajian seperti Krashen (1987) yang menyatakan bahawa pelajar dewasa lebih baik untuk pembelajaran bahasa kedua dalam jangka masa pendek dan kanak-kanak lebih baik untuk pembelajaran bahasa kedua dalam jangka masa panjang. Hujahnya ialah bahawa orang dewasa memperoleh peningkatan yang lebih cepat pada peringkat awal kerana mereka mendapat input lebih komprehensif, manakala pemerolehan pelajar muda lebih baik untuk jangka panjang disebabkan oleh kerana tapisan pengaruh mereka yang rendah. Hujah tersebut di sokong oleh Cook (1993) yang menyatakan bahawa pelajar dewasa

mempunyai lebih banyak pengalaman hidup, boleh menggunakan bahasa ibunda mereka untuk mengatasi masalah komunikasi dalam bahasa kedua dengan lebih mudah, dan lebih baik dalam pengurusan perbualan.

Fokus Kajian

Kajian-kajian tentang bahasa kedua yang telah dijalankan memberikan fokus kepada pelbagai peringkat usia, terutamanya murid-murid sekolah rendah seperti kajian yang dijalankan oleh Puranee (2012), Ab. Razak Ab. Karim dan Muhammad Saiful Haq Bin Hussin (2011), Nazri Bin Abu Bakar, Muhammad Salaebing, Shamsinah Bt. Salleh, Norizillah Bt. Mohd. Rodzes dan Fatahiyah Bt. Mohd. Ishak (2012), Jerie Anak Peter Langan dan Zamri Mahamod (2011) Suthanthiradevi (1996), Johari dan Nazri (2003), Abdull Sukor Shaari, Nuraini Yusoff, Mohd Izam Ghazali dan Mohd Hasani Dali (2011). Terdapat juga kajian di dalam negara tentang bahasa kedua yang memfokus terhadap murid-murid sekolah menengah seperti kajian oleh Abdullah Musa (2004) dan dalam kalangan pelajar asing di pusat pengajian tinggi seperti yang dijalankan oleh Vijayaletchumy Subramaniam, Che Ibrahim Bin Salleh dan Yong Chyn Chye (2013).

Kajian-kajian pendidikan dan bahasa kedua, terutamanya Orang Asli, yang kebanyakannya memberikan fokus terhadap murid-murid pada peringkat sekolah rendah seperti kajian oleh Fourcin (1975), Rodriguez (1981), Robinson-Zanartu (1996), Oliver (2003), Deer (2006), Tsou (2010). Selain itu, terdapat juga kajian yang memberi fokus terhadap pendidikan dan bahasa kedua dalam kalangan remaja dan dewasa seperti kajian yang dijalankan oleh Newmark (1996), Scarcella dan Higa (1982), Kirkness (1999), Perreault (2009), Battiste dan Henderson (2000), Weber-

Pillwax (2001), Eckermann (1998) dan Steinhauer (2002). Kanu (2002) menjalankan kajian tentang pembelajaran bahasa kedua dalam kalangan pelajar-pelajar Orang Asli peringkat sekolah tinggi.

Rumusan

Banyak kajian yang telah dijalankan tentang bahasa kedua di dalam dan di luar negara dari pelbagai aspek seperti tentang teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran, pencapaian murid, minat dan sikap murid dan kegagalan murid menguasai bahasa kedua dan faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan dan kegagalan. Di Malaysia sendiri, banyak kajian yang telah dijalankan tentang pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua seperti dalam kalangan murid-murid Iban, dalam kalangan murid-murid India dan dalam kalangan murid-murid Orang Asli, seperti murid-murid Orang Asli Semai.

Terdapat juga kajian yang mengkaji tentang teknik pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua terhadap murid-murid Orang Asli seperti menggunakan teknik drama dan teknik nyanyian dalam lagu-lagu yang terdapat dalam tarian sewang, iaitu tarian yang masih diamalkan oleh masyarakat Semai. Walaupun telah banyak kajian tentang bahasa Kedua yang melibatkan Orang Asli, namun tidak terdapat kajian tentang masalah pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid-murid Orang Asli Kensiu.

BAB EMPAT

METODOLOGI

Pendahuluan

Bab ini mengandungi metodologi kajian atau kaedah penyelidikan yang merangkumi langkah-langkah dan prosedur yang perlu dilaksanakan untuk mencapai objektif dan matlamat kajian. Metodologi yang digunakan adalah merupakan pengendalian kajian dan pengumpulan data yang akan diproses. Data yang dikutip akan dianalisis bersesuaian dengan permasalahan, objektif, dan persoalan kajian.

Dalam menjalankan kajian, penyelidik menggunakan kaedah kualitatif, bersesuaian dengan kajian ini yang merupakan satu kajian kes. Dalam mengumpul data, penyelidik menjalankan beberapa sesi temu bual, rakaman dan pemerhatian ke atas murid-murid Kensiu yang belajar di sebuah sekolah rendah yang terletak di daerah Baling, Kedah.

Selain daripada murid-murid, guru-guru dan ibu bapa murid-murid Orang Asli Kensiu, penyelidik juga mendapatkan kerjasama daripada Jabatan dan Pejabat Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) untuk menjalankan kajian. Sebelum melakukan kajian di sekolah dan di perkampungan Orang Asli Kensiu, penyelidik telah menghubungi dan menulis surat memohon kebenaran menjalankan kajian kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kuala Lumpur, Pejabat Hal Ehwal Orang Asli bahagian Utara dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malays (rujuk lampiran).

Asas Kegunaan Metodologi Kualitatif

Terdapat beberapa pertimbangan apabila penyelidik mengambil keputusan untuk menjalankan kajian menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif boleh digunakan untuk memahami dengan lebih baik sebarang fenomena, juga untuk memperoleh perspektif baru tentang perkara-perkara yang telah diketahui atau untuk memperoleh maklumat dengan lebih mendalam yang mungkin sukar menyalurkannya melalui kuantitatif (Strauss & Corbin, 1990). Dalam merancang kajian, penyelidik perlu menentukan strategi penyelidikan yang bersesuaian dengan kajian yang dijalankan. Denzin dan Lincoln (1994) menyatakan terdapat tujuh strategi dalam penyelidikan, iaitu (1) kajian kes; (2) pemerhatian etnografi dan peserta; (3) amalan fenomenologi, etnometodologi dan interpretif; (4) teori ‘grounded’; (5) kaedah biografi; (6) sains sosial sejarah; dan (7) kajian klinikal.

Daripada tujuh strategi di atas, penyelidik melihat kajian kes adalah bersesuaian dengan kajian yang akan dijalankan oleh penyelidik kerana dengan kajian kes membolehkan penyelidik mengumpul maklumat melalui pelbagai kaedah pengumpulan data. Walaupun demikian, pemilihan strategi adalah berkaitan dengan jenis soalan kajian, kawalan penyelidik ke atas tingkah laku informan dan persekitaran juga fokus semasa berbanding fenomena sejarah (Yin, 2003).

Pelbagai kaedah kajian kualitatif ditempatkan dalam penyelidikan naturalis dengan suatu pendekatan interpretif yang kebiasaannya digunakan untuk menjamin pemahaman yang mendalam tentang fenomena yang terkandung dalam persoalan kajian. Dalam menjalankan kajian, penyelidik menitikberatkan pertimbangan etika sebagai suatu yang penting dalam mengendalikan kajian kualitatif kerana kajian

akan melakukan sesuatu pendedahan maklumat tentang informan. Pelaksanaan garis panduan perlu menyedari cara pembuktian penyelidikan naturalis, dan pada masa yang sama perlu melindungi penyelidik.

Kajian kualitatif mengambil suatu pendekatan penafsiran naturalis ke atas subjek; penyelidik kualitatif mengkaji perkara-perkara dalam set biasa dan cuba untuk menjadikannya bermakna, atau mentafsir fenomena dari segi maksud yang dibawa kepada mereka (Denzin & Lincoln, 1994). Kajian kualitatif yang dijalankan oleh penyelidik bermula dengan penerimaan bahawa terdapat perbezaan cara yang dapat difahami berhubung maksud dalam lontaran percakapan informan yang dikaji, juga melalui cara memahami pandangan mereka tentang dunia mereka sendiri berbanding pandangan penyelidik.

Kebolehpercayaan dan kesahan

Kebolehpercayaan dalam temu bual boleh diperoleh melalui pengulangan temu bual terhadap informan yang sama dalam sampel. Sesi pengulangan temu bual dibuat dengan menanyakan soalan-soalan yang amat dikehendaki sahaja dan bukan mengulang semua soalan temu bual yang lepas (Laine, 2000). Manakala kebolehpercayaan bagi teknik pengumpulan data melalui pemerhatian dilihat daripada cara dan proses pemerhatian dilakukan. Jika penyelidik membuat pemerhatian langsung maka ia boleh menambah nilai kebolehpercayaan maklumat-maklumat pemerhatian (Laine, 2000).

Bagi kajian ini yang menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual, pemerhatian dan dokumen dalam usaha penyelidik untuk mengumpulkan sebanyak

mungkin maklumat atau data, penggunaan teknik triangulasi itu sendiri telah dapat memperkukuhkan kesahan kajian (Maaneen, 1983). Penggunaan teknik triangulasi yang digunakan oleh penyelidik, seperti pungutan data yang diperoleh melalui sumber dokumen bukan sahaja boleh menyokong dan menambahkan bukti daripada pelbagai sumber lain, tetapi juga menolong mengesahkan maklumat yang didapati daripada temu bual dan pemerhatian.

Kesahan dalam kajian berbentuk kualitatif (penggunaan temu bual, pemerhatian dan dokumen sebagai instrumen) tidak hanya tertumpu kepada hasil kajian tetapi keseluruhan proses penyelidikan (Marohaini Yusoff, 2001). Miles dan Huberman (1994) berpendapat tidak ada peraturan tertentu dalam pembinaan kesahan dalam kajian kualitatif. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen amat penting bagi mempertahankan kejitian instrumen daripada terdedah kepada kecacatan. Semakin tinggi nilai dan tahap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen maka semakin jitu data-data yang akan diperoleh bagi menghasilkan kajian yang lebih baik dan berkualiti.

Dengan menggunakan kaedah kualitatif, penyelidik menitikberatkan makna sesuatu fenomena dan pengalaman. Terdapat kecenderungan ingin tahu terhadap konteks sosial yang berkait dengan peristiwa-peristiwa yang terjadi dan mempunyai makna, dan terdapat penekanan ke atas pemahaman alam sosial daripada pandangan informan yang terlibat.

Kajian kualitatif menggunakan suatu pendekatan natural yang mencari jalan untuk mamahami fenomena dalam set konteks-spesifik, seperti set dunia sebenar yang

mendorong penyelidik untuk tidak memanipulasi fenomena kepentingan (Patton, 1990). Kajian kualitatif dimaksudkan sebagai suatu jenis kajian yang menghasilkan dapatan tidak melalui tatacara statistik atau dengan lain perkataan, kuantitatif, sebaliknya merupakan sejenis kajian yang menghasilkan dapatan dalam keadaan dunia sebenar suatu fenomena yang dapat dilihat secara semula jadi.

Analisis kualitatif menghasilkan suatu jenis pengetahuan yang berhujah berdasarkan sifat dasar setiap paradigma, dan temu bual yang lengkap. Penyelidik sedaya upaya cuba menyatukan penglibatan dan peranan pihak-pihak yang terlibat dalam proses kajian. Patton (1990) menyokong penglibatan dan fokus penyelidik ke atas kajian dengan membincangkan bahawa dunia sebenarnya bergantung kepada perubahan dan dengan itu, seseorang penyelidik kualitatif perlu merakamkan suatu peristiwa sebelum dan selepas berlakunya perubahan.

Penyelidik menguji dan menunjukkan bahawa kajian yang dijalankan boleh dipercayai. Kebolehpercayaan kajian kualitatif adalah bergantung kepada instrumen yang bermaksud kebolehpercayaan kajian kualitatif yang dijalankan oleh penyelidik dalam kajian ini adalah bergantung kepada kebolehan dan keupayaan penyelidik sendiri. Kriteria kebolehpercayaan bagi kajian kualitatif bertumpu ke atas peranan mengenal pasti dan mendokumenkan ciri-ciri sebagai pola, tema, pandangan dunia, dan lain-lain fenomena yang dikaji dalam konteks manusiawi yang serupa atau yang berbeza dengan tepat dan sejajar atau yang tidak sejajar secara berulang-ulang.

Penyelidikan fenomena, atau kajian kualitatif, menggunakan pendekatan naturalis yang mencari untuk memahami fenomena dalam set konteks khusus (Patton, 1990).

Kajian kualitatif, didefinisikan secara umum sebagai jenis kajian yang menghasilkan dapatan yang tidak melalui prosedur statistik atau lain-lain cara kuantifikasi (Strauss & Corbin, 1990). Dalam menggunakan kaedah kualitatif dalam kajian ini, penyelidik mencari kejelasan, pemahaman, dan jangkaan kepada situasi yang sama.

Dalam menentukan bahawa kajian yang dijalankan ialah suatu yang sah, penyelidik meyakinkan pembaca bahawa sampel yang terlibat juga diperhatikan selain di temu bual. Konteks budaya juga dikemukakan. Disebabkan oleh tujuan untuk mendapatkan data yang lebih jitu, penyelidik tidak hanya menemu bual guru-guru sekolah berkenaan, malahan penyelidik juga menemu bual dan memerhati murid-murid Kensi juga beberapa ibu bapa murid yang terlibat secara langsung dengan kehidupan murid.

Pertimbangan Etika

Menghormati khalayak dan penggunaan bahasa yang tidak berbau diskriminasi adalah merupakan salah satu isu etika yang diberikan perhatian oleh penyelidik. Dari awal kajian, penyelidik telah memikirkan perkara ini kerana penyelidik mesti menghormati hak-hak informan, menghormati kawasan kajian yang dilawati, dan melakukan laporan kajian secara menyuluruh dan sejujur mungkin.

Berpandukan garis panduan dalam membuat suatu kajian, penyelidik sedia maklum bahawa informan yang mengambil bahagian dalam kajian mempunyai hak-hak mereka yang perlu dihormati. Sebelum menyertai suatu penyelidikan, setiap informan perlu dimaklumkan tentang tujuan dan matlamat kajian, kegunaan hasil kajian, dan kesan sosial kajian ke atas kehidupan mereka. Mereka juga mempunyai

hak untuk menolak daripada terlibat dalam kajian dan berhak menarik diri pada bila-bila masa. Menurut Creswell (2008), apabila mengambil bahagian dan memberikan maklumat, keselamatan diri informan mesti dilindungi dan dijamin oleh penyelidik

Dalam mana-mana metodologi, pertimbangan etika adalah penting, demikian juga dalam kajian kualitatif yang melakukan pendedahan tentang informan. Etika bermaksud suatu set prinsip moral dan peraturan pengendalian yang mengandungi prinsip yang melindungi keselamatan pihak-pihak tertentu dalam situasi yang baik dan adil. Etika, menurut Sieber (1993) berhubung dengan *'the application of a system of moral principle to prevent harming others, to promote the good, to be respectful, and to be fair'* (hlm. 14). Burgess (1985) menyatakan pendekatan kerja lapangan melibatkan hubungan yang rapat di antara penyelidik dengan individu-individu yang ditemu bual dan diperhati. Ini penting kerana perkembangan hubungan itu jelas terjalin dengan kedua-dua hasil kajian dan sifat data yang diperoleh.

Dalam kajian ini, isu-isu etika adalah berpusat kepada dua bidang utama pertimbangan, iaitu keizinan yang telah dipersetujui, dan perlindungan bagi informan. Keizinan yang telah dipersetujui merujuk kepada apabila seseorang informan kajian bersetuju dan berpuas hati *'voluntarily agree to participate in the research project based on a full disclosure of pertinent information'* (Tymchuk, 1992: hlm. 128), maksudnya informan secara rela bersetuju untuk mengambil bahagian dalam projek kajian berdasarkan kepada pendedahan penuh maklumat berkaitan.

Dalam kajian ini, penyelidik memastikan supaya ciri-ciri sulit data yang diperoleh daripada semua informan dalam kajian ini dilindungi. Sebelum temu bual bermula, kerahsiaan dan penggunaan nama samaran telah dipersetujui di antara informan dan penyelidik. Tiada satu pun nama informan, iaitu murid Kensiu, guru-guru, pegawai JHEOA dan lain-lain pihak yang digunakan dalam kajian ini merupakan nama sebenar. Mengikuti temu bual, rundingan tentang laporan informan dilaksanakan untuk memastikan pandangan mereka dilaporkan dengan betul dan didokumentasikan secara adil.

Keizinan dan kerelaan daripada informan kajian diperlukan dan telah diperolehi daripada Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PKHEM) sekolah terbabit. Membiasakan diri dengan murid-murid Kensiu ialah satu lagi faktor penyumbang ke arah memperoleh keizinan daripada informan. Usaha penyelidik membiasakan diri dengan murid-murid Kensiu, guru-guru dan pihak pentadbiran sekolah dapat menjalin hubungan yang baik dalam menghindari rasa ragu-ragu dan tergugat.

Keputusan penyelidik untuk menggunakan metodologi kualitatif dalam kajian ini adalah berkaitan dengan berbagai-bagai faktor, termasuk bentuk masalah yang hendak diselidik, keadaan kajian, sumber-sumber yang terdapat dan kecenderungan penyelidik sendiri. Pilihan metodologi kajian oleh penyelidik adalah secara kritisnya bergantung kepada hubungan di antara metodologi dan objektif kajian. Terdapat dasar bagi setiap kajian, dan keputusan asas terhadap metodologi dan persoalan yang sering timbul ialah sama ada maklumat yang dikumpul memberikan bukti kepada jawapan-jawapan yang dikemukakan atau tidak.

Tumpuan penyelidik dalam melakukan kajian kes kualitatif ialah terhadap tanggapan dan pengalaman informan, dan cara mereka menjalani kehidupan sehari-hari. Percubaan yang ingin dilaksanakan ialah untuk memahami akan keadaan kehidupan sebenar. Kajian kualitatif ini menumpukan kepada proses yang berlaku begitu juga hasil yang akan diperoleh. Penyelidik, secara khususnya berminat untuk mengetahui dan memahami cara dan sebab suatu perkara itu terjadi.

Terdapat beberapa sebab yang mendorong penyelidik menggunakan metodologi kualitatif dalam arena kajian pendidikan. Penyelidik dilatih dalam penggunaan reka bentuk kualitatif dalam menghadapi cabaran-cabaran sebenar apabila dikehendaki menggunakan atau mengajar kajian kualitatif. Dalam menggunakan kaedah kualitatif dalam menjalankan kajian, tugas penyelidik ialah mengendalikan kesubjektifan kerja.

Memastikan kaedah yang digunakan oleh penyelidik bersesuaian, betul dan tepat adalah faktor yang sangat penting dalam menjalankan kajian untuk menghasilkan penelitian yang berkesan. Selain itu, perkara yang amat penting dalam penelitian ialah rumusan daripada kaedah yang digunakan. Melalui kaedah yang digunakan, penyelidik berharap dapat menjelaskan cara penelitian dijalankan yang seharusnya secara sistematik, rekabentuk kajian, tatacara atau teknik yang digunakan dalam pengumpulan, pengolahan dan analisis data yang diperoleh.

Kajian Lapangan

Kajian lapangan ialah suatu kaedah yang sesuai untuk mendapatkan maklumat bagi kajian ini. Kajian lapangan dalam kajian ini melibatkan terutamanya, murid-murid

Kensiu yang belajar di sebuah sekolah rendah di daerah Baling, Kedah. Selain itu, beberapa pihak lain juga terlibat dalam kajian lapangan ini, iaitu para guru sekolah rendah dan tadika, pegawai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dan penduduk perkampungan Orang Asli Kensiu.

Lawatan

Penyelidik mula membuat persediaan untuk menjalankan kajian dengan pencarian bahan-bahan yang berkenaan dengan kajian melalui, laman sesawang, dan bahan-bahan yang diperoleh di perpustakaan. Bagi tujuan menjalankan kajian yang melibatkan Orang Asli Kensiu penyelidik terlebih dahulu memohon kebenaran daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah yang beralamat di Tingkat 20 & 20M, West Block, Wisma Selangor Dredging, 142-C, Jalan Ampang, Kuala Lumpur (lihat lampiran). Ini adalah untuk tujuan melakukan temu bual dan pemerhatian murid-murid Orang Asli Kensiu dan untuk memasuki perkampungan Orang Asli Kensiu yang terletak di Baling, Kedah. Dalam hal ini penyelidik diminta menulis surat dan mengisi borang khusus yang sedia ada di jabatan tersebut. Selain dari itu, penyelidik juga menulis surat memohon kebenaran menjalankan kajian dari Kementerian Pelajaran Malaysia dan Pejabat Hal Ehwal Orang Asli Gerik, Perak.

Setelah mendapat kelulusan, penyelidik telah melakukan beberapa siri lawatan ke sekolah dan perkampungan Orang Asli Kensiu untuk menjalankan temu bual dan pemerhatian. Di sekolah berkenaan penyelidik telah menemu bual murid-murid Kensiu dalam tahap 1 dan 2, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan guru-guru yang terlibat secara langsung dalam pengajaran murid-murid Kensiu. Di perkampungan

Orang Asli Kensiu penyelidik telah menemu bual Pembantu Kemajuan Masyarakat, Pejabat Hal Ehwal Orang Asli di Gerik, Penghulu Orang Asli Kensiu, beberapa orang bapa murid, guru tadika dan pegawai agama tadika. Penyelidik akan menceritakan pengalaman di kedua-dua lokasi kerja lapangan yang berkenaan.

Kajian penyelidik terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu pengumpulan data, analisis, dan akhir sekali membuat kesimpulan dan cadangan untuk dikongsi dengan beberapa pihak yang terlibat. Selepas membuat bacaan dan kajian awal untuk menambah dan memperkukuh pengetahuan berkenaan Orang Asli, penyelidik memulakan beberapa lawatan ke sekolah dan di perkampungan Orang Asli Kensiu di Baling, Kedah untuk memulakan pengumpulan data.

Setelah mendapat gambaran melalui pembacaan, inilah pertama kali penyelidik benar-benar bertemu dengan Orang Asli dan pengalaman ini amat berharga. Penyelidik benar-benar menghadapi pengalaman yang menakjubkan. Melihatkan keadaan murid-murid Orang Asli yang berkulit hitam gelap, berambut sangat keriting, berbaju lusuh dan comot dengan bau yang kurang menyenangkan, mengarahkan pandangan ke lain apabila dipandang, dan lain-lain ciri yang berlainan dengan kanak-kanak berbangsa lain yang pernah penyelidik temui adalah merupakan pengalaman baru bagi penyelidik.

Pensampelan

Penyelidik memilih 10 orang murid Kensiu yang belajar di tahun 1 hingga tahun 6 sebagai sampel penyelidikan daripada 809 populasi murid yang belajar di sekolah tersebut. Sifat-sifat individu, pengaruh masa, ruang dan keadaan, iaitu konteks dalam

kajian juga perlu diambil kira. Penyelidik juga mempertimbang gambaran yang lebih luas, iaitu memikirkan sama ada seseorang individu akan mengungkapkan pendapat yang berbeza sekiranya mereka ditemu bual pada suatu masa, pada minggu hadapan atau pada bulan berikutnya. Perlu juga difikirkan sama ada mereka mengalami perasaan yang lain sekiranya ditemu bual di tempat lain. Penyelidik juga memikirkan masa yang sesuai untuk menemu bual informan kerana sebagai manusia, informan juga mengalami masa-masa tenang dan sebaliknya. Tiada satu cara persampelan yang tepat dan sempurna, tetapi pengaruh yang akan terjadi ke atas kebolehpercayaan hasil seharusnya diakui.

Secara am, dalam kajian kualitatif, penyelidik bertujuan untuk mendapatkan data yang kaya dengan maklumat. Strategi penyelidik diletakkan dalam konteks bukan sahaja maklumat dari aspek fizikal, tetapi juga psikologi, pendidikan, sosial, ekonomi dan budaya. Penyelidik mengharapkan suatu keputusan yang seimbang, lengkap dan berfokus ke atas interaksi kemanusiaan. Melalui persampelan, penyelidik cuba untuk mengenal pasti sempadan kajian dengan memahami individu dan fenomena yang wujud. Persampelan juga menjelajahi pola-pola umum yang menjelaskan manusia dan fenomena dalam konteks dan dalam masa yang sama memelihara rasa perspektif unik pengalaman yang dimiliki oleh setiap sampel.

Penyelidik memilih sampel dalam kalangan murid-murid Kensiu disebabkan ciri-ciri unik yang ada pada mereka seperti dari segi bahasa, rupa fizikal, sosial, tingkah laku, budaya, dan lain-lain. Ada kisah menarik yang boleh diperoleh dari mereka. Sampel kajian yang melibatkan 10 orang murid Kensiu membolehkan penyelidik menjalankan kajian yang lebih mendalam terhadap setiap individu yang terlibat.

Satu elemen penting di sini ialah dengan persampelan kes unik murid-murid Orang Asli Kensiu, penceritaan kisah yang lebih banyak dan lebih luas tidak mustahil akan terjadi dan dapat menambah kaya maklumat tentang perosalan siapa, apa, bila, mengapa dan bagaimana.

Daripada sampel, penyelidik mendapatkan sudut pandangan dalam suasana semula jadi. Persampelan perlu berdasarkan pilihan ciri-ciri yang ada pada individu, termasuk juga pengalamannya yang boleh menyumbang kepada pencarian penyelidik. Persampelan utama seharusnya dapat membantu untuk mencipta makna dalam konteks. Penyelidik menggunakan kriteria pemilihan yang boleh membantu mengenal pasti perkara-perkara yang perlu untuk dimasukkan, dan perkara-perkara yang tidak perlu dimasukkan ke dalam hasil kerja penyelidik.

Teknik-teknik ini bukanlah suatu yang digunakan pada permulaan kajian. Penyelidik bermula dengan meneliti permasalahan secara meluas, bercakap dengan pihak-pihak yang terlibat dengan Orang Asli Kensiu, dan melakukan pemerhatian awal di sekolah dan perkampungan mereka. Setelah membina pertimbangan pola dan tema yang memadukan medan maklumat dan merentasi pelbagai sumber maklumat, suatu kes unik akan kelihatan. Matlamatnya ialah untuk mendapatkan cerita yang dapat mengikat dapatan, kategori, pola dan tema dalam cara yang mendalam dan bermakna. Pelbagai sumber maklumat dapat memberikan pelbagai jenis maklumat dan bukti.

Instrumen

Dalam penyelidikan ini, penyelidik ialah instrumen utama dalam memungut data. Penyelidik perlu berada dalam situasi yang dikaji, mendengar dan memerhati sendiri fenomena yang ingin dikaji. Ini bermakna, sebagai instrumen utama, penyelidik adalah sebahagian daripada peserta kajian. Maklumat kajian diperolehi secara langsung daripada informan dan lain-lain peserta kajian supaya data yang dikumpul mencukupi, tepat dan dapat menggambarkan dengan sebenar tentang persoalan, isu, fenomena atau kes yang dikaji. Instrumen-instrumen lain yang digunakan dalam mengumpul data kajian ialah:

1. kajian rintis: mencari maklumat di perpustakaan dan di laman sesawang untuk mendapat kefahaman tentang pelbagai perkara terutamanya tentang Orang Asli dan murid-murid Kensiu.
2. keputusan ujian: meneliti keputusan ujian mingguan/bulanan murid-murid Kensiu yang belajar di tahun satu hingga tahun enam yang diberikan oleh pihak sekolah.
3. Instrumen penyelidik: mengemukakan soalan dan ujian yang disediakan sendiri oleh penyelidik.
4. temu bual: menjalankan temu bual dengan beberapa informan, iaitu murid-murid Kensiu, guru-guru sekolah dan tadika, penduduk perkampungan Kensiu, dan pegawai JHEOA untuk mendapatkan data bagi kajian ini. Temu

bual dijalankan secara separa berstruktur, secara terbuka, dan format perbualan;

5. pemerhatian: menjalankan pemerhatian sebagai cara mengumpul data. Pemerhatian dijalankan dengan merakam tingkah laku murid-murid Kensi di alam persekitarannya. Pemerhatian berguna untuk melahirkan penerangan mendalam tentang suatu peristiwa atau fenomena untuk mendapatkan maklumat yang tidak didapati melalui temu bual, dan untuk menjalankan kajian apabila kaedah-kaedah lain tidak memadai. Pemerhatian secara langsung/terus mengurangkan gangguan di antara pemerhati dan yang diperhatikan yang boleh dihasilkan oleh suatu instrumen. Konteks atau latar belakang suatu tingkah laku adalah termasuk dalam pemerhatian ke atas manusia dan persekitaran.
6. rakaman: merakam data termasuk menggunakan pita rakaman audio, pita video dan tahap transkripsi data yang berlainan secara objektif dan komprehensif. Penyelidik menggunakan perakam digital dalam merakam data temu bual kerana ia mempunyai kebaikan yang jelas bagi mengemukakan keseluruhan bahagian temu bual secara lisan bagi kegunaan analisis. Walaupun sesetengah informan berasa gementar untuk bercakap semasa dirakam, ketidakselesaan tersebut biasanya akan hilang kemudiannya.

Persediaan

Sebelum memasuki kawasan kajian, penyelidik terlebih dahulu menulis surat meminta kebenaran menjalankan kajian. Pihak-pihak yang penyelidik hubungi

menerusi surat ialah Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), Kuala Lumpur, dan melalui panggilan telefon kepada Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PKHEM) sekolah berkenaan, dan Penghulu Orang Asli Kensiu.

Setelah menerima kebenaran dan setelah menghubungi PKHEM, penyelidik melakukan lawatan pertama di sekolah. Pada lawatan pertama tersebut, penyelidik dibawa berjumpa individu-individu yang akan banyak terlibat dalam penyelidikan ini. PKHEM membawa penyelidik ke pejabat dan bilik guru untuk berkenalan dengan guru-guru dan kakitangan di situ. Penyelidik juga dibawa melawat kawasan kantin dan kawasan persekitaran sekolah untuk melihat gelagat murid-murid Kensiu semasa waktu rehat. Akhirnya penyelidik dibawa melawat bilik-bilik darjah murid-murid Kensiu dari tahun satu hingga tahun enam.

Dalam lawatan pertama, penyelidik telah diperkenalkan dengan guru-guru yang bertanggungjawab mengajar bahasa Melayu kepada murid-murid Kensiu dari tahun satu hingga tahun enam. PKHEM telah memberi penerangan ringkas tentang tujuan penyelidikan dan memohon kerjasama guru dan kakitangan membantu penyelidik melaksanakan temu bual dan pemerhatian untuk mengumpul data kajian. Guru dan kakitangan menunjukkan reaksi yang baik dan mereka mengalu-alukan kedatangan penyelidik. Penyelidik mengambil peluang untuk berkenalan dan beramah mesra dengan guru dan kakitangan pejabat sekolah tersebut. PKHEM juga telah menunjukkan kepada penyelidik beberapa dokumen berkaitan dengan murid-murid Kensiu. Dokumen-dokumen tersebut ialah rekod murid-murid secara keseluruhan, rekod kehadiran murid Kensiu setiap peringkat, keputusan ujian dan peperiksaan murid Kensiu terutamanya keputusan ujian dan peperiksaan bahasa Melayu.

Teknik Pengumpulan Data

Pengumpulan data kualitatif adalah melebihi daripada hanya megambil keputusan sama ada melalui cara pemerhatian atau temu bual. Dalam menjalankan pengumpulan data kualitatif, penyelidik mengenal pasti semua informan dan lokasi kajian, mendapatkan kebenaran untuk memasuki lokasi, mengenal pasti jenis data yang dikehendaki, membina soalan-soalan dan menyelenggara kajian selaras dengan garis panduan etika selaras dengan gagasan Creswell (2008), iaitu:

- (a) mengenal pasti pendekatan-pendekatan lain untuk memilih peserta dan lokasi;
- (b) mengetahui peringkat-peringkat kebenaran yang diperlukan untuk mendapatkan peserta dan lokasi;
- (c) mengenal pasti dan mempertimbang jenis alternatif data kualitatif dan data yang diperoleh;
- (d) mengenal pasti prosedur untuk merakam data kualitatif;
- (e) mengenal pentadbiran dan pertimbangan etika yang terlibat dalam mengumpul data kualitatif.

Dua bentuk pengumpulan data digabungkan dalam penyelidikan kualitatif bagi kajian ini ialah melalui temu bual dan pemerhatian.

Dokumentasi Temu bual

Temu bual adalah sama pentingnya dengan pemerhatian dalam kajian kualitatif. Temu bual berlaku apabila penyelidik bertanyakan satu atau lebih soalan kepada informan, baik soalan yang berbentuk umum, terbuka atau merakamkan jawapan yang diberikan. Semasa temu bual, penyelidik bertanyakan soalan berbentuk terbuka supaya informan bebas meluahkan pengalaman dan pendapat tanpa terikat dengan sebarang pandangan penyelidik atau mana-mana hasil kajian terdahulu. Ini akan memberi kebebasan kepada informan untuk menjawab mengikut cara dan pilihannya.

Dalam penyelidikan kualitatif ini, penyelidik menggunakan temu bual sebagai strategi utama bagi pengumpulan data yang digunakan bersama dengan pemerhatian, analisis dokumen, atau lain-lain teknik. Temu bual yang dijalankan oleh penyelidik mengemukakan soalan-soalan terbuka yang membenarkan pengaplikasian terhadap variasi-variasi individu. Patton (1990) menulis tentang tiga jenis temu bual kualitatif: 1) tidak formal, temu bual konvensional; 2) temu bual semi-struktur; dan 3) standard, temu bual terbuka.

Suatu keputusan asas proses temu bual ialah cara merakam data temu bual. Sama ada seseorang itu bergantung kepada nota-nota bertulis atau perakam pita ialah suatu perkara pilihan peribadi. Sebagai contoh, Patton (1990) menyatakan bahawa perakam pita sangat diperlukan sementara Lincoln dan Guba (1985) tidak mengesyorkan rakaman kecuali atas sebab-sebab tertentu dan mendasarkan syor mereka kepada gangguan-gangguan dari peralatan rakaman dan kemungkinan berlakunya kegagalan teknikal. Rakaman mempunyai kelebihan dalam mendapatkan

data yang lebih jujur daripada yang didapati melalui nota-nota bertulis secara tergesa-gesa, dan ia boleh menjadikan penyelidik lebih fokus terhadap temu bual.

Teknik Temu bual

Penyelidik menjalankan temu bual secara berperingkat-peringkat, iaitu pada peringkat sekolah yang melibatkan guru dan murid dan di perkampungan Orang Asli yang melibatkan penghuni perkampungan dan juga pegawai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) wilayah utara. Temu bual Orang Asli Kensiu dijalankan di perkampungan mereka bertujuan supaya mereka berasa selesa dengan persekitaran. Begitu juga murid Kensiu dan guru, temu bual dijalankan di sekolah bertujuan untuk memberikan keselesaan dengan persekitaran yang telah biasa mereka lalui setiap hari.

Soalan temu bual dengan murid Kensiu meliputi pelbagai aspek, iaitu tentang pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu di sekolah, kehidupan seharian termasuk aktiviti harian, tentang keluarga, dan sebagainya. Soalan temu bual dengan guru berkisar tentang pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu murid Kensiu, perwatakan, tingkah laku, sikap dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan murid Kensiu. Soalan temu bual dengan penghuni perkampungan Kensiu meliputi hal-hal keluarga, ekonomi, aktiviti, sikap dan pandangan tentang pembelajaran anak-anak mereka. Soalan temu bual dengan pegawai JHEOA pula meliputi hal ehwal orang Asli Kensiu, iaitu ekonomi, sosial dan sikap yang berhubung kait dengan murid-murid Kensiu.

Temu bual yang dijalankan dirakamkan secara audio dan penyelidik juga mencatatkan maklumat-maklumat penting yang diperkatakan semasa temu bual atas sebab bimbang berlaku kerosakan ke atas pita rakaman. Temu bual yang dijalankan penyelidik ialah satu bentuk perbualan dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat yang memenuhi keperluan persoalan dan matlamat kajian. Penyelidik menjalankan temu bual dan pemerhatian dalam beberapa siri lawatan dalam jangka waktu selama 16 bulan menggunakan soalan-soalan tidak berstruktur (bebas, mengikut keperluan) secara perbualan dalam suasana santai. Penyelidik melakukan beberapa lawatan dan temu bual lanjutan dengan murid-murid dan guru-guru di sekolah berkenaan untuk mengemukakan soalan-soalan terkemudian yang difikirkan penting.

Teknik Pemerhatian

Pemerhatian mewakili bentuk pengumpulan data yang kerap digunakan, dengan penyelidik berupaya untuk mengandaikan peranan-peranan yang berlainan dalam proses tersebut (Creswell, 2008). Pemerhatian adalah suatu proses mendapatkan maklumat melalui para informan yang terlibat dan juga lokasi kajian. Pengumpulan data dalam naturalis atau kajian lapangan adalah pemerhatian terhadap informan dalam konteks persekitaran biasa. Data pemerhatian digunakan bagi tujuan penerangan tentang persekitaran, aktiviti, kehidupan manusia dan maksud yang diperhatikan dari perspektif informan. Pemerhatian boleh membawa kepada pemahaman yang lebih mendalam daripada temu bual sebab ia memberikan pengetahuan tentang konteks lokasi peristiwa terjadi, dan membolehkan penyelidik melihat perkara-perkara yang informan sendiri tidak sedar atau yang tidak mahu mereka bincangkan.

Oleh kerana pemerhatian ditujukan terhadap pemahaman tindak balas dan pengalaman manusia dalam keadaan kompleks, tidak sesuai memulakannya dengan jadual berprastuktur untuk menyesuaikannya dengan pemerhatian (Creswell, 2008). Pemerhatian memerlukan kemahiran mendengar dan memerhati yang baik. Pemerhatian juga memerlukan pengurusan isu-isu tertentu yang mungkin berlaku seperti penipuan oleh orang yang diperhatikan dan berlaku kejanggalan pada peringkat awal disebabkan menjadi 'orang luar' tanpa sokongan peribadi di tempat itu.

Dalam melakukan pemerhatian, penyelidik hadir di setiap bilik darjah yang mempunyai murid Kensiu. Penyelidik sedaya upaya tidak menampakkan diri kepada murid-murid Kensiu kerana bimbang akan mengganggu pembelajaran murid, tambahan pula murid Kensiu memiliki sifat malu yang tebal. Setiap kali melawat bilik darjah untuk melakukan pemerhatian, penyelidik menyusup perlahan-lahan di bahagian belakang bilik darjah.

Peranan Penyelidik Sebagai Pemerhati

Sepanjang temu bual, penyelidik juga melakukan pemerhatian ke atas informan. Informan yang terlibat dalam kajian adalah berbeza-beza dari pelbagai aspek. Penyelidik, sebagai pemerhati menjadi sebahagian daripada persekitaran, atau konteks budaya. Penyelidik menguntukkan sebahagian masa dalam kerja lapangan sebagai pemerhati untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang informan, bermula dari peringkat permulaan kajian. Pemerhatian ke atas informan ialah interaksi di antara penyelidik dengan peserta. Pemerhatian dilakukan di lokasi

temu bual, di dalam bilik darjah, di kantin, di kawasan sekolah dan juga di perkampungan Orang Asli Kensiu.

Tujuan penyelidik melakukan pemerhatian ialah agar penyelidik benar-benar memahami budaya informan dengan mendalam, bermula daripada melihat persoalan kajian secara menyeluruh. Penyelidik melakukan pemerhatian seiring dengan sesi temu bual yang dijalankan secara berulang. Semasa melakukan pemerhatian, penyelidik mengadaptasikan peranan khusus sebagai seorang pemerhati. Peranan penyelidik sebagai pemerhati adalah berbeza bergantung kepada kesesuaian situasi, keselesaan di lokasi, hubungan baik dengan informan, dan keupayaan penyelidik dalam mengumpul data untuk memahami fenomena penting. Penyelidik sebagai pemerhati mengendalikan kedua-dua situasi, iaitu lisan dan bukan lisan.

Terdapat beberapa strategi pemerhatian dijalankan oleh penyelidik. Dalam sesetengah kes, penyelidik bertindak melihat dari luar, tanpa diketahui dan diperhatikan oleh pihak lain. Opsyen lain ialah penyelidik mengekalkan kehadiran pasif, tidak berinteraksi dengan informan untuk memastikan supaya seboleh mungkin pemerhatian tidak terganggu oleh kehadiran pemerhati. Strategi lain ialah penyelidik melibatkan diri dalam tindak balas yang terhad, dan hanya perlu campur tangan apabila keadaan memerlukan.

Ada waktu-waktu tertentu, penyelidik mengamalkan kawalan lebih aktif terhadap pemerhatian, seperti dalam kes temu bual formal, untuk mencungkil jenis-jenis maklumat spesifik. Akhir sekali, penyelidik bertindak sebagai informan sepenuhnya dalam situasi, sama ada dengan identiti tersembunyi atau terbuka. Setiap strategi ini

mempunyai kelebihan dan kelemahan tertentu, dan memilih strategi pemerhatian mesti dipertimbang dengan teliti oleh penyelidik (Schatzman & Strauss, 1973).

Kehadiran pemerhati merupakan gangguan terhadap persekitaran biasa yang disedari oleh penyelidik, dan dalam hal ini penyelidik berusaha untuk meminimalkannya. Identiti dan tujuan penyelidik akan ketara kepada informan, masa yang digunakan di lapangan, dan teknik-teknik pemerhatian yang digunakan secara keseluruhannya bergantung kepada keunikan set soalan dan sumber yang dibawa bagi setiap kajian. Penyelidik mempertimbang tanggungjawab etika bergabung dengan keaslian pemerhatian setiap kali melakukan temu bual dan pemerhatian.

Dalam merakam data, penyelidik lebih cenderung menggunakan nota lapangan yang merupakan keterangan selari bagi persekitaran, manusia, aktiviti dan bunyi. Nota lapangan yang dilakukan oleh penyelidik termasuk gambar atau peta. Memaklumi kesukaran menulis nota lapangan yang banyak semasa suatu pemerhatian. Lofland dan Loftland (1984) menyatakan bahawa mencatat nota akan bermanfaat sebagai bantuan ingatan apabila nota lapangan penuh dibina. Dalam perkara ini, penyelidik mencatatkan nota lapangan semasa melakukan temu bual dan pemerhatian. Sebagai tambahan kepada nota lapangan, penyelidik juga menggunakan fotografi, pita video, dan pita audio sebagai cara untuk merakamkan setiap peristiwa penting.

Sebagai pemerhati, penyelidik mempunyai peranan yang terbatas untuk dimainkan di set, dan perlu berhati-hati agar tidak mempengaruhi keputusan kajian, iaitu mempengaruhi sesuatu perkara itu supaya terjadi seperti yang dikehendaki oleh

penyelidik. Penyelidik mengelakkan kejadian ‘berat sebelah’ daripada berlaku dengan tidak melibatkan diri dalam kehidupan dan aktiviti peribadi informan.

Analisis Data

Bogdan dan Biklen (1992) mendefinisikan analisis data kualitatif sebagai bekerja dengan data, menyusun atur, memecahkan ke dalam unit-unit yang boleh dikendalikan, mensintesis, mencari pola, mencari perkara yang penting dan yang perlu diselidiki, dan memutuskan perkara yang akan diberitahu. Penyelidik kualitatif cenderung menggunakan analisis data induktif, bermaksud tema-tema penting yang timbul dari data (Patton, 1990). Analisis kualitatif memerlukan kreativiti, sebagai cabaran untuk menempatkan data mentah ke dalam kategori logik dan bermakna; untuk mengujinya dalam bentuk yang sebaik-baiknya; dan mencari cara untuk menginterpretasikannya kepada orang lain.

Dalam kajian ini, penyelidik bekerja dengan menyusun himpunan data yang melibatkan keputusan ujian murid, transkrip temu bual, nota lapangan dan himpunan dokumen. Matlamat penyelidik ialah untuk membina kategori diskriptif, pelbagai dimensi yang membentuk rangka kerja awal bagi analisis. Oleh kerana data mentah dipecah-pecahkan ke dalam bahagian-bahagian kecil, penyelidik membina suatu skema untuk mengenal pasti bahagian-bahagian data yang bersesuaian dengan penutur dan konteksnya.

Laporan kajian yang dilakukan oleh penyelidik, selain daripada hasil keputusan ujian murid juga menggunakan ‘suara’ dalam teks, iaitu petikan kata-kata informan. Melalui temua bual boleh dilihat suatu fenomena yang boleh dianalisis. Peristiwa-

peristiwa sebab-akibat menyumbang kepada fenomena tersebut; maklumat diskriptif fenomena itu sendiri; dan pengembangan fenomena tersebut di bawah kajian dapat dikenal pasti dan dijelajahi. Semasa menganalisis, penyelidik mengemukakan jalinan cerita yang akan dibaca oleh orang lain.

Walaupun peringkat-peringkat analisis yang diterangkan di sini dalam gaya linear, secara praktiknya ia terjadi secara serentak dan berulang. Semasa menganalisis, penyelidik menentukan bahawa kategori permulaan yang dikenal pasti disemak semula, membawa kepada pemeriksaan semula data mentah. Analisis tidak rasmi bermula dengan pengumpulan data dan memandu hala tuju pengumpulan data berikutnya untuk keterangan lanjut dan yang boleh difahami bagi proses analisis.

Langkah terakhir penyelidik dalam proses kajian berakhir dengan menulis laporan. Penyelidik melaporkan suatu laporan kajian yang lengkap hasil daripada penerokaan suatu isu atau masalah; mengenal pasti soalan-soalan untuk ditanya; dan juga termasuk data yang dikumpulkan, dianalisis dan ditafsir oleh penyelidik. Bagi tujuan supaya seseorang individu atau kumpulan dapat memahami atau memanfaatkan suatu hasil kajian, penyelidik menulis laporan kajian yang dapat diterima oleh pembaca sasaran. Maka, peraturan utama dalam menulis laporan kajian adalah menulis untuk khalayak atau pembaca yang berbagai-bagai.

Rumusan

Penggunaan bahasa mengandungi suatu paradigma kerjasama disebabkan bahasa adalah suatu alat bagi membolehkan manusia berkomunikasi dan mentafsir sesama manusia. Menulis tentang pengalaman merupakan cara yang biasa dalam

menerangkan pengalaman manusia. Keputusan untuk menjalankan pendekatan kualitatif dalam kajian ini adalah untuk memberikan sumbangan kepada usaha mempopularkan kajian kualitatif di Malaysia. Kaedah kualitatif dalam kajian pendidikan di negara ini masih kecil bilangannya. Kajian dalam bidang pendidikan tentang penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan orang asli juga masih kurang dihasilkan. Atas sebab-sebab tersebut, maka penyelidik mengambil keputusan untuk mengaplikasikan kaedah kualitatif dalam kajian ini.

BAB LIMA

ANALISIS KAJIAN

Pendahuluan

Bab ini mengemukakan dapatan kajian yang terhasil daripada kerja lapangan melalui temu bual dan pemerhatian yang dijalankan di antara bulan Mei 2007 hingga bulan Ogos 2008 di sebuah sekolah rendah dan di perkampungan Orang Asli Kensiu di daerah Baling, Kedah. Kerja lapangan ini melibatkan 10 murid Kensiu, Penolong Kanan Hal Ehwal (PKHEM), 9 guru sekolah, 2 guru tadika, 4 orang bapa murid Kensiu, dan seorang pegawai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA). Temu bual murid dijalankan secara perseorangan dan ada kalanya dalam kumpulan kecil yang mengandungi tidak lebih daripada tiga orang.

Selain dari temu bual secara formal, iaitu menggunakan soalan-soalan tidak berstruktur, temu bual juga dijalankan secara tidak formal, contohnya mengadakan perbincangan secara terbuka tentang sesuatu perkara dan biasanya temu bual cara ini memakan masa yang lebih panjang. Perbualan sebegini berjalan dalam suasana lebih bebas atau santai dan berupaya mendapatkan jawapan yang kaya dan lebih mendalam.

Lawatan ke Sekolah

Setelah menghubungi PKHEM sekolah terlebih dahulu, penyelidik telah mengadakan beberapa siri lawatan ke sekolah berkenaan. Lawatan pertama penyelidik ke sekolah ialah pada 23 Mei, 2007 dan diikuti oleh beberapa lawatan

lagi sehingga yang terakhir pada Ogos, 2008. Tujuan lawatan ialah untuk menjalankan temu bual bersama murid-murid Kensiu dan guru-guru. Selain daripada temu bual, penyelidik juga menjalankan pemerhatian di dalam kelas, dan juga di sekitar kawasan sekolah yang terdapat murid Kensiu.

Sebaik sahaja memasuki kawasan sekolah, penyelidik dapati suasana lengang, yang kedengaran hanyalah suara guru-guru yang tidak begitu jelas sedang mengajar di dalam bilik-bilik darjah. Masuk ke pejabat sekolah, kedatangan penyelidik disambut oleh seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PKHEM) yang memang telah dimaklumkan oleh Guru Besar sekolah akan kedatangan penyelidik. Beliau seorang yang peramah dan mudah diajak berbual. Penyelidik dibawa berkenalan dengan pihak pentadbiran sekolah dan beberapa guru di bilik guru. Daripada ekspresi wajah dan reaksi yang ditunjukkan, penyelidik dapat merasakan bahawa kedatangan penyelidik diterima dengan baik.

PKHEM membawa penyelidik ke kantin. Di situ terdapat beberapa orang murid Kensiu sedang beratur bersama-sama murid-murid berbangsa Melayu yang lain untuk membeli makanan. PKHEM menyebut nama murid-murid itu satu persatu dan mereka menoleh ke arah kami apabila mendengar nama mereka disebut. Daripada pemerhatian, penyelidik dapati murid-murid Kensiu ini memang ketara berbeza dengan murid-murid Melayu, mereka berkulit hitam/gelap, berhidung pesek, berambut keriting dan berwajah serius.

Selain itu pakaian mereka agak kotor, kemeja berwarna putih bertukar ke warna kuning dan seluar biru penuh dengan berbagai-bagai warna putih, koko, kuning dan

bermacam-macam warna lagi. Terlalu sukar untuk melihat mereka tersenyum, dan memandang penyelidik dengan mimik muka yang mempamerkan pandangan seseorang yang sedang dalam kehairann. Apabila bertentang mata dengan penyelidik, dengan pantas mereka mengalihkan pandangan, dan ada yang menundukkan muka. Penyelidik diberitahu oleh PKHEM, mereka berbuat demikian disebabkan rasa malu kerana tidak pernah melihat penyelidik sebelum ini.

Di meja makan terdapat sekumpulan murid Kensiu perempuan sedang makan. Sejurus melihat kami mendekati meja, mereka tunduk malu sambil menyuap nasi lemak ke mulut secara perlahan-lahan. PKHEM memberitahu penyelidik bahawa murid-murid Kensiu memiliki perasaan malu yang tebal. Kemudian penyelidik di bawa ke kawasan sekolah yang sering menjadi lokasi murid-murid bermain. PKHEM memanggil salah seorang murid Kensiu di situ. Murid itu menghampiri kami sambil tersenyum. Penampilannya sama seperti murid-murid Kensiu yang lain, cuma murid ini lebih mudah didekati. Seperti murid-murid Kensiu yang lain, murid ini berambut keriting halus, berwajah lebar dan bermata agak ke dalam. Penyelidik berkesempatan bertanya beberapa soalan seperti tentang makanan kegemarannya di kantin sekolah, tentang teman sepermainannya di sekolah, tentang kebolehannya membaca, dan lain-lain lagi. Murid ini menjawab semua soalan penyelidik dengan sebaiknya meskipun pertuturannya tidak lancar. Apabila melihat murid ini berbual dengan kami, beberapa orang murid Kensiu yang lain mula datang menghampiri dan menjawab sedikit sebanyak soalan yang penyelidik kemukakan.

Melalui pemerhatian, dapat dilihat murid-murid Kensiu berkumpul dalam kelompok Kensiu. Mereka tidak bercampur dengan murid-murid berbangsa Melayu. Persoalan

yang timbul, apakah pengasingan itu berlaku disebabkan oleh perbezaan bahasa, budaya, fizikal dan lain-lain faktor lagi? Mungkin ada cara atau kaedah untuk menggalakkan murid-murid Kensiu untuk bercampur dengan murid-murid Melayu supaya dengan percampuran itu dapat meningkatkan tahap penggunaan dan pencapaian bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Kensiu, meskipun hanya sebagai bahasa kedua.

Dalam lawatan itu juga penyelidik dibawa melawat kelas-kelas yang dihadiri oleh murid-murid Kensiu, iaitu dari tahun satu hingga tahun enam. Penyelidik melihat dalam satu-satu kelas, hanya terdapat dua atau tiga orang murid Kensiu. Kerusi-kerusi kosong yang terdapat kelas kebanyakannya adalah kerusi murid-murid Kensiu yang tidak hadir dan penyelidik diberitahu kerusi-kerusi itu kerap kosong dan kadang-kadang memang kosong hingga hujung tahun persekolahan. Daripada pemerhatian, penyelidik dapati murid-murid Kensiu merupakan kelompok murid yang pendiam, dan PKHEM menyatakan bahawa murid-murid Kensiu ini memang sopan dan di dalam kelas mereka duduk diam di tempat masing-masing dan jarang membuat bising berbanding dengan murid-murid Melayu yang bilangannya lebih ramai dalam satu-satu kelas.

Penyelidik dimaklumkan oleh PKHEM bahawa murid-murid Kensiu memang berpewatakan sangat pemalu, sentiasa merasa rendah diri dan pendiam. Disebabkan sifat malu dan rendah diri yang keterlaluan menjadikan mereka bersikap pasif. Masalah besar yang dihadapi oleh guru-guru yang terlibat dengan pengajaran murid-murid Kensiu ialah disebabkan sifat malu, pendiam dan pasif, mereka enggan menjawab soalan yang ditanyakan, tiada tindak balas yang sewajarnya dalam sesi

perbincangan apa lagi untuk bertanya soalan kepada guru. Keadaan ini memang terdapat di mana-mana kelas dan ini mengakibatkan guru-guru tidak mendapat maklum balas sama ada mereka faham perkara yang diajarkan atau tidak. Keadaan ini bersesuaian dengan teori Krashen (1987) yang menyatakan bahawa murid-murid yang mempelajari bahasa kedua akan dan dibiarkan dalam keadaan senyap pada peringkat permulaan pembelajaran. Murid diharapkan akan meluahkan hasil pembelajarannya kemudian, apabila mereka telah bersedia. Dalam kes murid-murid Kensi, tidak mahu menjawab soalan, tiada tindak balas, tidak mengambil bahagian dalam perbincangan merupakan faktor-faktor yang menyebabkan mereka tidak menjalani proses pembelajaran dengan sebaik-baiknya kerana mereka tidak menunjukkan hasil pembelajaran, melainkan terpaksa melakukannya.

Mengenali Informan

Penyelidik berpeluang mengenali secara dekat sepuluh (10) orang murid Kensi yang belajar di sekolah rendah tersebut sebagai informan kajian. Murid-murid Kensi tersebut ialah Anjak, Sutak, Fatan, Padal, Abong, Intak, Enda, Syamoi, Jaguk dan Johat (kesemuanya ialah nama samatan). Penyelidik menggunakan nama samaran kerana melindungi informan daripada risiko dan kemudaratan. Silverman (1993) menyatakan bahawa trend menjalankan temu bual telah dikenal pasti sebagai peserta penyelidikan lebih memilih agar identiti mereka dirahsiakan. Dari segi etika, kerahsiaan biasanya dipandang sebagai suatu prinsip hak individu (Gregory, 2003; Oliver, 2003).

Menurut PKHEM, jumlah keseluruhan murid-murid sekolah itu bagi tahun 2007 ialah seramai 809 orang yang terdiri daripada 399 lelaki dan 410 perempuan.

Daripada jumlah 809 murid itu, 36 orang ialah murid-murid Orang Asli Kensiu yang terdiri daripada 17 murid lelaki dan 19 murid perempuan. Ini bermakna dari jumlah keseluruhan, cuma 4.5% sahaja murid-murid Orang Asli Kensiu belajar di sekolah tersebut. Penyelidik juga telah memohon diberikan senarai murid-murid Kensiu yang belajar di sekolah tersebut. Jadual berikut mengandungi jumlah murid-murid Kensiu mengikut pecahan jantina bagi tahun 1 hingga tahun 6:

Jadual 5.1. *Pecahan Murid-murid Kensiu Mengikut Tahun*

Tahun	Lelaki	Perempuan	Jumlah
1	1	5	6
2	3	4	7
3	3	1	4
4	5	4	9
5	2	2	4
6	3	3	6
JUMLAH	17	19	36

Daripada jumlah peratusan yang kecil bagi bilangan murid-murid Kensiu yang berdaftar, penyelidik dimaklumkan bahawa jumlah kehadiran mereka ke sekolah juga amat tidak memuaskan. Daripada 36 nama yang terdapat dalam senarai di atas, cuma 10 orang murid sahaja yang agak kerap hadir ke sekolah. Daripada maklumat yang diperolehi daripada PKHEM, peratus kehadiran murid-murid Kensiu ke sekolah dari bulan Januari hingga Julai 2007 adalah seperti berikut:

Jadual 5.2. *Peratus Kehadiran Bulanan Murid Tahun 2007*

Bulan	Peratus Kehadiran
Januari	23.5
Februari	26
Mac	18.6
April	19.5
Mei	26.5
Jun	18.6
Julai	22.7

Jadual 5.2 menunjukkan bahawa pada bulan Januari, Februari, Mei dan Julai merupakan peratusan kehadiran murid-murid Kensi yang agak tinggi, iaitu sekitar 22%-26.5% dan dalam bulan-bulan yang lain hanya mencapai sekadar 18%-20% sahaja. Ini bermakna setiap bulan tidak sampai separuh daripada murid-murid Kensi hadir ke sekolah. Peratusan kehadiran mereka ke sekolah tidak sekata dari satu bulan dengan bulan yang lain. Perkara ini berlaku kerana pada bulan Januari dan Februari, iaitu dua bulan awal sesi persekolahan, murid-murid Kensi masih gemar datang ke sekolah. Pada masa ini mereka mendapat bantuan pakaian dan kelengkapan persekolahan baru, berjumpa dan bergaul dengan rakan-rakan baru. Pada bulan Mac dan April minat mereka untuk ke sekolah semakin menurun disebabkan sukatan pelajaran semakin bertambah dan mereka tidak dapat mengikutinya dengan baik.

Maklumat Murid

Dalam kajian yang dijalankan, hanya sepuluh orang murid Kensiut terlibat secara aktif dalam beberapa sesi temu bual. Semua nama murid-murid Kensiut yang tercatat di bawah adalah merupakan nama samaran:

<u>Nama</u> (nama samaran)	<u>Tahun</u>
Anjak (lelaki)	1
Sutak (perempuan)	1
Fatan (lelaki)	2
Padal (lelaki)	2
Abong (lelaki)	3
Enda (perempuan)	4
Intak (lelaki)	5
Syamoi (perempuan)	6
Jaguk (lelaki)	6
Johat (lelaki)	6

Maklumat Guru

Berikut adalah maklumat guru-guru yang terlibat dalam pengajaran bahasa Melayu murid-murid Kensiut. Semua nama guru dalam senarai juga adalah nama samaran:

<u>Nama</u> (nama samaran)	<u>Tahun</u>
Azimah	1
Noradina	2
Samad	3

Muhayidin	4
Kamariah	4
Bahar	5
Fatima	6
Ismadi	PKHEM
Samad	Guru Panatia Bahasa
Nuradilah	Guru Kelas Tahun IT


Pencapaian dan Penguasaan Bahasa Melayu Murid Kensiu

Menurut PKHEM, murid-murid tahun satu dalam subjek bahasa Melayu, akan dilatih mengenal huruf *a* hingga *z* setiap hari. Latihan ini bertujuan untuk membolehkan murid memahirkan diri dengan huruf dan menggunakannya dalam aktiviti mengeja perkataan, bermula dengan perkataan-perkataan mudah yang terdiri daripada satu dan dua suku kata. Daripada pemerhatian, didapati murid-murid mengeja secara beramai-ramai mengikut sebutan guru. Ada juga sesi guru meminta murid mengeja mengikut giliran seorang demi seorang.

Daripada pemerhatian semasa sesi mengeja mengikut giliran, penyelidik mendapati murid-murid Kensiu kebanyakannya tidak dapat mengeja perkataan yang ditunjukkan berbanding murid Melayu yang lebih mahir dan cepat mengeja. Dalam pengajaran, guru melatih murid-murid memahirkan diri dalam mengeja suku kata terbuka (berakhir dengan vokal) pada peringkat awal dan beralih kepada suku kata tertutup (berakhir dengna konsonan) bermula dari pertengahan tahun.

Hasil Ujian Murid Kensiu

Dalam ujian bahasa Melayu pada separuh penggal pertama, murid-murid tahun satu diberikan ujian menulis semula suku kata yang disebut oleh guru. Ujian tidak dijalankan lebih awal kerana murid-murid, terutamanya murid Kensiu belum mendapat pendedahan kepada suku kata pada peringkat awal persekolahan. Ujian dijalankan adalah untuk menilai pengetahuan dan penguasaan murid-murid tentang suku kata bahasa Melayu. Dalam ujian tersebut murid perlu mendengar dengan teliti suku kata yang disebut dan menuliskannya semula di dalam ruang atau petak di atas kertas yang disediakan. Seorang guru tahun satu menjelaskan, dalam menyebut sesuatu suku kata, guru akan menyebutnya sebanyak tiga kali dan kemudian berhenti sebentar untuk memberi peluang kepada murid untuk menulis suku kata tersebut. Berikut adalah salah satu keputusan ujian mengeja/menulis murid Kensiu:



Rajah 5.1. Keputusan ujian murid Kensiu tahun satu

Daripada hasil keputusan ujian yang dipaparkan pada rajah 5.1, didapati murid Kensiu tahun satu ini dapat menjawab kelima-lima suku kata yang disebut pada bahagian pertama, iaitu suku kata *ba*, *ru*, *zi*, *me* dan *do*. Murid mendapat markah 5/5

dalam bahagian pertama ini. Pada bahagian kedua, murid dikehendaki menulis suku kata *po*, *ti*, *ke*, *ri* dan *ka*. Pada bahagian ini, murid tidak dapat menulis suku kata yang disebut dan murid tidak mendapat sebarang markah (0/5). Daripada rajah yang tertera di atas dapat dilihat murid mengeja *mo* bagi suku kata *po*, *pi* bagi suku kata *ti*, *ki* bagi suku kata *ke*, *zi* bagi suku kata *ri* dan *kan* bagi suku kata *ka*. Pada bahagian ketiga, murid-murid diminta menulis semula suku kata yang disebut oleh guru, iaitu *ku*, *tu*, *tin*, *lam* dan *bam*. Pada bahagian ketiga ini, murid hanya dapat menulis semula dua daripada lima suku kata yang disebutkan iaitu *tin* dan *bam*. Selebihnya, tiga suku kata ditulis salah, iaitu suku kata *ku* ditulis sebagai *ko*, suku kata *tu* ditulis sebagai *su* dan suku kata *lam* ditulis sebagai *lom*.

Daripada keputusan ujian tersebut murid mendapat jumlah markah 7/15 (46%), iaitu lebih daripada separuh jawapan keseluruhan adalah salah. Keputusan yang dipaparkan ialah markah yang tertinggi diperolehi oleh murid Kenisu yang belajar di tahun satu. Hasil keputusan ujian murid-murid Kensiu yang lain adalah daripada 2/15 hingga 5/15. Sukar dimengertikan sebab-sebab murid Kensiu tidak dapat menulis semua suku kata mudah yang disebutkan oleh guru. Semasa penyelidik bertanya tentang kemungkinan-kemungkinan yang menyebabkan perkara ini berlaku, guru menerangkan perkara ini berlaku adalah disebabkan murid tidak mendengar dengan jelas suku kata yang disebut oleh guru walaupun disebutkan sebanyak tiga kali. Sebab lain ialah murid memang tidak tahu mengeja dan menulis suku kata tersebut. Menurut seorang guru:

Masalah murid-murid Kensiu tahun satu, mereka tak faham sebutan guru. Ini baru Bahasa Melayu, belum lagi bahasa Inggeris. Kadang-kadang tu, saya kena sebut berulang-ulang kali untuk memahamkan mereka.


Azimah/24.07.07/Temu bual

Saya rasa kalau murid ke kelas tadika sebelum masuk sekolah, masalah sebegini tidak timbul.

Azimah/24.07.07/Temu bual

Murid-murid tahun dua yang telah mempunyai pengetahuan asas mengenal huruf dan mengeja semasa tahun satu dilatih oleh guru mengeja perkataan-perkataan mudah berdasarkan perkataan dan gambar yang digunakan atau dilihat dalam kehidupan harian. Pada peringkat awal persekolah, murid-murid diajar perkataan-perkataan yang terdiri daripada dua suku kata terbuka seperti *mata, kaki, jari, guru, bola, titi, suka, mari*, dan lain-lain perkataan mudah. Pada peringkat separuh penggal persekolahan, guru beralih kepada perkataan-perkataan yang terdiri daripada tiga suku kata dan terdiri daripada suku kata tertutup seperti perkataan *kereta, telinga, perabot, cincin, tulang*, dan lain-lain.


Murid-murid tahun 2 menjalani ujian pertengahan tahun dengan menulis perkataan di ruang kosong berdasarkan gambar yang diberikan. Jika dilihat daripada rajah 5.2, gambar yang diberikan adalah merupakan benda-benda yang biasa digunakan atau dilihat dalam kehidupan harian murid. Gambar-gambar tersebut dapat dilihat dengan sangat jelas dan sepatutnya tidak menimbulkan sebarang kekeliruan kepada murid. Gambar-gambar tersebut ialah *parang, cawan, butang, bintang* dan *payung*. Berikut adalah hasil keputusan ujian murid Kensiu tahun dua.



Rajah 5.2. Keputusan ujian murid Kensiu tahun dua

Rajah 5.2 ialah salah satu hasil keputusan murid Kensiu tahun dua dalam ujian menulis perkataan berdasarkan gambar. Daripada lima (5) gambar yang diberikan, murid berjaya menulis satu sahaja gambar dengan betul, iaitu gambar *cawan*. Empat lagi gambar yang lain dieja salah, iaitu *kapak* dieja sebagai *kapang*, *butang* dieja sebagai *bungtang*, *bintang* dieja sebagai *binging* dan *payung* dieja sebagai *paung*.

Murid-murid tahun 2 juga diberikan ujian menulis perkataan berdasarkan gambar dengan perkataan-perkataan yang ada di antaranya diakhiri dengan huruf diftong dan terdiri daripada tiga suku kata. Antara gambar-gambar yang diberikan di dalam ujian tersebut ialah *limau*, *sayur*, *tembikai*, *tupai* dan *wau*. Berikut ialah hasil keputusan ujian tersebut:



Rajah 5.3. Keputusan ujian murid Kensiu tahun dua


Rajah 5.3 memaparkan satu lagi hasil keputusan ujian menulis perkataan berdasarkan gambar yang mudah dan biasa dilihat. Daripada lima gambar tersebut, murid Kensiu ini hanya berjaya menulis satu gambar sahaja dengan betul, iaitu gambar *limau*. Gambar-gambar yang lain semuanya ditulis salah, iaitu *sayur* ditulis sebagai *sesawog*, *tembikai* ditulis sebagai *tongbing*, *tupai* ditulis sebagai *tuping* dan *wau* ditulis sebagai *wong*. Murid didapati tidak dapat menulis perkataan-perkataan yang berakhir dengan huruf diftong. Selain itu, murid juga tidak dapat menulis perkataan yang terdiri daripada tiga suku kata dan yang berakhir dengan suku kata tertutup dengan betul.

Daripada hasil keputusan ujian menulis perkataan berdasarkan gambar bagi tahun dua, didapati bahawa murid tahun dua sudah boleh menulis huruf dari *a* hingga *z* namun tidak dapat menggunakannya dengan betul semasa mengeja sesuatu perkataan. Ini menunjukkan bahawa murid Kensiu tahun 2 masih lemah dalam

mengeja meskipun bagi perkataan-perkataan bahasa Melayu yang mudah dan biasa didengar, dilihat dan digunakan.

Bagi murid tahun tiga, mereka diberikan ujian mengisi tempat kosong dalam ayat bahasa Melayu dengan perkataan yang betul berdasarkan gambar yang diberikan. Berikut adalah contoh ujian bagi murid tahun tiga. Di antara ayat yang diberi ialah:

1. Saya mendapat hadiah di hari jadi.
2. Emak menggoreng ikan dalam kuali.
3. Buaya hidup di dalam sungai.
4. Saya mengelap badan dengan tuala.
5. Adik sakit disengat lebah.



Rajah 5.4. Keputusan ujian murid Kensiu tahun tiga


Rajah 5.4 ialah keputusan ujian mengisi tempat kosong dalam ayat berdasarkan gambar yang diberi salah seorang murid Kensiu. Ujian ini dijalankan ke atas murid-

murid tahun 3 pada pertengahan tahun persekolahan. Hasil keputusan seorang murid Kensiu bagi ujian tersebut adalah seperti berikut:

1. Saya dapat hadiah di hari jadi → Saya dapat ibu di hari jadi.
2. Emak menggoreng ikan dalam kuali → Emak menggoreng ikan dalam Beleong.
3. Buaya hidup dalam sungai → boya hidup dalam sungai.
4. Saya mengelap badan dengan tuala mandi → Saya mengelap badan dengan kuluwa mandi.
5. Adik sakit disengat lebah → Adik sakit disengat lebung.

Daripada keputusan yang tertera dalam rajah 5.4 ternyata murid Kensiu peringkat tahun tiga tersebut tidak tahu mengeja dalam mengisi ruang kosong dengan perkataan-perkataan yang sesuai berdasarkan gambar yang diberikan. Penyelidik berkesempatan melihat hasil ujian murid-murid Melayu tahun tiga yang menjalani ujian yang sama. Secara keseluruhannya, murid-murid Melayu mendapat markah penuh dalam ujian tersebut. Berdasar hasil jawapan dan pendapat guru subjek bahasa Melayu tahun tiga, dapat disimpulkan bahawa murid Kensiu yang telah menjalani musim persekolahan selama dua setengah tahun masih lemah mengenal huruf dan mengeja dalam bahasa Melayu.

Bagi murid-murid tahun empat, mereka diberikan ujian bahasa Melayu dengan menyusun perkataan-perkataan yang tidak mengikut susunan untuk membina ayat yang betul dalam ruang yang disediakan. Penyelidik telah diberi peluang untuk melihat salah satu keputusan ujian tersebut. Keputusannya adalah seperti berikut:



Rajah 5.5. Keputusan ujian murid Kensiu tahun empat

Perkataan-perkataan yang terkandung setiap set ialah:

- (a) membaca Kakak buku sedang
- (b) di desa Suasana tenang sungguh
- (c) gigi gosok Hari-hari saya
- (d) berjalan pergi Jamil ke masjid kaki
- (e) tong Buang ke sampah dalam


Daripada rajah 5.5 dapat dilihat bahawa murid Kensiu tahun empat tersebut masih lemah dalam menyusun perkataan-perkataan bahasa Melayu yang diberikan untuk membina ayat yang betul. Contohnya, dalam (a) perkataan-perkataan dalam kotak yang sepatutnya disusun menjadi ayat *Kakak sedang membaca buku*, murid melakukan kesilapan dalam membina ayat daripada perkataan-perkataan itu menjadi *Membaca buku kakak sedang*. Bagi ayat (b) *Suasana di desa sungguh tenang*, murid salah menyusun perkataan untuk membina ayat menjadi *Suasana tenang sungguh di*

desa. Bagi ayat (c) yang sepatutnya dibina menjadi *Hari-hari saya gosok gigi* dibina ayat menjadi *Saya gosok gigi Hari-hari*. Ayat (d) yang sepatutnya disusun menjadi *Jamil pergi ke masjid berjalan kaki*, murid menyusunnya menjadi *berjalan kaki pergi ke masjid Jamil*. Ayat (e) *Buang sampah ke dalam tong* murid menyusunnya menjadi *sampah tong ke buang dalam*.

Daripada hasil keputusan ujian tahun empat tersebut, didapati murid Kensiu berkenaan tidak dapat menyusun perkataan-perkataan yang diberikan untuk membina ayat-ayat yang betul. Murid ini tidak mendapat sebarang markah (0) bagi bahagian ini. Sepatunya murid tahun empat yang telah belajar di sekolah selama 3 tahun sebelumnya mampu menyusun perkataan-perkataan menjadi ayat yang betul kerana perkataan-perkataan yang diberikan adalah terdiri daripada perkataan mudah dan boleh difahami. Selain itu, murid seharusnya dapat menyusun perkataan-perkataan tersebut menjadi ayat yang betul berpandukan perkataan yang sepatutnya diletakkan di permulaan ayat kerana ditaip dengan huruf besar seperti perkataan *Kakak* dalam (a), *Suasana* dalam (b), *Hari-hari* dalam (c) *Jamil* dalam (d) dan *Buang* dalam (e). Namun yang berlaku, murid Kensiu ini tidak prihatin atau tidak mengambil berat untuk memerhati dengan teliti tentang perkara ini. Hal ini membuktikan bahawa murid Kensiu tahun empat masih belum dapat menggunakan atau menyusun perkataan-perkataan yang diberikan untuk membina ayat bahasa Melayu yang betul meskipun terdapat pembayang untuk memudahkan murid membina ayat dengan betul.

Dalam ujian tahun lima, murid diminta membuat ayat yang sesuai berdasarkan gambar yang diberikan. Gambar (A) menunjukkan seorang budak sedang

memancing ikan; (B) seorang perempuan sedang menyiram pokok; (C) seorang perempuan sedang mencari buku di rak; (D) seseorang sedang membeli barang di pasar/pasar malam; dan (E) dua orang lelaki keluar dari Zoo Negara, seperti yang dipaparkan di dalam rajah 5.6 di bawah:



Rajah 5.6. Keputusan ujian murid Kensiu tahun lima


Hasil jawapan salah seorang murid Kensiu tahun lima ialah:

- (A) Seorang budak sedang mengetong (tidak jelas) ikan.
- (B) Aminah menjong pokok Buung.
- (C) Seorang budak pesang mebaca buku.
- (D) Dosi dan aminah pergi ke pasa malang.
- (E) Dua orang budak lelaki pegi ke Zoo NEGARA.

Dalam jawapannya, murid menulis *mengetong* bagi perkataan *memancing* dalam (A), *menjong* bagi perkataan *menyiram*/*menjirus* dalam (B), *pesang* mungkin bagi

sedang dan *mebaca* bagi perkataan *membaca* dalam (C), *pasa* bagi perkataan *pasar* dan *malang* bagi perkataan *malam* dalam (D), dan *pegi* bagi perkataan *pergi* dan *NEGARA* bagi perkataan *Negara* dalam (E). Daripada jawapan yang diberikan, tidak terdapat satupun ayat yang ditulis dengan betul, dan murid tidak mendapat sebarang markah (0) bagi ujian bahagian ini. Jika dibandingkan dengan keputusan murid-murid Melayu yang sempat diselidik semak, dapat dilihat mereka memperoleh markah penuh bagi ujian ini. Ini menunjukkan murid-murid Kensiu tahun lima masih lemah dalam pembelajaran bahasa Melayu dan ini menyebabkan mereka sering ketinggalan dalam pembelajaran secara umum.

Bagi murid-murid tahun enam, pembelajaran bahasa Melayu mereka adalah lebih tinggi. Pada peringkat ini murid sepatutnya telah dapat membaca dengan lancar dan menguasai bahasa Melayu dari aspek mengeja, membaca, memahami dan menulis karangan dengan baik kerana mereka telah belajar selama lima tahun sebelumnya. Dalam ujian tahun enam, terdapat satu bahagian yang memerlukan murid memahami karangan dan menjawab soalan berdasarkan petikan yang diberi, seperti yang terdapat dalam rajah 5.7:



Rajah 5.7. Keputusan ujian murid Kensiu tahun enam

Petikan yang terdapat dalam rajah 5.7 ialah:

Penyu hidup di dalam laut. Penyu boleh berenang dan menyelam. Penyu mencari makanan di dalam laut. Penyu akan naik ke darat untuk bertelur. Penyu menimbus telurnya di dalam pasir. Telur penyu berbentuk bulat. Di pantai Rantau Abang, Terengganu terdapat banyak penyu. Ramai pelancong berkunjung ke sana sambil menikmati keindahan pantai.

Saoalan-soalan pemahaman karangan yang terkandung dalam ujian tersebut ialah:

- A. Di manakah penyu hidup?
- B. Nyatakan dua (2) kebolehan penyu.
- C. Tuliskan perkataan berimbuhan yang terdapat dalam teks pada ruang yang disediakan (diminta dua perkataan sahaja).

Guru bahasa Melayu tahun enam menunjukkan kepada penyelidik keputusan ujian salah seorang murid Kensiu yang mendapat 2 markah daripada lima. Daripada jawapan yang diberikan, murid Kensiu berjaya menjawab soalan (A) dengan betul, iaitu penyu hidup di dalam *laut*. Murid hanya berjaya menjawab satu sahaja betul bagi soalan (B), iaitu *penyu boleh berenang dan menyelam*. Satu lagi jawapan yang diberi ialah *Penyu boleh mencari makanan di dalam laut*. Guru memberi markah kosong bagi jawapan murid. Murid tidak memahami petikan sepenuhnya dan tidak dapat memberikan jawapan yang betul. Jawapan sebenar yang diperlukan ialah (i) *Penyu boleh berenang*; (ii) *Penyu boleh menyelam*. Murid ini terkeliru dengan jawapan yang dikehendaki kerana *Penyu boleh berenang dan menyelam* dianggap sebagai satu kebolehan penyu.

Bagi soalan (C), murid tidak memberikan jawapan apabila diminta untuk menulis 2 perkataan berimbuhan yang terdapat dalam teks. Murid menulis ayat (i) *Telur penyu berbentuk bulat*, dan (ii) *Terengganu terdapat banyak penyu*. Jawapan yang betul memang terdapat dalam jawapan yang diberikan oleh murid Kensiu ini, tetapi tidak dispesifikan kepada perkataan seperti yang diminta. Jawapan yang diperlukan ialah murid perlu memilih dan menulis dua sahaja perkataan berimbuhan daripada sejumlah perkataan berimbuhan yang terdapat dalam teks seperti *berenang*, *menyelam*, *mencari*, *bertelur*, *menimbus*, *berbentuk*, *terdapat*, *pelancong*, *berkunjung*, *menikmati*, dan *keindahan*. Dalam perkara ini, murid Kensiu tahun enam berkenaan kelihatannya tidak memahami maksud 'berimbuhan', dan ada kemungkinannya murid tidak memahami tatabahasa.

Daripada contoh-contoh keputusan ujian murid Kensiu dari tahun satu hingga tahun enam, menunjukkan bahawa murid-murid Kensiu masih lemah dalam pembelajaran bahasa Melayu kerana kebanyakan markah yang diperoleh oleh mereka dalam ujian ialah '0'.

Hasil Temu Bual

Dalam beberapa siri lawatan ke sekolah, penyelidik telah menjalankan temu bual dengan sepuluh orang murid Kensiu dari tahun 1 hingga tahun 6 yang merupakan informan kepada kajian kes yang dijalankan. Temu bual juga dijalankan dengan guru-guru yang terlibat dengan pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu murid Kensiu. Temu bual dijalankan menggunakan soalan-soalan tidak berstruktur dengan tujuan supaya temu bual dapat dijalankan dalam suasana santai, tidak mengemukakan soalan-soalan yang sama bagi setiap murid dengan tujuan untuk mendapatkan jawapan yang pelbagai.

Anjak

Anjak (lelaki) murid tahun 1, anak ketiga daripada lima orang adik-beradik. Di rumah, Anjak dikenali sebagai Pucuk. Sememangnya menjadi amalan masyarakat Kensiu memberikan nama anak mengikut sumber-sumber yang terdapat dalam alam persekitaran kehidupan mereka yang terdiri daripada tumbuh-tumbuhan, haiwan, benda, dan lain-lain. Anjak memiliki ciri-ciri tipikal Orang Asli, iaitu berambut keriting halus, berkulit gelap serta bertubuh gempal dan rendah.

Anjak beragama Islam, dan merupakan seorang murid yang sangat pemalu. Ini nampak ketara kerana sepanjang temu bual, Anjak lebih banyak menundukkan

muka, dan jarang sekali memandang ke arah penyelidik atau guru yang mengiring semasa ditemu bual. Pertama kali bertemu dengan murid ini, Anjak kelihatan jarang tersenyum. Murid ini menjawab soalan dengan suara yang perlahan sehinggakan penyelidik terpaksa benar-benar 'memasang telinga' supaya dapat mendengar pertuturannya. Mendengar dengan penuh perhatian ialah satu perkara yang amat perlu kerana terlalu sukar meminta murid Kensiu mengulang semula jawapan yang telah diberikan.

Daripada temu bual, semasa diminta mengeja nama sendiri, didapati murid tahun satu ini mengeja dan menyebut nama sendiri mengikut suku kata dalam keadaan terhenti-henti (tidak lancar) dan sesekali murid akan menundukkan muka. Daripada reaksi murid, dapat dilihat bahawa murid ini tidak yakin dengan jawapan yang diberi. Murid tahun satu ini masih belum boleh mengeja nama sendiri dengan lancar, melainkan mengeja mengikut bunyi suku kata secara tergagap-gagap.

Merujuk kepada markah yang diperoleh oleh Anjak dalam ujian bahasa Melayunya ialah 4/50 dan 6/50, iaitu 8% dan 12%, dan tidak sampai 50%. Ini menunjukkan bahawa hasil pembelajaran bahasa Melayu murid ini tidak begitu memuaskan. Penyelidik dimaklumkan oleh guru bahawa ujian yang diberikan ialah menulis perkataan yang disebut oleh guru dan mengisi ruang kosong dengan perkataan—perkataan yang sesuai/betul berdasarkan gambar yang diberikan. Menurut guru ini lagi, Murid ini masih belum tahu menggunakan huruf dengan betul walaupun gambar yang diberikan adalah tentang benda-benda yang biasa dilihat dan digunakan dalam kehidupan hari-hari.

Semasa diminta mengeja abjad *a* hingga *z*, walaupun lambat dan perlahan, murid dapat mengejanya menurut turutan sehingga habis. Semasa diminta mengeja perkataan yang disebut oleh penyelidik, seperti keadaan semasa diminta mengeja dan menyebut namanya, murid tahun satu ini teragak-agak untuk mengeja dan menyebut perkataan-perkataan yang disebutkan oleh penyelidik untuk dieja. Perkataan-perkataan yang disebut oleh penyelidik ialah *jari*, *kayu*, *mata*, *baju*, *budak*, *gajah* dan *betik*.

Daripada tujuh perkataan yang diberikan oleh penyelidik, hanya satu sahaja perkataan yang dapat dieja dan disebut dengan betul, iaitu perkataan *mata*, selainnya, enam lagi perkataan gagal dieja dan disebut oleh murid. Anjak mengeja *jari* sebagai *juji*, *kayu* sebagai *kaju*, *baju* sebagai *baku*, *budak* sebagai *buba*, *gajah* sebagai *jaja*, dan *betik* sebagai *bati*. Murid didapati tidak tahu membezakan penggunaan huruf *r* dan *j*, *a* dan *u*, *y* dan *j*, *j* dan *k*, *k* dan *l* dan tidak dapat mengeja perkataan-perkataan yang berakhir dengan konsonan. Ini bermakna murid boleh mengeja abjad *a* hingga *z* mengikut turutan (walaupun lambat), tetapi tidak dapat mengenal dan menggunakan huruf dalam perkataan secara spontan.

Bagi menguji keupayaan murid dalam membaca, penyelidik memberikan satu ayat mudah yang terdiri dua suku kata, iaitu *Saya suka makan nasi pada pagi hari*. Anjak membaca ayat dengan mengeja setiap satu perkataan mengikut suku kata. Murid ini tidak dapat membaca semua perkataan dalam ayat dengan betul. Hanya tiga daripada tujuh perkataan yang terkandung dalam ayat tersebut dapat dieja betul, iaitu *saya*, *suka*, dan *nasi*. Empat perkataan yang dieja salah ialah *makan* menjadi *make*, *pada* menjadi *paba*, *pagi* menjadi *page* dan *hari* menjadi *haru*.

Murid ini tidak dapat menguasai bahasa Melayu adalah disebabkan oleh kesukaran mempelajarinya. Ini disebabkan murid sudah biasa menggunakan bahasa Kensiu dari kecil dan bahasa Melayu merupakan suatu yang baru bagi murid ini. Bahasa Kensiu mempunyai pengaruh dalam pembelajaran bahasa Melayu murid ini yang dipelajari dan digunakan sebagai kedua. Semasa ditanyakan tentang sebab murid ini tidak fasih bertutur bahasa Melayu, murid menjawab:

Cakap... Kensiu...senang.

Anjak/23.05.07/temu bual

Semasa ditanyakan soalan tentang sebab murid ini kurang menggunakan bahasa Melayu, murid menjawab:

Susah. Lain...de..ngan... Kensiu.

Anjak/23.05.07/temu bual

Semasa ditanyakan tentang masa murid ini menggunakan bahasa Melayu, Anjak menjawab:

Cakap Melayu....dengan cikgu...kawan...Melayu.

Anjak/23.05.07/temu bual

Semasa sesi temu bual, murid tidak dapat menjawab soalan dengan lancar kerana perlu memikirkan perkataan yang sesuai untuk dituturkan. Ini menunjukkan bahawa perbendaharaan kata bahasa Melayu murid sangat lemah atau terlalu kurang

penguasaannya. Dalam hal ini, murid memerlukan input komprehensif tentang perbendaharaan kata, seperti hipotesis Input Komprehensif dalam Teori Monitor oleh Krashen (1987) yang menyatakan bahawa pemeroleh bahasa kedua memerlukan input komprehensif dalam bahasa sasaran untuk membolehkannya menggunakan input tersebut dalam mempelajari bahasa kedua.

Melalui maklumat yang diberikan oleh guru kelas, murid ini kerap tidak hadir ke sekolah. Daripada rekod kehadiran yang ditunjukkan kepada penyelidik, didapati Anjak pergi ke sekolah kira-kira 10 ke 15 hari sahaja dalam sebulan. Guru kelas memberitahu murid kerap tidak ke sekolah disebabkan tidak berminat:

Anjak ni memang jarang datang. Bila kita tanya sebab tidak datang, dia kata suka duduk di rumah. Dia lebihkan main daripada belajar. Yalah, bermain lebih seronok dari belajar. Sekolah kena ikut waktu, bermain tak perlu, boleh pergi ke mana saja.

Azimah/24.07.07/Temu bual

Daripada temu bual yang dijalankan, didapati murid ini kerap tidak hadir ke sekolah bermula dari peringkat pembelajaran di tadika lagi. Faktor yang mendorong murid jarang ke sekolah ialah sikap murid yang tidak berminat untuk bersekolah, murid lebih gemar bermain bersama rakan-rakan sekampung dengan menjalankan aktiviti dalam hutan seperti melastik burung, memburu dan mencari sumber hutan untuk dimakan dan dijual. Satu perkara ketara yang dapat dilihat daripada temu bual ialah tidak adanya galakan daripada ibu bapa murid supaya hadir ke sekolah.

Dalam pembelajaran bahasa Melayu, guru ini menjelaskan bahawa penguasaan bahasa Melayu murid ini lemah. Ini terbukti daripada markah yang diperoleh dalam ujian-ujian yang dijalankan. Murid ini tidak pernah mendapat markah lebih dari sepuluh daripada 50%. Murid ini sukar memahami sebutan guru, menyebabkan guru perlu menyebut sesuatu perkataan berulang kali supaya murid faham. Dua orang guru memberi komen tentang masalah murid tahun satu:

Masalah murid-murid Kensiu tahun satu, mereka tak faham sebutan guru. Ini baru Bahasa Melayu, belum lagi bahasa Inggeris. Kadang-kadang tu, saya kena sebut berulang-ulang kali untuk memahamkan mereka. Saya rasa kalau murid ke kelas tadika sebelum masuk sekolah, masalah sebegini tidak timbul.

Azimah/24.07.07/Temu bual

Murid Kensiu ni belajar bercampur dengan murid Melayu. Masalahnya, murid Melayu dah baca lancar, murid Kensiu masih merangkak-rangkak. Ada nampak minat mereka ni, tapi lambat. Penyebab utamanya ialah mereka tidak ada pendidikan asas sebelum masuk sekolah.

Fatima/22.10.07/temu bual

Menyentuh tentang pembelajaran awal di tadika, tidak ramai ibu bapa Kensiu yang mendaftar anak-anak mereka belajar di tadika. Seorang guru tadika menyatakan:

Anak-anak Kensiu sebenarnya ramai yang capai umur layak belajar di tadika ini, tapi yang tak mendaftar lebih ramai daripada yang mendaftar. Yang sudah mendaftar pun ramai yang tidak datang bermula hari pertama persekolahan lagi.

Guru tadika/26.05.07/Temu bual

Tidak hadir ke sekolah sudah menjadi perkara biasa bagi kanak-kanak Kensiu bermula daripada peringkat tadika lagi. Tidak ramai murid-murid Kensiu yang belajar di tadika di perkampungan Kensiu itu yang meneruskan pembelajaran sehingga ke akhir tahun persekolahan. Menurut guru tadika:

Pada mula-mula tahun persekolahan memang agak ramai yang datang, tapi lama-lama makin berkurang, dan akhirnya tinggal beberapa orang sahaja.

Guru tadika /16.07.07/Temu bual

Semasa ditanyakan pendapat guru tadika tersebut tentang sebab-sebab ramai kanak-kanak Kensiu tidak belajar di tadika, guru ini menjawab:

Budak-budak ini tak berminat, tidak tahu keperluan pendidikan awal, ibu bapa pula tidak peka dan tidak memberikan galakan kepada anak-anak.

Guru tadika/26.05.07/Temu bual

Ditanyakan tentang pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak Kensiu di tadika, guru ini menjawab:

Memang sukar kerana mereka tidak tahu berbahasa Melayu. Saya kena ajar mereka bahasa Melayu dari yang paling asas. Senang cakap, mereka sukar nak belajar bahasa Melayu kerana seratus peratus lain dari bahasa Kensiu.

Guru tadika/26.05.07/Temu bual

Murid-murid Kensiu seraca keseluruhannya kerap menggunakan bahasa Kensiu semasa berkomunikasi dengan rakan-rakan Kensiu. Ada juga kalanya murid tersasul menggunakan bahasa Kensiu semasa berbual berkomunikasi dengan guru dan rakan-rakan Melayu. Menurut Cikgu Azimah:

Anjak dan rakan-rakan Kensiu dalam bilik darjah ini masih tidak fasih berbahasa Melayu. Mereka berbual menggunakan bahasa Kensiu di dalam bilik darjah. Kadang-kadang dengan cikgu dan kawan Melayu mereka tersasul guna bahasa Kensiu. Mana murid-murid Melayu faham? Ada juga beberapa perkataan Kensiu yang saya faham, tapi tidak boleh bertutur dalam bahasa itu. Saya cakap dalam bahasa Melayu, dan mereka boleh faham.

Azimah/24.07.07/Temu bual

Kanak-kanak Kensiu memulakan percakapan menggunakan bahasa Kensiu, dan Kensiu adalah bahasa harian keluarga dan masyarakat mereka. Menurut dua orang bapa murid Kensiu:

Kita akan ajar anak kita cakap Kensiu dari kecil. Anak-anak lelaki dan perempuan kita ajar sama. Anak-anak kena belajar dan tahu bahasa dan cara hidup Kensiu kita sebab di sini kita habiskan hidup sampai mati.

Kupuk/26.05.07/Temu bual

Anak-anak kita tak pandai kat sekolah, tak pandai cakap Melayu mungkin sebab kita cakap bahasa Kensiu di kampung dan di rumah. Kita jarang guna bahasa Melayu. Anak saya kata di sekolah pun sama-sama depa, depa cakap Kensiu.

Kasan/26.05.07/Temu bual

Dari segi pendidikan, Ibu bapa murid-murid Kensiui menyedari bahawa anak-anak mereka tidak mendapat pencapaian yang baik di sekolah dan penguasaan bahasa Melayu mereka juga lemah. Tidak menguasai bahasa Melayu dengan baik merupakan faktor murid-murid Kensiui tidak mencapai tahap pendidikan yang baik di sekolah. Tetapi mereka juga sedar bahawa mereka kurang bercakap dalam bahasa Melayu, dan ini tidak membantu anak-anak mereka untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik.

Sutak

Sutak (perempuan) murid tahun 1 yang merupakan anak keempat daripada enam adik beradik. Di perkampungan, Sutak lebih dikenali dengan panggilan Daun. Sutak memiliki ciri-ciri tipikal Orang Asli, iaitu berkulit gelap, berhidung pesek, bibir tebal dan bertubuh rendah. Sutak mengenakan tudung dan ini menunjukkan bahawa Sutak beragama Islam. Daripada pemerhatian semasa temu bual, Sutak kelihatan seorang murid yang lemah-lembut dan pendiam.

Sutak, seperti juga Anjak, masih tidak fasih berbahasa Melayu disebabkan di rumah dan di sekolah Sutak lebih banyak menggunakan bahasa Kensiui. Perkara ini berlaku disebabkan murid ini baharu memasuki alam persekolah dan tidak ke tadika sebelum memasuki persekolahan formal. Sebelum bersekolah Sutak memang menggunakan bahasa Kensiui, dan bahasa Melayu adalah suatu yang baru baginya. Murid ini hanya menggunakan bahasa Melayu ketika berinteraksi dengan guru dan rakan-rakan Melayu. Semasa ditanya sebab murid ini tidak belajar di tadika, Sutak menjawab:

Emak... ayah...tak bagi.

Sutak/27.07.07/Temu bual

Penyelidik bertanya sama murid ini mahu jika dia diberikan peluang untuk belajar di tadika, Sutak menjawab:

Nak..kawan... ada.

Sutak/27.07.07/Temu bual

Penyelidik ada bertanyakan sama ada murid ada meminta izin daripada ibu bapa untuk belajar di tadika, murid menjawab:

Tak...takut...bapak... marah.

Sutak/27.07.07/Temu bual

Penyelidik bertanyakan soalan bila dia mula belajar dan menggunakan bahasa Melayu, murid menyatakan:

Tahun... satu.

Sutak/27.07.07/Temu bual

Walaupun baru mendapat pendedahan kepada bahasa Melayu, iaitu apabila memasuki tahun satu, Sutak boleh bertutur bahasa Melayu walaupun tidak fasih. Semasa ditanya sama ada murid ini suka mempejari dan menggunakan bahasa Melayu, Sutak menjawab:

Tak...susah. Suka...cakap...Kensiu.

Sutak/27.07.07/Temu bual

Merujuk kepada markah ujian bahasa Melayu yang diperoleh oleh murid, keputusannya lebih baik daripada Anjak, iaitu 10/50 dan 12/50. Namun begitu,

markah yang diperoleh oleh murid ini masih rendah, iaitu 20% dan 24%. Sutak, juga walaupun mendapat markah lebih baik daripada Anjak, namun markah tersebut masih tidak termasuk dalam kategori memuaskan kerana murid mendapat markah jauh daripada separuh (50%). Murid boleh mencapai markah lebih baik sekiranya murid telah mengenal huruf dan mempelajari bahasa Melayu di peringkat prasekolah atau tadika.

Dalam mengeja tujuh perkataan yang disebut oleh penyelidik untuk dieja, iaitu sama seperti yang diberikan kepada Anjak, Sutak hanya dapat mengeja tiga perkataan dengan betul, iaitu *kayu*, *mata* dan *baju*. Perkataan-perkataan yang dieja salah ialah *jari* menjadi *gari*, *budak* menjadi *budah*, *gajah* menjadi *jajah* dan *betik* menjadi *batik*. Ini menunjukkan bahawa setelah mempelajari subjek bahasa Melayu lebih daripada setengah tahun, murid masih tidak dapat mengenal semua huruf dan menggunakannya dalam mengeja sesuatu perkataan.

Dalam membaca ayat, Sutak dapat menyebut tiga perkataan daripada tujuh perkataan dalam ayat dengan betul. Murid juga tidak dapat menyebut secara terus setiap perkataan dalam ayat, sebaliknya mengeja satu persatu perkataan yang terkandung dalam ayat tersebut mengikut suka kata, sama seperti Anjak. Tiga perkataan yang dapat dieja dan disebut dengan betul oleh Sutak ialah *saya*, *nasi*, dan *pada* manakala empat perkataan yang salah ialah *suka* menjadi *saka*, *makan* menjadi *makam*, *pagi* menjadi *paje* dan *hari* menjadi *hare*.

Semasa diminta membaca abjad *a* hingga *z*, seperti Anjak, Sutak dapat membacanya dengan betul mengikut turutan. Namun, murid ini tidak dapat menggunakan huruf

dengan betul dalam perkataan yang disebut untuk dieja. Sutak tidak dapat membezakan antara huruf *r* dan *s*, *k* dan *h*, *g* dan *j* dan *k* dan *l*. Semasa mengeja, dapat dilihat murid menghadapi kesukaran untuk mengenal huruf menyebabkan ejaannya salah. Ini menunjukkan bahawa murid ini masih lemah dalam mengeja dan membaca dalam bahasa Melayu. Menurut seorang guru:

Sutak dapat jawab 6 sahaja betul daripada 30 soalan yang diberikan. Keputusan ini terlalu lemah jika dibandingkan dengan murid-murid Melayu, murid Melayu ada yang dapat jawab semua betul.

Azimah/24.07.07temu bual

Daripada rekod kehadiran yang ditunjukkan oleh PKHEM, Sutak didapati kerap juga tidak hadir ke sekolah. Dalam satu bulan, pasti beberapa hari murid ini tidak hadir disebabkan Sutak dikehendaki menjaga adik yang kecil semasa ketiadaan ibunya yang mencari sumber-sumber hutan sebagai sumber makanan atau untuk jualan. Ibu Sutak perlu membantu suaminya mencari pendapatan disebabkan keadaan ekonomi keluarga yang tidak stabil untuk menampung keperluan ahli keluarganya. Semasa ditanya sebab kerap tidak ke sekolah, murid berkata:

Jaga...adik.

Sutak/27.07.07/Temu bual

Disebabkan rasa ingin tahu, penyelidik bertanya berapa usia adik Sutak yang diasuh, Sutak menjawab:

Kecik. Tiga...tahun.

Sutak/27.07.07/Temu bual

Semasa ditanya sebab-sebab dia disuruh menjaga adik sedangkan dirinya juga masih kecil dan sepatutnya pergi ke sekolah, Sutak menjawab:

Emak... pergi...hutan.

Sutak/27.07.07/Temu bual

Menyentuh tentang ibu bapa yang tidak membenarkan anak ke sekolah kerana diminta tinggal di rumah membantu tugas-tugas ibu bapa, cikgu Kamariah memberitahu:

Terdapat juga dalam kalangan ibu bapa Orang Asli Kensiu tak benarkan anak pergi sekolah pada hari-hari tertentu untuk mengasuh adik-adik bila ibu bapa ke hutan cari bahan makanan atau sumber hutan untuk dijual.

Kamariah/24.07.07/Temu bual

Meskipun penyelidik memahami bahawa ibu murid mengikuti bapanya ke dalam hutan untuk membantu mencari rezeki untuk keluarga, penyelidik mengemukakan juga soalan kepada Sutak untuk menggalakkan murid ini bercakap. Semasa ditanya tentang bahan-bahan yang dicari oleh ibu bapanya di dalam hutan, Sutak berkata:

Rotan...buah...pucuk...daun.

Sutak/27.07.07/Temu bual

Selain itu, Sutak tidak ke sekolah disebabkan oleh kegemarannya untuk bermain dengan rakan-rakan sekampung yang tidak bersekolah selain daripada disebabkan

kelengkapan sekolah seperti buku dan pensil telah hilang. Semasa ditanyakan sebab-sebab murid ini kerap tidak bersekolah, dia menjawab:

Buku...adik...koyak. Takdak...pensil.

Sutak/27.07.07/Temu bual

Penyelidik juga bertanyakan reaksi ibu dan bapanya apabila dia kerap tidak ke sekolah, murid berkata:

Tak, tak...marah.

Sutak/27.07.07/Temu bual

Semasa ditanyakan sama ada ibu bapanya menyuruhnya ke sekolah, murid menjawab:

Tak...suruh. Pergi...sendiri.

Sutak/27.07.07/Temu bual

Semasa ditanyakan sama ada dia ada meminta ibu atau bapanya membelikan buku atau alat tulis yang hilang, murid menjawab:

Bapak... tak beli. Takdak...duit.

Sutak/27.07.07/Temu bual

Kebanyakan murid yang ditemu bual menyatakan ibu bapa tidak membelikan pakaian dan peralatan sekolah yang hilang kerana ketiadaan wang. Ini berikutan wang yang diperolehi pada hari itu cuma cukup untuk perbelanjaan keluarga pada

hari tersebut sahaja. Masyarakat Kensiu dikatakan bersikap malas, tidak mahu berusaha mencari rezeki lebih daripada keperluan sesuatu hari. Menurut seorang pegawai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (PJHEOA) tentang sikap malas masyarakat Kensiu:

Depa ni boleh dikatakan malas. Depa masuk hutan hari ini, cari rezeki hari ni, makan hari ini je. Dah kira cukup, depa berhenti, untuk esok, cari esok.

PKHEM/23.05.07/ Temu bual

Kais pagi makan pagi je. Kalau awal depa dapat rezeki, awal depa balik rumah. Kalau ada lagi wang untuk belanja, mereka lebih suka duduk berehat untuk tidur atau menonton televisyen.

PJHEOA/21.05.07 Temu bual

Ibu bapa murid sering tidak cukup atau tidak mempunyai wang untuk persekolahan anak-anak. Kaum lelaki masyarakat Kensiu juga dikatakan memiliki kegemaran mengambil minuman keras. Mereka dikatakan suka menghabiskan wang pendapatan bekerja seharian untuk mabuk. PJHEOA menyatakan:

Bukan kita nak sekat pendapatan hasil dari kerja keras mereka. Kita tidak mahu mereka habiskan duit beli minuman keras. Pernah satu masa, mereka dapat bayaran bekerja di ladang dalam jumlah yang banyak, mereka beli minuman keras, mabuk ramai-ramai bergelempangan di padang kampung ni. Tujuan kita buat macam tu, nak elakkan mereka dari kerap mabuk.

PJHEOA/21.05.07 Temu bual

Apa yang kita nampak ialah, mereka ni lebih rela menghabiskan duit untuk minuman keras daripada berbelanja untuk menghantar anak belajar di sekolah. Berhabis duit untuk benda haram tu tak apa, nak berhabis duit untuk pelajaran anak-anak tak pula.

PJHEOA/21.05.07Temu bual

Selain itu, murid-murid Kensiu dikatakan tidak menjaga peralatan persekolahan.

Dalam hal ini, menurut seorang PKHEM dan seorang guru:

Murid Kensiu ni kebanyakannya tidak jaga peralatan sekolah. Mula-mula awal sekolah, oklah, tapi masuk sebulan dua, itu hilang, ini hilang. Kita tanya mereka kata adik main.

PKHEM/23.05.07/Temu bual

Murid Kensiu ni tak tahu jaga barang sekolah. Awal-awal tahun kita bagi semua lengkap sampai ke beg sekolah, baju sekolah lagi. Tapi selepas sebulan, hilang itu, hilang ini. Kita ganti bagi, hilang lagi. Macam itulah sepanjang tahun.

Azimah/23.05.07/temu bual

Menurut PKHEM dan seorang guru lagi tentang kecuaiian murid menjaga peralatan sekolah:

Murid Kensiu selalu hilangkan buku, baik buku teks mahupun buku tulis. Kalau kita tanya banyak-banyak kali, depa kecil hati, merajuk. Dah merajuk, besoknya pakai tak hadirlah. Masalahnya bila buku tulis hilang, buku teks hilang, macam mana nak belajar?

PKHEM/24.07.07/temu bual

Pernyataan PKHEM, disokong oleh pernyataan Cikgu Azimah:

Saya tak tahu macam mana lagi nak ingatkan mereka supaya jaga buku sekolah. Tak jadi juga. Bila tanya mana buku sekolah, depa nanti jawab, adik mainlah, adik contenglah, adik koyaklah dan macam-macam lagi. Pening!

Azimah/24.07.07/temu bual

Daripada jawapan murid dan guru didapati ketidakhadiran murid ke sekolah adalah kerana sebab-sebab yang remeh-temeh seperti tiada galakan oleh ibu bapa, mengutamakan aktiviti bermain, menjaga adik, hilang peralatan sekolah dan yang paling ketara ialah berasa dan beranggapan sukar untuk mempelajari bahasa Melayu. Bercakap tentang ketidakhadiran murid-murid Kensiu ke sekolah, menurut Cikgu Azimah:

Dalam kelas 1G ada 32 orang murid. Murid Kensiu ada 2 orang saja, Sutak dan Anjak. Sutak kerap hadir, tapi dalam satu-satu bulan ada juga beberapa hari dia tidak datang. Anjak pula jarang hadir. Dalam satu-satu minggu, mesti ada beberapa hari yang dia tak hadir.

Azimah/23.05.07/temu bual

Menyokong pernyataan Cikgu Azimah tentang amalan ponteng dalam kalangan murid-murid Kensiu, PKHEM menyatakan:

Depa ni tak ambil berat dan tak heran pun nak bersekolah. Kalau tak bangun lewat pun depa tak seronok nak datang. Depa lebih suka tinggal dan bermain di kampung.

PKHEM/23.05.07/temu bual

Kanak-kanak Kensiu nampak macam tak seronok nak mai sekolah. Ibu bapa mereka tak ambil berat pun anak ke sekolah atau tidak. Murid-murid pula rasa sekolah jauh dari kampung, tak larat nak jalan kaki.

PKHEM/23.05.07/temu bual

Dalam pergaulan, Sutak tidak betah bergaul dengan murid-murid Melayu disebabkan kekurangan-kekurangan yang ada pada dirinya. Salah satu kekurangan itu ialah Sutak tidak fasih berbahasa Melayu. Inilah halangan paling utama untuk membolehkah Sutak bergaul dengan murid Melayu. Jika Sutak bergaul dengan murid-murid Melayu, sekurang-kurangnya dapat membantu meningkatkan kemahiran pertuturannya dalam bahasa Melayu. Kekurangan lain yang ada pada Sutak ialah murid ini telah terbiasa bertutur dalam bahasa Kensiu dan mendapati sukar untuk mempelajari bahasa Melayu. Dalam perkara ini seorang guru menyatakan:

Murid Kensiu belajar sama dengan murid Melayu, malah saya berikan lebih tumpuan kepada mereka, sebab bahasa mereka di rumah bukan bahasa Melayu, tapi tak boleh juga.

Azimah/24.07.07/temu bual

Dalam temu bual, semasa ditanyakan soalan sebab-sebab tidak berkawan dengan murid-murid Melayu, Sutak ada menyatakan bahawa dia berasa malu kerana dirinya lain daripada murid melayu. Daripada penerangan guru-guru, dipercayai perkara ini berlaku adalah berkaitan dengan pelbagai aspek, iaitu wujudnya perbezaan fizikal, penampilan, tingkah laku, percakapan, status ekonomi keluarga dan budaya. Di dalam atau di luar bilik darjah mereka hanya berkawan dengan rakan-rakan Kensiu.

Ini adalah disebabkan mereka lebih selesa dan bebas bergaul dan bertutur dalam bahasa Kensiu sesama mereka. Menurut seorang guru:

Murid Kensiu ni memang pemalu. Rasa rendah diri mereka sangat tinggi. Kalau puan perhati, di kantin, di padang, di mana-manapun mereka bergaul dengan rakan-rakan sekampung saja. Ada juga yang bercampur dengan murid Melayu, tapi jarang. Mungkin sebab perbezaan bahasa kot.

Fatima/24.07.07/temu bual

Perasaan rendah diri, takut dan malu yang terlalu tebal dalam diri menjadikan murid-murid Kensiu jarang berinteraksi dengan murid-murid Melayu selain daripada rakan-rakan Kensiu. Sifat yang sebegitu juga menjadikan murid Kensiu bersikap pasif dalam bilik darjah.

Fatan

Fatan (lelaki), murid tahun 2 merupakan anak keempat daripada 6 orang beradik. Di rumah, nama gelaran Fatan ialah Adim. Bapa Fatan, iaitu Kaman (nama samaran), bekerja sebagai penoreh getah dan ibu Fatan bergelar Siput (nama samaran), seorang suri rumah sepenuh masa. Fatan, seperti Anjak dan Sutak, juga berkulit gelap, berambut kerinting, berbibir tebal serta bertubuh rendah dan gempal. Fatan juga pendiam dan pemalu, sukar untuk diajak berbual kerana sepanjang temu bual Fatan kelihatan agak tidak selesa, cuma sekali-sekali murid memandang ke arah penyelidik.

Fatan boleh berbahasa Melayu lebih baik berbanding Anjak dan Sutak, namun pertuturannya masih tersekat-sekat. Fatan mempunyai asas bahasa Melayu semasa

belajar di peringkat prasekolah. Seperti Anjak dan Sutak, Fatan juga lebih banyak menggunakan bahasa Kensiu semasa berkomunikasi dengan keluarga dan rakan-rakan ketika di rumah dan di sekolah. Melalui temu bual didapati murid ini berminat mempelajari bahasa Melayu, tetapi menurutnya mata pelajaran bahasa Melayu susah untuk diikuti. Ini adalah disebabkan murid telah biasa menggunakan bahasa Kensiu dalam kehidupannya seharian.

Fatan menggunakan bahasa Kensiu semasa berkomunikasi dengan ibu bapa dan adik-beradik, begitu juga dengan masyarakat Kensiu. Bahasa Melayu digunakan bercampur dengan bahasa Kensiu semasa berkomunikasi dengan rakan-rakan sebaya (Kensiu) yang belajar di sekolah yang sama. Fatan, seperti Anjak dan Sutak, kerap pergi ke sekolah. Terdapat beberapa perkara menyebabkan Fatan kerap tidak bersekolah. Semasa ditanyakan sebab-sebab tersebut, Fatan menyatakan:

Malu. Tak tau...bahasa...Melayu.

Fatan/22.10.07/Temu bual

Fatan menyatakan sebab lain dia tidak ke sekolah ialah ketiadaan baju seragam sekolah seperti yang dinyatakan oleh Fatan:

Takdak...baju. Kotor...kena...getah.

Fatan/22.10.07/Temu bual

Penyelidik bertanya sama ada murid meminta ibu atau bapanya membelikan baju sekolah yang rosak, murid menyatakan dia ada meminta namun tidak dibelikan. Murid menyatakan ibu bapanya hanya mengharapkan bantuan pakaian dan peralatan sekolah dari kerajaan:

Tak. Tunggu...tahun...depan.

Fatan/22.10.07/Temu bual

Semasa penyelidikan bertanyakan lain-lain sebab dia kerap tidak ke sekolah, Fatan menjawab:

Lambat...bangun. Emak tak...bangun...kan.

Fatan/22.10.07/Temu bual

Fatan memperoleh 12 dan 13 jawapan betul daripada 50 soalan dalam ujian bahasa Melayu yang diadakan oleh sekolah. Ujian yang dijalankan ialah dalam bentuk menulis semula perkataan yang disebut oleh guru, mengeja berdasarkan gambar dan mengisi ruang kosong berdasarkan gambar. Ini bermakna pencapaian markah murid ini ialah antara 24% - 26% daripada markah keseluruhan dan belum pernah murid mencapai 50% jawapan betul. Ini menunjukkan bahawa pencapaian bahasa Melayu Fatan masih lemah.

Dalam mengeja murid ini hanya berjaya menjawab tiga perkataan betul daripada lapan perkataan yang disebutkan oleh penyelidik. Perkataan-perkataan yang betul dieja ialah *padi*, *siku* dan *gelas*. Manakala perkataan-perkataan yang dieja salah ialah *tikar* dieja *tikas*, *rambut* dieja *rabut*, *kertas* dieja *kegas*, *cawan* dieja *gawan* dan *cincin* dieja *gengen*.

Daripada hasil jawapan tersebut, didapati murid tahun dua ini masih belum dapat mengeja perkataan-perkataan mudah (dua suku kata) bahasa Melayu. Murid didapati tidak dapat membezakan huruf dan tidak tahu menggunakannya dalam mengeja

seperti huruf *r* dan *s*, *t* dan *k*, *c* dan *g*, *i* dan *e*. Selain ini murid juga tidak dapat mengeja suku kata pertama tertutup seperti 'ram' dalam perkataan *rambut* dan 'ker' dalam perkataan *kertas*.

Dalam membaca ayat mudah (ayat selapis) "Saya baca buku pukul empat petang" murid dapat membaca tiga perkataan betul daripada enam perkataan yang diberikan. Perkataan-perkataan yang dapat dibaca (dengan mengeja satu persatu) ialah *saya*, *baca* dan *buku*. Perkataan-perkataan yang tidak dapat dibaca (walaupun mengeja) ialah *pukul* dibaca sebagai *pukal*, *empat* dibaca sebagai *empak* dan *petang* dibaca sebagai *petan*.

Semasa diminta mengeja dengan menulis semula perkataan yang disebut oleh penyelidik dan membaca ayat, murid kelihatan teragak-agak dan tidak yakin untuk melakukannya. Ada kalanya penyelidik nampak murid tidak serius dan melakukan aktiviti mengeja dan membaca secara meneka-neka. Dalam hal ini murid kelihatan malu, tidak serius dan tidak yakin dalam memberikan jawapan. Menurut guru kelas:

Fatan ni boleh cakap Melayu walaupun tak lancar macam budak-budak Melayu. Tapi, dalam mengeja dan membaca lambat. Markah tak pernah sampai 30% pun. Memang, kadang-kadang bila tak tahu, murid Kensiu ni agak-agak, hentam saja.

Noradina/22.10.07/Temu bual

Sikap malu juga menjadikan murid Kensiu hilang keyakinan diri dalam mengikut pembelajaran di sekolah. Ini adalah disebabkan mereka kurang mahir bercakap

bahasa Melayu. Perkara ini ada hubung kaitnya dengan sikap dan keyakinan diri murid yang rendah. Menurut guru kelasnya:

Fatan ni murid yang paling pemalu dibandingkan dengan rakan-rakan kesiuanya yang lain. Sukar untuk meminta dia menjawab soalan dalam kelas, kena suruh beberapa kali, baru boleh. Dia kurang fasih berbahasa Melayu. Fatan datang sekolah pakai baju di rumah sebab baju sekolah tiada ada. Ini juga menjadikan dia berasa rendah diri. Bukan dia seorang, ada murid-murid Kensiu yang lain yang macam tu.

Noradina/22.10.07/Temu bual

Murid-murid Kensiu dikatakan memiliki sifat terlalu sensitif, sentiasa merasa rendah diri dan pendiam. Mereka jarang bercampur dan berkomunikasi dengan murid-murid lain selain daripada rakan-rakan sekampung mereka. Rasa tidak ada keyakinan yang terdapat dalam diri murid-murid Kensiu menyebabkan sukar bagi guru-guru untuk mengenal pasti tahap kefahaman mereka kerana kurang berlaku komunikasi dua hala. PKHEM menyatakan:

Semua guru di sekolah ini menghadapi masalah yang sama berdepan dengan murid Kensiu. Mereka pendiam, pemalu dan pasif dalam pembelajaran. Masalahnya, kami tak tahu sama ada mereka faham apa yang kami ajar atau tidak sebab bila kami tanya mereka malu nak jawab. Nak tunggu mereka bertanya, jangan haraplah. Tapi, kami tidak biarkan, kami tanya sampai dia jawab. Tak betul kami perbetulkan. Itu tujuan kami minta murid jawab.

PKHEM/12.06.07/temu bual

Menyentuh tentang kehadiran murid yang tidak memuaskan, seorang guru menyatakan:

Kebanyakan murid Kensiu di sekolah ini tak ada yang mencapai 90% jumlah kehadiran tiap-tiap bulan. Sebabnya ialah murid sendiri tidak rajin untuk datang, dan sementara itu, ibu bapa mereka pun tak menggalakkan, apa lagi untuk marah dan paksa.

Noradina/22.10.07/Temu bual

Anak-anak yang tidak pergi ke sekolah tidak akan dan tidak disuruh apatah lagi dimarah atau dirotan kerana menurut kepercayaan Orang Asli Kensiu, merotan atau memukul anak adalah dilarang kerana mereka mengamalkan hukum 'sanyet' dalam masyarakat mereka. Hukum 'sanyet' ini melarang ibu bapa memukul anak kerana jika ini dilakukan samalah seperti mendera anak-anak. Menurut seorang bapa:

Kita di kampung ini tidak boleh paksa atau marah anak kalau dia tak mahu buat apa-apa dia tak suka. Dari dulu, masa nenek moyang kita, kita tidak marah atau pukul anak-anak. Marah atau pukul anak sama macam dera anak dan kita akan kena 'sanyet'.

Daboi/26.05.07/Temu bual

Ditanyakan tentang 'sanyet', seorang bapa murid menerangkan:

Sanyet itu satu hukuman kepada ibu bapa yang mendera kanak-kanak. Memaksa anak ke sekolah dengan memarahi dan memukul, ibu bapa akan dihukum 'sanyet', mereka akan ditimpa bala atau peristiwa buruk dalam hidup.

Kasan/26.05.07/Temu bual

Dengan adanya 'sanyet' dalam budaya kehidupan mereka menyebabkan anak-anak Kensiu tidak mempunyai perasaan takut untuk tidak ke sekolah kerana tidak ada paksaan daripada mana-mana pihak ke atas mereka.

Padal (nama samaran)

Padal (lelaki) juga murid Tahun 2, dikenali sebagai Ayot dalam kalangan penghuni di perkampungan Kensiu. Seperti rakan-rakan Kensiu yang lain, Padal juga mempunyai ciri-ciri Orang Asli, iaitu berkulit gelap, berambut kerinting, berhidung pesek dan bibirnya agak tebal. Sejak dari mula bertemu Padal, penyelidik mendapati murid ini tidak terlalu pemalu seperti Anjak dan Fatan kerana dia mudah diajak berbual dan menjawab soalan dengan agak jelas. Selain itu, Padal boleh diajak berbual secara bertentang mata, tidak seperti dua orang murid Kensiu yang ditemu bual terdahulu yang amat sukar untuk memandang penyelidik semasa ditemu bual.

Seperti Fatan dan murid-murid Kensiu yang ditemu bual sebelum ini, Padal juga menggunakan lebih banyak bahasa Kensiu semasa berkomunikasi berbanding bahasa Melayu. Bahasa Melayu digunakan semasa berkomunikasi dengan guru dan murid berbangsa Melayu ketika berada di kawasan sekolah sahaja. Menggunakan bahasa Kensiu adalah lebih mudah bagi mereka kerana sudah menjadi bahasa harian mereka berbanding bahasa Melayu, satu bahasa baru, atau bahasa kedua bagi mereka.

Daripada perbualan, penyelidik mendapati murid ini boleh bertutur dalam bahasa Melayu walaupun tidak lancar. Namun, penguasaan murid mengeja dan membaca dalam bahasa Melayu adalah rendah. Ini terbukti daripada markah ujian bahasa Melayu yang diperoleh di sekolah, iaitu 13 – 14 daripada 50 markah keseluruhan, iaitu 24% - 28%.

Begitu dalam aktiviti menulis semula perkataan berdasarkan sebutan, murid hanya berjaya menulis tiga perkataan betul daripada lapan perkataan yang disebutkan. Perkataan-perkataan yang ditulis betul ialah *padi*, *siku* dan *tikar*. Perkataan-perkataan yang salah ialah *gelas* dieja *gilat*, *rambut* dieja *rambuk*, *kertas* dieja *keras*, *cawan* dieja *cawam* dan *cincin* dieja *cencen*. Penyelidik mendapati murid tidak dapat membezakan antara huruf *e* dan *i*, *t* dan *k*, *n* dan *m* dan tidak dapat mengeja perkataan dengan suku kata tertutup seperti *but* yang dieja *buk* dalam *rambut*, *tas* dieja *as* dalam *kertas*, *wan* menjadi *wam* dalam *cawan* dan *cin* dieja *cen* dalam *cincin*.

Semasa murid diminta membaca ayat ‘Saya baca buku pukul empat petang.’ Padal dapat membaca lebih baik daripada Fatan. Padal dapat membaca empat perkataan dalam ayat tersebut dengan betul berbanding Fatan yang membaca hanya tiga perkataan sahaja betul. Namun begitu, Padal seperti juga Fatan perlu mengeja setiap perkataan dalam ayat sebelum membacanya. Perkataan-perkataan yang dibaca betul oleh Padal ialah *saya*, *baca*, *buku*, dan *pukul*. Seperti Fatan, Padal tidak dapat membaca perkataan *empat* dan *petang* yang dibaca sebagai *empak* dan *petan*.

Penyelidik mendapati pelajar ini masih belum mengenal huruf sepenuhnya dan menggunakannya dalam ejaan dan bacaan. Ini disebabkan bahasa Melayu adalah

sukar dikuasai kerana ia berlainan dengan bahasa harian mereka, iaitu bahasa Kensiu seperti yang dinyatakan oleh murid semasa temu bual. Satu sebab yang lain murid tidak menguasai bahasa Melayu, seperti yang terdapat dalam temu bual adalah disebabkan rasa malu murid untuk bercakap bahasa Melayu.

Semasa temu bual, murid ada menyatakan bahawa dia tidak ke sekolah juga disebabkan oleh perkara yang remeh-temeh seperti rakan-rakan Kensiu yang lain iaitu tiada kasut sekolah. Semasa ditemu bual, Fatan memakai selipar. Ditanyakan sebab dia tidak memakai kasut sekolah, Fatan menyatakan:

Takdak...kasut,...hilang.

Fatan/24.07.07/Temu bual

Semasa ditanyakan soalan sama ada bapanya membeli atau akan membelikan kasut baru menggantikan yang hilang, Fatan berkata:

Tak, bapak...tak nak beli.

Fatan/24.07.07/Temu bual

Apabila ditanyakan sebab ibu bapanya tidak mahu membeli kasut baru, murid berkata:

Bapak...kata...tahun...depan...sekolah bagi.

Fatan/24.07.07/Temu bual

Ketiadaan kasut sekolah untuk dipakai ke sekolah dan hanya memakai selipar akan membuatkan murid berasa malu dan rendah diri sedangkan masalah ini boleh diatasi oleh ibu bapa murid. Namun, ibu atau bapa murid tidak membelikan kasut sekolah yang lain boleh jadi disebabkan oleh ketidakprihatinan atau keadaan kewangan yang tidak membolehkan mereka berbuat demikian.

Dalam hal ini, kelihatannya murid mahupun ibu bapa tidak mengambil berat tentang kehadiran murid ke sekolah. Menurut keterangan guru-guru:

Dia pakai pakaian lengkap sekolah masa awal-awal dulu. Lepas dua bulan, dah tak pakai kasut sekolah. Tiap-tiap hari pakai selipar. Saya nasihatkan dia supaya minta bapa dia belikan yang baru, dia kata bapa dia tak mahu belikan, tak ada duit katanya. Dah tu, tak ada kasut, pakai selipar, depa akan rasa malu, rendah diri dengan kawan-kawan.

Noradina/22.10.07/Temu bual

Saya kesian betul budak-budak Kensiu ni. Depa datang sekolah tak pakai pakaian seragam sekolah. Ada yang hilang, ada yang rosak, ada yang koyak dan macam-macam lagi. Bila kita pesan minta ibu bapa belikan yang baru, murid kata ibu bapa tak nak beli, tak ada duit, suruh tunggu pihak sekolah bagi. Kerajaan bagi bantuan persekolahan setahun sekali saja, awal tahun. Dah macam tu, datang sekolah pakai pakaian rumahlah.

Samad/24.07.07/Temu bual

Berbagai-bagai alasan diberikan oleh murid apabila ditanya oleh guru sebab-sebab tidak memakai pakaian seragam sekolah. Menurut Cikgu Azimah:

Manalah tak rosak pakaian sekolah tu. Pergi main pakai baju sekolah, pergi hutan pakai baju sekolah, pergi melastik burung pun pakai baju sekolah. Dah tu, pakaian sekolah dah rosak, datang sekolah pakai baju rumahlah.

Azimah/24.07.07/temu bual

Tentang sikap ibu bapa Kensiu yang tidak menggalakkan anak-anak ke sekolah, seorang guru menyatakan:

Ibu bapa mereka tidak ambil kisah jika anak-anak tidak ke sekolah. Mereka tidak akan suruh, apa lagi untuk memaksa. Mereka tidak menganggap pergi ke sekolah itu merupakan suatu kemestian.

Kamariah/24.07.07/Temu bual

Tidak mengejutkan anak untuk ke sekolah adalah berhubung kait dengan sikap murid sendiri dan ibu bapa juga. Dalam hal ini, seorang guru menyatakan:

Padal memang kerap tidak datang sekolah. Alasannya terlewat. Dia susah nak jaga tidur waktu pagi. Saya minta dia pesan kat emak ke bapak dia kejutkan pagi-pagi, dia kata emak bapak dia tak kejut pun. Tak tahu macam mana sikap dia orang ni, tak prihatinlah.

Noradina/22.10.07/Temu bual

Abong (nama samaran)

Abong (lelaki) murid tahun 3, anak ketiga daripada lima adik beradik. Di rumah Abong dikenali dengan nama Awan. Seperti murid-murid sebelum ini, Abong juga mempunyai ciri-ciri tipikal fizikal Orang Asli. Dari segi perwatakan, Abong seorang murid yang pendiam dan pemalu. Abong, sebagai seorang murid tahun tiga, lebih

baik pertuturannya dalam bahasa Melayu berbanding rakan-rakan di tahun satu dan dua.

Daripada keputusan ujian yang ditunjukkan guru kelas, murid ini menunjukkan pencapaian yang agak baik, iaitu memperoleh 30% dan 33%, menghampiri 50% betul. Namun markah sebegini masih belum dapat dikatakan memuaskan kerana pencapaian berada di bawah 50%. Murid menyatakan soalan yang diberikan adalah susah menyebabkan dia tidak menjawab dengan baik. Ini menunjukkan bahawa Abong, setelah tiga tahun bersekolah masih tidak dapat menguasai bahasa Melayu mengikut tahap persekolahannya. Menurut Abong tentang pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu di sekolah:

Bahasa...Melayu...susah. Kesiu...senang.

Abong/31.07.07/Temu bual

Dalam mengeja perkataan yang disebut oleh penyelidik secara spontan, penyelidik menyebut perkataan-perkataan yang lebih sukar daripada yang diberikan kepada murid tahun satu dan dua. Murid ini dapat mengeja empat perkataan betul daripada 10 perkataan yang disebut. Perkataan-perkataan yang betul ialah *kasut*, *tangan*, *rumah* dan *pokok* manakala perkataan yang dieja salah ialah *pisau* dieja *pisan*, *seluar* dieja *seluak*, *bantal* dieja *batal*, *sampan* dieja *sampam*, *parang* dieja *paran* dan *lambung* dieja *lanbun*. Murid didapati tidak mengenal dan membezakan huruf *u* dan *n*, *r* dan *k*, *m* dan *n*. Murid juga tidak dapat mengeja suku kata tertutup seperti *ban* dalam *bantal* dan *lam* dalam *lambung* di samping murid tidak tahu mengeja

perkataan yang berakhir dengan huruf *ng* dalam *parang* yang dieja menjadi *paran* dan *lambung* yang dieja menjadi *lanbun*.

Semasa murid diminta membaca ayat mudah yang diberi oleh penyelidik, iaitu ayat ‘Petang semalam kami bermain bola sepak di padang waktu hujan’ murid hanya dapat membaca beberapa perkataan sahaja walaupun telah mengeja beberapa perkataan terlebih dahulu. Hasilnya murid membaca ayat tersebut sebagai ‘Pe...tan sema...lam kami bar...main bola se...pat di padan wak...te hujan’. Daripada sembilan perkataan dalam ayat, murid berjaya membaca empat perkataan betul dan lima yang lain salah. Empat perkataan yang betul tersebut ialah *semalam*, *kami*, *bola* dan *hujan* manakala lima perkataan yang salah ialah *petang* dieja *petan*, *bermain* dieja *barmain*, *sepak* dieja *sepat*, *di padang* dieja *di padan* dan *waktu* dieja *wakte*.

Hasil daripada ujian di sekolah, aktiviti mengeja dan membaca yang diberikan penyelidik, didapati murid tidak mendapat pencapaian yang baik. Murid didapati masih belum dapat mengenal dan menggunakan huruf sepenuhnya. Daripada temu bual dapat difahamkan bahawa murid masih sukar mempelajari bahasa Melayu kerana bukan bahasa ibundanya. Satu sebab lain ialah murid malu dan takut kerana semasa diminta menulis perkataan berdasarkan sebutan dan membaca ayat selapis yang diberikan, murid kelihatan mengeja dan membaca ayat secara spontan tanpa memikirkannya terlebih dahulu dalam keadaan gugup, takut dan tidak selesa.

Semasa di temu bual, Abong tidak mengenakan baju sekolah yang lengkap. Abong memakai kemeja sekolah putih dan seluar panjang yang dipakai di rumah. Semasa penyelidik sebab dia tidak memakai pakaian sekolah, Abong menjawab:

Basah...kena hujan.

Abong/31.07.07/Temu bual

Penyelidik bertanya dan meminta murid menyatakan berapa pasang pakaian seragam sekolah yang dimiliki, murid menerangkan:

Satu. Lain...koyak. Sang...kut...pokok.

Abong/31.07.07/Temu bual

Penyelidik bertanyakan lagi adakah bapanya membelikan pakaian sekolah untuk menggantikan yang koyak, murid menjawab:

Tak...tunggu...sekolah...bagi.

Abong/31.07.07/Temu bual

Semasa ditanyakan soalan dan meminta murid menerangkan sebab-sebab dia kerap tidak ke sekolah, Abong menjawab:

Masuk...hutan, tolong...bapak.

Abong/31.07.07/Temu bual

Daripada rekod kehadiran, murid ini juga kerap tidak hadir ke sekolah kerana mengikut bapanya ke hutan, membantu bapa mencari hasil hutan untuk dimakan atau dijual untuk menjana pendapatan. Murid masuk ke dalam hutan ada kalanya atas arahan bapa dan ada juga atas kehendak murid sendiri. Guru-guru ada memberi komen dalam hal ini:

Murid ini kerap tidak hadir ke sekolah. Dia kata dia masuk hutan, tolong bapanya mencari hasil hutan. Bagi saya, membantu bapa ok, baik, tetapi tak seharusnya sampai menjejaskan persekolahan murid. Kalau kita tegur, dia ingat kita marah, lamalah tak datang sekolah. Ibu bapa pun tak menyuruh, budak lagi seronoklah tak sekolah.

Samad/24.07.07/Temu bual

Bila kita tanya murid, kenapa tak datang sekolah, dengan selamba saja dia jawab, mereka ikut bapa bekerja di luar, tanpa ada rasa takut atau bersalah Kerana tidak bersekolah. Ini menunjukkan sikap baik bapa, baik anak, tidak kisahpun kalau tak ke sekolah. Yang penting bagi mereka, dapat guna tenaga yang ada untuk cari pendapatan.

Noradina/24.07.07/Temu bual

Penjelasan yang diberikan oleh guru menunjukkan murid tidak mengambil kisah untuk menjaga pakaian sekolah. Pakaian sekolah tidak hanya dipakai untuk ke sekolah, tetapi juga dipakai untuk bermain, masuk ke dalam hutan dan lain-lain aktiviti lagi. Daripada penjelasan tersebut juga dapat difahamkan bahawa ibu bapa murid juga tidak memberi sokongan moral untuk anak-anak bersekolah kerana mereka akan mengajak anak-anak ke hutan membantu mencari sumber-sumber hutan. Selain ini ibu bapa tidak akan membelikan pakaian sekolah anak yang rosak menjadikan anak tidak ke sekolah kerana berasa malu. Sikap ibu bapa yang tidak menggalakkan, ditambah keadaan ekonomi keluarga yang tidak menentu menyumbang kepada sebab murid tidak ke sekolah.

Enda (nama samaran)

Enda (perempuan) ialah murid tahun 4. Rupa paras Enda agak berbeza daripada murid-murid perempuan Kensiu yang lain. Kulitnya lebih cerah, hidung tidak pesek dan bibir tidak begitu tebal. Enda mudah tersenyum dan tidak kelihatan kekok sepanjang sisi temu bual. Dia juga agak mudah diajak berbual.

Daripada perbualan penyelidik mendapat maklumat daripada murid bahawa dia memiliki darah campuran, iaitu bapa kandung Enda ialah Orang Asli Kensiu dan ibunya berasal dari Indonesia. Setelah bapanya meninggal dunia, ibu Enda berkahwin pula dengan Orang Melayu yang bekerja membawa van sekolah. Ibu Enda membantu menampung perbelanjaan keluarga dengan membuka kedai runcit di perkampungan mereka.

Keputusan ujian yang ditunjukkan guru kelas, menunjukkan Enda memperoleh pencapaian yang agak baik dalam ujian bahasa Melayu, iaitu memperoleh 30% dan 33%, namun markah sebegini menunjukkan bahawa pencapaian murid ini masih belum dapat dikatakan memuaskan kerana pencapaiannya berada di bawah 50%.

Sebagai seorang murid tahun 4, Enda sudah boleh mengenal huruf, boleh menggunakan huruf dalam perkataan-perkataan yang terdiri daripada suku kata terbuka. Dalam mengeja perkataan yang disebut oleh penyelidik secara spontan, bagi murid tahun 4, penyelidik menyebut perkataan-perkataan yang lebih sukar daripada yang diberikan kepada murid tahun satu, dua dan tiga. Murid ini dapat mengeja empat perkataan betul daripada 10 perkataan yang disebut. Perkataan-perkataan yang betul ialah *berkasut*, *kantin*, *lambat* dan *sotong* manakala perkataan yang dieja salah

ialah *pakaian* dieja *pakain*, *menulis* dieja *menules*, *bandar* dieja *banda*, *penting* dieja *penten*, *pandang* dieja *pandan* dan *tangkap* dieja *tangkap*.

Murid tidak dapat membezakan di antara *i* dan *e*, begitu juga tidak dapat mengeja perkataan yang berakhir dengan *ng* seperti *penting* dieja *penten*, *pandang* dieja *pandan* dan *tangkap* dieja *tangkap*. Murid didapati tidak dapat mengeja perkataan yang mengandungi diftong, iaitu dalam kes ini ialah diftong *ai* dalam perkataan *pakaian* yang dieja sebagai *pakain* dan diftong *au* dalam perkataan *hijau* yang dieja sebagai *hiju*. Murid juga tidak dapat mengeja perkataan dengan suku kata tertutup seperti *dar* dalam *bandar* yang dieja sebagai *banda*, *ting* dalam *penting* yang dieja sebagai *penten*, *dang* dalam *pandang* yang dieja sebagai *pandan* dan *tang* dalam *tangkap* yang dieja sebagai *tangkap*.

Seperti murid-murid yang ditemubual sebelum ini, murid ini juga telah diminta oleh penyelidik untuk membaca satu ayat, ‘Emak akan belikan saya sehelai baju kurung berwarna hijau’. Murid hanya dapat membaca beberapa perkataan sahaja walaupun dengan mengeja perkataan-perkataan yang diberi terlebih dahulu. Hasilnya murid membaca ayat tersebut sebagai ‘Emak...akan beli saya sahe...lai baju kurun...bir...warna hiju’. Daripada Sembilan perkataan, murid berjaya membaca empat perkataan betul dan lima yang lain salah. Empat perkataan yang betul tersebut ialah *emak*, *akan*, *saya*, dan *baju* manakala lima perkataan yang salah ialah *belikan* dieja *beli*, *sehelai* dieja *sahelai*, *kurung* dieja *kurun*, *berwarna* dieja *birwarna* dan *hijau* dieja *hiju*.

Hasil daripada ujian di sekolah, aktiviti mengeja dan membaca, didapati murid tidak dapat melakukannya dengan baik. Murid masih belum dapat mengenal huruf, tidak mahir mengeja juga tidak dapat membaca dengan lancar. Murid ada menyatakan bahawa bahasa Melayu adalah satu mata pelajaran yang sukar diikuti. Ini disebabkan murid lebih biasa menggunakan bahasa ibundanya, iaitu bahasa Kensiu, bukan bahasa Melayu. Semasa ditanyakan tentang masa dia menggunakan bahasa Melayu, murid menjawab:

Dengan...cikgu, dengan...kawan Melayu.

Enda/22.07.07/Temu bual

Disebabkan rasa malu dalam diri yang mendalam menyebabkan murid Kensiu mempunyai hubungan yang berjarak dengan guru. PKHEM menyatakan:

Murid-murid Kensiu ni sangat malu, lebih-lebih lagi dengan cikgu. Dalam bilik darjah mereka tidak rapat dengan cikgu berbanding dengan murid-murid Melayu. Kita faham mereka ni berlain dari segi fizikal, bahasa dan budaya Melayu. Hal-hal ini menyebabkan ada jurang antara guru dan murid.

PKHEM/23.05.07/temu bual

Saya tak nafikan ada juga guru-guru yang tidak menghiraukan murid- murid Kensiu ni. Yalah, bila terlampau malu, tak nak jawab soalan cikgu, apa lagi nak bertanya, cikgupun tak larat nak layan. Itu sebab mereka terus terbiar.

PKHEM/23.05.07/temu bual

Kami guru-guru kat sini ada rasa budak-budak Kensiu ni susah diajar dan mereka tak mahu belajar. Kalau sehari dua kita boleh sabar, tapi kalau dah selalu-selalu sangat... ada je guru yang biarkan saja depa tu.

Fatima/24.07.07/temu bual

Enda, seperti murid-murid Kensiu lain, lebih banyak dan lebih memilih bertutur menggunakan bahasa Kensiu semasa berinteraksi dengan rakan-rakan Kensiu di sekolah. Penyelidik bertanya sebab-sebab murid ini kurang menggunakan bahasa Melayu, murid menjawab:

Susah, suka...cakap...Kensiu.

Enda/22.07.07/Temu bual

Sebab lain murid tidak mahir berbahasa Melayu ialah murid tidak mahu mencuba menuturkannya kerana bimbang atau takut akan melakukan kesalahan. Jika itu berlaku, murid akan berasa malu dan disebabkan perasaan malu dan takut juga menyebabkan murid tidak dapat membaca ayat yang diberikan dengan betul sebaliknya murid membacanya dalam keadaan suara tersekat-sekat dan gugup. Apabila penyelidik bertanya sebab tidak menggunakan bahasa Melayu, murid menjawab:

Susah, malu...salah...cakap.

Enda/22.07.07/Temu bual

Daripada rekod kehadiran, murid ini tidak begitu kerap tidak hadir ke sekolah seperti murid-murid Kensiu yang ditemu bual sebelum ini. Ini boleh jadi disebabkan ibu bapa murid mempunyai kerjaya dan pendapatan yang agak terjamin, iaitu ibu

menjalankan perniagaan kedai runcit dan bapa bekerja sebagai pemandu van sekolah. Namun begitu, kehadiran murid ini ke sekolah tidak penuh, iaitu setiap bulan pasti ada hari-hari tertentu yang murid ini tidak hadir. Bagi mengetahui sebab murid ini tidak hadir, penyelidik bertanyakan sebab-sebabnya, murid menjawab:

Duduk... rumah, tolong...emak kat kedai.

Enda/22.07.07/Temu bual

Bagi mengetahui sikap ibu bapa murid ini apabila dia tidak pergi ke sekolah, penyelidik bertanyakan sama ada ibu bapanya marah atau menyuruh dia ke sekolah, murid ini menyatakan:

Tak. Kadang...kadang...suruh.

Enda/22.07.07/Temu bual

Bercakap tentang kehadiran murid ini ke sekolah seorang guru pengiring pada waktu itu memberikan komen:

Enda tidak kerap ponteng sekolah. Dia juga tidak pernah tak pakai seragam sekolah dan pakaiannya lebih kemas berbanding rakan-rakan Kensiuanya yang lain. Cuma satu masalahnya, murid ini terlalu malu, jarang menjawab soalan di dalam kelas. Saya kena soal berkali-kali baru dia mahu menjawab.

Muhayidin/22.07.07/Temu bual

Ketidakhadiran murid ke sekolah adalah atas beberapa sebab seperti yang dinyatakan oleh PKHEM:

Satu sebab lagi, budaya mereka berbeza dengan kita. Itu sebab mereka malas nak bersekolah. Bahasa pun lain, di sini nak kena belajar bahasa Melayu. Hidup mereka ni memang susah, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Kadang-kadang bila emak bapa keluar dari kampung cari kerja, anak-anak ikut sekali. Masa ikut keluarga itulah anak tak bersekolah.

PKHEM/23.05.07/temu bual

Guru pengiring juga ada memberikan komen tentang pembelajaran bahasa Melayu murid ini:

Walaupun Enda kerap juga datang, tapi keputusan ujian murid ini masih tak mencapai lebih 50%. Sama kesnya macam murid-murid Kensiu lain, dia masih belum dapat mengecam huruf sepenuhnya. Masalahnya, kalau tak tahu dia tak mahu nak tanya, saya kena 'findout' sendiri dia faham atau tidak.

Muhayidin/22.07.07/Temu bual

Intak (nama samaran)

Intak (lelaki) murid tahun 5. Nama timang-timangan Intak dalam masyarakat Kensiu ialah Nibong. Jika diteliti, Intak memiliki fizikal yang agak berbeza daripada kanak-kanak lelaki Kensiu lain. Rambut Intak tidak terlalu kerinting, kulitnya agak cerah, roman muka bujur, hidung tidak pesek dan bibik agak tipis. Pakaian Intak kemas dan bersih berbanding murid-murid Kensiu yang lain. Intak berperwatakan sederhana, tidak terlalu pendiam dan tidak terlalu pemalu. Penyelidik diberi tahu oleh salah seorang guru bahawa Intak ialah abang kepada Enda.

Intak boleh berbahasa Malaysia dengan agak baik walaupun ada ketika-ketika tertentu percakapan Intak tidak lancar dan terhenti sejenak disebabkan dia perlu

berfikir seketika untuk memikirkan perkataan yang sesuai untuk diucapkan. Semasa temu bual murid ini beberapa kali memandang ke arah penyelidik sambil tersenyum. Ini merupakan perwatakan yang berlainan daripada murid-murid Kensiu lain yang amat sukar untuk mengangkat muka ketika ditemu bual. Seperti murid-murid Kensiu lain, Intak juga lebih banyak menggunakan bahasa Kensiu semasa berkomunikasi dengan keluarga dan rakan-rakan. Intak berminat mempelajari bahasa Melayu, tetapi menurutnya bahasa Melayu merupakan mata pelajaran yang susah untuk diikuti. Menurut Intak:

Banyak...guna...Kensiu. Melayu susah.

Intak/22.07.07/Temu bual

Semasa ditanya tentang kesediaannya mempelajari bahasa Melayu, murid memberikan jawapan:

Suka, tapi...susah.

Intak/22.07.07/Temu bual

Daripada rekod kehadiran, murid ini kerap hadir ke sekolah dibandingkan dengan rakan-rakan Kensiu yang lain. Namun begitu, seperti adiknya Enda, Intak juga ada beberapa hari tidak hadir ke sekolah pada setiap bulan. Semasa ditanyakan soalan sebab-sebab dia tidak hadir, Intak berkata:

Pergi...pekan...dengan...kawan.

Intak/22.07.07/Temu bual

Penyelidik ingin mengetahui aktiviti yang dilakukan oleh murid ini pergi ke pekan sedangkan pada waktu itu dia sepatutnya berada di sekolah, Intak menjawab:

Jalan-jalan.

Intak/22.07.07/Temu bual

Intak memperolehi markah antara 30 hingga 35 daripada 100 bagi ujian bahasa Melayu di sekolah, iaitu dalam peratusan antara 30% - 35%. Walaupun murid ini agak lancar bertutur bahasa Melayu, didapati murid ini tidak pernah mendapat markah melebihi 50% dalam mana-mana ujian bahasa Melayu. Ini menunjukkan bahawa Intak masih tidak dapat menguasai kemahiran mengeja dan membaca bahasa Melayu dengan baik.

Dalam mengeja perkataan yang berdasarkan sebutan, sebagai murid tahun 5, Intak diberikan sepuluh perkataan yang lebih sukar berbanding dengan murid-murid tahun 1 hingga tahun 4. Perkataan-perkataan yang diberikan terdiri daripada dua dan tiga suku kata. Perkataan-perkataan yang diberikan ialah *perkataan*, *cendawan*, *penggali*, *rambutan*, *sekuntum*, *pinggang*, *mangkuk*, *cangkul*, *memanjat* dan *terbalik*. Daripada sepuluh perkataan tersebut, murid berjaya menjawab lima betul dan lima salah. Perkataan-perkataan yang boleh dieja dengan betul ialah *penggali*, *rambutan*, *mangkuk*, *cangkul* dan *terbalik*. Perkataan-perkataan yang salah ialah *perkataan*

dieja sebagai *perkatan*, *cendawan* dieja sebagai *cendauan*, *sekuntum* dieja sebagai *sakuntun*, *pinggang* diejak sebagai *pinggan*, dan *memanjat* dieja *memajat*.

Daripada jawapan tersebut, didapati murid tahun lima ini masih tidak dapat membezakan huruf *w* dan *u*, hurud *e* dan *a*, dan *m* dan *n*, selain belum dapat mengeja perkataan-perkataan bahasa Melayu dua suku kata dan tiga suku kata yang disebut dengan baik. Murid ini melakukan kesilapan dalam mengeja perkataan yang mengandungi dua vokal serentak seperti dalam *perkataan* yang dieja menjadi *perkatan*. Selain itu murid juga didapati sukar mengeja perkataan-perkataan yang terdiri dari suku kata tertutup seperti *gang* dalam *pinggang* yang dieja sebagai *pinggan*, *tum* dalam *sekuntum* yang dieja sebagai *sakuntun*, *man* dalam *memanjat* yang dieja sebagai *memajat*.

Dalam membaca ayat yang diberikan oleh penyelidik, iaitu ‘Pemburu menembak harimau garang itu dengan senapang bertalu-talu’ murid dapat membaca lima perkataan betul daripada lapan perkataan yang diberikan. Perkataan-perkataan yang dapat dibaca (dengan mengeja satu persatu) ialah *pemburu*, *garang*, *itu*, *dengan*, dan *senapang*. Perkataan-perkataan yang tidak dapat dibaca (walaupun mengeja) ialah *menembak* dibaca sebagai *manambak*, *harimau* dibaca sebagai *harimu* dan *bertalu-talu* dibaca sebagai *bertalu*. Intak, murid tahun lima masih belum dapat membaca ayat mudah/selapis bahasa Melayu dengan baik walaupun perkataan-perkataan yang terkandung dalam ayat adalah perkataan-perkataan biasa didengar. Menurut guru pengiring tentang Intak:

Intak murid yang agak baik dari segi penampilan dan pergaulan, tetapi dari segi pembelajaran ok je. Dia boleh cakap bahasa Melayu agak baik walaupun tidak selancar budak-budak Melayu. Tapi, dalam mengeja dan membaca murid ini masih lambat. Markah diperoleh antara 30% hingga 35%. Pandai bercakap tidak semestinya pandai mengeja dan membaca.

Noradina/22.10.07/Temu bual

Daripada temu bual dan merujuk kepada hasil keputusan ujian yang diperoleh oleh Intak, walaupun murid ini dapat bercakap bahasa Melayu dengan agak baik, namun murid didapati masih lemah dalam mengeja dan membaca. Dengan adanya bahan-bahan bacaan lain selain daripada buku sekolah di rumah, seperti surat khabar dan komik kelihatannya tidak dapat membantu murid untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik.

Shamoi (nama samaran)

Shamoi (perempuan) ialah murid tahun 6. Murid ini juga mempunyai ciri-ciri fizikal tipikal Orang Asli, iaitu berkulit hitam, berbibir tebal dan berhidung pesek. Shamoi, anak bongsu dalam adik-beradik memberitahu, semasa di rumah dia lebih dikenali sebagai Ujik. Bapa Shamoi yang bernama Awang (nama samaran) bekerja memotong kelapa sawit. Ibu Shamoi juga menjalankan kerja memotong kelapa sawit. Seperti murid-murid Kensiu lain, Shamoi memanggil bapanya 'A' dan memanggil ibunya 'nak'.

Sebagai seorang murid tahun 6 yang telah enam tahun bersekolah, Shamoi agak lancar berbahasa Melayu. Seperti murid-murid Kensiu yang lain, Shamoi lebih

banyak menggunakan bahasa Kensi daripada bahasa Melayu. Bahasa Melayu hanya digunakan ketika berbicara dengan guru dan rakan-rakan berbangsa Melayu. Menurut Shamo:

Di rumah...cakap asli.

Shamoi/02.08.07/Temu bual

Cakap...Melayu...dengan cikgu, kawan...Melayu.

Shamoi/02.08.07/Temu bual

Merujuk kepada rekod kehadirannya, murid ini juga kerap tidak ke sekolah. Semasa ditanyakan sebab-sebab dia kerap tidak hadir, murid ini menjawab:

Pergi...kalau... kawan ajak.

Shamoi/02.08.07/Temu bual

Bagi mengetahui sebab murid ini perlu berkawan untuk ke sekolah, penyelidik bertanya kepada pelajar dan murid memberikan jawapan:

Malu...jalan sorang.

Shamoi/02.08.07/Temu bual

Shamoi ada membaca bahan-bahan bacaan lain selain daripada buku sekolah. Bahan-bahan tersebut dibeli oleh kakak dan abangnya yang balik ke kampung. Murid ini mempunyai abang dan kakak yang bekerja di luar perkampungan.

Seorang kakak Shamoï bekerja sebagai tentera di negeri Perak dan dua orang abangnya bekerja di Terengganu mengambil upah sebagai tukang kebun sekolah dan mengambil upah bekerja di ladang.

Dari awal perbualan penyelidik dapat menduga bahawa murid ini agak lancar berbahasa melayu kerana dapat mengeja namanya dengan cepat. Murid juga boleh menjawab soalan yang diberikan dengan segera dan lancar. Kelancaran murid menggunakan bahasa Melayu disebabkan kebiasaannya menggunakan bahasa Melayu ketika berbual dengan abang dan kakaknya yang bekerja di luar dari perkampungan mereka.

Daripada rekod keputusan ujian, murid memperoleh markah 30% – 40%. Ini menunjukkan penguasaan bahasa Melayu murid agak baik berbanding rakan-rakan Kensiu yang lain. Daripada aktiviti mengeja dan menulis secara spontan yang dijalankan penyelidik, daripada sepuluh perkataan yang disebutkan, murid dapat mengeja/menulis tujuh perkataan betul. Perkataan-perkataan yang dapat dieja betul ialah *tergantung, menggulung, peperiksaan, pembersihan, bergembira, menjalankan* dan *disegerakan*. Perkataan-perkataan yang dieja/ditulis salah ialah *berjuang* dieja *bejuwang*, *bertaburan* dieja *betaburan*, *memperbaiki* dieja *mempebaik*.

Daripada hasil jawapan tersebut, didapati murid tahun enam ini dapat mengeja dan menulis perkataan-perkataan bahasa Melayu dengan baik. Kesilapan yang dilakukan adalah disebabkan murid tidak berjaya mengeja perkataan 'juang' kerana murid terkeliru dengan penggunaan aksara 'u' dan 'w'. Semasa disoal mengapa murid tidak dapat mengejanya dengan betul, murid menerangkan dia tidak biasa mendengar

perkataan *berjuang*. Ini bermakna kebolehan murid mengeja sesuatu perkataan adalah bergantung kepada kebiasaan mendengar atau menggunakan sesuatu perkataan itu.

Kesalahan lain yang murid ini lakukan ialah mengeja perkataan *bertaburan* dan *memperbaiki* yang dieja sebagai *betaburan* dan *mempebaik*. Dalam perkara ini didapati pelajar tidak dapat mengeja perkataan yang mempunyai imbuhan *per-* kerana dalam kedua-dua perkataan murid mengeja tanpa huruf ‘r’.

Dalam membaca ayat yang diberikan oleh penyelidik, iaitu ‘Sekawan burung layang-layang berterbangan di angkasa menuju ke suatu tempat yang tidak diketahui.’ murid dapat membaca tujuh perkataan betul daripada sebelas perkataan yang terkandung dalam ayat. Perkataan-perkataan yang dapat dibaca ialah *sekawan*, *burung*, *layang-layang*, *menuju*, *tempat*, *yang*, dan *tidak*. Perkataan-perkataan yang dibaca salah ialah *berterbangan* dibaca sebagai *beterbang*, *di angkasa* dibaca sebagai *di ankas*, *ke suatu* dibaca sebagai *ke satu* dan *diketahui* dibaca sebagai *diketau*. Penyelidik menduga kesilapan yang dilakukan oleh murid disebabkan murid tidak biasa dengan suatu perkataan dan murid juga tidak mahir dengan perkataan yang berimbuhan. Menurut guru pengiring:

Shamoi lancar berbahasa Melayu. Yalah, dah tahun enam belajar bahasa Melayu. Tapi macam murid-murid Kensiu lain, apabila diperhatikan, Shamoi juga lebih selesa bercakap Kensiu bila bercakap dengan kawan-kawan Kensiu di sekolah.

Noradina/02.08.07/Temu bual

Shamoi ni, boleh mengeja dan membaca bahasa Melayu, tapi masih tidak dapat jawab semua betul. Tak tahu mengapa. Kalau fokus dan usaha lebih sikit, insya-Allah dia boleh.

Noradina/02.08.07/Temu bual

Jaguk (nama samaran)

Jaguk (lelaki) ialah murid tahun 6. Di rumah, Jaguk lebih kenali dengan panggilan Hinyak. Jaguk adalah anak ketiga daripada enam orang adik beradik. Murid ini mempunyai seorang adik yang belajar di sekolah yang sama, iaitu Padal dan seorang kakak, Romi (nama samaran) belajar di sekolah menengah. Seperti beberapa orang rakan Kensiu yang lain, Jaguk berambut kerinting, berkulit gelap dan bertubuh rendah dan gempal.

Seperti murid-murid Kensiu yang lain, Jaguk memanggil bapa sebagai 'a' dan ibunya, Bilah sebagai 'nak'. Kedua-dua ibu bapa Jaguk menjalankan pekerjaan menoreh getah dan mengambil upah bersawah dan memotong rumput di kampung-kampung berhampiran, iaitu luar dari perkampungan Kensiu. Jaguk sering menemani ibunya ke dalam hutan mencari kulat selain daripada memancing ikan di sungai dan melastik burung bersama rakan-rakan sekampung.

Jaguk merupakan murid Kensiu yang paling peramah dan paling ceria berbanding dengan murid-murid Kensiu yang lain. Dia juga lancar berbahasa Melayu. Ini disebabkan Jaguk telah mendapat pendedahan kepada pembelajaran bahasa Melayu selama 6 tahun. Dia mudah diajak berbual dan suka menawarkan diri untuk membantu rakan-rakan lain yang agak malu dan kekok semasa ditemu bual.

Mengikut rekod kehadiran, Jaguk merupakan murid yang paling kerap ke sekolah, namun demikian ada juga beberapa hari dalam setiap bulan Jaguk tidak ke sekolah. Semasa ditanyakan sebab-sebab murid ini tidak hadir ke sekolah pada hari-hari tertentu, Jaguk menyatakan:

Ayah...tak dapat...hantar. Motor...rosak.

Jaguk /02.08.07/Temu bual

Daripada jawapan yang diberikan, penyelidik mengetahui bahawa kekerapan Jaguk ke sekolah disebabkan murid ini tidak mempunyai masalah pengangkutan kerana dihantar oleh bapanya dengan menaiki motor. Jaguk tidak besekolah hanya sekiranya motor bapanya mengalami kerosakan.

Melalui perbualan dan pemerhatian, murid ini didapati sebagai seorang yang peramah dan mudah bergaul sama ada dengan rakan-rakan Kensiu dan murid-murid berbangsa Melayu. Semasa ditanyakan soalan sama ada murid ini berkawan dengan murid-murid Melayu di sekolah, Jaguk berkata:

Saya...ada kawan...dengan Melayu.

Jaguk /02.08.07/Temu bual

Semasa ditanyakan sebab-sebab dia ke sekolah, Jaguk menerangkan:

Jumpa...kawan. Boleh...main bola.

Jaguk /02.08.07/Temu bual

Hasrat ingin tahu sebab-sebab lain murid kerap ke sekolah berbanding dengan murid-murid Kensiu yang lain mendorong penyelidik bertanya kepada murid ini dan dia menjawab:

Suka...makan...nasi lemak...di kantin.

Jaguk /02.08.07/Temu bual

Ketika ditanyakan tentang aktiviti yang dilakukan semasa lapang atau semasa waktu rehat jika tidak bermain, Jaguk menyatakan:

Baca buku...cerita...kat pe...pustaka...an.

Jaguk /02.08.07/Temu bual

Daripada jawapan yang diberikan Jaguk, ada perkara-perkara yang mendorong murid untuk hadir ke sekolah, iaitu seperti menyukai nasi lemak yang dijual di kantin, minat membaca buku cerita di sekolah dan bermain bola sepak dengan rakan-rakan. Seperti murid-murid Kensiu yang lain, Jaguk juga lebih banyak menggunakan bahasa Kensiu daripada bahasa Melayu semasa berkomunikasi dengan rakan-rakan di sekolah. Kelancaran percakapan bahasa Melayu Jaguk adalah disebabkan dia seorang murid yang peramah, kerap berkomunikasi dengan guru-guru dan murid-murid Melayu.

Walaupun Jaguk lancar berbahasa Melayu, namun murid ini masih tidak dapat menguasai kemahiran mengeja dan membaca bahasa Melayu dengan baik. Ini dapat

dilihat daripada keputusan ujian sekolah dan hasil aktiviti mengeja dan membaca yang dilakukan oleh penyelidik. Daripada rekod keputusan ujian, murid memperoleh markah 25% – 35% sahaja. Jaguk sepatutnya memperoleh markah lebih baik daripada itu kerana murid ini telah mempelajari bahasa Melayu secara formal lebih daripada 5 tahun.

Daripada aktiviti mengeja secara spontan yang dijalankan penyelidik, daripada sepuluh perkataan yang disebutkan, murid dapat mengeja empat perkataan betul. Perkataan-perkataan yang dapat dieja betul ialah *mengambil*, *mengguris*, *mempertinggi*, dan *penghalang*. Enam perkataan yang dieja salah ialah *bersambut* dieja *besambut*, *terhantuk* dieja *terantuk*, *perdamaian* dieja *pedamayan*, *terancang* dieja *teransang*, *memendekkan* dieja *memendekan*, dan *kekacauan* dieja *kekacawan*.

Daripada hasil jawapan tersebut, didapati murid tahun enam ini walaupun dapat bertutur bahasa Melayu dengan agak lancar, namun masih lemah dalam mengeja perkataan bahasa Melayu. Pada peringkat ini murid masih tidak mahir menggunakan perkataan yang berimbuhan, sebagai contoh, imbuhan *ber-* dalam *bersambut* yang dieja sebagai *besambut* dengan mengugurkan huruf *r*.

Murid ini juga tidak tahu menggunakan perkataan yang mengandungi diftong seperti *ai* dan *au* yang dieja menurut bunyi sebutan, iaitu bagi *ai* murid menggunakan *y* dan bagi *au* murid menggunakan *w*. Sebagai contoh, diftong *ai* dalam perkataan *perdamaian* dieja sebagai *perdamayan* dan diftong *au* dalam perkataan *kekacauan* dieja menjadi *kekacawan*. Kesilapan yang dilakukan oleh murid adalah disebabkan murid tidak biasa mendengar perkataan-perkataan *perdamaian* dan *kekacauan*. Ini

bermakna walaupun murid lancar bertutur bahasa Melayu, namun disebabkan tidak biasa dengan sesuatu perkataan, maka murid tidak dapat mengejanya dengan betul.

Semasa membaca ayat yang diberikan oleh penyelidik, iaitu ‘Kemerdekaan negara itu telah tercapai dengan adanya perundingan meja bulat’, Jaguk dapat membaca enam perkataan daripada sebelas perkataan yang terkandung dalam ayat dengan betul. Perkataan-perkataan yang dapat dibaca ialah *negara, itu, telah, dengan, meja, dan bulat*. Perkataan-perkataan yang dibaca salah ialah *kemerdekaan* dibaca sebagai *kemdekaan*, *tercapai* dibaca sebagai *terdapai*, *adanya* dibaca sebagai *ada* dan *perundingan* dibaca sebagai *perunding*.

Penyelidik memberikan ayat yang lebih mudah kepada Jaguk berbanding yang diberikan kepada Shamoï memandangkan Jaguk kurang berkebolehan mengeja perkataan-perkataan yang disebutkan dengan baik. Terdapat beberapa perkataan yang agak panjang dan sukar dalam ayat yang diberikan kepada Jaguk. Namun begitu didapati Jaguk tidak dapat membaca ayat yang diberikan dengan baik, walaupun ada ketika-ketika tertentu Jaguk menyebut perkataan dengan mengejanya terlebih dahulu. Dapat disimpulkan di sini bahawa walaupun seseorang murid lancar bertutur bahasa Melayu tidak menjamin murid dapat membaca dengan lancar, sebaliknya mereka perlu mengikuti pengajaran dan pembelajaran formal untuk menguasai bahasa Melayu.

Jaguk ada memberitahu bahawa dia datang ke sekolah atas sebab-sebab tertentu seperti untuk berjumpa rakan-rakan sekolah, untuk bermain dan lain-lain sebab.

Tentang perkara ini, seorang guru menyatakan:

Mereka datang sekolah cuma 'suka-suka' saja, masa mereka rasa nak jumpa kawan-kawan mereka datang dan kalau rasa malas nak datang, mereka tak datang, ponteng. Perkara macam ni bukan berlaku dalam kelas saya saja, kelas-kelas lain pun macam tu juga.

Muhayidin/10.08.08/Temu bual

Johat (nama samaran)

Johat (lelaki) ialah murid tahun 6. Murid ini juga mempunyai ciri-ciri Orang Asli tipikal dengan rambut yang sangat keriting, berkulit gelap, berhidung pesek dan bertubuh rendah, kelihatannya seperti seorang murid tahun 1 atau 2. Murid ini kelihatan amat pendiam dan kelihatan ragu-ragu atau takut untuk ditemu bual. Daripada rekod kehadiran, penyelidik mendapati murid ini cuma hadir sekolah pada awal musim persekolahan pada tahun satu. Bermula dari tahun 2 sehingga tahun 5 murid ini tidak pernah hadir. Tahun 6 murid ini datang sekali sekala, apabila peperiksaan UPSR hampir tiba. Johat hanya boleh berbahasa Kensiu, dan langsung tidak tahu atau memahami bahasa Melayu. Semua soalan penyelidik dan jawapan murid ini diterjemahkan oleh murid Kensiu sekelasnya, iaitu Jaguk.

Dalam beberapa siri temu bual, murid lelaki ini memakai baju-T yang dipakai di rumah. Baju yang dipakai pula adalah baju-T untuk kanak-kanak perempuan. Apabila ditanyakan tentang ketidakhadirannya sekian lama, iaitu dari tahun dua hingga tahun lima persekolahan, seperti yang diterjemahkan oleh Jaguk, jawapan Johat ialah dia mahu menduduki peperiksaan UPSR. Menyentuh tentang ketidakhadiran Johat ke sekolah untuk sekian lamanya, guru-guru menyatakan:

Ada juga kes murid-murid Orang Asli ni yang mendaftar pada hari pertama, dan tak muncul-muncul lepas tu, kemudian tahun 5 atau tahun 6 datang pula. Kalau tak datang terus lain cerita, kami tidak akan ada masalah.

Samad/22.10.07/Temu bual

...tapi kalau kes macam ni, kami akan susah sebab murid-murid lain dah kenal huruf dan angka sedangkan mereka ini baru nak belajar mengenal. Keadaan macam inilah yang menyebabkan mereka tergolong dalam golongan murid tercicir atau gagal.

Bahar/12.06.07/Temu bual

Johat sama sekali tidak mengenal huruf dan menyebabkannya gagal mengeja perkataan-perkataan yang diberikan walaupun perkataan-perkataan mudah yang mengandungi satu dua suku kata sahaja. Disebabkan itu, penyelidik tidak meminta murid tahun 6 ini untuk membaca ayat, walaupun hanya ayat mudah kerana murid ini tidak mengenal huruf atau buta huruf.

Pemerhatian

Semasa melawat dan melakukan temu bual di sekolah, penyelidik berkesempatan melakukan pemerhatian di setiap bilik darjah yang terdapat murid Kensiu. Pemerhatian di bilik darjah dilakukan dari tahun satu hingga tahun enam semasa guru mengajar subjek bahasa Melayu yang menumpukan kepada pengajaran guru dan pembelajaran murid.

Semasa melakukan pemerhatian, penyelidik lebih menumpukan kepada pembelajaran murid-murid Kensiu. Contohnya, guru yang mengajar bahasa Melayu

murid tahun satu menggunakan pelbagai kaedah dan alat pengajaran. Antara alat-alat yang dilakukan ialah buku teks, papan putih di hadapan bilik darjah, kad imbas, buku kerja, lembaran-lembaran kertas latihan. Kaedah-kaedah mengajar yang digunakan oleh guru ialah menulis di papan putih, menyebut dan diikuti oleh murid melalui kad imbas sambil meminta mengeja dan menyebut gambar-gambar yang ditunjukkan, soal-jawab spontan dan meminta murid membuat latihan dalam buku kerja dan lembaran kerja.

Antara perkataan bergambar yang dipaparkan melalui kad imbas ialah seperti yang terdapat dalam Jadual 5.3:

Jadual 5.3. *Senarai Perkataan Dalam Kad Imbas*

Jenis Suku Kata	Perkataan
Dua suku kata	api, ibu, ubi, buku, guru, baju, bola, meja, kuku, kaki, mata, sudu, dagu, batu, titi, roti, kayu, siku, jari
Tiga suku kata	kereta, kepala, kelapa, telaga, keladi, kekabu, pegaga, perahu, dedalu

Gambar-gambar yang ditunjukkan oleh guru bahasa Melayu dalam bilik darjah murid-murid tahun satu adalah terdiri daripada gambar-gambar yang terdiri daripada dua suku kata dan tiga suku kata. Perkataan-perkataan tersebut terdiri daripada perkataan-perkataan yang bersuku kata akhir terbuka, iaitu diakhiri dengan vokal.

Respon murid

Dari pemerhatian didapati murid-murid Kensiu duduk diam sambil memerhati guru mengajar di hadapan. Berbeza dengan murid Melayu, ada yang memberi tumpuan kepada guru, ada yang mengerling rakan-rakan sekelas di kiri dan kanan mereka, ada yang menundukkan muka bermain dengan alat permainan yang dibawa dari rumah, ada yang menconteng-conteng kertas dan ada yang tertidur.

Penyelidik mendapati dalam salah satu bilik darjah tahun satu, murid-murid lebih menunjukkan minat dan lebih aktif dalam aktiviti mengeja yang disebut oleh guru terlebih dahulu dan murid mengikut kemudian. Aktiviti ini dilakukan oleh guru semasa mempamerkan kad imbasan. Melalui fokus dan pergerakan mulut, penyelidik dapat melihat murid Kensiu juga mengikut ejaan yang diajar guru di hadapan bilik darjah. Namun begitu suara mereka tidak kedengaran kerana ditenggalami oleh suara murid-murid Melayu yang lebih ramai bilangannya.

Semasa guru meminta murid mengeja semula perkataan berdasarkan gambar dalam kad imbas seorang demi seorang, didapati apabila tiba giliran murid Kensiu, penyelidik melihat kebanyakan mereka menundukkan muka, ada juga yang hanya menggelengkan kepala, dan ada yang mencuba mengeja, tetapi berhenti separuh jalan, dan ada langsung tidak memberi tindak balas. Suasana yang sama juga berlaku semasa guru meminta murid Kensiu mengeja perkataan yang ditulis di papan putih. Perkataan-perkataan yang ditulis oleh guru untuk dieja/dibaca oleh murid Kensiu ialah:

buku guru baju

bola meja kuku

kaki	mata	sudu
dagu	batu	titi
roti	kayu	siku

Semasa diminta mengeja dan menyebut perkataan-perkataan di atas, kebanyakan murid Kensiu tidak dapat melakukannya. Ada yang mengeja *buku* sebagai *balu*, *bubu*, *baku*, *biku* dan *duku*. Ada yang mengeja perkataan *kuku* sebagai *kaku*, *kukuk*, *kalu* dan *kugu*. Perkataan *siku* dieja sebagai *saku*, *silu*, *suku*, dan *ribu*. Terdapat murid Kensiu tahun satu yang tidak dapat langsung menyebut huruf-huruf yang diberikan, apatah lagi untuk mengeja perkataan mengikut suku kata. Pada keseluruhannya murid-murid Kensiu tahun satu tidak mengenal huruf dan tidak boleh mengeja perkataan-perkataan mudah satu dan dua suku kata.

Pemerhatian dalam satu bilik darjah tahun dua, guru memaparkan gambar-gambar untuk dieja dan disebut oleh murid. Antara gambar-gambar yang dipaparkan oleh guru ialah:

raga	kera	roda
kaki	jari	gigi
sudu	susu	paku

Daripada pemerhatian, suasana yang serupa dapat dilihat seperti dalam bilik darjah tahun satu. Dalam aktiviti mengeja, murid-murid Kensiu didapati lebih suka melihat daripada mengambil bahagian mengeja. Dalam satu sesi pembelajaran mengeja berdasarkan gambar, kelihatannya murid-murid Melayu sangat aktif mengeja dengan

suara yang lantang sedangkan murid-murid Kensiu hanya melihat gambar yang dipaparkan tanpa cuba mengeja. Dalam bilik darjah ini juga yang kedengaran ialah suara murid-murid Melayu, seakan-akan murid-murid Kensiu tidak wujud di dalam bilik darjah itu.

Salah seorang murid Kensiu diminta oleh guru untuk mengeja perkataan berdasarkan gambar 'roda' yang ditunjukkan, murid diam seketika dan akhirnya memberikan jawapan dengan mengeja 'rada', 'jari' menjadi 'gali' dan 'kara' untuk 'kera'. Seorang lagi murid Kensiu ditunjukkan gambar 'gigi' mengejanya sebagai 'gaji', 'sabu' untuk 'sudu', 'kaka' untuk 'kaki', dan 'palu' untuk 'paku'. Terdapat juga dalam kalangan murid-murid Kensiu yang tidak menjawab langsung semasa minta mengeja dan menyebut perkataan bagi gambar-gambar yang ditunjukkan oleh guru.

Penyelidik lebih menumpukan pemerhatian ke dalam bilik-bilik darjah tahun satu dan dua kerana murid-murid lebih banyak menjalankan aktiviti mengeja perkataan pada peringkat tahun dan tahun dua. Bermula dari tahun tiga hingga enam, murid-murid lebih menjalani latihan menulis seperti mengisi tempat kosong berdasarkan gambar, menyusun perkataan-perkataan yang diberikan untuk dijadikan ayat, dan menulis karangan. Menjalankan pemerhatian semasa murid-murid melakukan aktiviti menulis dikhuatiri akan mengganggu pembelajaran dan tumpuan murid

Daripada pemerhatian yang dilakukan, murid-murid Kensiu belajar dalam keadaan tidak santai. Mereka kelihatannya belajar dalam suasana terpaksa dan tertekan, terutamanya ketika menjalani aktiviti mengeja kerana mereka tidak mempunyai asas mengeja berbanding dengan murid-murid Melayu yang telah mengikuti

pembelajaran asas mengenal huruf dan mengeja pada peringkat tadika dan prasekolah. Murid-murid Kensiu memulakan pembelajaran formal di sekolah tanpa pendedahan pembelajaran pada peringkat awal sebelum memasuki tahun satu ditambah lagi dengan suasana sekolah yang berlainan dengan suasana di perkampungan Kensiu mereka. Suasana semula jadi di kampung mereka amat berbeza dengan suasana di sekolah yang memerlukan mereka memakai pakaian seragam, sarung kaki dan kasut sekolah.

Di sekolah, murid-murid Kensiu (secara terpaksa) bercampur dengan murid-murid dan guru-guru Melayu yang dari segi bahasa, budaya dan penampilan yang berbeza. Semua perkara-perkara ini menyebabkan murid-murid Kensiu melalui proses pembelajaran dan pergaulan dalam persikataran yang tidak selesa bagi mereka, dan akhirnya mengakibatkan murid-murid Kensiu tidak berminat untuk datang ke sekolah yang bermaksud mereka menolak untuk belajar, tambahan pula, bahasa yang digunakan di sekolah ialah bahasa Melayu, bukan bahasa Kensiu.

Pembelajaran bahasa Melayu murid-murid Kensiu seharusnya berjalan dalam susunan semula jadi, bersesuaian dengan *Hipotesis susunan semula jadi* (natural order) dalam teori Krashen (1987) yang menyatakan bahawa struktur bahasa diperoleh seiring dengan susunan semula jadi. Maksudnya, struktur tertentu muncul lebih awal daripada struktur lainnya dalam pemerolehan bahasa. Seharusnya susunan pembelajaran bahasa Melayu murid-murid Kensiu dimulakan dengan pemerolehan secara di bawah sedar dan diikuti oleh pembelajaran secara formal.

Tema

Daripada analisis masalah pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Kensiu, dapat dilihat beberapa tema dalam kajian ini, iaitu murid Mensiu tidak gemar bertutur bahasa Melayu; suka ponteng; sambil lewa; sangat pemalu; dan menyendiri. Tema yang dapat dilihat dalam kalangan ibu bapa murid-murid Kensiu pula ialah, pendidikan tidak penting; malas; lepas tangan; dan negatif. Dalam hubungan guru-murid ialah, murid tidak rapat dengan guru; guru abaikan murid Kensiu; murid Kensiu sukar diajar. Dari tema yang diperolehi, dapat dilihat faktor-faktor yang mengakibatkan masalah pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid-murid Kensiu.

Rumusan

Secara keseluruhan murid-murid Kensiu belum dapat menguasai bahasa Melayu. Ini terbukti melalui markah yang diperolehi oleh murid-murid Kensiu, iaitu antara 20% - 40%. Keputusan sebegini menunjukkan suatu prestasi yang tidak memuaskan. Murid-murid Kensiu menghadapi masalah pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Daripada temu bual dan pemerhatian terdapat beberapa tema kajian yang menjadi titik tolak kepada faktor-faktor masalah pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu murid-murid Kensiu.

BAB ENAM

DAPATAN KAJIAN

Pendahuluan

Dapatan kajian diperoleh melalui temu bual dan pemerhatian dalam mengkaji tentang masalah pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid-murid Kensiu. Berdasarkan data yang dibentang dan dibincangkan, dapatan kajian yang diperoleh menepati objektif dan persoalan kajian secara keseluruhannya.

1. Bagaimanakah tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Kensiu?

Melalui analisis yang telah dijalankan kajian ini mendapati bahawa tahap penguasaan bahasa Melayu murid-murid Kensiu sangat lemah. Hal ini dibuktikan melalui keputusan ujian murid-murid Kensiu yang belajar pada peringkat tahun satu hingga ke tahun enam. Melalui keputusan ujian murid-murid Kensiu yang dikemukakan oleh guru-guru yang mengajar subjek bahasa Melayu kepada murid-murid Kensiu didapati markah mereka tidak ada yang mencapai 50%.

Jawapan bagi soalan yang dikemukakan oleh penyelidik kepada murid-murid Kensiu pada pelbagai peringkat juga tidak memuaskan. Kebanyakan murid-murid Kensiu tidak dapat mengeja dan membaca perkataan-perkataan yang dikemukakan. Sebagai contoh, meskipun bagi perkataan yang mudah yang terdiri daripada dua dan tiga suku kata, murid-murid tahun tiga masih perlu mengeja mengikut bunyi suku kata

sebelum menyebutnya. Dalam membaca sesuatu ayat, Murid Kensiu tidak dapat membaca dengan lancar meskipun ayat itu mengandungi perkataan-perkataan mudah, iaitu satu dan dua suku kata. Mereka mengeja setiap perkataan sebelum dapat membaca sesuatu ayat secara keseluruhannya.

Kebanyakan guru menyatakan menghadapi kesukaran dalam pengajaran bahasa Melayu kepada murid-murid Kensiu yang berlajar satu kelas dengan murid-murid Melayu kerana murid-murid Kensiu ketinggalan dalam mengenal huruf, mengeja dan membaca berbanding dengan murid-murid Melayu yang tidak menghadapi masalah seperti itu. Guru-guru juga menyatakan soalan-soalan yang diutarakan dalam bilik darjah hanya dijawab oleh murid Melayu. Ini disebabkan pengetahuan dan perbendaharaan kata bahasa Melayu murid-murid Kensiu amat rendah dan disebabkan oleh perkara ini mereka enggan dan tidak yakin untuk menjawab. Disebabkan perkara ini juga keputusan ujian murid-murid Kensiu secara keseluruhan amat tidak memuaskan.

2. Apakah masalah-masalah pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Kensiu?

Kajian ini telah dapat mengenal pasti masalah-masalah murid-murid Kensiu dalam pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu di sekolah. Hal ini dapat dibuktikan melalui temu bual dengan guru dan murid yang telah dijalankan seperti yang dinyatakan dalam bahagian analisis, bab 5. Dalam pembelajaran bahasa Melayu, ada guru yang menyatakan bahawa penguasaan bahasa Melayu murid Kensiu sangat lemah. Ini terbukti daripada markah yang diperoleh dalam ujian-ujian yang

dijalankan. Masalah utama murid-murid Kensiu, terutamanya murid tahun satu ialah mereka sukar memahami sebutan guru, dan situasi ini menyebabkan guru perlu menyebut sesuatu perkataan berulang kali supaya murid faham.

Beberapa guru pula ada yang menyatakan bahawa murid-murid Kensiu menghadapi masalah dalam pembelajaran bahasa Melayu kerana mereka tidak memiliki pendidikan awal sebelum memasuki sekolah formal. Perkara ini menyebabkan murid-murid Kensiu memulakan persekolahan di tahun satu tidak mengenal huruf berbanding dengan kanak-kanak Melayu yang telah belajar mengenal huruf dan perkataan pada peringkat tadika.

Guru-guru memaklumkan bahawa murid-murid Kensiu kerap menggunakan bahasa Kensiu semasa berkomunikasi dengan rakan-rakan Kensiu di sekolah. Ada juga berlaku, murid Kensiu tersasul menggunakan bahasa Kensiu semasa berbual atau berkomunikasi dengan guru dan murid-murid Melayu. Murid Kensiu sukar dan tidak dapat menguasai bahasa Melayu disebabkan mereka sudah biasa menggunakan bahasa Kensiu dari kecil, dan sebaliknya bahasa Melayu merupakan suatu yang baru bagi mereka.

Murid Kensiu memiliki sifat malu yang tebal. Sifat malu yang dimiliki menyebabkan mereka hilang keyakinan diri dan bersikap pasif dalam mengikut pembelajaran di sekolah, tambahan pula mereka kurang mahir bertutur dalam bahasa Melayu. Perkara ini ada hubung kaitnya dengan sikap dan keyakinan diri murid yang rendah. Selain daripada sikap malu, mereka juga tidak serius dan tidak yakin semasa

menjawab soalan-soalan yang diberikan oleh guru. Murid-murid Kensiu yang kebanyakannya tidak mengenal huruf, tidak berani untuk bertanya sekiranya menghadapi masalah dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Terdapat juga murid Kensiu yang boleh bertutur bahasa Melayu dengan agak baik, namun menghadapi masalah mengeja dan membaca dalam bahasa Melayu. Kebolehan bertutur dalam bahasa Melayu berkemungkinan diperoleh daripada pergaulan dengan rakan-rakan Melayu, atau bergaul dengan masyarakat Kensiu yang boleh bertutur dalam bahasa Melayu. Meskipun boleh bertutur dalam bahasa Melayu tetapi disebabkan tidak mengenal huruf menyebabkan tidak mendapat pencapaian yang baik dalam ujian dan peperiksaan bahasa Melayu.

3. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu murid-murid Kensiu?

Daripada hasil ujian subjek bahasa Melayu murid-murid Kensiu dari tahun 1 hingga tahun 6 didapati pencapaian murid-murid Kensiu sangat lemah. Mereka menghadapi masalah dalam pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu. Melalui analisis yang telah dilakukan, didapati masalah pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid Kensiu disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor-faktor tersebut dapat dilihat melalui temu bual dan pemerhatian.

Faktor Pengaruh Bahasa Ibunda

Terdapat hubung kait antara bahasa dan pembelajaran bahasa Melayu murid-murid Kensiu. Tahap kematangan yang dikembangkan dalam bahasa ibunda murid-murid

Kensiu menjadi asas dalam mempelajari bahasa Melayu, bahasa kedua bagi mereka. Pengaruh dan peranan bahasa ibunda murid-murid Kensiu mempengaruhi pembelajaran bahasa Melayu, bahasa kedua yang wajib mereka pelajari dan kuasai kerana bahasa Melayu ialah bahasa pengantar persekolahan di negara ini.

Pada hakikatnya kanak-kanak memperoleh bahasa kedua dengan baik sekiranya terdapat kepadanan struktur atau nilai antara bahasa kedua dan bahasa rumah mereka. Begitu juga dengan murid-murid Kensiu, mereka kan menerima maklumat atau input yang bersesuaian dengan bahasa rumahnya. Sebaliknya, sekiranya tiada kesepadanan antara bahasa Melayu dan bahasa rumah, mereka sukar menerima dan peluang mereka untuk boleh membaca dan menulis dalam bahasa Melayu akan memakan masa yang lama.

Kebanyakan murid Kensiu menggunakan bahasa Melayu bercampur dengan bahasa Kensiu semasa berkomunikasi dengan rakan-rakan Kensiu mereka yang belajar di sekolah yang sama. Murid Kensiu tidak mahir berbahasa Melayu kerana mereka tidak mahu mencuba menuturkannya kerana bimbang atau takut akan melakukan kesalahan. Jika itu berlaku, murid akan berasa malu dan disebabkan perasaan malu dan takut juga menyebabkan murid tidak dapat membaca ayat yang diberikan dengan betul sebaliknya murid membacanya dalam keadaan suara tersekat-sekat dan gugup.

Pertuturan bahasa Melayu yang tidak lancar menyebabkan mereka tidak dapat menjalani proses komunikasi dalam bahasa Melayu dengan baik. Perbendaharaan kata dan penggunaan bahasa Melayu murid-murid Kensiu amat terhad, iaitu mereka menggunakan bahasa Melayu hanya semasa belajar di dalam bilik darjah sahaja.

Murid-murid Kensiuh lemah dalam pencapaian dan penguasaan bahasa Melayu disebabkan faktor pengaruh bahasa ibunda mereka. Bersesuaian dengan teori Monitor Krashen (1987) yang menyatakan bahawa pelajar mengambil jalan keluar untuk merujuk kepada bahasa pertama apabila mereka mencuba untuk menuturkan suatu perkataan dalam bahasa kedua yang tidak benar-benar diketahui dalam bahasa kedua tersebut. Apabila murid-murid Kensiuh memilih untuk bercakap bahasa pertama/ibunda mereka bermaksud mereka mengabaikan bahasa kedua disebabkan oleh kurangnya pemerolehan bahasa kedua atau bahasa sasaran mereka dalam penggunaannya di sekolah.

Faktor Sikap Murid

Pada satu-satu bulan, pasti terdapat beberapa hari murid Kensiuh tidak hadir ke sekolah. Salah satu sikap murid Kensiuh ini ialah mereka lebih suka tinggal di rumah di perkampungan daripada menghadiri sekolah. Terdapat juga murid yang lebih suka menghabiskan masa pergi ke pekan dengan tujuan berjalan-jalan daripada pergi ke sekolah. Faktor yang mendorong murid jarang ke sekolah ialah sikap murid yang tidak berminat untuk bersekolah, murid lebih gemar bermain bersama rakan-rakan sekampung dengan menjalankan aktiviti dalam hutan seperti melastik burung, memburu dan mencari sumber hutan untuk dimakan atau dijual.

Kekerapan tidak hadir ke sekolah disebabkan oleh ketiadaan pakaian sekolah kerana pakaian kotor terkena getah pokok, kotor atau rosak semasa melastik burung atau ke dalam hutan mencari sumber hutan, terkena lumpur, basah kena hujan kerana dipakai semasa bermain atau melakukan aktiviti di kampung. Ketidadaan pakaian sekolah

menyebabkan mereka malu untuk ke sekolah yang berpunca daripada sikap murid Kensiu sendiri tidak mengambil berat untuk menjaga pakaian sekolah.

Seperkara yang ketara ialah murid Kensiu tidak prihatin tentang waktu persekolahan. Bagi murid-murid Kensiu yang bersikap sambil lewa ditambah pula oleh sikap ibu yang tidak mengambil berat tentang persekolahan anak-anak kerana pergi sekolah bukan satu perkara yang penting bagi mereka. Sekiranya terlewat bangun tidur murid tidak akan ke sekolah dan lebih memilih tinggal di rumah bermain dengan rakan-rakan lain yang tidak ke sekolah atau yang memang tidak bersekolah. Sikap murid Kensiu menunjukkan mereka tidak mengambil berat tentang waktu pembelajaran dan tidak bersungguh-sungguh untuk bersekolah.

Seringkali pekerjaan mencari rezeki melibatkan kaum ibu juga. Apabila ibu bapa pergi bekerja, anak-anak, terutamanya yang perempuan dikehendaki tinggal di rumah mengasuh adik-adik yang masih kecil. Ini mendorong anak-anak tidak ke sekolah dan mereka tidak kisah atau membantah jika ibu bapa mengarahkan mereka supaya tidak pergi ke sekolah. Perkara ini menggambarkan sikap tidak mengambil berat tentang persekolahan oleh murid-murid sendiri.

Dalam pergaulan, hubungan murid-murid Kensiu dengan murid-murid Melayu adalah sangat terhad disebabkan kekurangan yang ada pada diri mereka. Salah satu kekurangan murid Kensiu ialah tidak fasih berbahasa Melayu. Inilah halangan paling utama untuk membolehkan mereka bergaul dengan murid Melayu. Pergaulan yang terbatas antara murid Kensiu dan murid Melayu juga disebabkan oleh wujudnya perbezaan fizikal, penampilan, tingkah laku, percakapan, status ekonomi keluarga

dan budaya. Jurang yang wujud antara murid Kensiu dan murid Melayu disebabkan sikap murid Kensiu sendiri yang tidak mahu bergaul dengan murid-murid Melayu menyebabkan pembelajaran bahasa Melayu secara tidak formal tidak berlaku di sekolah apatah lagi di rumah.

Sikap negatif yang ketara dalam kalangan mereka ialah ‘sambil lewa’ dan ‘hangat-hangat tahi ayam’. Sikap ini menunjukkan mereka mempelajari bahasa Melayu secara sambil lewa. Sikap tidak mengambil berat terhadap pendidikan menyebabkan murid-murid Kensiu kerap tidak hadir ke sekolah. Sikap negatif yang ada dalam diri murid-murid Kensiu menjadikan lemahnya penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Kensiu dan hasilnya pencapaian akademik mereka juga lemah.

Faktor Identiti Diri

Daripada pemerhatian yang dilakukan di sekolah, dapat dilihat murid-murid Kensiu mengamalkan pola pergaulan yang kuat, iaitu murid-murid Kensiu hanya bergaul dengan rakan-rakan dari bahasa dan latar belakang budaya yang sama. Perkara ini berlaku berkaitan dengan komunikasi dan budaya. Jelas dapat dilihat pengasingan di antara murid-murid Melayu dan murid-murid Kensiu. Sekiranya mereka memilih untuk bergaul dengan murid-murid selain daripada Kensiu akan menimbulkan masalah terutamanya masalah bahasa semasa berkomunikasi kerana mereka tidak fasih berbahasa Melayu.

Sikap yang diamalkan oleh murid-murid Kensiu, yang hanya gemar menjalinkan persahabatan dengan rakan-rakan Kensiu sahaja menjadikan satu halangan bagi mereka untuk meningkatkan kecekapan mereka bertutur dalam bahasa Melayu.

Akibat daripada identiti diri yang ada pada murid-murid Kensiu, mereka lebih suka sekiranya tidak ke sekolah kerana di kampung, mereka berasa selamat berada dalam kalangan masyarakat sendiri. Bagi mereka, perkampungan dan persekitarannya ialah kehidupan mereka, bukannya di persekitaran sekolah. Mereka tidak peka akan keperluan pendidikan dan tidak dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran persekolahan.

Mempersenda atau mengejek murid-murid Kensiu dalam kalangan murid-murid Melayu sememangnya ada berlaku. Ini terjadi kerana penampilan dan rupa mereka yang berbeza dengan murid-murid berbangsa Melayu yang lebih besar bilangannya. Perkara ini menjadikan murid-murid Kensiu berasa malu untuk bercakap dan bermain, apa lagi untuk berinteraksi secara bebas dengan orang-orang sekeliling yang lain dari suku kaum mereka. Hadir ke sekolah dan bercampur gaul dengan masyarakat sekolah yang kebanyakannya berbangsa Melayu merupakan satu masalah kepada murid-murid Kensiu. Mereka tidak tahu cara untuk menyesuaikan diri. Penerimaan murid-murid Melayu terhadap murid-murid Kensiu juga tidak begitu memuaskan. Inilah satu faktor menyebabkan murid-murid Kensiu tidak gemar ke sekolah.

Identiti diri menyebabkan murid-murid Kensiu tidak bercampur dengan murid-murid Melayu apa lagi untuk mengajak rakan-rakan Melayu mereka ke rumah. Kehidupan di kampung mereka adalah terpencil, dan mereka tidak mahu rakan-rakan sebaya daripada bangsa lain tahu corak kehidupan, rumah, makanan dan lain-lain perkara yang serba kekurangan. Disebabkan oleh identiti diri, bagi kebanyakan murid Kensiu, suasana sekolah amat berbeza daripada suasana rumah mereka. Beberapa

kesukaran berpotensi dikaitkan dengan ketidakseimbangan budaya rumah-sekolah. Dalam hal ini, ketidakseragaman antara suasana sekolah dan suasana di rumah akan mengurangkan keyakinan murid-murid Kensiu terhadap kebolehan dan kecekapan mereka dalam pembelajaran.

Identiti dan harga diri yang kuat dalam kalangan murid-murid Kensiu telah mercorakkan pola hubungan persahabatan murid-murid sekolah. Pemilihan persahabatan dalam kumpulan telah menambah luas jurang perbezaan di antara kumpulan etnik Melayu dan Kensiu. Jurang perbezaan ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada kelemahan pencapaian bahasa Melayu murid-murid Kensiu kerana mereka kurang berkomunikasi dengan rakan-rakan Melayu.

Penilaian yang rendah terhadap kumpulan minoriti menunjukkan harga diri mereka pada keseluruhannya adalah negatif. Pada peringkat peribadi, murid-murid kumpulan minoriti akan mengalami kekecewaan kerana tidak banyak memahami apa yang terjadi di dalam bilik darjah yang boleh membawa kepada prestasi lebih buruk apabila penilaian harga diri lebih rendah turut bergabung. Sebagai tambahan, melalui perbandingan sosial dengan penutur bahasa majoriti yang kelihatannya lebih berjaya daripada mereka menghasilkan nilai harga diri yang negatif dalam kalangan murid-murid Kensiu.

Hubungan identiti diri terhadap kepentingan mengekalkan hubungan dengan isi rumah dan kumpulan budaya tuan rumah (Melayu) dianggap penting dalam mempelajari bahasa kedua. Murid-murid Kensiu mempunyai tumpuan untuk mengekalkan unsur-unsur budaya mereka dalam mempelajari bahasa Melayu di

sekolah. Sikap yang ditunjukkan oleh murid-murid Kensiu terhadap Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua melihat pengalaman antara budaya sebagai mengancam budaya mereka. Mereka berasa tidak selesa apabila aktiviti yang dijalankan di perkampungan atau di sekolah tidak sesuai dengan budaya mereka.

Perkara ini terdapat dalam Teori Monitor Krashen (1987) dalam hipotesis saringan pengaruh yang mendorong murid melakukan saringan terhadap sesuatu perkara. Teori ini menyatakan bahawa murid akan memilih perkara-perkara yang digemari dan akan meninggalkan perkara-perkara yang tidak digemari. Begitu juga halnya dengan murid-murid Kensiu yang memilih untuk menyukai perkara-perkara yang bersesuaian dengan budaya dan identiti mereka. Bahasa Melayu dan kehidupan budaya Melayu tidak bersesuaian dengan kehidupan mereka, maka mereka tidak memilih untuk mempelajari bahasa Melayu atau menerapkan budaya masyarakat Melayu.

Faktor Sikap Ibu Bapa

Selain daripada sikap murid-murid Kensiu yang tidak gemar ke sekolah, sikap ibu bapa murid Kensiu juga memainkan peranan dalam menyumbang kepada lemahnya pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan anak-anak mereka. Sikap ibu bapa yang menyuruh anak-anak tinggal di rumah semasa waktu persekolahan untuk melakukan kerja-kerja di rumah menyebabkan murid-murid Kensiu kerap ponteng. Sikap yang ada pada ibu bapa Kensiu ialah lebih mementingkan hal-hal di rumah berbanding keperluan pembelajaran di sekolah.

Kebanyakan ibu bapa murid-murid Kensiu mengharapkan sepenuhnya bantuan pakaian dan kelengkapan sekolah anak-anak mereka dari pihak kerajaan. Peralatan sekolah yang hilang dan pakaian seragam yang rosak tidak akan diganti oleh ibu bapa, biarpun anak-anak mereka tidak pergi ke sekolah disebabkan perkara yang demikian. Ibu bapa Kensiu akan membiarkan anak-anak mereka memakai pakaian rumah ke sekolah. Mereka akan menunggu sehingga mulanya sesi persekolahan baru kerana pada masa itu murid-murid akan mendapat pakaian seragam dan peralatan sekolah yang baru. Anak-anak yang berasa malu pergi ke sekolah tanpa pakaian dan peralatan sekolah menyebabkan murid-murid Kensiu kerap ponteng.

Masyarakat Kensiu beranggapan anak-anak mereka hanya perlu belajar tentang kemahiran dalam melakukan kerja-kerja kampung, iaitu di hutan, di sawah dan ladang sahaja. Anak-anak Kensiu digalakkan dan dilatih untuk mendapat kemahiran dari segi melakukan kerja-kerja tradisi keluarga seperti mencari bahan-bahan semula jadi, buah-buahan, berburu binatang dan lain-lain sumber di hutan. Anak-anak Kensiu tidak begitu digalakkan mengikuti pembelajaran di sekolah kerana kemahiran seperti itu tidak boleh diperolehi di sekolah.

Ibu bapa Kensiu tidak menghantar anak belajar di sekolah kerana mereka bimbang anak-anak mereka akan mendapat pendidikan tinggi dan akhirnya akan keluar dari perkampungan untuk mencari pekerjaan. Selain itu, masyarakat Kensiu ada yang beranggapan bahawa anak-anak mereka tidak diperlukan dan tidak dihargai di sekolah. Disebabkan ini juga anak-anak Orang Asli Kensiu dinafikan hak mereka untuk mendapatkan pendidikan formal. Ini adalah merupakan satu unsur yang

melibatkan harga diri masyarakat Kensiu. Rasa rendah diri, malu dan merasa tidak dihargai begitu tebal dalam diri masyarakat Kensiu.

Selain itu, terdapat juga sesetengah bapa murid Kensiu yang mencari pekerjaan dengan mengambil upah mengerjakan sawah atau ladang di luar perkampungan untuk jangka waktu yang agak lama. Dalam jangka waktu itu, isteri dan anak-anak akan dibawa bersama tinggal di luar perkampungan untuk sementara waktu dan akan kembali semula setelah kerja-kerja tamat. Anak-anak terpaksa mengikut ibu bapa berpindah dan mendorong mereka tidak ke sekolah dan terdapat ibu bapa yang bertindak lebih drastik dengan memberhentikan persekolahan anak-anak mereka. Sikap ibu bapa menyebabkan anak-anak Kensiu buta huruf.

Seperkara lagi, tentang sikap masyarakat Kensiu yang ketara ialah kebanyakan kaum bapa murid-murid Kensiu suka mengambil minuman keras. Wang yang diperoleh hasil dari pekerjaan di ladang atau hasil jualan hasil hutan dibelanjakan untuk membeli minuman keras. Mereka seringkali mabuk disebabkan meminum minuman keras dan tiada peruntukan yang cukup untuk perbelanjaan anak-anak ke sekolah. Ini menyumbang kepada fenomena anak-anak mereka terabai tanpa dorongan untuk ke sekolah. Ketagihan terhadap minuman keras dan mabuk kerap berlaku dan ini merupakan satu perkara biasa bagi masyarakat Kensiu. Dengan berlakunya senario ini, jelas bahawa wang mereka lebih diperuntukkan untuk membeli minuman keras berbanding diperuntukkan ke arah untuk menaikkan taraf pendidikan anak-anak dan kehidupan keluarga.

Sikap malas juga terdapat dalam kalangan ibu bapa murid Kensiu. Masyarakat Kensiu mencari pendapatan berasaskan sumber alam seperti berkebun, bekerja di ladang atau mencari sumber hutan. Dalam mencari rezeki, mereka bersikap rezeki hari untuk hari ini dan untuk esok cari esok. Mereka bersikap dan mengamalkan kehidupan ‘kais pagi makan pagi, kais petang makan petang’. Disebabkan sikap yang begini mereka tidak ada peruntukan untuk membeli atau menggantikan pakaian seragam atau peralatan sekolah anak yang hilang atau rosak.

Satu sikap negatif lain dalam kalangan ibu bapa Kensiu yang menyumbang kepada lemahnya pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu murid-murid Kensiu ialah mereka tidak pernah dan tidak akan memarahi apa lagi merotan atau menghukum anak-anak yang tidak ke sekolah. Ibu bapa dalam masyarakat Kensiu tidak menganggap pergi ke sekolah itu suatu yang penting kerana bagi mereka tanpa bersekolah dan berpendidikan mereka masih boleh hidup. Mereka lebih suka jika anak-anak dilatih memahirkan diri dalam mencari hasil di hutan atau di sungai untuk menampung keperluan kehidupan harian mereka. Ibu bapa masyarakat Kensiu tidak mengharapkan anak-anak keluar dari perkampungan untuk mencari rezeki atau pekerjaan. Bagi masyarakat Kensiu kerja dan rezeki ada di perkampungan mereka, dan yang perlu mahir dengan selok belok kampung, hutan dan sungai.

Kurangnya galakan keluarga dalam meningkatkan kesediaan murid-murid Kensiu untuk belajar menyebabkan kurangnya minat murid-murid untuk bersekolah. Ketiadaan sokongan daripada keluarga terhadap pembelajaran murid-murid yang belajar di sekolah tidak akan mengurangkan jurang perbezaan dalam pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Kensiu dan murid-murid Melayu.

Faktor Perbezaan Budaya

Masyarakat Kensiu yang tinggal dalam satu kawasan terpencil kekal hidup terpencil daripada aliran perdana masyarakat Malaysia yang lain sehingga sekarang. Walaupun demikian, wilayah mereka ini tidaklah merupakan wilayah yang terletak terlalu di pedalaman. Namun begitu hubungan masyarakat Kensiu dan masyarakat kaum lain di sekelilingnya adalah dalam kadar yang minima.

Murid-murid Kensiu memulakan alam persekolahan dengan linguistik, budaya dan agama (meskipun sebahagiannya telah memeluk agama Islam) dan budaya yang bebeza dengan murid-murid Melayu di persekitarannya. Perbezaan-perbezaan yang ketara ini termasuk juga dari segi fizikal dan perwatakan mereka. Perbezaan-perbezaan antara budaya Kensiu dengan budaya Melayu menghasilkan jurang budaya yang menyebabkan proses pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu murid-murid Kensiu terbatas kerana proses komunikasi dan persefahaman tidak wujud.

Selain itu, dengan hasil pencapaian akademik yang lemah dalam kalangan murid-murid Kensiu didapati mereka menghadapi kesukaran menyesuaikan diri di antara budaya rumah dan budaya sekolah. Tingkah laku murid-murid di sekolah dicirikan sebagai kurang mengambil risiko di dalam bilik darjah, takut dimalukan atau menolak untuk membuat kerja-kerja yang diberikan dan ini telah menjadi pendorong kepada mereka untuk kerap tidak hadir ke sekolah.

Pelajaran bahasa Melayu adalah termasuk dalam rangka budaya. Bahasa dalam rangka budaya perdana di Malaysia, ialah bahasa Melayu dan terdapat perbezaan

yang ketara di antara bahasa Melayu dan bahasa Orang Asli Kensiu. Sekiranya wujud jurang budaya antara murid Kensiu dan murid Melayu, rancangan pengajaran dan pembelajaran bahasa yang dirangka tidak dapat dicapai. Kegagalan mengenali keadaan yang berbeza dalam masyarakat Kensiu dan jarak keperluan individu murid-murid yang luas akan mendorong mereka menolak untuk terikat dengan pembelajaran, menolak konsep budaya luar (budaya Melayu) selain daripada budaya mereka. Apabila penolakan budaya Melayu berlaku, maka mereka juga akan melakukan penolakan untuk mempelajari bahasa dalam budaya Melayu itu sendiri.

Faktor Ekonomi

Daripada jumlah 36 murid Kensiu yang mendaftar diri di sekolah hanya 10 orang sahaja yang hadir kerap ke sekolah sehingga tamat sesi persekolahan tahun. Ini bermakna seramai 24 orang kanak-kanak yang mendaftar tidak pernah hadir dan tidak pernah menerima pendidikan formal di sekolah. Sekolah berperanan menjadi pintu masuk bagi mereka belajar mengetahui tentang dunia luar selain daripada kehidupan sekitar perkampungan mereka sahaja. Guru-guru percaya bahawa murid-murid Kensiu daripada latar belakang yang berbeza daripada rakan-rakan sebaya berbangsa Melayu, masih kurang bermotivasi dan juga kurang keupayaan disebabkan oleh faktor status ekonomi yang rendah.

Kebanyakan murid Kensiu di sekolah datang daripada keluarga yang berstatus ekonomi rendah. Disebabkan kesusahan yang dihadapi menjadikan murid-murid Kensiu memiliki rasa rendah diri yang tebal dan ini merupakan salah satu faktor menyebabkan murid-murid Kensiu kerap tidak hadir ke sekolah. Faktor ini juga mengakibatkan pencapaian yang rendah murid-murid Kensiu dalam bahasa Melayu,

termasuk mata pelajaran lain juga. Latar belakang murid menyumbang kepada kadar pencapaian pendidikan mereka. Kelemahan pencapaian murid-murid Kensiu dalam bahasa Melayu sangat ketara. Mereka tinggal dalam kawasan terpencil dan terpinggir dengan latar belakang ekonomi yang rendah atau dikatakan sebagai status sosioekonomi rendah.

Masyarakat kensiu merupakan kaum minoriti yang kurang mendapat pendedahan kepada berbagai-bagai aspek kehidupan dunia luar, luar dari kehidupan perkampungan mereka. Kekurangan pendedahan menjadikan mereka kurang pengetahuan untuk berdaya saing memajukan diri terutama dari aspek ekonomi. Golongan yang tergolong dalam kumpulan yang memiliki status sosial dan ekonomi rendah ini adalah tarangkum dalam perancangan ekonomi kerajaan.

Disebabkan masyarakat Kensiu majoritinya terdiri daripada kelas bawahan dari segi pekerjaan, menimbulkan kesukaran bagi murid-murid Kensiu dalam menyesuaikan diri dengan alam persekolahan. Dengan faktor tempat tinggal di kawasan pedalaman dan terpencil berserta dengan kepincangan sosioekonomi murid-murid Kensiu tidak mencapai taraf pendidikan sebaik murid-murid daripada kaum lain. Mereka kekal di perkampungan, tidak bersekolah, tidak mendapatkan ilmu pengetahuan yang secukupnya untuk berdaya saing dan mereka tidak mencapai kemajuan dalam bahasa Melayu.

Masyarakat Kensiu secara keseluruhannya hidup dalam serba kekurangan berbanding dengan kaum-kaum lain di negara ini. Masalahnya ialah, sukar bagi pihak kerajaan untuk mengajukan pembangunan kepada masyarakat ini kerana

mereka mempunyai sikap yang tidak mahu berganjak dari petempatan mereka, dan bersikap terlalu sensitif dan sukar untuk berubah. Keadaan ekonomi yang tidak memberangsangkan ini pula menjadi penghalang kepada anak-anak Orang Asli Kensiu untuk meningkatkan taraf pendidikan mereka.

Faktor Gaya Pembelajaran

Gaya pembelajaran murid-murid Kensiu berbeza-beza. Ada sesetengah murid yang hanya melihat perkara yang dilakukan oleh rakan-rakan tanpa melakukan sebarang tindakan sama ada untuk melakukannya bersama-sama atau bertanya soalan atau meniru perlakuan rakan tersebut. Ada murid yang terlalu lambat melakukan atau menghabiskan tugas yang diberi kerana terlalu berhati-hati dan bimbang akan tersilap. Ada juga murid yang terlalu takut dan malu untuk mencuba melakukan sesuatu perkara, menjawab soalan guru atau bertanya kepada guru sekiranya tidak tahu kerana bimbang akan melakukan sesuatu kesilapan.

Pembelajaran bahasa Melayu yang dijalankan di sekolah adalah berasaskan cara menghafaz, rumus dan cara pengajaran yang berperaturan (authoritarian). Terdapat murid-murid Kensiu yang terlalu pendiam dan bersifat pasif semasa berada di dalam bilik darjah. Perkara inilah antara sebab-sebab murid-murid Kensiu mengambil langkah untuk tidak menjawab soalan atau tidak mahu menawarkan diri untuk menjawab sebarang soalan. Perkara sebegini kerap berlaku dan beginilah situasi yang dihadapi oleh guru-guru dalam kelas yang mengajar murid-murid Kensiu. Secara umumnya, pertuturan bahasa Melayu murid-murid Kensiu amat terhad. Mereka memerlukan masa yang panjang sebelum dapat menguasai bahasa Melayu bagi membolehkan mereka menunjukkan prestasi yang baik dalam bidang akademik

seiring dengan rakan-rakan sebaya mereka di sekolah yang bahasa pertama mereka ialah bahasa Melayu. Keterbatasan pertuturan murid Kensiu disebabkan perbendaharaan kata bahasa Melayu mereka yang terhad. Perkara ini berpunca daripada kekerapan murid tidak hadir ke sekolah dan kurang menjalani proses pembelajaran bahasa Melayu sepenuhnya.

Murid-murid Kensiu belajar secara bekerjasama/berkumpulan dan mereka mahukan kerja-kerja praktikal mengikut konteks berbanding dengan kerja-kerja individu dalam kelas, melalui kaedah mengajuk, dan belajar dari kesalahan dalam mempelajari bahasa Melayu. Mereka tidak mengharapkan diajar lebih mendalam kerana bagi mereka ini semua tidak memberi erti dan tidak berkaitan dengan kehidupan mereka. Ini berpunca dari perbezaan bahasa dan budaya murid-murid Kensiu dengan murid Melayu.

Akhirnya, apabila bahasa digabungkan dengan perbezaan-perbezaan budaya, murid-murid minoriti mungkin berjauhan daripada aktiviti-aktiviti dan tindak balas antara peribadi dalam bilik darjah bahasa majoriti. Murid-murid ini merasakan menghadapi masalah di dalam bilik darjah, dan pemencilan psikologi yang dialami boleh menyumbang kepada imej diri yang negatif. Perkara ini akan menambah jurang pencapaian bahasa Melayu murid Kensiu berbanding dengan murid Melayu.

Salah satu masalah yang dihadapi oleh murid-murid Kensiu ialah, terpaksa berusaha lebih keras untuk belajar dan memahami pengajaran bahasa Melayu berbanding dengan murid-murid Melayu yang bahasa ibunda mereka ialah bahasa Melayu sedangkan murid-murid Kensiu mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Ini pasti akan melahirkan jurang pemahaman dan pencapaian di antara murid-murid Kensiu dan murid-murid Melayu.

Faktor Gaya Pengajaran

Masalah guru yang mengajar bahasa Melayu kepada murid Kensiu ialah murid-murid Kensiu belajar bersekali dalam satu bilik darjah dengan murid-murid Melayu. Guru mengajar murid-murid Melayu di satu pihak yang telah mahir dan di satu pihak lain, murid Kensiu yang langsung tidak tahu berbahasa Melayu, malahan buta huruf. Guru-guru yang mempunyai murid-murid Kensiu dalam sesuatu bilik darjah perlu memperseimbang gaya dan pendekatan pengajaran mereka. Ini akan menghasilkan kerumitan dan memberi kesan kepada pencapaian murid-murid secara keseluruhannya.

Murid-murid Kensiu mempunyai kemahiran mengenal huruf yang terhad atau pengalaman berbahasa Melayu yang terbatas. Guru perlu mengenal pasti tahap penguasaan dan prestasi bahasa Melayu murid secara individu dalam tugas pengajaran dan pembelajarannya. Keperluan untuk mengenali identiti murid boleh digunakan sebagai asas untuk menentukan siapa yang akan mendapat faedah daripada program pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dan siapa yang layak untuk itu. Pada hakikatnya, wujud jurang yang luas antara murid Kensiu dengan murid Melayu. Apabila wujud perbezaan penguasaan dan pencapaian bahasa Melayu dalam kalangan murid Kensiu dengan murid Melayu, maka memerlukan guru menerapkan gaya dan kaedah pengajaran yang berbeza dan ini merumitkan tugas guru. Perkara ini tidak wujud jika guru mengajar dalam sesuatu bilik darjah yang murid-muridnya terdiri daripada satu kaum sahaja.

Faktor Hubungan Guru-murid

Tingkah laku murid-murid Kensiu yang berbeza secara budaya dengan murid-murid Melayu, mungkin tidak begitu difahami oleh guru yang bukan dari keturunan atau kehidupan berlatarbelakangkan budaya Orang Asli Kensiu. Murid Kensiu yang berbeza budaya dengan guru juga sukar menyesuaikan diri dengan guru. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada murid-murid Kensiu memerlukan guru mewujudkan keserasian dan pendekatan pengajaran. Ketidakserasian dan ketidaksesuaian antara guru dan murid boleh menghalang proses pembelajaran yang berkesan.

Terdapat guru yang menganggap murid-murid Kensiu sukar diajar dan tidak berminat untuk belajar, dan guru membiarkan perkara itu berlaku tanpa mengambil sebarang inisiatif untuk mengatasinya. Ini menyebabkan jurang dalam hubungan guru dan murid, Tanggapan guru terhadap murid-murid Kensiu memungkinkan wujudnya konflik. Sikap pasif dalam pembelajaran dalam kalangan murid-murid Kensiu menyumbang kepada kesukaran pengajaran sekiranya guru-guru yang mengajar tidak peka akan budaya murid-murid Kensiu. Kegagalan mengenal pasti dan mempertimbangkan budaya dan identiti diri murid-murid Kensiu akan menggagalkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang berkesan kepada mereka.

Murid-murid Kensiu menunjukkan rasa yang amat kuat terhadap gabungan dengan kumpulan rakan sebaya sesama keturunan. Mereka akan cuba menghindari daripada melakukan kesilapan di dalam bilik darjah. Semua ciri-ciri ini menjadikan murid-murid Kensiu belajar dengan cara yang tidak bebas, ragu-ragu dan membina koleksi

perbendaharaan kata yang terhad disebabkan hubungan dengan kaum lain di luar lingkungan kaumnya yang terbatas. Perkara ini dipraktikkan oleh murid-murid Kensiu terhadap guru. Tiada hubungan rapat antara guru dan murid, sebaliknya hubungan yang wujud ialah hubungan sehala sahaja, iaitu hubungan dari atas (guru) ke bawah (murid) dan tidak berlaku hubungan sebaliknya atau hubungan dua hala.

Rumusan

Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa terdapat masalah dalam pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Kensiu. Penguasaan bahasa Melayu murid-murid Kensiu adalah lemah yang disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah yang timbul ialah pengaruh bahasa ibunda, sikap murid, identiti diri, sikap ibu bapa, perbezaan budaya, status ekonomi, masalah pembelajaran, masalah pengajaran dan hubungan guru-murid.

BAB TUJUH

CADANGAN DAN PENUTUP

Pendahuluan

Bab ini mengandungi cadangan-cadangan terhadap faktor-faktor permasalahan pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu murid-murid Kensiu. Bab ini juga mengandungi implikasi kajian, sumbangan kajian, cadangan kajian akan datang dan diakhiri dengan penutup.

Cadangan

Pencapaian dan penguasaan bahasa Melayu amat penting bagi murid-murid di Malaysia untuk terus maju dalam pendidikan kerana bahasa Melayu dijadikan bahasa perantara di sekolah. Beberapa isu telah dapat dilihat melalui pemerhatian dan temu bual yang dijalankan terhadap murid-murid, guru-guru, ibu bapa murid Kensiu, guru dan ustaz tadika di perkampungan Kensiu, juga tidak ketinggalan pegawai Hal Ehwal Orang Asli. Daripada kerja lapangan dan analisis yang dijalankan, jelas menunjukkan bahawa murid-murid Kensiu masih lemah dalam pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu. Ini jelas dapat dilihat melalui markah latihan dan ujian yang diperoleh mereka seperti yang telah dipaparkan. Penyelidik memberikan beberapa cadangan untuk difikir dan direnung oleh pihak-pihak tertentu.

Menangani Faktor Pengaruh Bahasa Ibunda

Penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan murid-murid Kensiu memang tidak dapat dielakkan, apa lagi untuk disekat kerana itu adalah bahasa perantara yang digunakan dalam keluarga dan masyarakat Kensiu. Bahasa tidak dapat dipisahkan dan terjalin dengan kehidupan mental, penerimaan, ingatan, perhatian, pemahaman, pemikiran, dan semua cubaan kita untuk memberi makna kepada pengalaman kita di dunia (Linfors, 1991). Disebabkan kanak-kanak mengembangkan kebolehannya untuk menggunakan bahasa, mereka menjadi lebih memahami situasi masyarakat dan belajar untuk mengawal tindakan dan pemikiran mereka. Perkembangan bahasa ialah satu proses berterusan dan menggambarkan keupayaan kognitif kanak-kanak.

Bahasa digunakan dalam komunikasi manusia sejak dari mula manusia boleh bertutur. Seorang kanak-kanak bermain dan bertingkah laku melalui bahasa (Garcia, 1994, McLaughlin, 1984, Shatz & Gelman, 1973, Linfors, 1991). Disebabkan bahasa ibunda telah digunakan oleh seseorang kanak-kanak sejak kecil, sukar bagi mereka meninggalkan bahasa ibundanya untuk menguasai bahasa lain.

Untuk tujuan tersebut, beberapa langkah perlu dijalankan, iaitu seperti melaksanakan peralihan dari rumah ke sekolah sebaik mungkin. Ini bermaksud segala ciri dan nilai yang ada pada diri murid Kensiu tidak boleh dipaksa untuk ditinggalkan apabila memasuki zaman persekolahan, terutamanya bahasa ibunda mereka. Tindakan secara drastik akan membuatkan mereka enggan ke sekolah. Segala aspek kehidupan mereka di kampung perlu diambil kira agar mereka bersedia untuk menjalani proses pembelajaran formal di sekolah.

Pembelajaran bahasa Melayu murid-murid Kensiu perlu mengambil kira cara mereka berkomunikasi di perkampungan mereka dan dalam budaya rumah untuk menggalakkan kemahiran penulisan dan pembacaan mereka. Menurut Krashen (1987), bahasa rumah murid Kensiu seharusnya memberikan asas bagi keperluan cara mereka membaca dan menulis. Wujudnya ketidakserasian di antara struktur, nilai bahasa rumah dan bahasa kedua akan mengakibatkan mereka tidak berjaya membaca pada peringkat awal. Dalam keadaan sedemikian murid-murid Kensiu perlu meluangkan masa yang lebih panjang dalam usaha untuk mempertingkatkan pencapaian dan penguasaan bahasa Melayu mereka.

Pembelajaran Secara Berterusan

Pembelajaran bahasa dan berkomunikasi adalah kunci kepada perkembangan kanak-kanak. Guru seharusnya berusaha mengenal pasti tahap bahasa yang dimiliki oleh murid serta cara untuk menggalakkan penggunaan dan perkembangan bahasa mereka melalui pertuturan. Cara kanak-kanak menerima, mengingat, memahami dan menjadikan dunia mereka bermakna adalah terjalin rapat dalam bahasa (Lindfors, 1991).

Matlamat pengajaran bahasa di sekolah ialah ke arah penguasaan bahasa untuk tujuan berkomunikasi. Kemahiran asas dalam menguasai bahasa harus diberikan penekanan yang sama rata seperti kemahiran mendengar, kemahiran menulis dan kemahiran bertutur yang mampu meningkatkan kemahiran berbahasa dan berkomunikasi.

Dalam hal ini, dari peringkat awal persekolahan lagi guru dan pihak sekolah seharusnya berupaya mengenal pasti keperluan bahasa dan tahap mengenal huruf dalam kalangan murid-murid Kensiu. Guru perlu mengambil inisiatif untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran suatu yang menarik supaya menggalakkan murid Kensiu belajar secara berterusan di samping mengembangkan kesediaan untuk belajar dalam diri. Pembelajaran berterusan boleh mengekalkan hafalan dan pemahaman serta meningkatkan keupayaan perbendaharaan kata murid-murid Kensiu.

Bahasa Melayu ialah satu bahasa baru bagi murid Kensiu. Mereka wajib mempelajarinya di sekolah dan mesti menguasainya dari aspek mengeja, membaca dan menulis bagi membolehkan mereka menguasai subjek-subjek yang lain. Apabila mempelajari suatu bahasa baru, memiliki himpunan perbendaharaan kata adalah perlu bagi seseorang murid untuk fasih bertutur. Mengetahui dua bahasa adalah lebih baik daripada hanya mengetahui dua cara bertutur (Bialystok & Hakuta, 1994). Bermain adalah satu cara untuk meluaskan kebolehan berbahasa kerana dengan bermain, perbendaharaan kata baru boleh diperkenalkan, begitu juga cara baru untuk menggunakannya (Berk & Winsler, 1995).

Seperti yang dinyatakan dalam dapatan tesis ini, murid-murid kensiu memiliki rasa rendah diri dan kurang keyakinan diri untuk bertutur dalam bahasa Melayu. Salah satu sebabnya ialah mereka tidak mahir berbahasa Melayu kerana kurangnya penguasaan perbendaharaan kata. Perbendaharaan kata murid-murid boleh dikembangkan melalui pembelajaran tidak formal, iaitu melalui penceritaan yang dilakukan dalam kalangan keluarga dan masyarakat. Perkara ini bersesuaian dengan

teori Krashen (1987) yang menyatakan bahawa pemerolehan bahasa seharusnya dilakukan dalam keadaan bawah sedar kerana dengan cara ini, kesalahan yang berlaku dapat diperbetul secara alamiah, bukan dengan paksaan atau teguran. Pembelajaran tidak formal ini berlaku dalam suasana yang santai dan disesuaikan dengan fikiran, perasaan, minat dan tingkah laku mereka.

Pembelajaran secara tidak formal melalui permainan dan penceritaan membolehkan murid-murid Kensiu mengembangkan penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu mereka kerana semasa melakukan pembelajaran tidak formal tersebut menggalakkan mereka melakukan latihan yang berterusan secara latih tubi. Penguasaan perbendaharaan kata yang meluas akan membolehkan murid-murid Kensiu mahir menggunakan bahasa Melayu dalam situasi yang lebih yakin.

Perbezaan Cara Belajar

Bahasa ialah cara utama dalam mempengaruhi fikiran dan tingkah laku orang lain (Lindfors, 1991; Tabors, 1997). Ini adalah bersangkutan dengan kesediaan sekolah dan kesediaan murid dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Setiap guru yang mengajar bahasa Melayu kepada murid Orang Asli Kensiu seharusnya sedar bahawa murid belajar dengan cara yang berbeza dan perkara ini perlu diambil kira dalam mempertimbang dalam merancang aktiviti pengajaran di dalam bilik darjah.

Kelas-kelas bahasa Melayu adalah merupakan latihan berbahasa. Terlibat dalam bahasa membolehkan murid Kensiu meneroka dan meluahkan pemahaman mereka dalam proses pembelajaran. Merancang strategi pengajaran bahasa Melayu dan

penilaian terhadap penguasaan pembelajaran murid-murid Kensiu akan dapat dipantau melalui interaksi di antara murid dan guru, juga melalui ujian yang dijalankan dari semasa ke semasa. Semasa berinteraksi boleh diselitkan permainan bahasa dalam bahasa Melayu kerana permainan bahasa memberikan fokus terhadap elemen-elemen bahasa yang diperlukan oleh murid-murid Kensiu untuk mempelajari bahasa.

Menangani Faktor Sikap Murid

Gabungan faktor di rumah, sekolah dan individu adalah berhubung kait dalam keputusan murid untuk tidak pergi ke sekolah. Ibu bapa dan murid cuba menekankan bahawa faktor-faktor berhubung kait dengan sekolah merupakan sebab utama ketidakhadiran murid ke sekolah, pihak-pihak dalam bidang kuasa pendidikan dan guru-guru percaya bahawa sikap ibu bapa dan persekitaran rumah adalah lebih berpengaruh dalam hal ini (Partington & Gray, 2003; Swisher & Deyhle, 1989) mendapati fizikal, sosial, dan persekitaran budaya murid sangat mempengaruhi tingkah laku, pilihan pembelajaran, dan persepsi mereka.

Sikap suka ponteng dalam kalangan murid Kensiu memang satu perkara yang ketara, seperti yang dinyatakan oleh beberapa orang guru. Sikap ini bukan berlaku kepada seorang atau dua orang murid, malah hampir keseluruhan murid Kensiu. Mereka kerap tidak hadir kerana lebih memilih dan seronok bermain di kawasan perkampungan, menjaga adik-adik ketika ibu bapa pergi ke hutan mencari sumber pendapatan, pergi melastik burung bersama-sama kawan-kawan dan berbagai-bagai faktor lagi. Murid Kensiu datang ke sekolah hanya apabila terlintas di hati atau berhasrat untuk bertemu dengan rakan-rakan sekolah.

Dalam kajian ini didapati kehadiran murid Kensiu ke sekolah amat tidak memuaskan dan kehadiran kebanyakan mereka hanya mencapai kurang daripada 50% sahaja. Berdasarkan temu bual bersama guru dan melalui pemerhatian, didapati murid-murid yang selalu tidak hadir ke sekolah kurang mampu membaca dan yang berlaku, guru perlu mengulang pengajaran berberapa kali untuk menangani masalah murid-murid Kensiu yang ketinggalan. Bagi mencapai kejayaan dan kecemerlangan dalam pendidikan, kehadiran ke sekolah memainkan peranan yang sangat penting. Guru dan pihak sekolah hendaklah meneliti masalah ini dan mengambil inisiatif untuk menggalakkan murid-murid Kensiu supaya hadir ke sekolah. Hanya di sekolah tempatnya murid-murid Kensiu belajar, bukan di rumah, bukan juga di hutan.

Sukakan Bilik Darjah dan Guru

Sikap terhadap bilik darjah dan guru menghubungkan kedua-dua pemerolehan dan pembelajaran. Murid-murid yang berasa selesa di dalam bilik darjah dan menyukai guru yang mengajar akan menyerap pembelajaran secara rela dan terbuka (Seliger, 1977), dan akan lebih berfikiran terbuka dan menerima guru sebagai sumber pembelajaran.

Menerapkan sikap yang positif terhadap bilik darjah dan guru dalam kalangan murid Kensiu memungkinkan peningkatan keyakinan diri dan motivasi bersepadu dalam kalangan mereka. Perkara ini juga ada hubung kait dengan pemerolehan dan pembelajaran mereka. Selanjutnya, murid Kensiu, dengan sikap yang sebegitu akan menerapkannya kepada lain-lain perkara dan menghasilkan pembelajaran yang lebih baik. Selain itu, mereka akan menunjukkan sikap yang lebih baik terhadap bilik darjah, dan menghasilkan pemerolehan ilmu yang lebih baik juga.

Minat Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu

Murid-murid perlu berkomunikasi dengan orang lain tetapi apabila mereka hanya bertutur menggunakan bahasa ibunda, dan orang-orang yang dilawan bercakap tidak memahaminya, maka komunikasi gagal (Barletta, 2009). Dalam hal ini, sikap terhadap pembelajaran bahasa Melayu juga memainkan peranan yang penting terhadap hasil pembelajaran murid-murid Kensiu. Murid-murid Kensiu ada yang menganggap bahawa pembelajaran bahasa Melayu merupakan satu mata pelajaran yang rumit.

Bagi memupuk minat murid Kensiu dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, guru perlu mengelak daripada menggunakan perkataan-perkataan dan istilah-istilah yang asing bagi murid-murid Kensiu pada peringkat awal pembelajaran. Pengajaran bahasa kedua pada peringkat awal seharusnya dimulakan dengan aktiviti lisan. Ini bermakna aktiviti pengajaran seharusnya bermula dengan kemahiran mendengar, diikuti oleh kemahiran bertutur dan seterusnya kepada kemahiran membaca dan menulis. Kaedah pengajaran murid-murid Kensiu seharusnya bermula dengan menyebut perkataan dengan betul pada peringkat awal sebelum diajar bentuk-bentuk tulisan. Cara sebegini akan menghasilkan satu pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua yang berkesan.

Pembelajaran sebutan perkataan boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk aktiviti, iaitu melalui penceritaan, permainan dan lakonan dengan menggunakan perkataan-perkataan bahasa Melayu mudah yang memerlukan pengulangan, bagi tujuan mengingat dan menghafal. Pembelajaran cara ini membolehkan murid-murid menerima pelajaran dengan cara melihat persamaan dan perkaitan di antara bentuk-

bentuk yang diajar. Mereka dilatih tubi untuk menambah perbendaharaan kata berserta dengan maknanya sekali. Makna perkataan haruslah dipelajari dalam konteks yang dapat menerangkan makna itu sendiri, iaitu misalnya dalam konteks budaya murid. Minat murid untuk mempelajari bahasa Melayu akan dapat dipupuk apabila mereka belajar dengan menggunakan perkataan-perkataan yang biasa mereka dengar, iaitu yang biasa digunakan sesama rakan, masyarakat dan guru yang bersesuaian dengan budaya mereka.

Perkembangan dan peningkatan perbendaharaan kata murid-murid Kensiu dapat menjadi realiti sekiranya mereka diberikan input yang banyak dan komprehensif. Keadaan ini bersesuaian dengan teori Krashen (1987) yang menyatakan kaedah yang terbaik dalam pemerolehan bahasa kedua ialah dengan memberikan input komprehensif dalam suasana keraguan yang rendah, dan mengandungi mesej yang benar-benar mahu didengar dan difahami oleh murid.

Memotivasi Murid

Matlamat dasar suatu motivasi ialah untuk menerapkan motivasi peribadi supaya murid dapat melihat faedah pendidikan dan agar mereka dapat mengamalkan suatu kemahiran pembelajaran yang betul. Sikap untuk melakukan kerja sekolah atas kemahuan sendiri, bukan kerana guru, perlu diterapkan dari awal alam persekolahan murid-murid demi meningkat pencapaian pembelajaran mereka. Ini menunjukkan keperluan untuk mengekalkan guru dengan harapan yang tinggi secara realistik terhadap pencapaian murid dan kebolehan sewajarnya untuk menghubungkannya dengan murid (Swisher & Deyhle, 1989).

Motivasi dalam bilik darjah adalah suatu strategi utama untuk menggalakkan murid mempelajari bahasa. Ia adalah suatu proses dinamik dan interaktif yang terdiri daripada kepercayaan, keiginan, sebab-musabab dan matlamat yang berlandaskan keadaan sosio-budaya dan sejarah untuk mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing (Bastidas, 2006). Motivasi adalah suatu kualiti yang penting yang merangkumi semua aspek pengajaran dan pembelajaran. Schunk, Pintrich, dan Meece (2008) menyatakan, murid-murid yang bermotivasi selalunya memaparkan minat dalam aktiviti; guru-guru yang bermotivasi merasakan bahawa murid mereka berkebolehan untuk belajar, dan pentadbir-pentadbir yang bermotivasi pula menyediakan ruang yang sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran.

Halangan utama dalam kejayaan pembelajaran ialah kekurangan motivasi yang berguna kepada murid dan membawa murid benar-benar sedar akan faedah pendidikan. Motivasi sangat perlu bagi murid-murid Kensiu supaya mereka mempunyai daya saing dalam kalangan mereka. Namun apabila murid Kensiu jarang hadir ke sekolah, akan menjadikan mereka kurang pengalaman tentang persekolahan. Motivasi untuk menimbulkan persaingan dalam kalangan murid Kensiu yang kurang pengalaman persekolahan diharapkan akan mendatangkan kesan yang lebih positif.

Murid seharusnya memberikan perhatian dan meningkatkan penguasaan dalam bahasa Melayu bagi membantu mereka dalam memahami pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran lain. Sekiranya murid tidak mengambil berat kepentingan bahasa Melayu maka implikasinya, mereka akan gagal menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu dan lain-lain mata pelajaran juga. Implikasinya juga, murid berkemungkinan gagal dalam peperiksaan awam seperti Penilaian Menengah

Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kegagalan murid dalam peperiksaan akan memberikan kesan kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, iaitu pada peringkat kolej dan universiti dan seterusnya akan menghadkan peluang mereka dalam persaingan mendapatkan pekerjaan yang sesuai dalam bidang kerjaya.

Murid sendiri yang menentukan kejayaan mereka dalam pendidikan. Sikap rajin dan berusaha memantapkan diri akan dapat mengatasi kelemahan yang mereka hadapi. Murid seharusnya memperuntukkan masa yang mencukupi dan bersesuaian untuk meningkatkan kemahiran membaca mereka. Tarigan (1994) menyatakan bahawa masa untuk membaca tidak perlu lebih dari 15 hingga 30 minit, tetapi kesediaan dan kepatuhan murid terhadap pembacaan akan meningkatkan kemahiran membaca mereka. Beliau juga menyatakan bahawa orang yang tidak ingin maju sahaja yang tidak memperuntukkan masa dalam hidupnya untuk membaca dan untuk mengetahui segala kejadian di dunia ialah melalui pembacaan.

Menangani Faktor Identiti Diri

Disebabkan oleh sikap peribadi, individu yang mengamalkan dwibahasa memilih untuk bertutur satu atau dua bahasa berdasarkan faktor-faktor yang berbeza. Ini ada hubung kaitnya dengan aspek psikologi dan tingkah laku. Seseorang murid bertutur suatu bahasa kerana mereka mahu rasa dimiliki dalam kumpulan tertentu. Aspek psikologi adalah berkaitan dengan ciri pembentukan identiti suatu etnik (Ladegaard, 2000).

Setiap bahasa minoriti melalui proses perkembangan pembentukan identiti etnik iaitu, bermula dari sikap negatif dan rendah diri, dan kemudiannya memilih bahasa kedua untuk menjelajah dan mencari kumpulan minoriti mereka sendiri (Ladegaard, 2000). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa batasannya. Tidak terdapat tanda atau tunjuk aras yang mengaitkan umur dengan proses perkembangan tersebut. Tanpa mengira kumpulan tertentu, anak-anak muda atau remaja menghadapi keperluan yang sama untuk berurusan dengan fakta keahlian mereka dalam kumpulan minoriti etnik dalam masyarakat bahasa kedua (Phinney, 1989).

Kaum minoriti (Orang Asli) sentiasa merasakan kaum lain cuba menjatuhkan maruah mereka. Selain itu, kaum minoriti ini juga merasakan kaum lain mengabaikan mereka dan mereka menghadapi kesukaran yang besar untuk melakukan sesuatu yang berlainan daripada dunia kehidupan Orang Asli (Keeffe, 1992). Brown (1996) pula menyatakan bahawa individu dengan keyakinan diri yang tinggi akan berupaya mencapai kejayaan secara lebih bebas, kurang kekangan, dan disebabkan kekuatan egonya, menjadikan kesilapan dalam mempelajari bahasa bukanlah satu ancaman kepada rasa egonya.

Individu yang kurang keyakinan diri mungkin hanya memahami input tetapi bukan memperoleh, seperti seseorang yang terlalu malu, akan menapis (atau mengelakkan) lain-lain domain. Seperti hipotesis saringan pengaruh dalam Teori Monitor Krashen (1987), murid-murid Kensiui akan menyaring segala makluman yang masuk ke dalam fikiran mereka dan mereka akan memilih maklumat yang ada hubungan dan faedah untuk diri sendiri dan menolak yang lain.

Sifat malu dan rasa rendah diri yang terdapat dalam diri seseorang murid Kensiu menjadi salah satu perkara yang menyumbang kepada terhalangnya keupayaan mereka untuk menguasai bahasa Melayu. Lemahnya penguasaan bahasa Melayu mereka juga membataskan kebolehan mereka daripada menguasai mata pelajaran lain. Murid-murid Kensiu tidak mudah mengikuti pengajaran dan pembelajaran di sekolah, apa lagi perkara yang tidak ada kena-mengena dengan kehidupan mereka. Mereka akan menjadi begitu malu sekiranya nilai yang ada pada diri mereka tidak berhubung kait dengan yang ada di sekolah.

Murid-murid akan memilih perkara-perkara yang berkaitan dengan hidup dan masyarakat sahaja, begitu juga dalam mempelajari bahasa Melayu. Ini juga bersesuaian dengan hipotesis saringan pengaruh Krashen (1987) yang menyatakan bahawa saringan pengaruh akan menghalang murid untuk menerima dan juga untuk melahirkan bahasa. Dalam hal ini, sekiranya murid tidak sukakan suatu subjek dalam pembelajarannya, maka melalui saringan pengaruh, murid akan lebih ketat dalam penyaringannya. Semakin bertambah perkembangan psikologi, semakin peka mereka dengan persekitaran kehidupan, dan semakin bertambah ketat penyaringan pengaruh murid sehinggakan kadang-kadang mengehadkan batas pembelajarannya mereka.

Salah satu cara untuk mengatasi rasa rendah diri yang ada dalam diri murid Kensiu ialah dengan meningkatkan keyakinan diri mereka. Pertumbuhan peribadi dalam kalangan murid Kensiu harus dibina dan dipertingkat agar mereka mempunyai keyakinan terhadap diri sendiri. Dengan menggalakkan pertumbuhan peribadi dan keyakinan diri, diharapkan akan membolehkan murid Kensiu menganggap diri mereka sebagai individu yang berguna. Dengan keyakinan diri yang tinggi sahaja

murid-murid Kensiu akan berupaya menghadapi segala bentuk cabaran serta meningkatkan keupayaan dan pencapaian mereka dalam bidang pendidikan.

Pembangunan Integriti Murid

Sachdev (1995) dalam teori identiti etniknya, menyatakan bahawa identiti linguistik suatu etnik, nilai bahasa, identiti dan integriti (kesempurnaan) diri, serta pandangan umum terhadap status semasa suatu bahasa dalam kumpulan, boleh dilihat dan dibezakan melalui sikap dan penggunaan bahasa mereka. Sebenarnya terdapat perbezaan merentasi generasi dari aspek pemerolehan bahasa dalam kalangan murid.

Di samping menggalakkan pertumbuhan peribadi dan keyakinan diri, murid Kensiu perlu dirangsang untuk membangun, meneroka dan mengekalkan integriti peribadi dalam mengendalikan minda serta diri dalam menghadapi suatu keadaan yang penuh dengan cabaran atau tekanan. Ketahanan dalaman dan luaran akan membolehkan murid Kensiu menjadi individu yang berjaya dalam kehidupan, seperti juga rakan-rakan mereka daripada etnik lain.

Dengan adanya integriti dan keyakinan diri yang mantap, ditambah dengan ketahanan dalaman dan luaran diharapkan murid Kensiu akan meletakkan nilai yang tinggi ke atas pembangunan individu dari segi konteks sosial dalaman dan luaran masyarakat mereka. Perkembangan peribadi untuk meningkatkan keyakinan diri murid-murid Kensiu perlu diberi perhatian. Pihak-pihak yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran murid-murid Kensiu dari daerah pedalaman atau terpencil ini perlu mencari jalan dan berusaha agar perkara ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Menangani Faktor Sikap Ibu Bapa

Nondo (1996) menyatakan bahawa sikap ibu bapa terhadap bahasa peribumi mereka akan diturunkan serta diterapkan kepada anak-anak. Ibu bapa beranggapan bahasa kedua tidak ada nilai kepada kehidupan anak mereka kerana ia tidak membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan. Menurut Nondo (1996) juga sentimen yang sama ditunjukkan oleh anak-anak yang terlibat dengan sentimen ibu bapa mereka. Namun begitu, ibu bapa tidak pula melarang pembelajaran bahasa kedua anak-anak kerana memikirkan itu adalah penting bagi masa depan anak-anak mereka.

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam mengekalkan kebolehan bahasa kanak-kanak, begitu juga dalam mengambil bahagian untuk berjaya dalam pembelajaran di sekolah. Ibu bapa menjadi model bahasa yang penting dalam membentuk tingkah laku bahasa anak-anak. Cara tingkah laku dan perasaan ibu bapa mempengaruhi perkembangan pembelajaran anak-anak mereka (Henderson & Berla, 1994). Oskamp (1977) menyatakan bahawa sikap kanak-kanak sebahagian besarnya dibentuk oleh pengalaman mereka sendiri, tetapi ini selalunya disempurnakan melalui pengajaran eksplisit dan pemodelan sikap implisit ibu bapa.

Sikap positif murid terhadap bahasa asing dan orang-orang yang menuturkannya dikatakan jelas berhubung dengan kejayaan dalam mempelajari suatu bahasa (Gardner, 1968; Gardner & Lambert, 1972). Diketahui juga bahawa ibu bapa memainkan peranan utama dalam membentuk sikap anak-anak. Sikap ibu bapa terhadap bahasa dan penutur-penuturnya memberi kesan kejayaan anak-anak mereka dalam mempelajari bahasa (Feestra, 1969; Lambert & Klineberg, 1967).

Gardner (1975) menyatakan bahawa hubungan di antara sikap ibu bapa terhadap pembelajaran bahasa asing dan tahap kemahiran bahasa yang dicapai oleh seorang kanak-kanak adalah bergantung kepada keadaan sikap isi rumah. Pengaruh ibu bapa ke atas anak boleh menjadi aktif. Mereka boleh bermain permainan, berkongsi menonton video dan membaca buku bersama. Ibu bapa boleh menjadi penyokong yang aktif kepada pembelajaran bahasa kedua anak-anak walaupun ibu bapa sendiri tidak memiliki kemahiran dalam bahasa kedua.

Ibu bapa Kensiu juga seharusnya digalakkan supaya memainkan peranan dalam pendidikan anak-anak mereka. Selain daripada berurusan dengan pihak sekolah, mereka juga harus diberikan panduan tentang cara untuk mendapatkan kemudahan dan perkhidmatan yang terdapat di sekolah untuk anak-anak mereka. Ibu bapa menghadapi banyak cabaran dan cubaan dalam mengendalikan anak-anak dari sehari ke sehari. Ibu bapa perlu diberikan panduan dalam memahami proses persediaan persekolahan untuk anak-anak mereka.

Peranan ibu bapa Kensiu sangat penting dan merupakan keperluan utama dalam usaha membentuk sikap dan peribadi anak-anak mereka. Sikap yang positif, peranan dan pengaruh ibu bapa Kensiu dalam menggalakkan anak-anak mempelajari dan menggunakan bahasa Melayu akan memberikan kesan yang positif kepada pembelajaran dan pencapaian murid-murid Kensiu.

Peka Terhadap Pembelajaran Anak

Ibu bapa wajar mengambil langkah untuk memberikan perhatian kepada keperluan bahasa Melayu anak-anak mereka. Seandainya didapati anak-anak mereka lemah

dalam bahasa Melayu, maka tindakan sewajarnya patut diambil seperti menghantar kelas tambahan. Hal ini demikian ialah supaya anak-anak mereka dapat menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik dapat seterusnya dapat meningkat pencapaian mereka dalam mata pelajaran lain juga.

Peranan ibu bapa, persekitaran rumah dan pemerolehan kemahiran membaca dalam kalangan kanak-kanak mempunyai hubungan yang rapat. Durkin (1966) dalam kajiannya mendapati faktor yang menyebabkan kanak-kanak cekap membaca walaupun masih pada peringkat tadika ialah jumlah bahan bacaan yang mencukupi yang disediakan oleh ibu bapa. Ibu bapa murid Kensiu seharusnya lebih peka terhadap pembelajaran anak-anak mereka. Selain daripada bahan pembelajaran di sekolah, ibu bapa Kensiu juga seharusnya mengambil inisiatif menyediakan bahan-bahan bacaan lain untuk menggalakkan anak-anak mereka membaca. Bahan-bahan bacaan yang disediakan seharusnya dapat menarik minat anak-anak mereka membaca. Dalam perkara ini, bahan bacaan tidak semestinya dalam bentuk akademik sahaja, malah boleh terdiri daripada bahan-bahan hiburan seperti komik, majalah kanak-kanak, buku cerita, dan lain-lain.

Menangani Faktor Perbezaan Budaya

Apabila membicarakan tentang budaya murid Kensiu, kita tidak dapat lari daripada isu pembangunan dan budaya pemikiran masyarakat Kensiu yang masih dibelenggu oleh struktur persekitaran dan amalan masyarakat mereka. Reynold dan Skilbeck (1976) menyatakan cara hidup manusia dibentuk oleh budaya dan sebaliknya pula, manusia juga membentuk budaya. Mereka menegaskan bahawa dalam merancang kurikulum adalah penting mengambil kira pengaruh budaya terhadap kurikulum.

Terdapat struktur budaya yang berfungsi dalam kehidupan persekolahan yang tidak boleh diabaikan oleh guru. Terdapat proses-proses tersembunyi dan hubungannya dalam menyampaikan mesej budaya. Cara yang baik dalam meneliti kurikulum adalah melihatnya sebagai suatu hasil daripada perancangan, hasrat, idea dan perasaan setiap guru dan murid.

Perspektif budaya Orang Asli boleh menyumbang dalam suatu cara yang produktif terhadap pemahaman tentang alam persekolahan dan pengalaman pembelajaran. Perspektif-perspektif ini adalah merupakan nadi sokongan semasa kepada Orang Asli untuk suatu perubahan dalam pendidikan anak-anak mereka. Kajian tentang hubungan antara pembelajaran dan budaya bukanlah satu perkara baru (Cole & Means, 1981; Cole, Jay, Glick & Sharp, 1971). Hasil kajian menunjukkan suatu proses pembelajaran di antara hubungan budaya dengan cara manusia berfikir.

Terdapat hubungan yang kuat di antara budaya dengan pembelajaran murid (Swisher & Deyhle, 1989; Andersen, Lund dan Risager, 2006). Salah satu kaedah mengkaji tentang hubungan budaya dan pembelajaran adalah untuk menganalisis pola keupayaan mental dalam budaya yang berbeza (Sternberg, 1977; Irvine & Berry, 1988; Jacob & Jordan, 1987).

Mengajar untuk mengenal huruf kepada murid-murid Kensiu memerlukan pendekatan yang sewajarnya dalam kedua-dua pengajaran dan pembelajaran. Selama ini banyak mitos dan andaian dilakukan tentang mengajar murid-murid Orang Asli, dan tidak terkecuali murid Kensiu. Sebenarnya perlu difahami akan

keperluan pendidikan murid-murid Kensiu yang tinggal di antara sempadan dua budaya, iaitu budaya mereka dan budaya Melayu daripada perspektif mereka.

Guru seharusnya memahami budaya dari pandangan dunia, bahasa ibunda, peraturan, pengetahuan dan pengalaman yang dibawa oleh murid-murid Kensiu ke sekolah serta kaitan maklumat ini kepada peranan mengajar seseorang guru. Perlu diselami dan difahami sebab-sebab wujudnya jurang dalam hasil mengenal huruf terlebih dahulu sebelum kita boleh menangani isu tersebut. Maklumat itu memberikan maklumat tentang keperluan pendidikan bagi murid-murid Kensiu. Guru perlu menumpukan kepada cara untuk mendidik murid Kensiu berasaskan tanda aras kenal huruf dan angka. Guru perlu melihat kedudukan murid-murid Kensiu dan memberikan pendidikan dengan cara yang sesuai dan bermakna.

Bermula dari awal persekolahan, kebanyakan murid Kensiu kelihatannya memahami label etnik dan menggunakannya untuk mengkategorikan diri mereka kepada kategori 'kumpulan dalam' dan 'kumpulan luar' daripada etnik mereka. Pengkategorian akan timbul sebagai suatu kunci penentu kepada langkah pembangunan dan kekuatan kepada kesedaran murid terhadap kategori etnik. Mungkin dengan kehadiran konteks sosial menjadikan kategori etnik jelas dapat dilihat, biarpun kepada murid-murid yang terlalu muda usianya.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid Kensiu, budaya yang mereka miliki seharusnya dihargai. Dalam konteks budaya murid Kensiu, beberapa perkara perlu dipertimbangkan oleh guru dan pihak sekolah untuk menggalakkan mereka mengembangkan dan menguasai bahasa Melayu. Guru dan pihak sekolah seharusnya

sedia maklum bahawa belajar bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Kensiu adalah suatu proses yang berkaitan dengan komunikasi, berkongsi dan menjana makna berbanding dengan memberikan informasi dari atas ke bawah.

Mempelajari bahasa kedua ialah satu proses mempelajari lakuan baru. Justeru, dalam proses pembelajaran, gangguan daripada bahasa ibunda sering terjadi. Bagi tujuan menarik minat murid Kensiu, pengajaran bahasa kedua hendaklah dirancang dan dilaksanakan secara semulajadi dan tidak terlalu formal. Penekanan pembelajaran sebaik-baiknya dilakukan dalam konteks kebudayaan dan sosial murid Kensiu yang membolehkan bahasa tersebut sering didengar dan dituturkan. Mungkin salah satu masalah yang besar ialah, bahasa Melayu yang diajar itu amat formal dan tidak ada kegunaan atau persamaannya dengan bahasa yang digunakan hari-hari, sehingga murid-murid terpaksa mempelajari suatu dialek yang berlainan yang tidak boleh mereka tuturkan di luar kelas.

Fahami Dan Hargai Pengalaman Murid

Orang asli merasakan bahawa terdapat keperluan akan suatu hubungan di antara bahasa dan budaya mereka (Hinton, 1994). Mereka percaya budaya mereka boleh diungkapkan melalui bahasa mereka sendiri dan tidak dapat diungkapkan sepenuhnya oleh bahasa lain (Benjamin, Pecos, & Romero, 1997; Fishman, 1996). Guru perlu bersedia untuk mengajar dalam suasana budaya yang berbeza berbanding budaya guru itu sendiri. Selain itu, guru seharusnya mengenali murid-murid mereka dan memahami makna di sebalik perbezaan sosial dan budaya yang wujud.

Pengabaian dalam memberi sokongan maruah kepada murid akan memberi kesan negatif kepada pembelajaran kanak-kanak (Scarcella & Oxford, 1992). Pengabaian juga akan tidak menggalakkan murid-murid dalam pembelajaran bahasa kedua yang akan mengakibatkan peningkatan perbendaharaan kata mereka tidak berlaku. Bertutur adalah penting dalam proses pembelajaran. Perbendaharaan kata ialah keperluan bagi pembelajaran bahasa individu. Murid Kensiu dan murid Melayu hadir ke sekolah dengan pelbagai latar belakang, dengan budaya dan linguistik serta julat pengalaman dan kebolehan yang berbeza. Oleh itu, penghasilan program pengajaran dwibudaya kepada murid dalam bilik darjah yang terdiri daripada murid Melayu dan Kensiu adalah perlu.

Murid-murid Kensiu mempunyai latar belakang yang berbeza dengan masyarakat Melayu. Murid-murid ini adalah merupakan pencipta makna dalam minda dan kehidupan mereka berdasarkan pengalaman lalu dan daripada persekitaran kehidupan masyarakat mereka yang dialami dan lalui sehari-hari. Dalam usaha untuk memupuk minat murid Kensiu dengan mengambil kira budaya mereka, guru seharusnya memberikan peluang kepada mereka untuk aktiviti-aktiviti bebas. Selain itu, pihak sekolah perlu mengadakan aktiviti tahunan yang melibatkan adik-beradik, ibu bapa dan saudara mara murid Kensiu yang tidak melanggar amalan budaya mereka agar hubungan baik dapat dijalinan di antara Orang Asli Kensiu dan pihak sekolah.

Adalah penting untuk membina suasana menggunakan bahasa Melayu yang baik dan betul. Ini boleh dilaksanakan dalam beberapa peringkat. Salah satu daripadanya ialah mengatur perancangan untuk memantapkan pembelajaran murid Kensiu.

Perancangan seharusnya bersesuaian dengan sosial, budaya dan persekitaran murid. Ini termasuklah mengutamakan faktor penggunaan bahasa yang bersesuaian dengan murid Kensi untuk membantu dalam menyediakan dan mengembangkan konsep pengajaran dan pembelajaran.

Mempertingkat Ekonomi

Kajian antarabangsa menunjukkan bahawa perbezaan yang ketara dan berterusan di antara kumpulan-kumpulan bahasa rasmi ialah melalui jantina, status sosioekonomi dan status Orang Asli (Crocker, 2002). Kajian menunjukkan modal sosial, kapasiti jangka panjang dalam masyarakat memberi kesan kepada pencapaian (tetapi di luar kawalan sekolah seperti institusi sosial dan ekonomi, ciri-ciri keluarga dalam daerah) yang kelihatannya lebih rendah dalam kalangan masyarakat pedalaman. Keadaan ini menyumbang kepada jurang kebolehan membaca yang lebih luas dalam kalangan kanak-kanak daripada masyarakat pedalaman berbanding dengan kanak-kanak yang tinggal di kawasan bandar (Demmert, Grissmer, & Towner, 2006).

Pencapaian pendidikan yang tidak memuaskan dan bertambahnya kadar keciciran memberi kesan terhadap pencapaian akademik kanak-kanak dan mengekalkan status sosioekonomi yang rendah masyarakat itu. Kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak dari latar belakang masyarakat yang bersosioekonomi rendah mengalami perkembangan kemahiran akademik yang lebih lambat berbanding dengan kanak-kanak dari kumpulan sosioekonomi yang lebih tinggi (Morgan, Farkas, Hillemeier, & Maczuga, 2009).

Kemahiran akademik awal adalah berhubung kait dengan persekitaran rumah yang menunjukkan suatu keadaan kenal huruf yang rendah dan tekanan kronik memberi kesan ke atas kemahiran akademik awal kanak-kanak. Sistem sekolah dalam masyarakat yang sosioekonomi rendah selalunya tidak mempunyai sumber/kemudahan dan kelengkapan yang cukup, melibatkan prestasi akademik murid (Aikens & Barbarin, 2008).

Daripada dapatan kajian mendapati bahawa faktor kemiskinan atau sosioekonomi keluarga murid-murid Kensiu menyebabkan berlakunya kebolehbacaan mereka berada pada tahap yang rendah. Tahap kemiskinan keluarga murid Kensiu menyebabkan proses pembelajaran murid akan terganggu kerana selain daripada kurang mampu membeli dan menyediakan keperluan pembelajaran, murid-murid juga dilibatkan sama membantu keluarga melakukan pekerjaan sehingga mengakibatkan mereka kerap tidak bersekolah.

Kurang pengetahuan tentang pentingnya pendidikan menyebabkan sebilangan besar masyarakat Kensiu tidak memberikan perhatian yang serius terhadap pelajaran. Sikap merendah diri serta memadai dengan apa yang ada, masih mendiami kawasan pedalaman yang kurang kemudahan asas menyebabkan kehidupan mereka masih pada tahap ekonomi yang rendah dan membataskan kemampuan mereka menyediakan kelengkapan pembelajaran yang cukup untuk anak-anak.

Selain itu, sifat semulajadi masyarakat Kensiu yang mementingkan kerjasama dan kesamarataan menganggap tidak baik untuk mempunyai harta lebih daripada orang lain. Budaya ini yang masih diamalkan oleh Masyarakat Kensiu, maka aspek

pelajaran terutama kepada anak-anak mereka sangat kurang ditekankan. Oleh yang demikian, situasi kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli masih membelenggu sehingga sekarang.

Ekonomi, suatu isu kompleks adalah berkaitan dengan hak masyarakat Orang Asli Kensiu yang memerlukan kerajaan melihat kembali masa lalu untuk memahami masa kini. Semua pihak, kerajaan negeri, kerajaan pusat khususnya, perlu mempunyai hubungan rapat dengan Orang Asli Kensiu, dan menghormati kewujudan mereka di negara ini. Orang Asli Kensiu ini memerlukan pembangunan identiti diri, ekonomi dan autonomi mereka sendiri. Prinsip ini berterusan sehingga kini dan perkara ini perlu diberikan perhatian dan tindakan yang sewajarnya oleh masyarakat Kensiu berbantuan tindakan dari pihak kerajaan.

Murid Kensiu yang hidup serba kekurangan yang datang daripada latar belakang sosioekonomi keluarga yang rendah dibandingkan dengan masyarakat di sekeliling perkampungan mereka, dikatakan mengalami proses pemerolehan bahasa yang terbatas. Berbeza dengan murid-murid yang mempunyai latar belakang sosioekonomi yang baik, akan memperoleh bahasa yang lebih baik. Akibat daripada pemerolehan bahasa yang berbeza ini menimbulkan implikasi yang tidak baik kepada kehidupan Kensiu secara keseluruhannya.

Menyentuh tentang ekonomi Orang Asli Kensiu, langkah-langkah dan usaha selayaknya adalah perlu untuk menangani isu ekonomi kaum Kensiu supaya dapat dipertingkatkan. Sokongan berterusan, usaha padu dan jalinan kerjasama kaum Kensiu dengan pihak-pihak yang arif dalam bidang ekonomi akan dapat membantu

membangunkan ekonomi mereka. Kestabilan ekonomi serta keharmonian keluarga merupakan faktor-faktor yang boleh memberikan galakan kepada anak-anak Kensiu untuk meneruskan pembelajaran yang seharusnya meningkatkan penguasaan bahasa Melayu terlebih dahulu.

Masyarakat Kensiu sepatutnya menerima arus pemodenan dengan fikiran terbuka. Mereka bukan dipaksa meninggalkan terus adat dan budaya mereka tetapi bersedia menerima perubahan untuk meningkatkan taraf ekonomi dan taraf hidup mereka disamping mengekalkan adat dan budaya mereka. Bantuan banyak pihak diperlukan dalam usaha membantu nasib anak-anak Kensiu terbelah dan mendapat pendidikan yang sama seperti kanak-kanak lain, serta membolehkan mereka mampu mengubah status kehidupan mereka ke tahap yang lebih baik di masa akan datang.

Ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha untuk membolehkan anak-anak mereka celik membaca. Masyarakat Kensiu haruslah memberikan sepenuh perhatian dan usaha untuk meningkatkan ekonomi dan taraf hidup mereka ke tahap yang lebih baik. Ibu bapa murid-murid Kensiu seharusnya memberi peluang kepada anak-anak mereka meningkatkan taraf ekonomi dan taraf kehidupan mereka dalam dunia yang semakin mencabar ini.

Menyesuaikan Gaya Pembelajaran

Murid yang mengalami kesukaran dalam membaca, juga yang dikenal pasti mempunyai kesukaran belajar memerlukan sokongan yang lebih intensif (Snow, Burns & Griffin, 1998). Pembangunan kemahiran bahasa adalah diilhamkan daripada pembacaan. Bagi kanak-kanak, bahasa adalah hubungan dengan keluarga,

latar belakang budaya, nilai-nilai dan pengalaman diri. Bahasa membantu kanak-kanak menghubungkan pembacaan dengan kehidupan mereka, dan lebih banyak hubungan yang dilakukan akan lebih bertambah pemahaman tentang pembacaan (Pressley, 2002).

Pengajaran komprehensif bagi murid-murid Kensiou boleh membantu mereka membina dan menggunakan bahasa, pengetahuan latar belakang dan pengalaman mereka, dan nilai-nilai diri supaya pembacaan mereka bermakna. Cara ini mengajar mereka berfikir tentang membaca, cara menyelenggara pemahaman, mengukur pengetahuan dan kepeluan untuk membaca dan memahami tek-teks yang berbeza. Kebanyakan penyelidikan terhadap pengajaran membaca tertumpu kepada tahap awal sebab ia merupakan hubung kait yang penting kepada kejayaan sesebuah sekolah.

Mengajar Bahasa Lisan

Dalam sekolah rendah, pengajaran yang menekankan bahasa lisan adalah penting, terutama bagi kanak-kanak dengan pengalaman dan pemahaman yang terhad. Kumpulan-kumpulan ini termasuklah masyarakat bahasa minoriti yang bahasa pangantar sekolah merupakan bahasa kedua kepada murid-murid (O'Sullivan & Goosney, 2007).

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu bagi murid Kensiou boleh dilaksanakan dengan berorientasikan kemahiran mendengar dan bertutur di samping memberikan penekanan terhadap kemahiran membaca dan menulis. Kaedah ini memberikan penekanan kepada pembelajaran bahasa untuk komunikasi dalam situasi formal.

Hipotesis pemerolehan dan pembelajaran (Krashen, 1987) menyatakan bahawa pembelajaran bahasa biasanya melalui proses dan suasana formal, seperti pembelajaran dalam bilik darjah di sekolah. Kesalahan yang dilakukan oleh murid dapat diperbetul melalui latihan-latihan yang dijalankan dalam kelas dari semasa ke semasa. Latihan-latihan yang diberikan oleh memahirkan murid-murid Kensiu dalam penulisan dan pembacaan.

Melalui kaedah ini, biasanya pengajaran akan disampaikan dalam bentuk lisan, sebelum direalisasikan dalam bentuk tulisan. Perkembangan dan penguasaan bahasa murid Kensiu seharusnya diberikan dengan cara latih tubi bagi tujuan untuk menghafaz maklumat yang diajarkan. Latihan berkomunikasi dalam suasana di antara individu dengan individu yang lain perlu dijalankan untuk melatih murid dalam suasana semula jadi dengan harapan cara ini dapat meningkatkan keyakinan diri mereka. Kaedah dengar dan sebut ini mengutamakan dialog dan penekanan yang berulang-ulang untuk melahirkan suatu tabiat.

Guru-guru yang mengajar bahasa Melayu kepada murid Kensiu seharusnya mengamalkan penggunaan bahasa yang bersesuaian. Disebabkan murid menunjukkan pencapaian melalui gred di sekolah, fokus ke atas pembangunan bahasa lisan murid Kensiu amat penting bagi kegunaan pembelajaran membaca, memahami, dan berfikir tentang teks dalam bidang kurikulum yang berbeza. Selain kemahiran berkomunikasi, murid-murid harus diuji dan nilai kemahiran mereka. Cummin (1981) menegaskan bahawa kemahiran bahasa tidak hanya penting dalam konteks komunikasi bersemuka sahaja tetapi juga penting dalam penilaian dan pengujian. Hakuta (1984) pula menekankan betapa perlunya membangunkan sistem

penilaian yang praktikal sesuai dengan murid yang menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Memahami Bahan Bacaan

Kefasihan merujuk kepada kelancaran dan kespontanan murid mengucapkan perkataan. Ini memerlukan pengetahuan tentang bunyi yang dihubungkan dengan huruf, secara tunggal atau bergabung. Kefasihan membolehkan murid Kensiu membaca dengan menambah pemahaman dan keseronokan, dan kefasihan adalah amat penting bagi pembangunan berterusan dalam pembacaan mereka. Latihan kekerapan membaca dalam kalangan murid-murid Kensiu akan dapat membantu dalam proses pembacaan mereka. Kebolehan membaca murid Kensiu adalah berhubung kait dengan kebolehan mereka untuk memahami cerita dan teks yang mereka baca dan yang dibacakan kepada mereka.

Bagi kedua-dua pembaca baru dan pembaca mahir, membina makna melibatkan penggunaan pengetahuan yang ada bersama dengan tanda atau gambaran daripada teks, termasuk pengetahuan yang dibawa oleh murid ke dalam tugas pembacaannya dan strategi yang digunakan untuk membangunkan pemahaman. Sebagai tambahan, pemahaman pembacaan, memerlukan pengenalpastian inti pati dan struktur teks, meringkaskan dan membuat kesimpulan, begitu juga menentukan kepentingan peristiwa dan rantaian daripada penceritaan. Strategi-strategi ini membawa kepada pemahaman aktif tentang teks (Dole, Duffy, Roehler, & Pearson, 1991).

Pada peringkat awal persekolahan, amalan membaca murid Kensiu selaras dengan latar belakang budaya merupakan jambatan kepada pembacaan bahasa Melayu dan

perancah kepada pembangunan kefasihan dan pemahaman mereka. Melalui latihan membaca, murid-murid Kensi akan menguatkan kebolehan membaca mereka. Ini akan menjadikan mereka pembaca yang baik, dan membangunkan suatu peningkatan minat dalaman dan keinginan untuk membaca.

Krashen (1987) menyatakan bahawa pemerolehan bahasa kedua memerlukan interaksi yang bermakna dalam bahasa sasaran melalui mesej yang disampaikan dan difahami. Pada kenyataannya, dengan cara memahami tahap pemahaman murid adalah sangat membantu dalam proses pembelajaran suatu bahasa. Memahami bahan yang dibaca adalah bertujuan meningkatkan kebolehan membaca. Peryataan ini disokong oleh pernyataan Evans, Floyd, McGrew, dan Leforgee (2001) yang menyatakan, jika kanak-kanak boleh mengenal pasti dan membaca perkataan tetapi tidak memahaminya, maka, mereka tidak dapat mengetahui maksud daripada pembacaan mereka, bermaksud mereka tidak mencapai matlamat membaca. Ini bermakna korelasi yang paling kuat dengan komponen pencapaian pembacaan adalah dilihat dengan pengetahuan pemahaman.

Memperoleh kemahiran asas membaca bagi murid Kensi akan memotivasi mereka untuk terus membaca. Mengajar mereka tentang strategi untuk berdikari menjadi faktor penting dalam meningkatkan tahap kebolehbacaan mereka. Setelah bermotivasi dan berdikari, murid-murid Kensi akan mempunyai matlamat dan mempunyai kebolehan untuk mengendalikan pembacaan sendiri dan memahami bahan yang dibaca. Adalah penting guru memastikan program kenal huruf bagi murid Kensi dalam aktiviti pembacaan berjalan lancar. Perkara ini akan memberi peluang kepada murid Kensi untuk memahami dan berkongsi pengalaman dalam dunia

sebenar berdasarkan penceritaan dan lain-lain sumber maklumat untuk meningkatkan motivasi murid dalam membaca.

Sebagai tambahan, semasa murid Kensiu bergerak ke tahap yang lebih tinggi, mengajar konsep dan perbendaharaan kata bagi subjek-subjek yang berbeza seperti mengajar seni bahasa dan matematik akan menambahkan minat murid, seronok, dan berkeinginan untuk membaca. Selain itu, aktiviti ini akan menyokong orientasi mereka terhadap penguasaan bahasa kerana mereka lebih fokus terhadap pembelajaran dan memperoleh asas konsep.

Mempelajari bahasa kedua ialah satu proses pembelajaran wajib di setiap sekolah di Malaysia. Murid-murid mesti bekerja keras untuk mempelajari bahasa kedua ini. Bahasa kedua bagi murid-murid Kensiu menjadi salah satu daripada mata pelajaran yang mesti diajar walaupun sukar bagi murid Kensiu untuk mempelajarinya. Untuk mempelajari Bahasa Kedua ini murid-murid Kensiu perlu banyak membaca.

Menyesuaikan Gaya Pengajaran

Terdapat beberapa orang guru yang menyatakan bahawa jurang perbezaan di antara murid Kensiu dan murid Melayu dapat diatasi dengan adanya cara pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan mengambil kira perbezaan pelbagai aspek, termasuk perbezaan budaya. Ini perlu dilaksanakan supaya dapat memesrakan murid-murid dengan sistem sekolah untuk meningkatkan minat mereka untuk belajar.

Terdapat juga beberapa orang guru tidak mahu memberikan sebarang komen ke atas kesukaran pengajaran dan pembelajaran murid-murid Kensiu. Kajian ini menunjukkan bahawa tanggapan guru adalah berbeza dari seorang guru dengan guru yang lain. Ini boleh dijadikan bukti bahawa pembelajaran murid-murid Kensiu boleh dilaksanakan dengan berkesan sekiranya mereka mempunyai cara mengajar dan kepekaan budaya dari segi cara murid-murid Kensiu belajar atau mencari cara pembelajaran yang efektif bagi murid-murid Kensiu.

Memiliki pengetahuan tentang murid dan juga memiliki sikap positif terhadap murid mungkin dapat menarik minat murid-murid Kensiu untuk belajar jika sekiranya mereka mendapat sokongan. Ini menunjukkan hubungan kait bahawa keselarasan di antara tanggapan guru dan pembelajaran murid-murid Kensiu di sekolah adalah penting. Kajian juga mendapati terdapat kalangan guru yang mempunyai sikap yang positif terhadap murid-murid Kensiu dan mengharapkan pencapaian yang tinggi dalam kalangan mereka. Guru bersedia untuk menyediakan kaedah pengajaran bahasa Melayu dengan mengambil kira budaya yang bersesuaian dalam menghasilkan pembelajaran murid-murid Kensiu agar selaras dengan amalan pengajaran berinovasi di dalam bilik darjah.

Temu bual yang dijalankan adalah meliputi tanggapan guru terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, kurikulum bahasa Melayu yang patut diajar dan sesuatu perlu dilakukan oleh guru untuk meningkatkan pengajaran bahasa Melayu dalam bilik darjah. Terdapat sesetengah guru yang menekankan bahawa cara pembelajaran murid-murid Orang Asli Kensiu adalah berlainan daripada murid-murid bukan Orang Asli. Murid Kensiu lebih bergantung kepada sokongan dan

bantuan guru dan rakan dan tidak berani mengambil risiko dalam pembelajaran. Selain itu mereka sukakan aktiviti praktikal berbanding aktiviti membaca dan menulis dan hal ini menyebabkan mereka kurang mahir dalam membaca dan menulis.

Pengajaran bahasa kedua berbeza dengan penguasaan bahasa pertama. Bahasa kedua diperoleh dan dikuasai melalui pembelajaran. Pembelajaran bahasa kedua bersifat formal, menekankan banyak latihan dan pengulangan hingga membentuk satu tabiat. Ini dijelaskan oleh Rivers (1964) yang menyatakan pembelajaran bahasa asing pada dasarnya adalah merupakan satu proses mekanikal yang membentuk tabiat. Penguasaan murid-murid dalam mempelajari bahasa kedua ialah dengan menerapkan beberapa kemahiran kepada murid seperti kemahiran mendengar, membaca, menulis dan bertutur. Kemahiran murid dapat diasah melalui kemahiran-kemahiran tersebut, teutamanya melalui pembacaan.

Memastikan murid belajar supaya memahirkan diri membaca adalah sangat penting dan merupakan aspek penting dalam pengajaran di sekolah formal (O'Sullivan, 2009; O'Sullivan & Goosney, 2007). Murid-murid yang tidak dapat membaca dengan baik sehingga akhir jangka masa sekolah rendah akan menghadapi risiko tercicir, yang membawa kepada tidak dapat merebut peluang pekerjaan yang baik melainkan pekerjaan yang berpendapatan rendah seiring dengan pelbagai kesulitan yang akan dihadapi.

Kajian ke atas kanak-kanak yang tidak berkemampuan belajar menunjukkan kepentingan pengenalpastian tentang kesukaran-kesukaran tersebut sebab jika

sekiranya kanak-kanak tersebut ketinggalan pada peringkat prasekolah dan seterusnya tahun satu, mereka akan terus ketinggalan (Lyon, 1995, dalam Lipka & Siegel, 2007).

Kemahiran yang sangat penting bagi murid Kensi yang mengalami kesukaran membaca seharusnya diajar menggunakan pengajaran secara langsung dan eksplicit, iaitu pemprosesan fonologi (termasuk kesedaran fonemik dan fonik) dan kefahaman membaca. Murid Kensi seharusnya disediakan dengan peluang-peluang latihan kemahiran melalui jangka waktu berterusan dan meluas yang melibatkan aktiviti-aktiviti mengenal huruf. Guru-guru boleh menyokong pembacaan murid-murid dalam bilik darjah dengan menyediakan bahan-bahan bacaan dalam tahap-tahap yang berbeza dan menggunakan sumber-sumber seperti teknologi.

Pengajaran bahasa Melayu murid Kensi dalam bilik darjah seharusnya menuju ke arah membentuk kemahiran bahasa Melayu murid. Kemahiran bahasa pula meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Dalam hal ini, guru seharusnya tidak membiarkan murid Kensi terus lalai dan mengabaikan mereka yang mempunyai pencapaian yang rendah. Guru harus segera bertindak untuk memulihkan mereka supaya sejajar dengan pencapaian murid yang lain. Pendekatan dan gaya pengajaran bahasa Melayu yang dipilih dan diaplikasikan hendaklah sesuai dan berkesan. Tanpa pemilihan yang berhati-hati, keadaan murid yang berprestasi rendah ini akan bertambah buruk.

Mengesan Kelemahan Murid

Pembangunan profesional berterusan yang bersesuaian dalam membaca adalah perlu untuk mengekalkan atau melaksanakan latihan-latihan baru secara berkesan memberi impak ke atas pencapaian murid (Biancarosa & Snow, 2006). Guru perlu meneliti data terhadap kelemahan dan pencapaian murid yang diukur melalui formatif berterusan dan penilaian berasaskan kurikulum ke dalam perancangan semasa menerima cadangan-cadangan tentang cara untuk mensepadukan maklumat tersebut ke dalam pengajaran mereka (Fuchs, Fuchs, Hamlett, Phillips, & Bentz, 1994).

Guru seharusnya sentiasa berwaspada dan sentiasa bersedia untuk mengesan kelemahan-kelemahan yang dihadapi oleh murid Kensiut serta bersedia untuk mengatasi masalah ini termasuk memikirkan pendekatan yang sesuai bagi menyampaikan pengajaran. Bahan pengajaran perlu diperkukuhkan berserta dengan contoh-contoh yang sesuai. Pembangunan dan perkembangan bahasa Melayu murid Kensiut boleh dilaksanakan melalui perbincangan dan pemerhatian. Daripada contoh dan pemerhatian, murid boleh meniru dan menghafaznya. Untuk proses mengingat, murid seharusnya diberikan peluang untuk meniru dan mengulang.

Dalam menangani masalah kelemahan bahasa Melayu murid Kensiut, guru perlu memastikan penglibatan murid, mengesan kelemahan murid, menggolongkan kelemahan yang akan dikesan, menganalisis punca kelemahan murid, menentukan objektif khusus rancangan pemulihan, memutuskan teknik pemulihan, mengorientasikan pelaksana pemulihan, menyediakan peralatan atau bahan pemulihan, menjalankan teknik/strategi pemulihan, menilai keberkesanan strategi pemulihan, dan memperbaiki strategi pemulihan. Melalui langkah-langkah tersebut,

murid yang berprestasi rendah akan terasa diberikan perhatian yang saksama oleh guru dan dengan demikian juga akan menimbulkan minat murid Kensi untuk memperbaiki pencapaian mereka.

Menggunakan Alat Bantu Mengajar

Teknik mengajar yang betul yang berkesan sangat penting untuk merangsang minat murid Kensi mempelajari bahasa Melayu. Selain penggunaan teknik yang betul dalam pengajaran membaca, alat bantu mengajar juga memainkan peranan penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu termasuk mengajar membaca. Penggunaan alat bantu mengajar dapat memudahkan murid-murid memahami atau membantu mereka ke arah pembentukan konsep yang betul.

Guru boleh menggunakan alat bantu pengajaran seperti gambar bermula dengan yang biasa dilihat murid setiap hari dan diikuti dengan gambar-gambar yang jarang atau belum pernah dilihat. Ini dapat membantu dan merangsang minda murid untuk menyebut dan membacanya. Murid juga perlu menguasai dan mengamalkan beberapa teknik membaca untuk menjadi seorang pembaca yang berkesan. Teknik membaca akan berkesan sekiranya mendapat bimbingan guru.

Latih Tubi dan Penglibatan Murid

Pembangunan profesional memberikan kemudahan penyaluran dan pelaksanaan pengajaran dan latihan-latihan amali ke dalam amalan pendidikan guru. Satu daripada cara amalan ini ialah membina sokongan rintis sekolah rendah dan menengah untuk mendidik mentor dan guru dalam melaksanakan latihan bilik darjah berasaskan bukti. Guru-guru lain mungkin melawat sekolah-sekolah ini untuk

melihat kepentingan latihan-latihan amali yang dilaksanakan. Sekolah rintis mungkin menerima sokongan daripada penilai-penilai atau pengkaji-pengkaji yang boleh bekerja dengan guru dan mentor dalam membangunkan latihan-latihan membaca yang berkesan (Black & Wiliam, 1998).

Guru boleh menyampaikan cara menggunakan sesuatu perkataan, frasa dan ayat dalam bahasa Melayu dalam pengajaran-pembelajaran murid Kensiu. Guru boleh meminta murid mengemukakan contoh-contoh lain yang serupa dengan struktur yang disampaikan oleh guru sebagai latihan lanjutan. Murid Kensiu seharusnya diberikan bimbingan untuk membuat pemerhatian kepada penjanaan contoh-contoh yang diberikan dan lakukan pengulangan untuk proses mengingat dan menghafaz. Dengan cara ini murid akan mempunyai keyakinan kerana penguasaan bahasa seseorang murid boleh tercapai dengan adanya latihan-latihan berulang sehingga membentuk suatu kebiasaan.

Pemahaman dan himpunan perbendaharaan kata bahasa Melayu seharian murid di dalam bilik darjah terbentuk melalui interaksi antara guru dengan murid. Bahan-bahan pengajaran disusun mengikut kaedah latih tubi bagi membiasakan murid dengan perbendaharaan kata dan pola atau struktur ayat yang dipelajarinya setiap hari. Kemahiran berbahasa akan terbentuk melalui latihan yang berulang-ulang melalui pertuturan.

Proses pembelajaran bahasa Melayu kepada murid Kensiu dilihat sebagai satu tabiat dan kebiasaan. Latihan-latihan mudah dan aktif perlu diaplikasinya supaya pembelajaran tidak dianggap sebagai satu perkara yang membebankan fikiran dan

membosankan. Penggunaan peralatan mengajar seperti benda-benda maujud, gambar dan penggunaan makmal bahasa merupakan alat pengajaran yang boleh mendatangkan kesan pembelajaran yang baik. Maklumat pengajaran yang disampaikan secara berulang-ulang adalah perlu supaya akan membiasakan murid dengan penggunaan bahasa seperti menerusi teknik latih tubi yang membolehkan para murid membuat gerak balas hasil daripada rangsangan guru.

Sesetengah murid tidak mempunyai asas yang kuat dalam mana-mana bahasa semasa memulakan persekolahan. Dilaporkan bahawa satu bentuk kelewatan perkembangan dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli yang paling ketara ialah kelewatan pertuturan suatu bahasa lain. Sesetengah kanak-kanak menggunakan pelbagai bentuk bahasa Inggeris bukan standard di rumah dan dalam masyarakat (Ball, 2005). Kanak-kanak dalam masyarakat pedalaman mungkin membangunkan kod bahasa yang terhad atau sistem komunikasi yang berdasarkan gerak isyarat bukan verbal, seperti ekspresi wajah. Sistem komunikasi ini mungkin digunakan sepenuhnya dalam masyarakat rumah, tetapi ia tidak memberikan asas bahasa yang bersesuaian untuk mahir membaca awal (Ball, 2005).

Sekolah seharusnya memberikan fokus terhadap membangunkan kemahiran bahasa lisan sebagai asas untuk membaca. Belajar membaca sebahagiannya melibatkan belajar untuk mengaitkan bunyi dengan huruf, dan kanak-kanak memerlukan kebolehan mendengar yang secukupnya untuk membezakan bunyi dengan perkataan. Kehilangan pendengaran dikaitkan dengan kehilangan bahasa dan pembacaan, terutamanya dalam bahasa kedua. Kekerapan kerosakan pendengaran yang tidak serius kepada jangkitan telinga yang serius adalah tinggi dalam kalangan kanak-

kanak Orang Asli, mencapai 50 peratus dalam sesetengah masyarakat di kawasan pedalaman (Bowd, 2004).

Satu perkara yang penting dalam mempelajari bahasa Melayu bagi murid-murid Kensi ialah dengan mengambil contoh-contoh dialog di antara guru dan murid untuk menekankan kedua-dua tindak balas yang berkesan dan yang tidak berkesan. Guru perlu memikirkan tentang perkara yang dipelajari oleh murid, sama ada mereka belajar untuk menggunakan bahasa dengan baik atau tidak. Perlu juga difikirkan tentang konsep-konsep tertentu yang digunakan untuk pengajaran perlu ditukar untuk menyesuaikannya dengan cara belajar murid-murid Kensi atau tidak. Ini perlu dilakukan dengan merakamkan dan menguji bahasa yang digunakan di dalam bilik darjah.

Amalan pengajaran yang baik dalam mata pelajaran bahasa Melayu dalam bilik darjah yang mempunyai murid Kensi ialah dengan pendekatan proses banyakk bercakap dan beraktiviti. Murid-murid yang bahasa di rumahnya bukan bahasa Melayu mempunyai tugas yang berganda dalam mempelajari bahasa Melayu. Seseorang murid Kensi perlu belajar bercakap dalam cara yang boleh diterima di sekolah yang pastinya berbeza daripada cara mereka bercakap di rumah. Ini adalah asas kepada mata pelajaran-mata pelajaran lain. Penggunaan bahasa Melayu yang salah perlu diperbetul.

Murid-murid Kensi yang memiliki rasa malu yang tebal dalam diri belajar bahasa Melayu akan melalui tahap senyap pada permulaan pembelajaran mereka. Mereka lebih banyak berdiam diri, mendengar dan memerhati daripada melibatkan diri

secara aktif dalam perbincangan dalam kelas. Ini bersesuaian dengan teori Monitor Krashen (1987) yang menyatakan bahawa pemeroleh/murid yang belajar bahasa kedua seharusnya tidak dipaksa melahirkan hasil pembelajaran pada peringkat awal, tetapi melahirkannya apabila mereka bersedia. Peningkatan kebolehan sebenarnya datang daripada persediaan input komunikasi, bukan melalui paksaan, teguran yang merupakan pembetulan yang drastik.

Dalam mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kefasihan murid-murid Kensiu dalam menggunakan bahasa Melayu, ujian kemahiran perlu dijalankan. Murid-murid ini perlu disediakan rangka soalan berasaskan tatabahasa kerana pencapaian mereka pada asasnya adalah lemah. Implikasi daripada dapatan oleh guru adalah penting dalam mengenal pasti dan membuat perbandingan yang jelas di antara bahasa Melayu standard dan bahasa yang mereka gunakan di rumah. Murid-murid akan lebih mudah mengenal huruf sekiranya mereka berupaya dan dibantu dalam membuat hubungkait di antara persekitaran kehidupan sebenar dan alam persekolahan mereka.

Persediaan tenaga pengajar atau guru untuk mengajar murid Orang Asli dalam bilik darjah seharusnya diberikan tumpuan. Dengan itu, kandungan kursus-kursus persediaan guru, pengalaman praktikum guru, dan induksi guru berkelayakan yang baru kesemuanya harus dipertimbang sebagai tumpuan tindakan sebaik mungkin. Kepentingan kekuatan yang tidak pasti berhubung kait di antara setiap komponen-komponen persediaan guru telah diperkukuh oleh penyelidikan terdahulu ke atas persediaan guru yang boleh dijangkakan mempunyai kesan luaran yang sewajarnya (Wang & Odell, 2002).

Malin dan Crcath (2003) menyatakan bahawa kesediaan guru terhadap seorang murid boleh jadi mendalam, dan boleh di kawal oleh guru seperti hubungan dengan murid, pemahaman mendalam tentang latar belakang murid, harapan dan kaedah persetujuan murid, cara-cara mengendalikan pembelajaran murid (Malin & Crcath, 2003).

Keeffe (1992) menyatakan bahawa permulaan konseptual guru berubah. Semasa sesi latihan dalam perkhidmatan di Canberra, guru-guru sekolah rendah menyatakan bahawa mereka telah melakukan pengajian tentang Orang Asli selama dua belas tahun. Mereka mempunyai anggapan negatif, stereotaip, dan agak berbau perkauman terhadap Orang Asli. Akhirnya mereka mengubah pandangan tersebut dan menyatakan bahawa untuk berjaya mendidik orang lain, seseorang itu mesti mendidik diri sendiri terlebih dahulu.

Kepimpinan dan Pengajaran Berkualiti

Beberapa penyelidikan menyatakan sumbangan penting yang berupa pengajaran dan perspektif merentas budaya adalah untuk faedah murid-murid ke arah pembangunan amalan dan pedagogi kurikulum sekolah (Burridge, 1999; Santoro, 2008). Hal ini, dengan itu mempunyai implikasi penting bagi latihan guru dan guru besar dan pembangunan profesional.

Suatu perkara penting ialah menekankan kepentingan menghindari ideologi dominan yang seharusnya menerima pencapaian yang rendah dalam kalangan murid-murid Kensi sebagai perkara biasa; guru perlu mengkaji latihan yang mereka peroleh untuk memikirkan cara yang boleh dilakukan untuk menyumbang kepada

peningkatan pencapaian murid-murid Kensi. Selain itu, peranan guru besar di sekolah adalah amat penting kerana ia boleh mempengaruhi keseluruhan budaya sekolah.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, guru seharusnya memastikan semua murid diberi peluang mengambil bahagian dan berkongsi sesuatu topik yang mereka tahu. Guru seharusnya menghargai kejayaan setiap murid, khususnya murid Kensi apabila mereka menunjukkan peningkatan pencapaian dalam pelajaran atau aktiviti pembelajaran. Guru seharusnya membina matlamat pembelajaran murid-murid, khususnya murid Kensi semasa merancang kurikulum pengajaran mereka.

Guru-guru juga seharusnya memahami kehendak murid dan mengadakan satu sistem untuk membantu murid berinteraksi dengan dunia realiti mereka. Guru hendaklah berjumpa dengan murid yang menghadapi masalah pembelajaran secara peribadi untuk membantunya. Ciri-ciri yang ada pada peribadi murid merupakan satu ciri semula jadi yang harus diambil kira oleh guru dalam pengajarannya. Hipotesis susunan semula jadi (natural order) dalam Krashen (1987) menyatakan bahawa struktur bahasa diperoleh seiring dengan susunan semula jadi. Struktur tertentu muncul lebih awal daripada struktur lainnya dalam pemerolehan bahasa. Susunan semula jadi terjadi pada peringkat kanak-kanak dan dewasa. Dengan cara ini murid akan merasa guru mengambil berat akan masalahnya dan akan mendorong murid mempunyai semangat untuk membantu diri sendiri.

Sekiranya guru mampu mengaplikasi kaedah mengajar bahasa Melayu dan menyesuaikannya dengan tahap pencapaian murid-murid di bawah bimbingannya akan dapat meningkatkan minat dan pencapaian murid. Guru harus maklum bahawa setiap murid mempunyai bakat, keistimewaan, kebolehan, kecekapan, dan pencapaian yang berbeza. Mempelbagaikan dan menyesuaikan kaedah mengajar dengan mengaitkan pembelajaran di sekolah dengan dunia sebenar murid-murid untuk merangsang minat belajar murid dan akan meningkatkan harga diri mereka. Sikap sebegini memainkan peranan yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa dalam kalangan murid-murid Kensiu.

Seperkara lagi, guru yang mengajar bahasa Melayu kepada murid-murid Kensiu sepatutnya tidak menggunakan bahasa dialek atau bahasa pasar dalam pengajaran. Penggunaan bahasa dialek atau bahasa pasar yang digunakan oleh guru dalam pengajaran akan menyukarkan murid Kensiu untuk memahami Bahasa Melayu. Peranan guru amat penting bagi meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan murid sekolah rendah. Murid-murid Kensiu sekolah rendah masih belum dapat menguasai kemahiran membaca dengan lancar. Bagi mengatasi permasalahan ini, guru boleh menggunakan pelbagai kaedah untuk meningkatkan kemahiran membaca.

Merapatkan Hubungan Guru-Murid

Kepercayaan guru-guru praperkhidmatan sebahagian besarnya dibentuk oleh pengalaman terdahulu di sekolah, dan tanggapan tentang pengajaran dan generasi pengetahuan guru juga adalah hasil suasana interaksi dalam konteks budaya mereka (Britzman, 1991; Joram & Gabriele, 1998; Wideen, Mayer-Smith, & Moon, (1998).

Bahaya yang dibawa oleh teori ini ialah bakal guru mengandaikan bahawa realiti

pengajaran dan pembelajaran hanya mereka yang telah didedahkan dan akan menjadi relaliti sebagai guru dan pentadbir (Kukari, 2004).

Guru memainkan peranan sebagai pembimbing dan pendorong kepada kejayaan atau kegagalan murid. Oleh itu, dalam pengajaran Bahasa Melayu, perlu lebih proaktif dengan mengadakan kelas tambahan yang intensif untuk murid Kensiu bagi membantu mereka menguasai bahasa Melayu memahami pembelajaran subjek-subjek lain supaya dapat mengelak mereka daripada jauh ketinggalan.

Kepentingan perkongsian sekolah dan masyarakat Kensiu perlu dilaksanakan. Wakil dan penyertaan daripada masyarakat Kensiu, dan sokongan ibu bapa bagi pendidikan anak-anak mereka adalah perlu dilaksanakan. Hubungan secara langsung dengan sekolah suatu yang penting kepada kejayaan peralihan anak-anak kepada sekolah dan hasil pendidikan. Melibatkan ibu bapa Kensiu memberi kuasa kepada mereka dan membuka jalan kepada peningkatan penglibatan ibu bapa. Pembangunan perkongsian yang telus, berdasarkan prinsip merentas budaya di antara sekolah dan masyarakat Kensiu, mengekalkan platform utama kepada khidmat sekolah yang produktif, merangsang dan menggalakkan terhadap murid-murid Kensiu.

Pegawai-pegawai sokongan masyarakat yang diletakkan dalam masyarakat menyediakan sokongan kepada murid dan keluarga mereka dalam menyediakan peralihan daripada suatu masyarakat pedalaman ke destinasi. Pegawai-pegawai sokongan peralihan menyediakan sokongan secara langsung kepada murid di lokasi destinasi. Sokongan membantu dalam mempertahankan kehadiran murid di sekolah destinasi. Sekolah dan guru seharusnya bekerjasama dengan masyarakat Kensiu

untuk memberikan sokongan kepada pendidikan anak-anak mereka melalui program-program yang mensasarkan keperluan khusus anak-anak dan keluarga Kensiu.

Guru besar dan guru-guru sebenarnya mengharapkan kehadiran masyarakat Kensiu untuk melengkapi budaya sekolah. Ini juga mempunyai implikasi penting ke atas ruang etika dan identiti murid. Penglibatan masyarakat Kensiu ke dalam budaya sekolah, pengajaran tradisional, dan adat istiadat akan memberi faedah kepada kedua-dua belah pihak, iaitu murid-murid Kensiu dan murid-murid kaum lain. Dengan mendedahkan murid-murid dan guru-guru kepada pelbagai tradisi Kensiu dapat menyedarkan mereka tentang populasi sekolah dalam memahami kepercayaan dan amalan kaum lain.

Guru perlu memainkan peranan yang lebih penting kerana guru menjadi tunjang bagi murid-murid di sekolah. Guru seharusnya membantu murid-murid Kensiu yang mempelajari dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam mempelajari dan menguasainya. Guru perlu menanamkan keyakinan murid-murid Kensiu tentang kepentingan menguasai bahasa Melayu sebagai satu bidang ilmu agar mereka boleh merasai kelebihan apabila menjadi seorang mahir membaca dan bertutur bahasa Melayu. Kejadian murid Kensiu kerap ponteng sekolah dapat dielakkan jika proses dan kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu menarik minat mereka untuk datang ke sekolah dan menimba ilmu.

Implikasi Kajian

Sekiranya kemahiran bahasa Melayu murid baik maka ini dapat membantu dan memudahkan murid untuk dapat memahami subjek-subjek lain dengan yang lebih baik. Begitu juga dengan sikap murid terhadap pelajaran khususnya mata pelajaran Bahasa Melayu. Sikap yang positif dapat membantu dan memotivasi murid untuk lebih tekun. Hubungan sikap dan minat menunjukkan terdapat hubung kaitnya. Seandainya sikap terhadap bahasa Melayu tinggi atau positif maka sikap terhadap mata pelajaran lain juga positif.

Terdapat beberapa implikasi yang dapat diterbitkan daripada input yang diperoleh daripada guru-guru, pegawai JHEOA, ibu bapa murid, dan lain-lain pihak kepada kerajaan, pihak pentadbiran sekolah, dan guru-guru yang mengajar murid-murid Orang Asli. Kita memerlukan suatu perancangan yang berasaskan ilmu pengetahuan bagi menghadapi segala bentuk cabaran dan halangan yang dihadapi oleh murid-murid Orang Asli. Perhatian yang serius terhadap perspektif masa hadapan Orang Asli sangat penting supaya suatu pembentukan semula kurikulum dapat dilakukan bagi tujuan menambah baik pendidikan Orang Asli. Perancangan seharusnya bergabung dengan input guru-guru tempatan, pihak pentadbir sekolah, begitu juga murid-murid sekolah, ibu bapa dan masyarakat.

Selain itu, kurikulum yang praktikal adalah diperlukan bagi murid-murid Kensiu. Kurikulum yang dibentuk mestilah berasaskan perancangan pembentukan semula kurikulum yang dinilai dari semasa ke semasa, input daripada Orang Asli, kaedah terbaik dalam pengajaran bahasa bagi kumpulan minoriti ini, juga perkara-perkara yang bersesuaian dan boleh diterima oleh penduduk di kawasan pedalaman ini. Input

dari guru-guru dari pelbagai konteks pengajaran juga penting untuk pembentukan semula kurikulum bagi murid-murid Orang Asli. Kurikulum tersebut mestilah disokong oleh bahan-bahan yang relevan dengan budaya dan linguistik yang memastikan pengetahuan Orang Asli diambil kira.

Kepada pembuat dasar, khususnya Kementerian Pelajaran Malaysia seharusnya memberikan perhatian yang sepenuhnya dalam menangani pembelajaran bahasa Melayu murid-murid Orang Asli. Sekiranya murid lemah dalam pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu maka murid bukan sahaja ketinggalan dalam bahasa Melayu semata-mata, tetapi juga dalam mata pelajaran lain kerana mata pelajaran lain juga diajarkan dalam bahasa Melayu.

Pihak kementerian seharusnya mengadakan kursus-kursus yang bersesuaian bagi para pendidik dan pihak pentadbiran sekolah agar pelaksanaan dasar ini berjalan dengan lancar tanpa membawa implikasi negatif. Penambahan masa dalam pengajaran bahasa Melayu bagi murid-murid Kensi diperlukan bagi meningkatkan penguasaan bahasa Melayu murid di samping mengkaji kandungan sukatan mata pelajaran sedia ada agar lebih menitikberatkan penggunaan bahasa Melayu dalam bilik darjah. Cummin (1996) berpendapat penguasaan aspek bahasa yang lebih teknikal dalam konteks akademik perlu mengambil masa yang lebih panjang. Kajian dan latihan yang berkaitan pembinaan item pengujian wajar diadakan dari semasa ke semasa, melibatkan guru bahasa Melayu demi memudahkan pemahaman murid.

Guru juga perlu disokong dengan peluang pembangunan profesional untuk menyediakan panduan secara berterusan dalam kaedah baru seperti penulisan

dwidialek dan prosesnya. Guru perlu diberikan peluang untuk mempelajari dan berkongsi perspektif masa hadapan penduduk Orang Asli dan diberi peluang menyuarakan ketidakpuasan hati serta mencadangkan jalan penyelesaian semasa konferen dan mesyuarat khas bahagian. Disebabkan guru adalah orang yang terbaik untuk mencadangkan perubahan, keputusan mesyuarat seharusnya disalurkan kepada pihak yang membuat kurikulum.

Akhirnya, ahli masyarakat, ibu bapa dan lain-lain pihak yang bertanggungjawab seharusnya terlibat dalam usaha-usaha ke arah penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu secara berterusan. Kebaikan usaha ini diharapkan dapat melahirkan masyarakat yang bersikap mengambil berat dan rela berkongsi, juga berpandangan bahawa pendidikan yang diperolehi oleh anak-anak adalah suatu pelaburan bagi bahasa, budaya dan negara masa hadapan.

Sumbangan Kajian

Kajian yang dijalankan ini menyumbang kepada bidang ilmu kerana kajian ini bertujuan melihat prinsip-prinsip yang terselindung dalam perolehan bahasa kedua oleh murid-murid Orang Asli Kensi. Melalui kajian ini penyelidik berhasrat mencari prinsip-prinsip yang mendasari pemerolehan bahasa kedua. Kajian ini juga melihat teori yang bersesuaian digunakan dalam kajian berdasarkan dapatan empirikal yang jitu.

Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori perolehan bahasa kedua oleh Krashen (1987) yang membezakan di antara pemerolehan dan pembelajaran bahasa. Beliau menyatakan bahawa pemerolehan ialah suatu proses separa sedar, manakala

pembelajaran berlaku pada peringkat sedar. Walaupun kedua-duanya memainkan peranan dalam membangunkan kemahiran bahasa kedua, pemerolehan adalah lebih penting kerana kemahiran berkembang melaluinya, bertanggungjawab untuk menjana bahasa dan kefasihan bahasa.

Kemahiran diperoleh melalui pembelajaran, atau model 'Monitor' (pemantau) Krashen hanya boleh mengubah suai bahasa yang dijana dengan memperoleh kemahiran bahasa. Murid yang mempelajari bahasa kedua boleh belajar peraturan-peraturan untuk memantau atau membetulkan bahasanya sama ada sebelum atau selepas penghasilan. Pemantauan berfungsi dan boleh dilaksanakan apabila masa mencukupi, apabila fokus adalah terhadap bentuk, dan apabila peraturan yang sesuai telah dipelajari.

Menurut Krashen (1987), mempelajari kemahiran dan memperoleh kemahiran berkembang dalam dua cara yang berbeza. Pendapatnya, pembelajaran muncul melalui pembelajaran formal tentang rumus, pola dan kelaziman, pembelajaran yang membolehkan seseorang bercakap dan secara sedar mengaplikasi pengetahuan yang diperoleh.

Pemerolehan bahasa berkembang secara eksklusif, iaitu melalui input komprehensif. Maka itu, murid-murid yang mempelajari bahasa kedua memperoleh kemahiran bahasa melalui pendedahan kepada bahasa yang difahami dan bermakna bagi mereka. Inilah yang berlaku kepada murid-murid Kensiu yang belajar memperoleh bahasa kedua, iaitu Bahasa Melayu melalui pemahaman dan yang bermakna bagi mereka.

Disebabkan teori Krashen menunjukkan bahawa memperoleh kemahiran lebih mudah dicapai dan boleh dipercayai, guru-guru sepatutnya membantu murid mengeksploitasi kemahiran pemerolehan mereka dengan apa cara sekalipun. Melalui model 'Monitor', Krashen mencadangkan supaya guru mengemukakan peraturan-peraturan yang mudah diaplikasikan dalam pengajaran, yang seboleh-bolehnya mengurangkan aktiviti mental untuk mendapatkan semula dan menggunakannya.

Cadangan Kajian Akan Datang

Kajian ini hanya melihat kajian kes berhubung dengan masalah pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid-murid Orang Asli Kensiu di sebuah sekolah rendah yang terletak di daerah Baling, Kedah Darulaman. Kajian juga melihat faktor-faktor yang menyebabkan masalah dalam pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu murid-murid Kensiu.

Kajian ini tidak melihat atau memfokus kepada aspek-aspek lain. Kajian yang boleh dicadangkan pada masa hadapan yang berkaitan dengan murid-murid Kensiu ialah kajian tentang tahap kemahiran dan keberkesanan guru yang mengajar bahasa Melayu terhadap murid-murid Kensiu. Kajian juga boleh dilakukan terhadap tahap penguasaan perbendaharaan kata murid-murid Kensiu dalam pembelajaran bahasa Melayu. Selain itu kajian juga boleh dijalankan tentang keberkesanan kaedah bercerita dan menyanyi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada murid-murid Kensiu pada peringkat sekolah rendah.

Selain daripada melihat pencapaian akademik, kajian juga boleh difokuskan kepada subjek bukan akademik seperti pendidikan jasmani, pendidikan kesihatan dan

kemahiran hidup. Aspek yang boleh dikaji dalam subjek-subjek ini ialah tentang sikap dan minat mereka dalam menjalankan aktiviti-aktiviti amali di samping melihat pencapaian mereka dalam bidang tersebut.

Penutup

Berdasarkan temu bual dan pemerhatian, dapat disimpulkan bahawa murid-murid Kensiu menghadapi masalah dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Kensiu adalah sangat lemah. Berdasarkan temu bual yang dilakukan ke atas beberapa pihak yang terlibat dengan murid-murid Kensiu seperti PKHEM, guru-guru sekolah, ibu bapa murid dan pengawai JHEOA telah dapat dikenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan timbulnya masalah tersebut. Faktor-faktor tersebut ialah pengaruh bahasa ibunda, sikap murid, identiti diri, sikap ibu bapa, perbezaan budaya, status ekonomi keluarga, masalah dalam pembelajaran murid, masalah dalam pengajaran dan hubungan guru-murid.

Pada hakikatnya, masyarakat dan murid Kensiu perlu mengubah sikap dan pemikiran negatif terhadap pendidikan kepada yang lebih positif, bersungguh-sungguh dan menerapkan sikap mahu berdaya saing, juga memiliki jati diri yang tinggi dalam diri. Bagi meningkatkan tahap pendidikan murid Kensiu, penguasaan bahasa Melayu, asas dalam pendidikan di negara ini mesti diperkukuh terlebih dahulu untuk membolehkan mereka memperoleh pencapaian yang tinggi dalam lain-lain mata pelajaran. Memperkukuh penguasaan kemahiran dalam pendidikan murid-murid Kensiu dan anak-anak Orang Asli secara keseluruhannya adalah menjadi agenda utama bagi semua pihak yang terlibat.

Masyarakat Kensiu yang tinggal di negara ini yang mengalami pembangunan pesat, memerlukan insentif untuk meningkatkan taraf hidup mereka untuk membolehkan mereka berdaya saing dengan bangsa-bangsa lain. Latihan kemahiran dan taraf pendidikan mereka perlu dipertingkat meskipun usaha ini mengambil masa yang lama. Kerajaan telah mewajibkan kanak-kanak yang mencapai usia enam tahun bersekolah, dan kanak-kanak Kensiu juga tidak terkecuali. Dengan itu murid-murid Kensiu memasuki sistem persekolahan dengan bahasa ibunda mereka sebagai bahasa pertama dan mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Sebelum dapat mencapai tahap pendidikan yang baik, murid-murid Kensiu perlu menguasai bahasa Melayu terlebih dahulu.

Rujukan

- Abdull Sukor Shaari, Nuraini Yusoff, Mohd Izam Ghazali, & Mohd Hasani Dali. (2011). Kanak-kanak minoriti Orang Asli di Malaysia: Menggapai literasi bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2), 59-70.
- Ab. Razak Ab. Karim, & Muhammad Saiful Haq Bin Hussin. (2011). Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Pelajar di Islamic Sant/Tham Foundation School (ISFS). *Jurnal Pengajian Melayu*, 22(1), 22-27.
- Abdullah Musa. (2004). *Sikap dan motivasi pelajar Dusun terhadap pembelajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua* (Kertas Projek Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Aikens, N. L., & Barbarin, O. A. (2008). Socioeconomic differences in reading trajectories: The contribution of family, neighborhood, and school contexts. *Journal of Educational Psychology*, 100(2), 235 - 251.
- Andersen, H., Lund, K., & Risager, K. (2006). *Culture in language learning*. California: Aarhus University Press.
- Awang Sariyan. (1985). *Dari kata ke ideologi*. Petaling Jaya, Selangor: Fajar Bakti.
- Ball, J. (2005). *Talking points: Exploring needs and concepts for Aboriginal early childhood language facilitation and supports*. Ottawa: Public Health Agency of Canada.
- Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: The exercise of control*. New York: W. H. Freeman & Company.
- Barletta, N. (2009). Intercultural competence: Another challenge. *PROFILE Issues in Teachers' Professional Development*, 11, 143-158.
- Bastidas, J. A. (2006). A framework to understanding motivation in the TESOL field. *PROFILE Issues in Teachers' Professional Development*, 7, 147-160.
- Battiste, M., & Henderson, J. Y. (2000). *Protecting indigenous knowledge and heritage: A global challenge*. Diperoleh daripada <http://www.winhec.org/docs/pdfs/FrankDeer.pdf>
- Benjamin, R., Pecos, R., & Romero, M. E. (1997). Language revitalization efforts in the Pueblo de Cochiti: Becoming "literate" in an oral society. Dalam N. H. Hornberger (Ed.), *Indigenous literacies in the Americas: Language planning from the bottom up*. Berlin/New York: Mouton de Gruyter.

- Berk, L., & Winsler, A. (1995). *Scaffolding children's learning: Vygotsky and early childhood education*. Washington, DC: National Association for the Education of Young Children. (ERIC Document No. ED384443)
- Bialystok, E., & Hakuta, K. (1994). *In other words*. New York: Basic Books.
- Biancarosa, C. & Snow, C. E. (2006). *reading next: A vision for action and research in middle and high school literacy: A report to Carnegie Corporation of New York*. (ed. Kedula). Washington, D.C.: Alliance for Excellent Education.
- Black, P., & Wiliam, D. (1998). Inside the black box: Raising standards through classroom assessment. *Phi Delta Kappan*, 80, 139–48.
- Bogdan, R., & Biklen, S. K. (1992). *Qualitative research in education: An introduction to theory and methods*. Needham Heights: Allyn & Bacon.
- Bowd, A. (2004). *Otitis media: Its health, social and educational consequences, especially for Canadian Inuit, Métis and First Nations children and adolescents*. Thunder Bay, ON.: Centre of Excellence for Children and Adolescents with Special Needs, Lakehead University.
- Bradley, C. (1984). Issues in mathematics education for native Americans and directions for research [electronic version]. *Journal for Research in Mathematics Education*, 15(2), 96-106.
- Britzman, D. (1991). *Practice makes practice: A critical study of learning to teach*. Albany, NY: SUNY Press.
- Brown, D. C. (1996). Why ask why: Patterns and themes of causal attribution in the workplace. *Journal of Industrial Teacher Education*, 33(4), 47-65.
- Burgess, R. G. (1985). Case study and curriculum research: Some ethical issues for teachers. Dlm R. G. Burgess, R.G (Ed.), *Issues in educational research: Qualitative methods*. London: Palmer Press.
- Burridge, N. (1999). Reconciliation: Bringing the nation together. Dalam Craven, R. (Ed.), *Teaching indigenous studies*. St. Leonards: Allen & Unwin.
- Cole, M., & Means, B. (1981). *Comparative studies of how people think: An introduction*. Harvard: Havard University Press.
- Cole, M., Gay, J., Glick, J. & Sharp, D. (1971). *The cultural context of learning and thinking*. New York: Basic Books.
- Cook, V. (1993). *Linguistics and second language acquisition*. New York: St. Martin's Press.

- Cresswell, J. W. (2008). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*, (3rd ed.) USA: Pearson Merrill Prentice Hall.
- Crocker, R. C. (2002). *Learning outcomes: A critical review of the state of the field in Canada*. (Submitted to the Canadian Education Statistics Council). Diperoleh daripada <http://www.cmec.ca/stats/pcera/indexe.asp>
- Cummins, J. (1981). The role of primary language development in promoting educational success for language minority students. Dlm. *Schooling and language minority students: A theoretical framework* (16-62). Sacramento, CA: California Department of Education. (ERIC Document Reproduction Service No. 249 773)
- Cummins, J. (1986). Empowering minority students: A framework for intervention. *Harvard Educational Review*, 56, 18-36.
- Deer, F. (2006). Research perspectives in Indigenous education: The legitimacy of Indigenous knowledge. *World Indigenous Nations Higher Education Consortium Journal*. Diperoleh daripada <http://www.win-hec.org/docs/pdfs/FrankDeer.pdf>
- Demmert, W. G., Grissmer, D., & Towner, J. (2006). A review and analysis of the research on Native American students. *Journal of American Indian Education*, 45(3), 5-23.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. (1994). Introduction: Entering the field of qualitative research, dlm. N. Denzin, & Y. Lincoln (Eds.). *Handbook of qualitative research*. Thousand Oaks, CA: Sage, 1-17.
- Dole, J. A., Duffy, G. G., Roehler, L. R., & Pearson, P. D. (1991). Moving from the old to the new: Research on reading comprehension instruction. *Review of Educational Research*, 61, 239-64. Diperoleh daripada http://www.education_policy_and_progress_4_18
- Dunn, R., & Dunn, K. (1978). *Teaching students through their individual learning styles*. Reston, VA: Reston.
- Durkin, D. (1966). *Children who read early*. New York: Teachers College Press.
- Eckermann, A. K. (1998). The economics of aboriginal education, *International Journal of Social Economics*, 25(2/3/4), 302-313. Diperoleh daripada <http://www.emeraldinsight.com/journals.htm?articleid=847443>
- Evans, J. J., Floyd, R. G., McGrew K. S., & Leforgee, M. H. (2001). The relations between measures of Cattell-Horn-Carroll (CHC) cognitive abilities and reading achievement during childhood and adolescence. *School Psychology Review*, 2001, 31(2), 246-262.

- Feestra, H. (1969). Parent and teacher attitudes: Their role in second language acquisition. *Canadian Modern Language Review*, 26, 5–13.
- Fishman, J. A. (1996). What do you lose when you lose your language? Dlm. G. Cantoni (Ed.), *Stabilizing indigenous languages* (hlm. 80-91). Flagstaff, AZ: Northern Arizona University.
- Fourcin, A. (1975). Language development in the absence of expressive speech. Dlm. E. Lenneberg & E. Lenneberg. *Foundations of language development* (hlm. 263-268). New York: Academic Press.
- Fuchs, L.S., Fuchs, D., Hamlett, C.L., Phillips, N.B., and Bentz, J. (1994). Class-wide curriculum-based measurement: Helping general educators meet the challenge of student diversity. *Exceptional Children*, 60, 518–537.
- Gagel, C. (1997). Literacy and technology: reflections and insights for technological literacy. *Journal of Industrial Teacher Education*, 34(3), 6-34.
- Garcia, E. (1994). *Understanding and meeting the challenge of student cultural diversity*. Boston: Houghton Mifflin.
- Gardner, R. (1968). Attitudes and Motivation: Their role in second-language learning. *TESOL Quarterly*, 2 (3), 141–150.
- Gardner, R. & Lambert, W. (1972). *Attitudes and Motivation in Second-Language Learning*. Rowley, MA: Newbury House
- Gardner, R. (1975). Attitudes and Motivation: their role in second language acquisition. Oller, J. W. & Richards, J. C. (Eds.). *Focus on the learner: pragmatic perspectives for the language teacher* (Rowley, MA, Newbury House)
- Gay, G. (1988). Designing relevant curricula for diverse learners. *Education and Urban Society*, 20(4), 327-40.
- Ghazali Ismail, Mazlan Zaharuddin Mat Arof, & Mohamad Hanifah Moideen. (2012). *Teknik Drama Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Tinjauan Terhadap Sikap Dan Minat Murid Orang Asli Di Sekitar Negeri Pahang*. Diperoleh daripada http://jpmipgmtaa.webs.com/Penulisan/Microsoft%20Word%20-%20Kajian_TeknikDrama_OrangAsli.pdf
- Grasha, A. F. (1996). *Teaching with styles: A practical guide to enhance learning by understanding learning and teaching styles*. New York: Alliance Publisher.
- Gregorc, C. (1986). *An adult's guide to style*. Maryland: Gabriel Systems Inc.
- Gregory, I. (2003). *Ethics in Research*. London: Continuum.
- Hakuta, K. (1984). *Mirror of language: The debate on bilingualism*. New York: Basic Books.

- Hamdan Sheikh Tahir. (1975). *Pendidikan: Hari ini untuk hari esok*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hansen, R. E. (1995). Teacher socialization in technological education. *Journal of Technology Education*, 6(2), 34-45.
- Hargreaves, D. H. (1996). *Teaching as a research based profession: possibilities and prospects*. London, Teacher Training Agency.
- Henderson, A.T., & Berla, N. (Eds.). (1994). *A new generation of evidence: The family is critical to student achievement*. Washington, DC: National Committee for Citizens in Education.
- Hinton, L. (1994). *Flutes of fire: Essays on California Indian languages*. Berkeley, CA: Heyday Books.
- Hoepfl, M. C. (1997). Choosing qualitative research: A primer for technology education researchers. *Journal of Technology Education*, 9(1), 47-63. Diperoleh daripada <http://scholar.lib.vt.edu/ejournals/JTE/v9n1/pdf/hoepfl.pdf>
- Irvine, S. H. dan Berry, J. W. (1988). *Human Abilities in Cultural Context*. Cambridge University Press
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (2004). *Latar Ringkas Tentang Orang Asli*. Diperoleh daripada <http://melayuonline.com/ind/article/read/558>
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (2008). *Negrito*. Diperoleh daripada <http://damak.jheoa.gov.my/index.php?mid=1&vid=3>
- Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. (2009). *Program Pembangunan Ekonomi*. Diperoleh daripada http://www.jakoa.gov.my/web/guest/pembangunan_ekonomi
- Jabatan Penerangan Malaysia. (t.t.) *Perspektif Wawasan 2020*. Diperoleh daripada <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/255-perspektif-wawasan-2020.html>
- Jabatan Penerangan Malaysia. (2008). *Dasar Pendidikan Negara*. Diperoleh daripada <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumatkenegaraan/242-dasar-pendidikan-kebangsaan.htm>
- Jabatan Pengajian Melayu. (2008). IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan, Pahang. Kertas makluman penubuhan pusat kecemerlangan pendidikan peribumi kebangsaan. Diperoleh daripada http://jpmipgmtaa.webs.com/Mata_Pelajaran/PKMOA.pdf
- Jacob, E. & Jordan, C. (1987). Moving to dialogue. *Anthropology and Education Quarterly*, 18(1), 259-261.

- Jerie Anak Peter Langan & Zamri Mahamod. (2011). Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 13-25.
- Johari Talib, & Nazri Muslim. (2003). Bagaimana kanak-kanak Orang Asli gagal di sekolah? *Jurnal Pengajian Umum*, 8, 76. Diperoleh daripada <http://journalarticle.ukm.my/1142/1/1.pdf>
- Joram, E., & Gabriele, A. J. (1998). Pre-service teachers' prior beliefs: Transforming obstacles into opportunities. *Teaching and Teacher Education*, 14(2), 175-191.
- Kamarudin Hj. Husin. (1998). *Penguasaan Kemahiran Membaca: Kaedah dan Teknik Membaca*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Kamus Dewan (Edisi Ketiga). (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kanu, Y. (2002). In their own voices: First Nations students identify some cultural mediators of their learning in the formal school system. *Alberta Journal of Educational Research*, 48(2), 98-125.
- Kaum Negrito. (2010). Diperoleh daripada <http://www.scribd.com/doc/25366409/Kaum-Negrito>
- Keeffe, K. (1992). *From the centre to the city: Aboriginal education, culture and power*. Canberra, Australia: Aboriginal Studies Press.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Cerita rakyat etnik di dalam kurikulum sekolah*. Diperoleh daripada <http://www.moe.gov.my/?id=213>
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Diperoleh daripada <http://lensahati.wordpress.com/2008/03/25/dasar-pendidikan-kebangsaan>
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2011). *Dasar Sosial Negar: Kluster Pembangunan Sosial dan Kesejahteraan*. Diperoleh daripada http://kpsk.utem.edu.my/index.php?option=com_content&view=article&id=57&Itemid=80&lang=ms
- Kensiu. (2009). Diperolehi daripada <http://www.asiaharvest.org/pages/profiles/nonChina/Thailand/Kensiu.pdf>
- Kirkness, V. J. (1999). Aboriginal Education in Canada: A Retrospective and a Prospective. *Journal of American Indian Education*, 39(1). Diperoleh daripada <http://jaie.asu.edu/v39/V39I1A2.pdf>
- Krashen, S.D. (1987). *Principles and Practice in Second Language Acquisition*. Prentice-Hall International.

- Kukari, A. J. (2004). Cultural and religious experiences: Do they define teaching and learning for pre-service teachers prior to teacher education? *Asia-Pacific Journal of Teacher Education*, 32(2), 95-110.
- Ladegaard, H. (2000). Language attitudes and sociolinguistic behavior: Exploring attitude-behavior relations in language. *Journal of Sociolinguistics*, 4(2), 214-233.
- Laine, M. D. (2000). *Fieldwork, Participation and Practice: Ethics and dilemmas in qualitative research*. London: Thousand Oaks, California: Sage.
- Lambert, W., & Klineberg, O. (1967). *Children's views of foreign peoples: A cross-cultural study*. New York: Appleton-Century-Crafts
- Lincoln, Y.S., & Guba, E. G. (1985). *Naturalistic inquiry*. Beverly Hills, CA: Sage Publications, Inc.
- Lindfors, J.W. (1991). *Children's language and learning* (2nd ed.). Boston: Allyn and Bacon.
- Lipka, O., & Siegel, L. S. (2007). The development of reading skills in children with English as a second language. *Scientific Studies of Reading*, 11, 105–131
- Lofland, J., & Lofland, L.H. (1984). *Analyzing social settings*. Belmont, CA: Wadsworth Publishing Company, Inc.
- Maaneen, J. V. (1983). *Qualitative Methodology*. Beverly Hill, California: Sage Publication.
- Malaysia Kita. (1991). *Panduan dan Rujukan untuk Peperiksaan Am Kerajaan*. Kuala Lumpur: International Law Book Service.
- Malin, M., & Crcath. (2003). *Is schooling good for Aboriginal children's health?* Casuarina, Northern Territory, Australia: The Cooperative Research Centre for Aboriginal and Tropical Health.
- Marohaini Yusoff. (2001). *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- McLaughlin, B. (1984). *Second language acquisition in childhood: Vol. 1. Preschool children (2nd ed.)*. Hillsdale, NJ: Erlbaum. (ERIC Document No. ED154604)
- Miles, M.B., & Huberman, M.A., (1994). *Qualitative Data Analysis: A Sourcebook of New Methods*. Baverly Hills: Sage Publication.

- Mohd. Syahril Rosdi Ahmad Zahudi. (2010). *Perkim PAUIAPJ berbakti di Legong, Baling Kedah*. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia. Diperoleh daripada <http://www.perkim.net.my/content.cfm?ID=C224BDF7-D9DD-C6BC-2C720DE6DD9AB0E9>
- Morgan, P.L., Farkas, G., Hillemeier, M.M., & Maczuga, S. (2009). Risk factors for learning-related behavior problems at 24 months of age: Population-based estimates. *Journal of Abnormal Child Psychology*, 37, 401-413.
- Nazri Abu Bakar, Muhammad Salaebing, Shamsinah Salleh, Norizillah Mohd. Rodzes & Fatahiyah Mohd. Ishak. (2012). *Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran Bahasa*. Diperoleh daripada <http://compapplicationinlangandlit.wikispaces.com/file/view/Penggunaan%2520Komputer%2520dlm%2520pengajaran%2520bahasa.pdf>
- Nettleton, S. (2008). *Menggunakan cerita rakyat bagi memperkayakan dan menggalakkan pendidikan untuk anak-anak Orang Asli di Malaysia*. Diperoleh daripada http://www.unicef.org/malaysia/msl/reallives_8811.html
- Newmark, L. (1966). How Not to Interfere with Language Learning. *Language Learning: The Individual and the Process*. *International Journal of American Linguistics*, 40, 77-83.
- Nicholas, C. & Baer, A. (2007). *Health care for the orang asli: Consequences of Paternalism and Colonialism*. Diperoleh daripada http://www.coac.org.my/codenavia/portals/coacv2/code/main/main_art.php?parentID=11400226426398&artID=11543326156596.
- Nondo, S. J. (1996). *The main problems faced by students whose mother tongue are other Zimbabwean African languages in learning Ndebele*. University of Zimbabwe.
- O'Sullivan, J., and Goosney, J. (2007). *Get ready, get set, get going: Learning to read in northern Canada*. Thunder Bay, ON: Centre of Excellence for Children and Adolescents with Special Needs.
- O'Sullivan, J. (2009). *The golden ticket: Making early learning work for children in Ontario*. Invited address to the Ontario Public School Boards Association, Public Education Symposium. Toronto, ON.
- Oliver, P. (2003). *The Student's Guide to Research Ethics*. Maidenhead: Open University Press.
- Oliver, P. (2011). *Teacher awareness and Understandings about aboriginal English in western Australia*. Diperoleh daripada <http://www.nla.gov.au/openpublish/index.php/aral/article/viewFile/2117/2510>
- Oskamp, S. (1977). *Attitudes and opinions*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.

- Partington, G., & Gray, J. (2003). Classroom management and Aboriginal students. In Q. Beresfor, & G. Partington (Eds), *Reform and resistance in Aboriginal education: The Australian experience*, 164-184. Perth: University of Western Australia Press.
- Patton, M.Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods* (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.
- Paya Linda Yahya. (2011, 5 Januari). Pendidikan Orang Asli diberi perhatian: JHEOA Gua Musang sedia peruntukan RM200,000. *Berita Harian*, 5.
- Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah. (2009). *Masyarakat Orang Asli Kensiu di Baling*. Diperoleh daripada http://www.memori-kedah.com/page_pengenalan.php?p=2&idstopic=17&idskandungan=59&id=326&mtopic=1
- Perreault, S. (2009). The incarceration of Aboriginal people in adult correctional services. *Juristat Component of Statistics Canada*, 29(3), 1-27. Diperoleh daripada <http://www.statcan.gc.ca/pub/85-002-x/2009003/article/10903-eng.pdf>
- Phinney, J. (1989). Stages of ethnic identity development in minority group adolescents. *Journal of Early Adolescence*, 9(1-2), 34-49.
- Portal Permata Orang Asli. (2009). *Adat dan Budaya Orang Asli*. Diperoleh daripada <http://adatbudayapermata.com>
- Pressley, M. (2002). *Reading instruction that works: The case for balanced teaching*, (2nd ed.). New York: Guilford.
- Puranee a/p Gobal @ Gopal. (2012). *Extensive Reading and its effectiveness on reading comprehension skills of year 5 students of SK Taman Bukit Tiram*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Pusat Kegiatan Guru Baling. (2010). Diperoleh daripada <http://btpnkedah.moe.edu.my>
- Ramp, W., & Smith, K. (2004). What is an educated person? Definitions of and motivations for educational achievement among members of the Pii'kani nation. *The Canadian Journal of Native Studies*, 1, 65-89.
- Reynolds, J., & Skilbeck, M. (1976). *Culture and the classroom*. London: Open Book.
- Rivers, W. M. (1964). *The psychologist and the foreign language teacher*. Chicago: University of Chicago Press.
- Robinson-Zanartu, C. (1996). Serving Native-American children and families: considering cultural variables [electronic version]. *Language, Speech, and Hearing Services in Schools*, 27, 373-384.

- Rodriguez, R. (1981). *Hunger of Memory*. New York: Godine.
- Royal Commission on Aboriginal Peoples. (1996). *Aboriginal Classrooms* 97. Diperoleh daripada <http://www.ainc-inac.gc.ca/ap/pubs/sg/sg-eng.asp>
- Sachdev, I. (1995). Language and identity: Ethnolinguistic vitality of Aboriginal Peoples in Canada. *London Journal of Canadian Studies*, 11: 16–29.
- Santoro, N. (2008). ‘Outsiders’ and ‘others’: ‘different’ teachers teaching in culturally diverse classrooms, *Teachers and teaching : theory and practice*, 13, (1), 81-97.
- Scarcella, R., & Oxford, R. (1992). *The tapestry of language learning: The individual in the communicative classroom*. Boston: Heinle & Heinle.
- Schatzman, L., & Strauss, A. L. (1973). *Field research*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall, Inc.
- Schunk, D. H., Pintrich, P. R., & Meece, J. (2008). *Motivation in education: Theory, research, and applications*(2nd ed.). Upper Saddle River, NJ: Merrill.
- Seliger, H. (1977). Does practice make perfect? A study of interaction patterns and second language competence. *Language Learning*, 27(2), 263-278.
- Seton, E., & Seton, J.M. (1977). *The gospel of the redman*. Winnipeg, MB: Mary Scorer Books. Diperoleh daripada <http://jaie.asu.edu/v39/V39I1A2.pdf>
- Shatz, M., & Gelman, R. (1973). The development of communication skills: Modification in the speech of young children as a function of listener. *Monographs of the Society for Research in Child Development*, 38(5), 1-37. (ERIC Journal No. EJ088199)
- Sieber, J. (1993). The ethics and politics of sensitive research. Dlm. Renzetti, C., & Lee, R.M. (eds.), *Researching sensitive topics*. London: Sage.
- Siegel, L.S. (2007). Phonological processing deficits as the basis of a reading disability. *Developmental Review*, 13, 246–257.
- Siggner, J., & Costa, R. (2005). Aboriginals in Canada’s urban area narrowing the education gap. *Statistics Canada*.
- Silverman, D. (1993). *Interpreting qualitative data: Methods for analysing talk, text and interaction*. Sage: London.
- Snow, C., Barnes, W., Chandler, J., Goodman, J., & Hemphill, L. (1991). *Unfulfilled expectations: Home and school influences on literacy*. Cambridge, MA: Harvard University Press.

- Snow, C. E., Burns, S., & Griffin, P. (1998). *Preventing reading difficulties in young children*. Washington, DC: National Academy Press.
- Strauss, A., & Corbin, J. (1990). *Basics of qualitative research: Grounded theory procedures and techniques*. Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.
- Steinhauer, E. (2002). Thoughts on an indigenous research methodology. *Canadian Journal of Native Education*, 26 (2), 69-81.
- Sternberg, R. J. (1997). *Thinking Styles*. Cambridge: CUP.
- Suthanthiradevi A/P J.N.J. Money. (1996). Pengaruh Bahasa Ibunda dalam Proses Pembelajaran Bahasa Melayu Murid-Murid India. *Tesis Sarjana*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Tabors, P. (1997). *One child, two languages*. Baltimore, MD: Paul H. Brookes. (ERIC Document No. ED405987).
- Tajul Ariffin Noordin. (1990). *Pendidikan: suatu pemikiran semula*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tarigan, H. G. (1994). *Membaca Sebagai Suatu Keterampilan Berbahasa*. Bandung: Angkasa.
- Tsou. (2010). Taiwan aboriginal achievement gap policy. *The Journal of Human Resource and Adult Learning*, 6(1), 63-67.
- Tymchuk, A. J. (1992). In Stanley, B., & Sieber, J. E. (eds). (1992). *Special research on children and adolescents: Ethical issues*. London: Sage Publications Inc.
- Vijayaletchumy Subramaniam, Che Ibrahim Salleh, & Yong Chyn Chye. (2013). Lexical analysis of malay language orthographic errors in the writing of foreign students. *Indian Journal Of Applied Research*, 3(5), 249-555.
- Wang, J. & Odell, S. J. (2002). 'Mentored learning to teach according to standards-based reform: A critical review. *Review of Educational Research*, 72(99), 481-546.
- Weber-Pillwax, C. (2001) "What is indigenous research?" *Canadian Journal of Native Education* 25(2), 66 – 174.
- Wideen, M., Mayer-Smith, J., & Moon, B. (1998). A critical examination of research on learning-to-teach. Paper presented at the *Annual Meeting of the American Educational Research Association*. Chicago, IL.
- Yin, R. K. (2003). *Case study research: design and methods*, (3rd ed.). Newbury Park: Sage Publications.

Zakaria Khalid, & Ariff Fadillah Khalil. (2011). *Aktiviti nyanyian lagu-lagu tarian sewang dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa melayu di sekolah orang asli*. Diperoleh daripada http://jpmipgmtaa.webs.com/Penulisan/KAJIAN%20SEWANG%20%20ZKD_AFK.pdf